
MENGAJAR UNTUK TRANSFORMASI

(Cikgu Yesus, saya mahu menjadi guru)

**Buku Pendidikan Kristian
Evelyn Tan Hwee Yong
(Upstream Publishing)**

Mengajar Untuk Transformasi
hakcipta @2013 oleh Tan Hwee Yong
edisi kedua

Hakcipta terpelihara. Mana-Mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Upstream Publishing.

Ayat-ayat Alkitab dikutip diambil daripada Alkitab yang diterbitkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia 2010, dan ejaan diubahsuai dengan Bahasa Malaysia. Hakcipta dilindungi undang-undang.

Diterbitkan oleh
Upstream Publishing
C703 Block C
Perdana Exclusive Condo
PJU 8/1
Damansara Perdana
47820
Petaling Jaya

ISBN: 978-967-11065-9-4

Dicetakkan oleh
Jess Concept
No. 20-O-8, Jalan 2/10BC
Taman Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur

Facebook: Tan Hwee Yong
Facebook: Upstream

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	V
PRAKATA	Vii
BAB 1 Khazanah Kita	1
BAB 2 Falsafah Dan Visi Pendidikan	12
BAB 3 Sejarah Singkat Pendidikan Kristian	21
BAB 4 Saya Cikgu Sejatikah?	42
BAB 5 Maha Guru, Jadi Guru Saya!	50
BAB 6 Bersiap Untuk Berjaya	63
BAB 7 Menelusuri Jalan Kreatif	79
BAB 8 Teori Perkembangan Manusia	93
BAB 9 Teori-Teori Pembelajaran Dan Pengajaran	105
BAB 10 Kaedah Pengajaran	121
BAB 11 Panah-Panah Untuk Mengajar	139
BAB 12 Kaedah Pengajian Alkitab	149
BAB 13 Aku Ada Gaya, Kamu Ada Gaya	156
BAB 14 Pada Zaman Dahulu	167
BAB 15 Disiplin Dan Motivasi Dalam Kelas	184
BAB 16 Kanak-Kanak Tidak Boleh Menunggu	193
BAB 17 Mengajar Menurut Umur	211
BAB 18 ide-ide Kreatif Untuk Sekolah Minggu	240
BAB 19 Pembentukan Kerohanian Kanak-Kanak	252
BAB 20 Pembentukan Kerohanian Dalam Keluarga	264
BAB 21 Mengajar Kanak-Kanak Beribadat Dan Berdoa	274
BAB 22 irama Dan Rentak Buaian	295
BAB 23 Mengajar Orang Dewasa	309
BAB 24 Adakah Saya Berperang Dengan Mati-Matian?	323
BAB 25 Canangkan Transformasi Alkitabiah!	330
BIBLIOGRAFI	339

PENGHARGAAN

Segala puji syukur kepada Tuhan Yesus, Maha Guru saya yang telah mengajar saya banyak pelajaran manis melalui firman-Nya. Ajaran-Nya penuh perumpamaan, metafora, syair dan cerita-cerita kreatif yang telah menjadi jaran dan madu buat jiwa saya selama ini. Terima kasih juga kepada Roh Kudus yang mencerahkan saya untuk memahami kebenaran firman Tuhan. “Tetapi Penghibur, yaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu” (Yohanes 14:26).

Saya ingin mendedikasi buku Pendidikan Kristian ini kepada mahasiswa BCM yang banyak memberi ilham untuk menulis buku ini. Kenangan indah bersama guru-guru saya tak pernah lekang daripada mindaku. Untuk ini, saya sangat berhutang budi kepada semua guru saya, dan ibu bapa saya, Teo Hong Huang dan Tan Jwee Lian yang mendidik saya bak menatang minyak yang penuh.

Buku ini dituliskan berdasarkan keyakinan bahawa firman Tuhan dan pengajarannya merupakan intisari mendatangkan transformasi hidup dan pendewasaan tubuh Kristus. Teori-teori pendidikan boleh menolong kita memahami pelajar-pelajar kita dengan lebih mendalam, meneliti proses pengajaran dan pembelajaran, serta memilih kaedah yang terbaik.

PRAKATA

.....

“Transformasi! transformasi! ubah! ubah! dicanangkan setiap pelosok Malaysia dengan penuh pengharapan agar impian akan bersayap bagai fajar baru bagi mematahkan kebelengguan masyarakat kita.

Buku Mengajar Untuk Transformasi berani mencanang gong keyakinan bahawa hanya Pendidikan Kristian dapat membawa transformasi sehingga suatu pertumbuhan murni nyata dalam setiap insan yang kita ajari. Masa depan keturunan kita bergantung pada pendidikan Kristian mantap. Hanya Sang Pencipta dan firman-Nya dalam Alkitab berkuasa mengubah fikiran, perasaan dan kehidupan kita. Beribuan badai bergelora di permukaan bumi ini, bagai pokok-pokok tertumbang, demikian juga anak Tuhan kerana akar-akar kita dangkal dan tidak tertanjap pada firman Tuhan. Burung-burung juga tangkas meragut benih-benih dan duri-duri dunia segera mencekik kalau ajaran firman Tuhan tidak diajari dengan baik.

Sudah lazim, perkataan ‘mengajar’ menimbulkan pelbagai kenangan. Bagi guru-guru tertentu, kenangan indah bersama murid-murid mewarni pengalaman mengajar mereka. Bagi yang lain, mengajar bagai menerokai cakrawala baru namun mereka tidak beranjak daripada cabarannya kerana Amanat Agung setia dituruti mereka. “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai akhir zaman” (Matius 28:19-20).

Buku ini bertujuan menolong guru-guru dan ibu bapa memahami dengan lebih mendalam tentang ertinya Pendidikan Kristian. Pelbagai prinsip Pendidikan Kristian, teori perkembangan manusia, teori pengajaran dan pembelajaran, kaedah mengajar, gaya belajar, ide-ide kreatif, pembentukan kerohanian anak, cara mengajar anak berdoa

dan beribadat, kaedah pengajian Alkitab bahkan sejarah singkat pendidikan Kristian dimuatkan dalam buku ini.

Eleanor Daniel, seorang pakar pendidikan Kristian menitikberatkan perubahan dan pertumbuhan melalui Pendidikan Kristian:

“Tujuan pengajaran Alkitab adalah untuk mendatangkan perubahan dalam kehidupan pelajar sehingga mencapai kedewasaan dalam Kristus—suatu tugas yang berlansung terus menerus sehayat mereka. Kedewasaan ini dicapai kalau seseorang memahami firman Tuhan dan menerapkannya: menghasilkan buah, bertumbuh dalam pengetahuan, menjadikan lebih kuat dan tahan menderita, sabar, dan selalu bersyukur.”

Evelyn Tan Hwee Yong

BAB 1

KHAZANAH KITA

Pentingkah Pendidikan Kristian dalam gereja kita? Randolph Crump Miller mengibaratnya sebagai khazanah bagi keturunan kita.

“Pendidikan Kristian ialah usaha untuk menyediakan bagi keturunan kita-kanak-kanak, pemuda-pemudi dan orang dewasa dengan suatu khazanah yang terkumpul tentang kehidupan Kristian dan fikiran, dengan cara nyata sehingga Allah boleh menjalankan karya penebusan dalam setiap jiwa manusia dan dalam kehidupan biasa manusia.”¹

Rasul Paulus mengibaratkan ajaran sihat sebagai harta indah, “Peliharalah harta yang indah, yang telah dipercayakan-Nya kepada kita, oleh Roh Kudus yang diam di dalam kita” (2 Timotius 1:14). Khazanah yang indah ini boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, “Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran” (2 Timotius 3:16).

Rasul Petrus menasihati orang Kristian awal demikian “...Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyinsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu” (2 Petrus 1:19b). Firman Tuhan yang diajari dengan penuh bertanggungjawab dan berkesan akan mendatangkan terang yang terbit bagai bintang timur dalam suasana yang gelap.

Pengajaran Harus Membawa Perubahan

Ajaran orang Farisi begitu terperinci, debu dalam bejana pun tampak di kelopak mata mereka. Kalau seseorang Kafir masuk ke rumah mereka, semua periuk belanga mesti dicuci agar tidak ada yang akan mencemari mereka. Apabila Tuhan Yesus menyembuh seorang perempuan yang sakit bongkok sampai pinggunnya dan tidak dapat berdiri tegak,

ketua rumah ibadat gusar kerana Yesus menyembuh pada hari Sabat. Penderitaan wanita ini tidak dipentingkan dan selama lapan belas tahun, mereka tidak pernah melihat matanya namun itu tidak mengharukan mereka. Orang Farisi mengajar dengan sikap dingin tanpa kasih dan belas kasihan terhadap orang lain.

Jelas, segala ajaran mereka akan berubah menjadi debu. Dapatkah ia membawa perubahan kepada jiwa pelajar mereka? Sebaliknya iman orang lain akan berkecaian ketika bertemu guru-guru yang syok rohani ini tetapi kegersangan kerohanian tulus. Tuhan Yesus mengecam mereka munafik. Bagai kubur putih yang terkubur banyak tulang kering, itulah hati mereka. Cikgu yang seperti kubur putih adalah mereka yang hanya mementingkan peraturan-peraturan. Mereka hanya mementingkan peraturan yang dirangkaikan dalam bentuk perbuatan luaran. Perubahan dalaman dan kasih bukanlah intisari ajaran mereka.

Ajaran mereka sekering daun-daun yang kontang kelembapan. Jangan sentuh jarum pada Hari Sabat. Butangmu jatuh? Biarkan sahaja! Banyak perkataan mengenai Sabat telah dirakamkan namun mereka tidak memahami bahawa Tuhan telah menetapkan Sabat demi manusia, bukan untuk membebaskan manusia dengan tradisi ciptaan manusia.

Tuhan Yesus mengatakan kalau kebenaran kita tidak melebihi orang Farisi, kita tidak dapat masuk ke dalam kerajaan Allah! Kalau ajaran kita sedingin orang Farisi, pasti pelajar-pelajar kita tidak berminat memasuki kerajaan Allah. Kebenaran firman Tuhan yang diajar oleh seorang guru terlebih dahulu mesti hidup dalam batinnya dan telah mengubah batin guru sebelum dialirkan kepada muridnya!

Bukan Sekadar Maklumat

Pendidikan Kristian bukan hanya sekadar menyalurkan maklumat yang perlu diketahui oleh pelajar kita. Pendidikan Kristian mempunyai objektif mulia iaitu misi mengubah kehidupan pelajar dengan firman Tuhan. Tugas kita hanya boleh dianggap selesai kalau kita melihat karya penebusan nyata dalam kehidupan murid sehingga dia menerapkan firman-Nya, mengalami perubahan dalam minda, emosi dan perbuatan serta berbuah bagi Kristus Yesus. “Akulah pokok anggur dan kamulah ranting-rantingnya. Barangsiapa tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia, dia akan berbuah banyak, sebab di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa” (Yohanes 15:5).

John M. Detton berkata informasi ini harus diserapkan dalam sistem penilaian pelajar-pelajar kita.

“Pembentukan kerohanian bukan tentang menerima maklumat secara pasif sekalipun itu maklumat benar. Pembentukan ini memerlukan usaha merangkaikan data-data ini dalam gambaran hidup yang lebih menyeluruh. Pembentukan memerlukan kita menetapkan maklumat ini untuk sistem penilaian kita. Pembentukan juga memerlukan suatu perubahan dalam tingkah laku daripada pengetahuan yang diperoleh dan dengan rela hati meng-hargainya. Pada hakikatnya, mengetahui, menilainya akan membawa perubahan dalam kehidupan dalaman seseorang, pusat kewujudan seorang manusia, serta memastikan ini akan terus berlanjutan.”²

Selain itu, pendidikan Kristian bertujuan mendidik pelajar sehingga persahabatan intim terjalin antara Allah dan pelajar-pelajar kita, imannya dihidupkan, dan khazanah iman diteruskan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Yosua selalu mengingat generasi yang baru tentang apa yang dilakukan oleh Tuhan kepada nenek moyang mereka. “...Beginilah firman TUHAN, Allah Israel: Dahulu kala dia seberang Efrat, di situlah diam nenek moyangmu, yakni Terah, ayah Abraham dan ayah Nahor, dan mereka beribadat kepada allah lain. Tetapi Aku mengambil Abraham, bapamu itu, dari seberang Efrat, dan menyuruh di menjelajahi seluruh tanah Kanaan. Aku membuat banyak keturunannya dan memberikan Ishak kepadanya” (Yosua 24:3).

C.S. Lewis melukiskan pendidikan Kristian yang berkesan sebagai kejayaan membawa pelajar untuk mencintai-Nya.

“Mengajar seorang jiwa untuk mencintai Allah dan manusia serta menggalakkan jiwa ini untuk bertumbuh semakin dekat dengan El Shaddai yang mengasuh dan memeliharanya.”³

Hanya Tuhan Yang Membentuk

Prinsip pertama ialah kita tidak dapat mengubah manusia, hanya Tuhan boleh membentuk setiap pelajar di kelas anda (Yeremia 18:1-17). Pendidikan Kristian memang tugas ajaib, hanya Allah serta Roh Kudus dapat mencelikkan mata rohani pelajar-pelajar kita. “Aku akan memberi mereka suatu hati untuk mengenal Aku, iaitu bahawa Akulah TUHAN. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku ini akan menjadi

Allah mereka, sebab mereka akan bertaubat kepada-Ku dengan segenap hatinya” (Yeremia 24:7). Sekalipun kurikulum kita canggih, teknik mengajar kita canggih, falsafah pendidikan yang kita rumuskan sempurna namun tanpa kehadiran Allah dan Roh Kudus segala ajaran hanya suatu kehampaan. Bukankah para nabi sering mengeluh akan kekebalan hati manusia dan tanpa Roh Kudus, pendidikan Kristian memang mustahil dilaksanakan.

Guru Terang-Nya

Guru bagai terang Kristus dalam kelas. Guru menjadi wakil Kristus Yesus yang menunjukkan sifat-sifat rohani yang akan menjadi teladan kepada pelajar-pelajar. Guru mewakili semua kebenaran rohani yang diajarinya dalam kelas. Ajarannya akan menjadi nyata kalau dia menghidupkannya. Ajarannya akan menjadi kebohongan kalau dia hidup berlawanan ajarannya.

Tuhan Yesus membuktikan maksud mengasihi semua orang dalam pelayanan dan ajaran-Nya. Wanita Samaria yang tersingkir didekati-Nya dengan sabar dan diajari-Nya dengan lemah lembut. Zakues yang dibenci umum, tidak diusir-Nya. Sebaliknya, Dia bertandang ke rumahnya. Pesakit-pesakit kusta yang dijauhi oleh umat Tuhan tidak diabaikan oleh Tuhan Yesus. Kepada mereka yang terpinggir dalam masyarakat, Tuhan Yesus mengajar dengan penuh kasih sehingga Yohanes mencatat, “Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal”(Yohanes 3:16).

Mustahillah seorang guru Kristian yang mengajar pentingnya menunduk kepada suami melempari batu terhadap suaminya sewaktu mengamuk. Betapa arif seorang guru mengajar tentang kekudusan lembaga perkahwinan pun tidak berguna jika dia tertangkap basah. Cikgu yang mengajar tubuh kita bait Allah tetapi dicamkan kaki botol akan menjadi batu sandungan. Pendidikan Kristian bermula dengan guru sebagai terang Kristus dalam segala segi kehidupannya.

Seorang guru Kristian bukan seseorang yang mengatakan apa yang perlu dilakukan, tetapi dia melakukannya yakni dia menerapkan apa yang diajarinya. Adakah guru-guru dan ibu bapa menjadi teladan orang yang diubah oleh Tuhan dan yang mengasihi-Nya? Ajaran tanpa bukti nyata mustahil dipercayai murid.

Murid Yang Menerima Tuhan Yesus

Proses lahir kembali dan menjadi pengikut yang berapi-api datang daripada karya Roh Kudus. Tiada seorang pun boleh memasuki kerajaan Allah tanpa pekerjaan Roh Kudus dan anugerah Allah. Bukankah Tuhan Yesus memberitahu Nikodemus bahawa seseorang tidak mungkin melihat Kerajaan Allah tanpa dilahirkan kembali. “Aku berkata kepadamu sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan dari air dan Roh, ia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah” (Yohanes 3:5). Bukankah Roh Kudus meniup ke arah semahu-Nya? Pendidikan Kristian bermula apabila cikgu berlutut untuk meminta anugerah dan rahmat Roh Kudus atas hidup muridnya.

Kristianiti bukan satu agama yang sekadar diajarkan kepada penganutnya tetapi perhubungan hidup dengan Allah yang hidup. Guru yang terpanggil berusaha menolong pelajar menjalin perhubungan dengan Penyelamatnya. Findley B. Edge mengatakan hal ini dengan tepat, *“Hanya pengalaman penganutan yang peribadi akan menjadi landasan dan galakan yang cukup untuk pertumbuhan seorang Kristian.”*⁴

Hanya dengan menerima Penyelamat perhubungan yang baru serta pembentukan sifat yang baru dapat dialami oleh pelajar kita (2 Korintus 5:17). Hanya Roh Kudus boleh menciptakan satu kerinduan untuk mengenal Diri-Nya dan Firman-Nya dengan baik. Hanya Tuhan Yesus dapat memberi Roh Kudus untuk memulakan kehidupan yang baru. Jadi, titik tolak pendidikan Kristian ialah pengenalan dan penerimaan Tuhan Yesus sebagai Penyelamat, dan Roh Kudus Pembimbing kita.

Doa Menjamin Kejayaan

Langkah pertama untuk menjamin kejayaan dalam misi pengajaran perlu dilakukan dengan berlutut. Setiap murid mesti dipercayakan kepada Roh Kudus yang dapat meyakinkan mereka akan dosa. Hanya Roh Kudus dapat mencerahkan minda pelajar kita yang dibutakan oleh dewa-dewa dan penghulu-penghulu zaman ini. Roh Kudus akan terus bekerja selepas ajaran anda. Roh Kudus yang dapat menolong murid menerapkan kebenaran firman dalam kehidupan mereka setiap hari. Guru peribadi, Roh Kudus selalu hadir bersama mereka. Tuhan Yesus bersabda, “Tetapi Penghibur, iaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu” (Yohanes 14:26).

Senaraikan nama pelajar-pelajar anda dan berdoa agar Roh Kudus akan mencerahkan mereka.

Pendidikan Kristian Berpusat Pada Alkitab

Alkitab diilhamkan oleh Allah kita. Menurut Rasul Paulus, Alkitab ialah teks inti bagi Pendidikan Kristian. “Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran” (2 Timotius 3:16). Guru Kristian tidak boleh memutarbelitkan Alkitab demi impian mereka atau bermain dondang sayang demi doktrin kesukaan pendengarnya. Seorang guru kristian yang menitikberatkan injil kemakmuran akan mengutip ayat-ayat Alkitab demi membangun doktrin kesukaannya. Guru bertanggung-jawab menolong pelajar menerapkan firman Tuhan dan bukan mengubah firman Tuhan mengikut kepercayaan zaman ini, atau sekadar menyandang perjuangan peribadi. Guru sedemikian dicamkan sebagai guru palsu yang licik.

Firman Tuhan memberi penjelasan tentang sifat Tuhan dan cara Dia berhubungan dengan umat-Nya. Murid perlu melihat tangan Tuhan dalam sejarah Umat Tuhan yang berjalan dengan Allah yang berperan sebagai Bapa, Kekasih, Suami, Panglima Bala tentera dan pengikat Perjanjian. Selain itu, mereka dapat memperoleh banyak pelajaran daripada kegagalan umat Tuhan. “Setelah pada zaman dahulu Allah berulang kali dan dalam pelbagai cara berbicara kepada nenek moyang kita dengan perantaraan nabi-nabi” (Ibrani 1:1).

Guru dan ibu bapa selaku penabur Firman Tuhan diminta untuk menabur benih yang sejati agar pelajar-pelajar boleh bertumbuh seperti pokok yang tahan melawan arus-arus zaman yang berlawanan haluan Firman Tuhan. Benih ajaran mereka tidak boleh didasarkan pada konsep duniawi atau Firman Tuhan yang dicairkan.

Sewaktu saya menaiki train Euro ke Paris, 100 badai melandai seluruh Europa namun saya menekad melihat Eiffel Tower. Di pertengahan jalan, sepuluh pokok tertumbang dan saya terpaksa patah balik. Beribuan badai melandai umat manusia dari segi moral, adakah pengajaran kita menekad menyampaikan kebenaran sehingga pokok-pokok tidak tertumbang? Waktu beredar cepat, kita akan menyesal kerana pengikut kita lemah gemelai kerana Firman Tuhan tidak diajar dengan murni.

Wilhoit dengan tegas mementingkan pendidikan Kristian yang didasari pada Alkitab:

“Teologi sangat penting kepada Pendidikan Kristian. Sudah lazim pendidikan Kristian dituduh telah berjauhan daripada ajaran teologi Orthodoks, khususnya pandangannya tentang sifat manusia dan pertumbuhan rohani. Hal ini tidak baik kerana Pendidikan Kristian hanya menyesatkan kalau diajar tanpa berdasarkan Alkitab. Walau bagaimana bersemangat pun seorang Pendidik Kristian, tanpa kesedaran teologi yang berdasarkan iman sejati, semuanya hanya sedikit gunanya.”⁵

Ajaran Tuhan Yesus menggenapi Taurat dan perintah Musa. Taurat mewahyukan dosa tetapi Kristus datang menyelamatkan kita. Guru dan ibu bapa mesti berusaha mengajar Alkitab sebagai kitab yang menyeluruh kerana pengajaran Perjanjian Baru kaya dengan kesaksian Perjanjian Lama. Rasul Paulus berkata: “Aku mahu, kamu mengetahui saudara-saudara, bahawa nenek moyang kita semua berada di bawah perlindungan awan dan bahawa mereka semua telah melintasi laut. Untuk menjadi pengikut Musa, mereka semua dibaptis dalam awan dan dalam laut... tetapi sungguhpun demikian Allah tidak berkenan kepada bagian yang terbesar daripada mereka, kerana mereka ditewaskan di padang gurun” (2 Korintus 10:1-7).

Berpusat Pada Kristus Yesus

Pendidikan Kristian harus selalu berpusat pada Kristus Yesus kerana matlamat yang tertinggi ialah membentuk murid menyerupai Tuhan Yesus. Pendidikan Kristian mesti berfokus kepada Kristus dan Firman Tuhan. Pendidikan yang berpusat pada manusia, falsafah manusia sahaja, tanpa penekanan kepada Kristus Yesus dan Firman Tuhan tidak dapat dianggap sebagai pendidikan Kristian sekalipun ia berlansung di gereja. Sifat Kristus harus menjadi ilham tertinggi bagi guru dan murid. Pendidikan Kristian harus bertumpuan agar pelajar dapat berubah dalam sikap dan tingkah laku mereka sehingga lebih menyerupai Tuhan Yesus.

Tiang Pendidikan Kristian ialah Keluarga

Keluarga merupakan pusat pendidikan Kristian penting kerana di sinilah seorang anak berakar dan disirami oleh kebudayaan keluarga.

Betapa sering ibu bapa berfikir pendidikan Kristian bermula apabila guru-guru sekolah minggu mula membimbing anak mereka. Dengan sedihnya, seorang anak tidak pernah merasa kehadiran Tuhan mahupun pembacaan firman Tuhan, ibadat keluarga dan doa sekalipun dia daripada keluarga Kristian.

Corak pendidikan Kristian orang Yahudi perlu dijadikan teladan dalam pendidikan Kristian di keluarga. Ajaran Firman Tuhan diajar berulang-ulang dalam keluarga. Ibu bapa tidak boleh menyerahkan semua tanggungjawab pengajaran firman Tuhan kepada guru sekolah minggu dan menganggap semua berjalan lancar. Pendidikan Kristian harus dianggap sebagai urusan yang terutama dalam keluarga Kristian bukan urusan ke tuisyen.

Musa mengingatkan umat Tuhan mengenai kebenaran ini. “Dengarlah, hai orang Israel: Tuhan itu Allah kita, TUHAN itu esa! Kasihilah TUHAN, Allahmu dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu. Apa yang kuperintahkan kepadamu pada hari ini haruslah engkau perhatikan, haruslah engkau mengajarkannya berulang-ulang kepada anak-anakmu dan membicarakannya apabila engkau duduk di rumahmu, apabila engkau sedang dalam perjalanan, apabila engkau berbaring dan apabila engkau bangun. Haruslah juga engkau mengikatkannya sebagai tanda pada tanganmu dan haruslah itu menjadi lambang di dahimu, dan haruslah engkau menuliskannya pada tiang pintu rumahmu dan pada pintu gerbangmu” (Ulangan 6:4-9).

Mendewasakan Tubuh Kristus

Pendidikan Kristian yang berkesan boleh diukur daripada pertumbuhan umat Tuhan atau tubuh Kristus dalam kehidupan mereka. Pendidikan Kristian bertujuan mendewasakan umat Tuhan supaya mereka dapat mengasihi Tuhan, tidak terombang ambing oleh pelbagai ajaran dan cabaran, tahu cara menerapkan iman mereka di dunia ini, dan diperlengkapi untuk melayani Tuhan.

Perhatikan Efesus 4:11-16 dan camkan pendidikan Kristian sejati: “Dan Dialah yang memberikan baik rasul-rasul mahupun nabi-nabi baik pemberita-pemberita Injil mahupun gembala-gembala dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus, sampai kita semua telah mencapai kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak

Allah kedewasaan penuh, dan tingkat pertumbuhan yang sesuai dengan kepenuhan Kristus, sehingga kita bukan lagi anak-anak, yang diombang-ambingkan oleh rupa-rupa angin pengajaran, oleh permainan palsu manusia dalam kelicikan mereka yang menyesatkan, tetapi dengan teguh berpegang kepada kebenaran di dalam kasih kita bertumbuh di dalam segala hal ke arah Dia, Kristus, yang adalah Kepala. Daripada-Nyalah seluruh tubuh-yang rapi tersusun dan diikat menjadi satu oleh pelayanan semua bahagiannya, sesuai dengan kadar pekerjaan tiap-tiap anggota menerima pertumbuhannya dan membangun dirinya dalam kasih.”

“Pendidikan Kristian bertujuan melibatkan pembentukan rohani sebagai proses membawa seseorang untuk mendewasa dalam Kristus. Walaupun proses ini boleh dilakukan dalam kelas dan melalui pengajaran, ia juga boleh dilaksanakan melalui interaksi seorang individu dengan seorang yang lain, proses menjalani mentor, pertanggungjawaban, dan bimbingan rohani. Seorang pendidik akan melatih seseorang dalam kehidupan Roh Kudus, dan dengan demikian membimbing mereka ke kerohanian yang lebih lengkap dan penuh. Sebagai pelatih, kita bertanggungjawab atas kehidupan rohani mereka yang kita latih, dan memberi mereka suasana untuk pertumbuhan Kristian. Kalau kita hanya menganggap diri sebagai ahli teolog, ahli teori, dan guru, kita kehilangan aspek kemanusiaan yang menghadapi manusia yang hidup dalam suasana nyata. Peranan seorang pelatih memanggil kita untuk melibatkan diri dalam pembentukan rohani.”⁶

Menolong Seseorang Mencapai Impian Tuhan

Tanggungjawab seorang pendidik bukan sahaja mengajarkan kurikulum yang ditetapkan oleh gereja. Setiap guru harus berusaha memupuk cinta dan penghargaan setiap pelajar terhadap Tuhan Yesus sehingga mereka menjadi pengikut Kristus yang mementingkan-Nya dari segala sesuatu dan rela mengikut-Nya dalam pelayanan yang ditunjukkan-Nya. Penghargaan dan cinta mereka kepada Tuhan Yesus dipupuk sehingga mereka rela mencapai impian yang Tuhan tetapkan dalam kehidupannya. “Demikian pula hal Kerajaan Syurga itu seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah. Setelah ditemukannya mutiara yang sangat berharga, dia pun pergi menjual seluruh miliknya lalu membeli mutiara itu” (Matius 13:45-46). Jenis murid sebeginilah yang ingin kita lahirkan.

Contoh Guru-Guru Yang Membawa Transformasi

Dr. Henrietta Mears yang menghasilkan banyak murid yang berjaya memiliki objektif-objektif pengajaran yang mendatangkan transformasi kepada mereka yang diajarinya. Pengkhotbah Billy Graham berkata, “Dr. Henrietta C. Mears berpengaruh besar dalam kehidupan saya. Dia salah seorang Kristian yang paling hebat yang pernah saya kenali.”

Di bawah tertulis objektif-objektif Dr. Henrietta Mears sewaktu mengajar Sekolah Minggu:

1. Saya akan memenangi kesetiaan setiap orang dalam kelas saya kepada Allah saya.
2. Saya tidak akan berfikir pekerjaan saya sudah selesai apabila murid-murid saya berkeputusan untuk mengikut Tuhan Yesus.
3. Saya akan memastikan mereka mempunyai pelayanan yang tertentu.
4. Saya akan menolong mereka menerapkan kekristianan daripada teori ke dalam kehidupan sehari-harian mereka.
5. Saya akan menolong setiap murid mencari kehendak Tuhan sehingga Tuhan berkarya melaluinya dan menggunakan setiap bakatnya.
6. Saya akan mempengaruhi setiap orang untuk tidak merasa tidak puas secara ilahi kalau dia mengetahui bahawa dia dapat melakukan lebih daripada apa yang sedang dilakukannya. Saya tidak akan memberitahu dia bahawa kehidupannya hanya kecil dan biasa-biasa sahaja, tetapi saya akan memberi dia visi hebat untuk dilaksanakan dengan berkobar-kobar dan dengan penuh bersemangat.
7. Saya akan memudahkan setiap orang untuk datang kepada saya dengan pengalaman mereka yang paling dalam bukan kerana paksaan tetapi dengan simpati dan penuh pengertian. Saya tidak akan membiarkan sesiapa pun berfikir bahawa saya kecewa dengannya.
8. Saya akan menjunjung kayu salib sebagai pusat kebenaran dalam kehidupan Kristian saya.
9. Saya akan berdoa bersungguh-sungguh untuk kebijaksanaan dan kuasa Tuhan.
10. Saya akan meluangkan waktu untuk perang ini.

Dr. Kenneth O. Gangel

Dr. Kenneth O. Gangel pakar pendidikan merumuskan objektifnya dengan beberapa soalan:

1. Apakah murid saya mengenal kebenaran?
2. Apakah murid saya memahami kebenaran?
3. Apakah murid saya menerapkan kebenaran?
4. Apakah murid saya dapat merasakan kebenaran dalam hidup?
5. Apakah murid saya dapat membezakan kebenaran dalam hidup?
6. Apakah murid saya dapat menceritakan kebenaran kepada orang lain? ⁷

Dr. Kenneth O. Gangel mengamati pola pertumbuhan dalam pendidikan Kristian yang jelas mementingkan firman Tuhan. Pertanyaan-pertanyaan Dr. Kenneth O. Gangel jelas menekankan pendidikan Kristian mestilah bertujuan mendewasakan orang Kristian bukan hanya sekadar pertumbuhan intelek tetapi juga pertumbuhan dalam segala segi kehidupan. Kebenaran firman Tuhan itu mesti menjadi sebahagian daripada kehidupan murid sehingga firman Tuhan menjadi sumber transformasi. Pendidikan Kristian yang mementingkan aktiviti dan sekadar menyumbang pola fikiran yang dimiliki oleh masyarakat tidak akan membawa seseorang kepada Kerajaan Allah apalagi menjadikannya askar Kristus.

KESIMPULAN

Gereja bertanggungjawab besar melaksanakan pendidikan Kristian demi pembinaan tubuh Kristus dan pendewasaan umat-Nya. Amanat Agung yang termuat dalam Matius 28:19-20, Kisah Para Rasul 2:42 bukan hanya amanat menginjili sahaja tetapi juga untuk mengajar seluruh firman Tuhan. Badai falsafah dunia bergelora di ambang pintu, kita perlu mengajar sehingga murid tidak terbawa arus. "Kerana itu pergilah, jadikanlah, semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa, dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman" (Matius 28:19-20).

BAB 2 : FALSAFAH DAN VISI PENDIDIKAN

Mengapakah kita harus merumuskan satu falsafah pendidikan Kristian? Falsafah pelayanan merupakan ungkapan serta pembentukan konsep untuk menolong pendidik membentuk, memahami, dan menilai keberkesanan pelayanan pendidikan Kristian serta menolong kita menyediakan satu rangka pemikiran untuk perancangan. Falsafah pendidikan Kristian berperanan sebagai kompas yang menolong kita melaksanakan objektif-objektif yang terpenting dan menjadi fokus bagi memastikan kita tidak hanya terbawa aktiviti-aktiviti sahaja. Ia menolong kita untuk memusatkan perhatian kita pada komponen-komponen penting dan meletakkan prioriti kita sewaktu mencorak program pendidikan.

Jadi rumusan falsafah pendidikan Kristian tidak boleh terlalu abstrak dan hanya tersimpan dalam fail sekadar formaliti sahaja, sehingga tidak ada yang memahaminya. Falsafah pendidikan Kristian menolong kita mengetahui apa yang hendak kita capai dalam program pendidikan Kristian kita dan membuat penilaian dari sewaktu ke sewaktu. Falsafah yang dirumuskan dengan seimbang dan menyeluruh menolong kita menetapkan program pendidikan yang tidak berat sebelah.

Mudah Difahami dan Diingati

Falsafah yang berkesan mesti jelas dan mudah difahami oleh orang yang melayani dalam pendidikan Kristian di gereja.

Contoh-contoh falsafah pendidikan Kristian:

- a. Mike Marcey, pastor dari Gereja Presbyterian Naperville, Illinois mencorakkan falsafahnya dengan kreatif, “Ikutlah Irama WFLM” W bererti “worship” – ibadat, “fellowship” bererti persekutuan,

“learning” bererti pembelajaran, “ministry” bererti pelayanan. Falsafahnya telah membimbing anggota gereja sehingga mereka tahu corak lengkap mesti mencakupi keempat-empat unsur ini sewaktu menjalankan pendidikan Kristian. Mereka akan memerhatikan ibadat, persekutuan, pembelajaran dan pelayanan agar tidak berat sebelah.⁸

- b. Gereja Williw Creek, Illinois; falsafahnya terdiri daripada empat elemen iaitu “exaltation” (pengajaran), “edification” (penguatan), “evangelism” (penginjilan) dan “extension” (pelebaran). Kekuatan gereja Willow Creek jelas mementingkan bukan sahaja pengukuhan iman tetapi juga kemampuan untuk menyampaikan iman kepercayaan kepada orang lain.⁹
- c. LeBar mementingkan Alkitab dalam falsafah pendidikan Kristiannya iaitu membimbing murid mengetahui keperluan mereka yang sebenarnya lalu menemukan jawapan dalam Alkitab (Book), dan menerapkan kebenaran ini. Guru tidak hanya menyampaikan kandungan isi yang banyak. Dia memilih kaedah sesuai untuk tujuan pengajarannya agar dapat menemui jawapan tepat melalui perbincangan kelompok kecil, main peranan sewaktu menyampaikan cerita atau berceramah. Le Bar memusatkan perhatiannya kepada peranan guru dalam pendidikan Kristian.¹⁰

Bagaimana kalau kita merumuskan falsafah pendidikan Kristian untuk gereja kita sebagai MMPP? Mengajar, Mendewasakan, Pelayanan dan Penginjilan. Tugas pendidikan Kristian ialah mengajar dan mendewasakan anggota gereja di bawah tanggungjawab mereka. Apabila firman Tuhan diajari dan diterapkan dalam kehidupan, gereja berubah dan mengalami pertumbuhan dalam Tuhan sehingga cukup dewasa untuk melayani dan menginjili. Pendidikan Kristian bercita-cita menolong setiap anggota yang diajari mengetahui pelayanan yang dipanggil-Nya dan melaksanakannya dengan berkesan. Berapa murid anda sedang melayani dengan berkesan sekarang?

Contoh Falsafah Pelayanan Kanak-Kanak

Apakah Sekolah Minggu Kami Percaya Tentang Kanak-Kanak

1. Setiap anak diciptakan dalam gambaran Tuhan dan harus diperlakukan dengan kasih dan adil.
2. Setiap anak memerlukan Tuhan Kristus Yesus untuk penyelamatan dan pertumbuhan yang sihat.
3. Keperluan yang paling mendesak pada hari ini ialah pendidikan Kristian yang dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-harian mereka.
4. Keberkesanan pengajaran kami tergantung pada kaedah dan pelajaran yang sesuai dengan umur mereka.
5. Cara yang paling berkesan untuk menolong seorang anak bertumbuh ialah semua guru sekolah minggu perlu bekerjasama dengan ibu bapa mereka.
6. Setiap anak mempunyai kemampuan untuk melayani Tuhan.

Beberapa Pertimbangan Sewaktu Merumuskan Falsafah

Mengambil keseimbangan dalam merumuskan falsafah memerlukan banyak pertimbangan dan pemerasan otak. Contohnya, adakah rancangan pendidikan kita bertujuan membina iman atau lebih bersifat penginjilan? Dalam program pendidikan untuk kanak-kanak mungkin terwujud ketegangan antara pembentukan kanak-kanak atau penginjilan. Adakah keperluannya menyiapkan kanak-kanak untuk masa depan dan meningkat kepintaran membezakan aspek-aspek kebudayaan yang memuliakan Tuhan dan media yang tidak seiring dengan iman atau bersifat lebih kepada penginjilan? Ada baiknya kedua-duanya dijangkau oleh Pendidikan Kristian.

Contoh yang lain ialah persekutuan orang dewasa. Sewaktu pendidik merumuskan falsafah, mereka mungkin terpaksa mempertimbangkan antara memusatkan perhatian pada persekutuan ataupun pengajaran. Demikian juga pemuda-pemudi, apakah program kita harus memenuhi keperluan mereka atau lebih mementingkan isi pengajaran yang perlu dibina dalam diri mereka, atau bagaimana mengajar dan menerapkan doktrin bersama dengan isu-isu semasa yang dihadapi oleh mereka.

Menurut James C. Wilhoit, program dan falsafah yang baik harus melibatkan memberi maklumat, mengikut coraknya, dan juga mentransformasinya. *“Program pendidikan yang menyeluruh harus mencakupi: memberi informasi, mengikut corak, dan transformasi. Pada umumnya, program kita sangat kuat dalam memberi informasi dan paling lemah dalam hal mentransformasi, tetapi ketiga-tiganya perlu ada.”*¹¹

Dimensi	Arah	Kaedah	Hasilnya
Memberi informasi	Dari luar ke dalam	Pengajaran dalam kelompok, pengajian individu, membaca untuk menyiapkan pelayanan.	Pengetahuan
Mengikut corak	Dari luar ke dalam	Mengikut contoh, perhubungan di mana satu pihak akan dipertanggungjawab sikap, pemuridan, pergaulan.	Praktik
Memberi transformasi	Dari dalam ke luar	Kelompok yang saling menggalakkan, ibadat dan pujian, doa, menolong masyarakat, renungan peribadi, kaunseling.	Perubahan

Dr. Kenneth O. Gangel

Dr. Kenneth O. Gangel melihat tujuan-tujuan program pendidikan Kristian di gereja harus berusaha untuk menunaikan yang berikut:

1. Memahami maksud Alkitab tentang Tritunggal dan berhubung peribadi dengan-Nya melalui Kristus Yesus, Anak Allah.
2. Berhubungan secara alkitabiah dengan umat Kristian lain serta melibatkan diri dengan gereja.
3. Memperoleh pembentukan Kristian melalui program yang cermat dan konsisten secara alkitabiah yang menekankan doktrin, perkembangan keyakinan kepercayaan Kristian secara peribadi, dan tingkah laku yang bersesuaian dengan Alkitab sewaktu dalam keluarga mahupun dalam kelompok masyarakat yang lebih besar.
4. Menyerahkan diri kepada Kristus untuk menjadi murid-Nya.
5. Melibatkan diri secara bersemangat dan alkitabiah untuk menyampaikan Injil kepada seluruh dunia.¹²

Jack Seymour

Jack Seymour berpendapat pada zaman yang berkrisis kesuntukan makna, pendidik Kristian mesti berusaha menolong pelajar merenungi pengalaman mereka dalam terang cerita dan wawasan pandangan Kristianiti. Dia mengusulkan mencipta kaedah yang menolong pelajar-pelajar dalam perjalanan rohani, dan gereja mesti berusaha memahami isu-isu untuk memampukannya dalam misi dan transformasi sosial.

Beberapa Pertanyaan Sewaktu Merumuskan Falsafah

1. Bilakah pendidikan Kristian harus dimulakan? Haruskah pendidikan Kristian dimulakan di rumah sewaktu seseorang masih kecil atau apabila ibunya membawa anak ke sekolah minggu? Atau, adakah pendidikan Kristian dimulai apabila seseorang dilahirkan kembali?
2. Siapakah yang memberi pendidikan Kristian? Guru-guru sekolah minggu atau ibu bapa seorang anak atau kedua-duanya? Bolehkah ibu bapa berfikir pendidikan Kristian yang diterima di Sekolah Minggu sudah memadai?
3. Apakah setiap tahap anggota gereja memerlukan pelbagai jenis pendidikan Kristian yang wajib diadakan? Contoh pada waktu keremajaan, para remaja perlu memahami perubahan yang terjadi dalam diri mereka dan bagaimana berkomunikasi dengan ibu bapa; adakah golongan yang meningkat usia harus mengetahui tentang kehidupan setelah bersara. Pada waktu seseorang sudah berusia, apakah mereka perlu mengetahui bagaimana bertumbuh dengan indah menjelang senja kehidupan mereka dan harapan mereka dalam Kristus?
4. Apakah yang menjadi tujuan dan sasaran pendidikan Kristian di gereja?
5. Kaedah-kaedah dan jenis bahan yang diperlukan oleh pendidikan Kristian. Haruskah kaedah yang berbeza digunakan untuk setiap tahap yang berbeza?
6. Kalau seorang Kristian berasal daripada kebudayaan yang bertentangan dengan Kristianiti, bagaimanakah pendidikan Kristian harus dikendalikan?
7. Sudahkah pendidik-pendidik jelas dengan matlamat-matlamat pendidikan Kristian yang diinginkan?

Apakah Yang Mendasari Pendidikan Kristian?

1. Manusia perlu diajar mengenal Tuhan dan hukum-hukum-Nya kerana manusia ciptaan Tuhan yang dicipta menurut gambaran Allah.
2. Manusia tidak dapat diselamatkan dengan cara lain kecuali melalui penyelamatan Tuhan Yesus di kayu salib.
3. Gereja memainkan peranan yang penting dalam rancangan kehidupan umat Allah dan tubuh Kristus.
4. Alkitab adalah firman Allah yang sempurna, tidak ada kesalahan dan sesuai untuk membentuk dan memperbaiki tingkah laku anak-anak Tuhan menurut kehendak-Nya. Semua pengajaran mesti didasarkan pada setiap firman Tuhan kerana ia diilhamkan oleh Tuhan.
5. Tuhan Yesus adalah kebenaran, jalan dan hidup, kita tidak ada cara lain ke Bapa kecuali melalui-Nya.
6. Pendidikan Kristian memerlukan karya Roh Kudus untuk meyakinkan dan mentransformasi kehidupan pelajar.
7. Profil guru dan pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pelajaran penting.
8. Proses pembelajaran haruslah menerapkan isu-isu hidup dalam kehidupan pelajar-pelajar sehingga menghasilkan buah-buah.
9. Kepentingan meletakkan objektif-objektif jangka masa panjang dan jangka masa pendek.
10. Bagaimanakah keluarga dan gereja menyediakan suasana subur bagi proses pembelajaran firman Tuhan?
11. Kurikulum apakah yang dianggap berguna dan tepat untuk pertumbuhan pelajar-pelajar? Apakah syarat-syarat bagi menentukan sebuah kurikulum itu baik?
12. Bagaimanakah kita mengukur keberhasilan pendidikan Kristian kita?
13. Peranan apakah yang perlu diperhatikan guru dan murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
14. Keseimbangan antara autoriti, imaginasi dan kreativiti dalam pengajaran dan pengasuhan.
15. Kaedah apakah yang terbaik untuk menilai keberkesanan Pendidikan Kristian kita?

Beberapa Kepincangan Yang Mungkin Timbul

Sekalipun merumuskan falsafah pendidikan Kristian begitu penting untuk meletakkan landasan pengajaran kukuh, kita tidak boleh terlalu mementingkan falsafah daripada Tuhan kita. Hanya Tuhan yang membentuk manusia, oleh kerana itu, kita mesti peka kepada bimbingan Roh Kudus dan keunikan setiap situasi mahupun keperibadian setiap pelajar. Kita harus senantiasa menyedari bahawa Tuhan yang mendatangkan keyakinan, penebusan, pengudusan bukan kecanggihan mahupun kemahiran falsafah pendidikan Kristian kita.

Falsafah mesti seimbang dan tidak boleh berat sebelah kerana kalau kita hanya menekankan beberapa aspek tertentu, kita menyebabkan kepincangan. Gereja yang terlalu menekankan pengampunan mungkin lupa menjalankan disiplin gereja. Walaupun seseorang tetap dalam dosa sama, mereka tidak diperhadapkan secara Alkitabiah. Sebaliknya, pendidikan Kristian mungkin terlalu menekankan disiplin dan penghukuman sehingga melupakan anugerah dan pengampunan Tuhan serta proses pemulihan dan pertumbuhan lagi bagi jemaah yang tersandung tidak terjadi.

Gereja yang terlalu menekankan falsafah pelayanan penyembuhan jasmani mungkin terlupa isu penderitaan. Penderitaan seperti menghadapi penyakit mengancam, perubahan sikap orang yang terdekat dengan hati kita, kematian dan perpisahan tidak dipentingkan dan tidak ditafsirkan dengan jujur. Falsafah yang berat sebelah menyebabkan keperluan tubuh Kristus tetap tidak dipenuhi dengan seutuhnya sebagai manusia. Kita memberi jawapan yang sudah dicorakkan tanpa mempertimbangkan kenyataan hidup jemaah.

Falsafah pendidikan kanak-kanak yang tidak ditafsirkan tepat akan mengakibatkan satu angkatan baru yang lemah dalam iman. Kalau pendidikan Kristian kanak-kanak hanya mementingkan cara mengajar seminggu sekali dan enam hari lain, anak-anak kita terendam dalam sungai Nil bersama katak-katak dan menelan air keruh ajaran agama lain di sekolah tanpa diambil berat gereja. Adakah pendidikan Kristian kita menekankan peranan ibu bapa dalam pendidikan rohani secara formal dan tak formal? Falsafah bertindak sebagai kompas sewaktu kita meletakkan dasar pendidikan Kristian namun jangan membiarkannya membuat kita kaku, dan sama sekali tak boleh melentur. Jangan bersikap kaku, "Maaf, gereja kami tidak boleh menderma kepada rumah yatim yang tidak dikendalikan oleh orang yang bukan Kristian."

“Maaf nenek, anda tidak boleh dibaptiskan kecuali anda melengkapi kelas baptisan anda sekalipun dia berumur 90 tahun.” Utamakan kasih dalam segala selok belok pendidikan kita. Rasul Paulus berkata, “Kasih tidak berkesudahan; nubuat akan berakhir; bahasa roh akan berhenti; pengetahuan akan lenyap” (1 Korintus 13:8).

Penyataan Visi Pelayanan Pendidikan Kristian Penting

Selain merumuskan falsafah pendidikan, kemahiran merumuskan pernyataan visi sungguh penting bagi guru-guru. Cara pendidik Kristian merumuskan pernyataan visi menentukan arah mereka dalam pelayanan, jenis kurikulum yang disajikan kepada anggota jemaahnya, dan pendewasaan serta pertumbuhan gereja.

Contohnya dalam pelayanan kanak-kanak, seorang pendidik boleh menuliskan pernyataan visi mereka:

Contoh A – Gereja A

Kami bertanggungjawab dan memberi komitmen yang penuh untuk mengajar kanak-kanak dengan firman Tuhan dengan tepat, menyiapkan mereka dalam kebenaran firman Tuhan dalam segala aspek kehidupan mereka sehingga mereka tahu menerapkan firman Tuhan dalam kehidupan mereka. Semua pengajaran firman Tuhan di gereja ini bertujuan menolong setiap anak memupuk perhubungan yang peribadi bersama Tuhan Yesus, sebagai Juruselamat peribadi mereka. Pendidikan kanak-kanak juga bertanggungjawab mengajar anak-anak tahu cara beribadat kepada Tuhan. Setiap anak akan dipersiapkan sehingga mereka memiliki hati seorang hamba dan mampu melayani Tuhan di dunia ini.

Contoh B – Gereja B

Kami percaya mengajar sekolah minggu haruslah bukan sahaja kreatif dan seronok tetapi landasan firman Tuhan mesti diperkukuhkan dalam kehidupan kanak-kanak yang diajari. Ajaran harus bersifat interaktif dan sesuai kepada setiap tingkat umur. Setiap anak juga akan diberikan kesempatan untuk dilatih beribadat dan melayani Tuhan sejak kecil. Gereja ini menegaskan bahawa pendidikan kanak-kanak tidak hanya terletak di tangan guru sekolah minggu tetapi juga ibu bapa kanak-kanak. Setiap pendidik sekolah minggu akan berkerjasama dengan para ibu bapa kanak-kanak untuk menciptakan suasana pendidikan secara

formal dan tidak formal. Gereja akan berusaha menolong ibu bapa mendidik anak-anak mereka dan melengkapi mereka untuk berbuat demikian.

Contoh C – Gereja C

Kami memberi komitmen sepenuh untuk melatih setiap pemuda-pemudi menjunjung Tuhan dan menerapkan firman-Nya dalam pekerjaan dan pelajaran mereka. Kami akan melatih setiap pemuda sehingga mereka dapat menyaksikan anugerah dan kasih Tuhan dalam masyarakat dan melayani orang lain dengan hati seorang hamba. Mereka juga akan belajar bersekutu dan melayani dalam satu team bersama anggota gereja lain dalam penginjilan dan pelayanan. Setiap pemuda-pemudi akan dididik sehingga mereka tahu menggunakan karunia Roh Kudus dan melayani Tuhan dalam kuasa Roh Kudus. Selain itu, mereka juga dididik sehingga mereka tahu membuat pilihan sihat dan mampu membezakan antara kebenaran dan falsafah-falsafah dunia yang tidak Tuhan berkenan.

KESIMPULAN

Seringkali pendidik-pendidik Kristian tidak meluangkan waktu untuk merumuskan falsafah dan pernyataan visi serta misi pendidikan Kristian mereka. Kekurangan minat berbuat demikian seringkali mengakibatkan pendidikan Kristian dijalankan seperti kais pagi makan pagi, kais malam, makan malam. Kita tidak memiliki perancangan yang mantap dan berdisiplin untuk mendewasakan tubuh Kristus, dan yang tumbuh hanya kangkong. Hanya pendidik-pendidik Kristian yang serius dan mengingini pendidikan Kristian di gereja menyatakan tujuan dan arah pendidikan yang tepat akan berusaha merumuskan falsafah dan pernyataan visi pendidikan Kristian mereka.

BAB 3 : SEJARAH SINGKAT PENDIDIKAN KRISTIAN

Pendidikan Kristian mempunyai landasannya pada warisan Ibrani atau Yudaisme. Hayes berkata, *“Pendidikan Kristian tidak menyangkal warisan Ibrani. Dengan menjelangnya zaman baru, tradisi Kristian yang didasarkan pada Hukum dan ajaran nabi-nabi tetap menjadi dasar kita. Pengajaran dalam Perjanjian Baru tidak timbul dalam vakum. Konteksnya ialah sejarah pengajaran yang kaya dengan gaya.”*¹³ Pendidikan Kristian mempunyai khazanah yang kaya yang diperoleh daripada Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.

Bab ini berusaha menjelaskan secara sepintas pendidikan Kristian dari gereja awal hingga ke zaman pembaharuan. Gereja awal yang wujud di tengah-tengah serangan-serangan dan penentangan daripada musuhnya berusaha membela iman mereka dengan cara yang terbaik. Penekanan pada autoriti Alkitab dalam pendidikan Kristian, pembenaran iman melalui iman, penterjemahan Alkitab dalam bahasa penutur, pementingan Alkitab dalam pendidikan sama ada dalam keluarga mahupun sekolah pada zaman reformasi memberi pendidikan Kristian banyak ilham dan wawasan.

Pendidikan Itu Hidup

Drazin, pakar sejarah pendidikan Yahudi memerhatikan bahawa pendidikan bagi orang Yahudi bukan sahaja satu tambahan kepada kehidupan bahkan ajarannya sama dengan hidup.

“Pendidikan Kristian tidak pernah menjadi sesuatu tambahan kepada kehidupan atau alat untuk mempersiapkan diri untuk kehidupan dan kemudian boleh ditinggalkan sesudah faedahnya disunting. Pendidikan Yahudi boleh disamakan dengan hidup. Ia membentang hidup, memberi arah dan makna. Padahal istilah moden Ibrani “Hinuk” berasal daripada akar perkataan yang terdapat dalam Alkitab, maksudnya ialah untuk melatih; pengertian asal usulnya bererti berbakti atau bermula, dan merujuk

kepada fakta bahawa seorang anak sesudah menerima pendidikan Yahudi akan berbakti kepada pelayanan Allah dan akan mematuhi segala selok belok hukum-hukum-Nya. Inilah intipati ciri pendidikan Yahudi sejak zaman paling awal.”¹⁴

Pendidikan Itu Nikmat

Bagi orang Ibrani, pengajaran Taurat itu sesuatu yang menyenangkan kerana Taurat diibaratkan bagi memberi madu yang sangat manis. “Betapa manisnya janji-Mu itu bagi langit-langitku, lebih daripada madu bagi mulutku” (Mazmur 119:103). Anak-anak mereka yang telah menerima latihan dalam Taurat atau hukum-hukum Ibrani akan dihadahi dengan madu dan kek. Seorang anak juga akan dididik sejak muda seperti perpatah Bahasa Melayu, “Kalau mahu melentur aur biarlah daripada rebungunya.” “Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya dia tidak akan menyimpang daripada jalan itu” (Amsal 22:6). Orang Ibrani menyamakan usaha mendidik bukan hanya memberi informasi tetapi mengajar seorang anak untuk menjalani jalan Tuhan. Firman Tuhan harus dipegang dengan erat bagi nafas hidup. “Berpeganglah pada didikan, janganlah melepaskannya, pelihara ia, kerana ialah hidupmu” (Amsal 4:13).

Pendidikan Itu Menajamkan

Perkataan “ajar” dalam Bahasa Ibrani ialah *lamath*, ia bererti ‘untuk merangsang’ atau ‘melatih.’

“Perkataan-perkataan lain dengan kaya menggambarkan mengajar sebagai membezakan isu dan pendapat-pendapat, menajam, menusuk pelajar-pelajar, atau menggembala mereka. Tetapi perkataan mengajar berasal daripada perkataan Torah. Perkataan ini bererti ‘untuk menembak, melempar, melontar.’ Pengajaran dilihat sebagai bimbingan daripada Tuhan. Hukum Tuhan mungkin dilihat sebagai kandungan ajaran yang ‘dilonarkan’ oleh Roh Kudus. Jadi, hukum itu dilihat oleh umat Ibrani sebagai bahan ajaran, terang dan pedoman hidup.”¹⁵

Dimulakan Sejak Awal

Tuhan ingin orang Ibrani memulakan agenda transformasi sejak awal-awal lagi dan itu perintah yang tidak boleh diabaikan oleh keluarga Ibrani. ‘Shema’ yang dirakam dalam Ulangan 6:4,9 berkumandang

dalam setiap keluarga dan anak-anak kecil menghafalnya. Tidak hairanlah, kalau ‘Shema’ sudah tertanam dalam sanubari setiap orang Ibrani dan tidak akan berpisah daripadanya apabila mereka dewasa. Ibu bapa akan mengajar dan selalu mengingat anak-anaknya untuk mengasihi Tuhan dengan segenap hati, minda dan tenaga. “Dengarlah, hai orang Israel, TUHAN itu Allah kita. Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu, dan dengan segenap jiwamu, dan dengan segenap kekuatanmu”(Ulangan 6:4,9).

Pendidikan Ibrani sungguh mementingkan pendidikan kanak-kanak. Alkitab dan tulisan-tulisan Yahudi membuktikan hal ini. Mereka sudah merancang jauh-jauh hari sebelum seorang anak dilahirkan bahkan untuk bayi generasi berikutnya. “Telah diterapkan-Nya peringatan di Yakub dan hukum Taurat diberi-Nya di Israel; nenek moyang kita diperintahkan-Nya kepada anak-anak mereka, supaya dikenal oleh angkatan yang kemudian, supaya anak-anak, yang lahir kelak bangun dan menceritakannya kepada anak-anak mereka, supaya mereka menaruh kepercayaan kepada Allah dan tidak melupakan perbuatan-perbuatan Allah tetapi memegang perintah-perintah-Nya” (Mazmur 78:5-7).

Pendidikan Kristian Urusan Terpenting

Tujuan pendidikan Kristian ialah melatih hamba yang salih dan selalu bersekutu dengan Allah dalam kehidupan dan pelayanan mereka.

“Pendidikan Kristian melatih hamba-hamba Tuhan yang tahu mentaati Taurat. Matlamat tertinggi pendidikan mereka ialah membentuk seorang lelaki anak yang baik, yang takut akan Allah. Allah itu tinggi dan ditinggikan, namun Dia sangat dekat dengan umat-Nya. Tujuan komprehensif pendidikan ialah kesalihan, yang terdiri daripada tiga tujuan yang berserempak: kebahagiaan, watak yang baik, dan persekutuan dengan Allah.”¹⁶

Drazin mengutip Yosefus yang jelas bahawa proses mentransformasi masyarakat Yahudi termasuk ajaran Taurat dan penerapannya dari sudut praktis sejak zaman Musa.

“Perhatian terutama dalam semua ini ialah mendidik anak-anak kita dengan baik; dan kami berfikir ini adalah urusan yang terpenting dalam seluruh kehidupan kami, iaitu untuk memerhatikan seluruh hukum yang telah diberikan kepada kami, dan untuk menjaga peraturan-peraturan kudus

yang telah diberikan kepada kami. Pembentuk undang-undang (Musa) telah dengan berhati-hati menggabungkan dua kaedah pengajaran; dia tidak mengajar amalan-amalan praktikal tanpa pengajaran lisan; demikian juga, dia tidak mengizinkan pendengaran Taurat tanpa disertai amalan-amalan praktis.”¹⁷

Peranan Ayah Dalam Pendidikan

Ayah memegang peranan penting dalam pendidikan kanak-kanak. “Dengarkanlah, hai anak-anak, didikan seorang ayah, dan perhatikanlah supaya engkau beroleh pengertian, kerana aku memberikan ilmu yang baik kepadamu; janganlah meninggalkan petunjukku di rumah ayahku sebagai anak, lemah dan sebagai anak tunggal bagi ibuku, aku diajari ayahku, katanya kepadaku: “Biarlah hatimu memegang perkataanku; berpeganglah pada petunjuk-petunjukku, maka engkau akan hidup” (Amsal 4:1-4).

Bagaimanakah pendidikan di kalangan kanak-kanak bermula? Allah memerintah agar mereka menghormati ibu bapa sebagai orang yang kedua pentingnya setelah Dia. Seorang bapa akan bertindak seperti seorang imam. Dia akan memberi tradisi keluarganya: dia menjawab soalan-soalan anak-anaknya (Keluaran 12:26; Amsal 4:3-4); jawapannya ialah pengakuan aktiviti penyelamatan Tuhan terhadap Israel. Anak-anak diberitahu hal ini bukan hanya dalam perkataan, tetapi juga dengan bebatu yang didirikan sebagai tugu peringatan (Yosua 4:6,21).

Yosefus, seorang sejarawan menjelaskan bahawa pendidikan bermula dari ayunan bayi hingga ke kubur dengan tidak terputus-putus.

“Cita-cita kami yang terutama ialah pendidikan anak-anak kami... Kami paling mengambil berat tentang pendidikan kanak-kanak dan mementingkan perhatian terhadap hukum-hukum, dan kesucian yang datang bersamanya, inilah urusan terpenting dalam kehidupan kami. Pendidikan adalah satu proses yang bermula dari ayunan ke kubur dengan tidak terhenti-henti. Pendidikan Kristian jelas menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam setiap keluarga. Hal-hal yang tersembunyi ialah bagi Tuhan Allah kita, tetapi hal-hal yang dinyatakan bagi kita dan bagi anak-anak kita sampai selama-lamanya, ialah melakukan segala perkataan hukum Taurat.”¹⁸

Ajaran ibu bapa dan teladan mereka dalam aktiviti formal atau tidak formal dianggap sebagai sesuatu yang terpenting.

“Sepanjang sejarah orang Israel, keluarga adalah institusi yang utama dalam keluarga. Anak-anak belajar melalui penglibatan dalam segala aktiviti tidak formal melalui kehidupan keluarga dan juga teladan ibu bapa. Bapa ditugaskan untuk mengajar anak-anak mereka firman Tuhan dan juga memperlengkapi mereka dengan satu kemahiran untuk mencari makan. Ulangan 6:4-9, ‘Shema’ membentangkan matlamat dan proses pendidikan. Umat Tuhan diperintahkan untuk mengakui dan mengasihi Tuhan yang benar serta mengajarkannya kepada anak-anak mereka dalam kehidupan seharian mereka. Mereka tidak menghadiri sekolah yang rasmi tetapi sewaktu ibu bapa mereka bertumbuh dalam pengetahuan firman Tuhan, mereka menyalurnya dalam bentuk ajaran kepada anak-anak mereka dan meneguhkannya dalam teladan dan perbualan mereka.”¹⁹

Kanak-kanak juga belajar melalui pelbagai perayaan yang diadakan dalam Perjanjian Lama. Sewaktu memerhatikan apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka, mereka akan bertanya dan orang dewasa menjelaskannya. Mereka akan memerhatikan korban sajian, korban penyelamatan, korban penghapus dosa, korban penebus salah, hari raya pendamaian, perayaan Paskah, dan Perayaan Purim. Ibu bapa menjelaskan kepada anak-anak tentang maksud perayaan-perayaan ini. Jadi, merayakan perayaan rohani dijadikan kesempatan mengajar dan mendatangkan transformasi dalam anak-anak mereka.

Allah Mengikat Janji Dengan Anak-Anak Juga

Sewaktu Allah memperbaharui perjanjian yang pernah diikatkan oleh Musa dengan umat-Nya, anak-anak mereka terlibat, “Anak-anakmu, perempuan-perempuanmu, dan orang asing dalam perkhemahanmu, bahkan tukang-tukang belah kayu dan tukang-tukang timba air di antaramu, untuk masuk ke dalam perjanjian Tuhan, Allahmu, iaitu sumpah janji-Nya, yang diikat Tuhan, Allahmu, dengan engkau pada hari ini” (Ulangan 29:11-12).

Apakah yang harus diajar oleh umat-Nya kepada anak-anak mereka? Mereka diminta untuk mengajar anak-anak mereka tentang perbuatan Tuhan dalam sejarah iaitu bagaimana Tuhan telah menyelamatkan mereka dari Mesir. “Di hadapan nenek moyang

mereka dilakukan-Nya keajaiban-keajaiban, di tanah Mesir, di padang Zoan..."(Mazmur 78:12).

Nabi-nabi dalam Perjanjian Lama sering mengingat umat Tuhan akan Perjanjian yang diikat oleh mereka dengan Tuhan. Mereka harus selalu setia kepada Tuhan, dan menyampaikan segala karya Tuhan kepada generasi berikutnya. Sikap yang tidak setia terhadap perjanjian Tuhan mendatangkan penghukuman dan penghakiman Tuhan namun akhirnya Tuhan tetap mengingat perjanjian-Nya dan memulihkan mereka lagi (Yehezkiel 48, Yesaya 54).

Imam Berperanan Penting

Selain pendidikan di rumah, imam-imam memainkan peranan penting dalam pendidikan orang dewasa dan kanak-kanak. Setiap perayaan korban atau perayaan lain telah dijadikan lambang pengajaran kepada umat Tuhan oleh para imam. Segala tanggungjawab kehidupan dan tanggungjawab sivik rakyat Israel, serta hukum Taurat dijelaskan dan diperingatkan oleh imam-imam.

Musa telah memberi perintah kepada para imam, "Apabila seluruh orang Israel datang menghadap hadirat TUHAN, Allahmu, di tempat yang dipilih-Nya, maka haruslah engkau membacakan hukum Taurat ini di depan seluruh orang Israel. Seluruh bangsa itu berkumpul, laki-laki, perempuan dan anak-anak, dan orang asing yang diam di dalam tempatmu, supaya mereka mendengarnya dan belajar takut akan TUHAN, Allahmu, dan mereka melakukan dengan setia segala perkataan hukum Taurat ini, dan supaya anak-anak mereka, yang tidak mengetahuinya, dapat mendengarnya dan belajar takut akan TUHAN, Allahmu, selama kamu hidup di tanah, ke mana kamu pergi, menyeberangi sungai Yordan untuk mendudukinya" (Ulangan 31:11-13).

Orang Bijak Juga Dihormati

Orang bijak juga dihormati sebagai pengajar yang mengajar kebijaksanaan tentang selok belok hidup seperti takut akan Allah, kehidupan menurut cara-cara Allah, keadilan, amaran daripada pengalaman hidup, nasihat kepada pemuda-pemudi agar tidak menyimpang ke jalan orang fasik, penghormatan kepada ibu bapa, dan keangkuhan. Orang bijak ini menjunjung nilai-nilai dan sifat-sifat yang disanjung seperti keberanian, ketulusan, kejujuran, kesalihan,

kesabaran, kecerdasan, kebijaksanaan dan kebenaran. Ajaran-ajaran orang bijak ini bukan ajaran moral yang dirumuskan oleh manusia daripada pengalaman hidup mahupun ketajaman akal mereka melainkan sumbernya hanya daripada mulut Allah. Guru bijak ini mengatakan, “Takut akan Tuhan adalah permulaan pengetahuan, tetapi orang bodoh menghina hikmat dan didikan” (Amsal 1:7).

“Di Israel, di mana diakui “takut akan Tuhan adalah permulaan segala pengetahuan” orang bijak mempunyai peranan yang berbeza daripada orang bijak di negara-negara lain. Beberapa abad setelah zaman Saul, umat pada zaman Yeremia meletakkan orang bijak setaraf dengan imam-imam dan nabi-nabi dalam hal wahyu Allah dan berkata, “imam tidak akan kehabisan pengajaran, orang bijak tidak akan kehabisan nasihat dan nabi tidak kehabisan firman...” (Yeremia 18:18). Kitab Amsal ialah sekumpulan perpatah yang menerapkan kebijaksanaan ilahi kepada kehidupan dunia bagi umat Tuhan. Ia kemungkinan besar melambangkan ajaran-ajaran beberapa orang bijak yang takut akan Tuhan, yang telah hidup untuk beberapa jangka waktu. Sulaiman, selain mengarang Amsal dan menjawab “perpatah rumit” telah mengumpulkannya menjadi ajaran yang ada pada umat pada waktu itu dan kemungkinan untuk berabad-abad ia menjadi ajaran yang teratur.”²⁰

Para Nabi Mengajar Dengan Tema Tertentu

Allah memilih nabi-nabi untuk waktu tertentu dan memberi mereka firman Tuhan yang memiliki tema yang penting bagi umat-Nya. Swift yang menjelaskan tentang pendidikan di zaman kuno Israel berkata nabi-nabi Perjanjian Lama sungguh menyerlah dalam masyarakat.

“Tidak ada negara lain pernah menghasilkan sekumpulan guru agama dan moral yang dapat dibandingkan dengan nabi-nabi negara Israel kuno. Melalui pidato awam dan tulisan-tulisan mereka, mereka telah menjadi pencipta-pencipta ukuran kesempurnaan nasional dan sosial, pengritik-pengritik dan pengilham-pengilham panduan awam, pencela-pencela dosa sosial, pengkhutbah-pengkhutbah kebenaran individu dan sosial, sumber serta saluran pembentukan konsep tinggi tentang Allah, dan misi Israel. Dengan memenuhi setiap kemampuan ini, mereka sedang bertindak sebagai guru-guru awam. Dalam setiap krisis nasional, mereka berada di sana untuk mencela, mendorong, menghibur dan untuk selalu membimbing. Mereka

menjadi hati nurani, jiwa agama, pencipta pandangan awam Israel. Mereka guru yang paling menyerlah, paling dihormati dan paling meyakinkan.”²¹

Seringkali nabi-nabi ini menyampaikan ajaran-ajaran mereka dalam bentuk yang sungguh menarik seperti lambang, alegori, perumpamaan ataupun celaan yang tajam tanpa menggeletek ketiak atau tapak kaki pendengar-pendengar mereka sahaja. Amos menyerang dosa penindasan, kesukaan makan suap, pembulian orang miskin, pengambilan hak orang miskin, dan sikap yang tidak menghormati tempat ibadat. Perkahwinan Hosea dengan Gomer yang selalu tidak setia telah melambangkan sikap umat-Nya yang selalu tidak setia dan memiliki cinta akan Tuhan seperti kabut pagi (Hosea 13:3).

Yeremia menghadapi banyak penganiayaan tetap setia menghadap raja Yoyakim dan rakyat yang mengikut teladan nabi-nabi palsu, dan tidak menghiraukan Tuhan dalam kehidupan mereka. Sebagai nabi dan guru yang bertanggungjawab dan tabah, Yeremia menyuruh Barukh menulis firman Tuhan dalam gulungan dan membacanya di Bait Suci. Sebagai guru, Yeremia juga melambangkan ajarannya dengan gaya kehidupannya. Keseraman waktu itu dilambangkan oleh perintah Tuhan kepada Yeremia agar jangan ke tempat yang beria-ria, tidak beristeri dan beranak, jangan ke rumah perkabungan bahkan tidak boleh ke perjamuan (Yeremia 15:7, Yeremia 16:2,5,8).

Ajaran-ajaran nabi-nabi masih relevan dan akan menusuk pendengar-pendengar zaman moden ini. Guru-guru pendidikan Kristian sesungguhnya akan mendapat permata dalam ajaran mereka daripada ajaran-ajaran yang hidup daripada para nabi. Ajaib, firman Tuhan tentang sosial dan politik sungguh sesuai untuk masyarakat kita. Guru-guru harus rajin menyampaikan ajaran-ajaran nabi ini untuk mendatangkan transformasi yang tulen di Malaysia.

Pendidikan Kristian Sewaktu Pembuangan

Sewaktu berada dalam pembuangan, umat Tuhan menyedari betapa pentingnya kitab Torah (Pentateukh), Kitab Sejarah dan Kitab Nabi-Nabi, Tulisan Kudus (Amsal dan Mazmur), dan juga Misnah iaitu pentafsiran Torah yang diberikan daripada generasi kepada generasi yang lain. Setelah pembuangan, sinagogue telah didirikan dan Para Ahli Taurat telah ditugaskan untuk mentafsirkan kitab-kitab Torah, dan kitab-kitab lain. Rabi adalah orang yang mengaji kitab-kitab dan

dihormati dalam masyarakat. Orang Farisi juga mengaji kitab-kitab dan mula memperkenalkan serta menetapkan halangan dan larangan tambahan agar umat Tuhan tidak melanggar firman Tuhan. Setiap Hari Sabat mereka akan berkumpul untuk membaca Torah, melafazkan Shema, dan berkat-berkat akan diberikan. Ibu bapa yang belajar dari sini akan berusaha mengajarnya lagi kepada anak-anak mereka.

Pendidikan Dalam Perjanjian Baharu

Pendidikan dalam Perjanjian Baru didasarkan pada ajaran Yesus Kristus, khutbah-khutbah para rasul dan tulisan mereka, contohnya tulisan surat-surat Paulus yang selalu menghuraikan nubuat-nubuat dan firman Tuhan dalam Perjanjian Lama. Tuhan Yesus mementingkan firman Tuhan, “Tetapi Yesus menjawab: ‘Ada tertulis: Manusia hidup bukan dari roti sahaja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah’ (Matius 3:4).

Ajaran Tuhan Yesus dan Diri-Nya berkaitan erat dengan berita dalam Perjanjian Lama. Tuhan Yesus berkata Dia tidak datang untuk meniadakan Perjanjian Lama malahan mengenapinya; Dialah Mesias yang dinubuatkan para nabi dalam Perjanjian Lama (Lukas 4:18-19).

Keempat-empat Injil juga menggambarkan Tuhan Yesus sebagai seorang guru yang sungguh istimewa. Tidak pernah ada yang mengajar sebaik Tuhan Yesus. Sebagai seorang mentor, Yesus memberi Diri bukan sekadar ajaran-Nya bahkan seluruh kehidupan-Nya menjadi korban bagi mereka. Kekudusan-Nya, kasih-Nya bagi domba-domba sesat dan ketegasan-Nya terhadap ajaran yang salah sungguh tegas.

Tuhan Yesus, satu-satunya Guru yang Maha Tahu; Dia tahu segala yang berada dalam benak fikiran dan hati seseorang sebelum Dia mengajarnya. Dia mengetahui wanita yang mengambil air di perigi sudah bersuami lima kali. Sebagai seorang guru, Dia bukan sahaja menguasai subjek yang akan diajari-Nya malah Dia sudah meresapi firman Tuhan dalam batin-Nya. Ketika Iblis menguji-Nya, sekalipun dalam keadaan lemah jasmani kerana baru berpuasa, tetap Dia menangkis segala lontaran Iblis dengan firman-Nya.

Kaedah mengajar Yesus canggih. Kemampuan-Nya untuk menggunakan perumpamaan dan cerita tiada tolak banding. Pertanyaan yang diajukan kepada semua pelajar-Nya mampu mencelik mata rohani mereka. Dia menolong para murid-Nya memahami bagaimana menerapkan firman-Nya dan mengalami transformasi. Pengajaran-Nya

menyentuh hati. “Dan setelah Yesus mengakhiri perkataan ini, takjublah orang banyak itu mendengar pengajaran-Nya, sebab Dia mengajar mereka sebagai orang yang berkuasa, tidak seperti Ahli-Ahli Taurat mereka” (Matius 7: 28-29). Pengajaran Tuhan Yesus sungguh berkesan kerana Dia mengajar dengan kuasa ilahi bukan hikmat manusia.

Dia tidak takut menentang ajaran golongan Farisi yang berbelit dan bersikap berlebihan. Tuhan Yesus tidak berkompromi dengan pandangan duniawi demi memenangi hati imam besar atau golongan berkuasa. Dia bersabda dengan keyakinan atas autoriti Bapa-Nya. Mengutik-ngutik telinga domba-Nya tidak pernah terjadi dalam ajaran-Nya. Yang penting dalam ajaran-Nya, Dia menyenangkan dan memuliakan hati Bapa-Nya. Biarpun manusia mengusir dan menentang-Nya, Dia tidak kecewa memberitakan kebenaran yang sejati.

Tuhan Yesus menjunjung Taurat dan memperbaiki pemahaman salah. Contohnya apabila mereka memberi alasan tidak memberi kepada ibu bapa sebab mereka telah memberi kepada Allah, Tuhan Yesus segera menegur mereka. Dia menegaskan bahawa memelihara ibu bapa sesuai dengan Taurat. Mereka mesti menunaikan kewajiban mereka terlebih dahulu daripada memberi di Bait Allah. Pada waktu para Farisi mentafsir Taurat dengan kurang tepat, Tuhan Yesus segera menegur, “Adakah engkau akan membiarkan domba engkau jatuh ke longkang pada Hari Sabat dan tidak menolongnya?”

Berita Baik

Tuhan Yesus memberitakan Berita Baik tentang kerajaan Allah, perhubungan manusia dengan Allah, perhubungan manusia dengan sesama, Roh Kudus, kerajaan Allah, perhubungan manusia dengan Allah Bapa, perhubungan manusia dengan Diri-Nya, kepentingan menjadi garam dan terang, cara berdoa, penggunaan bakat, komitmen kepada Allah, syurga dan neraka, dan juga masa yang akan datang iaitu unsur eskatologikal.

Tuhan Yesus menekankan kepentingan menghasilkan buah-buah transformasi dengan tinggal dalam-Nya dengan setia. Secara kreatif, Dia menghuraikan bahawa seseorang hanya boleh berbuah kalau dia tinggal dalam-Nya. “Akulah pokok anggur yang benar dan Bapa-Kulah penguasanya. Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah, dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya ia lebih banyak berbuah” (Yohanes 15:1-2).

Tuhan Yesus mementingkan penginjilan dan pengajaran firman-Nya sehingga Injil menyebar ke seluruh dunia. Amanat Agung yang diberikan-Nya ialah, “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman” (Matius 28:19-20).

Pemilihan Dua Belas Murid

Tuhan Yesus memilih dua belas murid, meluangkan banyak waktu mengajar mereka agar mereka dapat mengajar orang lain. Kata nama disciple (murid) dalam bahasa Yunani bererti “mathetes” berasal daripada kata kerja “manthano” yang bererti untuk belajar. Para murid-Nya mengikut Dia ke mana sahaja dan belajar daripada-Nya. Dia menggunakan pelbagai keadaan sesuai untuk mengajar mereka: sewaktu makan, menyembuh orang, mengusir iblis, menangkap ikan atau setelah menghadapi musuh yang menyerang-Nya. Dia memerhatikan saat yang paling subur untuk menanam benih kebenaran. Sewaktu Dia melihat burung, rumput, dan bunga, Dia menyampaikan pelajaran tentang kekhuatiran. Burung, rumput dan bunga tidak perlu mengkhawatiri apa-apa kerana Bapa Syurgawi selalu mendandani mereka apalagi kasih-Nya terhadap manusia. Banyak perumpamaan yang mengajar pokok iman diajari-Nya dengan kreatif.

Pengajaran-Nya yang tidak formal ini disampaikan tanpa power point tetapi dengan rumput dan bunga yang melambai-lambai gembira di bawah sinaran matahari.

Dua belas murid yang dipilih-Nya kemudian menjadi tiang-tiang gereja yang melanjutkan Berita Baik dan melebarkan kerajaan Allah. Strategi mengajar dua belas murid dengan penuh hati telah mendatangkan hasil luarbiasa. Karya Roh Kudus dan benih-benih kebenaran yang ditanamkan oleh Tuhan Yesus telah mendatangkan buah dalam murid-Nya Petrus. Inilah yang dikatakan mengenai Petrus, “Dan dengan banyak perkataan lain lagi dia memberi satu kesaksian yang sungguh-sungguh dan dia mengecam dan menasihati mereka, katanya: ‘Berilah dirimu diselamatkan dari angkatan yang jahat ini.’ Orang-orang yang menerima perkataannya itu memberi diri dibaptis dan pada hari itu jumlah mereka bertambah kira-kira tiga ribu jiwa” (Kisah Para Rasul 2:40-41).

Tradisi Kerasulan

Amanat Agung dan segala perintah-Nya sungguh berkuasa dan berkesan kepada murid-murid Tuhan Yesus. Pada Hari Pentakosta, para murid ini berubah daripada murid-murid yang takut menjadi rasul yang berkhotbah dengan begitu berkuasa. Mereka yang menerima Kristus setelah khutbah Petrus menetap bersama-sama dengan para rasul dalam pengajaran (Kisah Para Rasul 2:42, Kisah Para Rasul 5:42). Ajaran para rasul menekankan tentang kematian, kebangkitan dan kenaikan Tuhan Yesus. Dalam surat-surat Rasul Paulus, Paulus telah mengembang pelbagai tema seperti penyelamatan, membenaran, pengudusan, pemilihan, penderitaan, perdamaian, dan sebagainya sehingga iman Kristian mewarisi teologi mendalam daripada rasul Paulus.

Gereja awal sangat mementingkan ajaran kepada penganut-penganut baru agar mereka dapat bertumbuh dan diperlengkapi untuk melayani. Barnabas yang diutus ke Antiokia menasihati mereka agar tetap setia kepada Tuhan. Lalu dia pergi mencari Saulus dan membawanya ke Antiokia dan bersama-sama mereka mengajar di sana, “Mereka tinggal bersama-sama dengan jemaah itu satu tahun lamanya, sambil mengajar banyak orang. Di Antiokialah murid-murid itu pertama kalinya disebut Kristian” (Kisah Para Rasul 11:26). Gereja awal sungguh mementingkan pengajaran firman Tuhan dan persekutuan yang penuh kasih sayang.

Paulus juga menekankan kepentingan pengajaran dalam surat-surat Timotius. Timotius diminta untuk mengobarkan karunia mengajarnya. Paulus menegaskan pengajaran firman Tuhan yang tepat yang telah diilhamkan untuk menolong manusia (1 Timotius 4:6). Timotius diminta untuk mengajar kepada generasi yang lebih muda yang boleh mengajar firman Tuhan kepada generasi yang selanjutnya (2 Timotius 2:2). Pemimpin-pemimpin rohani di gereja juga harus mempunyai kemampuan mengajar (2 Timotius 2:24).

Surat-Surat Alkitab Mementingkan Pengajaran

Dalam Kitab Ibrani, pengarangnya mementingkan pendidikan demi kedewasaan orang yang percaya. Pengarangnya menegur, “Sebab sekalipun kamu, ditinjau dari sudut waktu, sudah seharusnya menjadi pengajar; kamu masih perlu diajarkan asas-asas pokok dari pernyataan Allah, dan kami masih memerlukan susu, bukan makanan keras” (Ibrani

5:11-6:3). Pengarang Ibrani menegur, walaupun para pembacanya sudah menjadi guru-guru sebenarnya mereka perlu diajari yang dasar lagi.

Dalam Yakobus pula, para murid juga perlu membuktikan buah-buah kedewasaan. Kedewasaan seseorang guru diukur berdasarkan pengawalan lidahnya. Yakobus dengan tegas menegur, “Saudara-saudaraku, janganlah banyak orang di antara kami mahu menjadi guru; sebab kita tahu, bahawa sebagai guru kita akan dihakimi menurut ukuran yang lebih berat”(Yakobus 3:1). Mereka juga ditegur kerana memperlakukan orang miskin dan orang kaya dengan sikap yang berlainan.

Dalam Surat 2 Timotius, pengajaran tepat dan setia sangat penting bagi membangun jemaah dan memperlengkapi mereka demi segala pekerjaan baik. “Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Dengan demikian tiap-tiap manusia kepunyaan Allah diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik” (2 Timotius 3:16,17). Selain itu, pengajaran firman Tuhan mesti dijunjung setia demi untuk menangkis ajaran palsu yang menyeleweng jemaah Tuhan.

Dalam Perjanjian Baru, pendidikan Kristian sangat penting dalam keluarga sejak kecil. Timotius mendewasa sebagai pemuda yang baik kerana dia memiliki nenek dan ibu yang soleh dan yang mengajarnya dengan baik (2 Tim 3:15). Pengajaran firman Tuhan sangat penting sewaktu jemaah awal bersekutu dan mengadakan Perjamuan Kudus.

Rasul Paulus dalam 2 Timotius 1:13 meminta jemaahnya untuk berpegang pada ajaran yang sihat. Mereka diingatkan agar jangan bersilat kata (2 Timotius 2:14). Seorang hamba Tuhan akan berusaha layak di hadapan Allah dan berterus terang menyatakan kebenaran (2 Timotius 2:15). Timotius harus menggunakan firman Tuhan sebagai pedang untuk melindungi gereja daripada ajaran sesat.

Firman Tuhan dan ajaran murni sungguh penting kerana ia akan mendatangkan pertumbuhan gereja serta menolong jemaah membezakan antara ajaran sihat dan sesat. Paulus ingin Timotius mengasah firman Allah dengan rajin lalu mengajarnya kepada generasi yang berikut agar mereka juga boleh menurunkan khazanah yang berharga ini.

Teguran Dalam 1 dan 2 Petrus

Petrus mengajar tentang penderitaan dan mengingat para penatua tentang tanggungjawab mereka untuk menjadi pemimpin-pemimpin yang berteladan kepada domba-dombanya. Petrus seperti Paulus mementingkan tanggungjawab guru-guru untuk menolong umat Tuhan menjadi pelajar firman Tuhan yang baik. Mereka tidak boleh mengikut dongeng-dongeng isapan jempol manusia. Firman Tuhan bagai terang dan bintang timur, fajar dan pelita yang menyinari hati mereka. Tafsirannya haruslah tepat dan tidak boleh menurut keinginan sendiri (2 Petrus 1:16-21).

Yudas menegaskan mereka yang terdidik dapat menghadapi pencubaan dan ajaran palsu di sekeliling mereka. “Akan tetapi kamu, saudara-saudaraku yang kekasih, bangunlah dirimu sendiri di atas dasar imanmu yang paling suci dan berdoalah dalam Roh Kudus. Peliharalah dirimu demikian dalam kasih Allah, sambil menantikan rahmat Tuhan kita, Yesus Kristus untuk hidup yang kekal” (Yudas 20-21).

Kitab Wahyu memandang penganutan ajaran palsu oleh gereja Pergamus sebagai dosa yang berat. “Tetapi Aku mempunyai keberatan terhadap engkau di antaramu ada beberapa orang yang menganut ajaran Bileam, yang memberi nasihat kepada Balak untuk menyesatkan orang Israel, supaya mereka makan persembahan berhala dan berbuat zina. Demikian juga ada padamu orang-orang yang berpegang kepada ajaran pengikut Nikolaus” (Wahyu 2:14-15). Kitab Wahyu menggambarkan Tuhan sebagai Tuhan yang tidak bertolak ansur terhadap mereka yang menyambut ajaran palsu. Jemaah Tiatira yang menerima ajaran guru palsu Izebel akan menerima padahnya (Wahyu 2:20).

Pendidikan Gereja Awal

Kemudian pengajaran gereja mengalih daripada gerakan Yahudi kepada gerakan yang bukan Yahudi setelah semakin banyak orang Kafir memasuki kerajaan Tuhan. Penganiayaan yang ngeri mendesak pengajaran yang lebih kukuh di kalangan orang Kristian. Pelbagai tuduhan dan berita kepalsuan dilontarkan terhadap orang Kristian. Setelah beberapa abad, pelbagai corak ajaran mulai muncul dan memerlukan pembela-pembela iman terhadap pelbagai tuduhan dan penganiayaan. Pembelaan mereka bukan hanya ditujukan kepada pemerintah Rom tetapi juga dibaca oleh semua pemimpin gereja yang menggunakannya untuk mengajar jemaah mereka.

Uskup-uskup kemudian menjabat jabatan mengajar doktrin di daerah masing-masing; mereka akan membimbing para pemimpin gereja dan orang yang baru memeluk iman. Sekolah Catechumenal wujud untuk melatih mereka yang mahu dibaptis. Catechumenal dalam Bahasa Yunani ialah “Mengajar.” Mereka diajar mendengar khutbah dan belajar berdoa, menerima bimbingan dasar doktrin selama dua tahun sebelum dibaptiskan.

“Menjelang akhir abad yang kedua, Sekolah Catechumenal ini mulai meluaskan kurikulum mereka untuk mencakupi latihan teologia yang lebih tinggi seperti falsafah, logik, dan retorik. Salah satu peranan Sekolah-Sekolah Catechumenal atau Sekolah Cathedral ini wujud untuk menentang ajaran-ajaran sesat yang menyelinap masuk ke gereja setelah kematian para rasul.”²²

Pada abad awal, bapa-bapa gereja yang terkenal telah muncul untuk mempengaruhi Kristianiti. Bapa-bapa gereja ini bertanggungjawab mengembalakan gereja di tengah-tengah masyarakat yang bermusuhan dengan iman Kristian. Mereka bertanggungjawab mentafsir ajaran Kristus kepada mereka. Bapa-bapa gereja yang terkenal ialah Tertullian, Arnobius, Yerome dan Augustine sangat arif mengajar dan menulis.

Tertullian (150-230) ialah seorang peguam yang banyak belajar. Dia tidak bersetuju menggabungkan Kristianiti dengan falsafah. Dia berpendapat tujuan mempelajari sastra kafir hanya untuk menentang kesalahan bukan untuk maksud lain. Bukunya Apologeticus merupakan pembelaan cemerlang terhadap penyerang-penyerang Kristianiti. Selain Tertullian, bapa gereja lain yang bernama Arnobius (325) telah menulis tujuh buku membela Kristianiti.

Yerome (140-420) paling terkenal dengan penterjemahan Alkitab ke dalam Bahasa Latin yang dikenali sebagai Vulgate daripada Akitab Ibrani dan Yunani. Selain itu, dia menulis tentang pendidikan bagi gadis-gadis dan juga prinsip mengaji Alkitab. Seorang bapa gereja lain yang kehebatannya setanding dengan ahli-ahli falsafah-falsafah lain ialah Santo Augustine (354-450). Dia mempunyai ibu Kristian namun bapanya seorang kafir. Dia menegaskan kepentingan mengajar menurut keperluan setiap individu dan menulis banyak tentang pendidikan. Dia mementingkan pengetahuan yang dimiliki seorang pelajar sebelum

belajar. Menurutny, guru harus membuat muridnya memahami dan bukan sekadar mendengar sahaja. Akal, menurutny, telah diberikan oleh Tuhan kepada manusia untuk memahami segala sesuatu.

Zaman Pertengahan (500-1300)

Pada zaman pertengahan, gereja berpengaruh besar dalam kebudayaan Barat, dan masyarakat mulai bersandar kepada gereja untuk pendidikan. Masyarakat pada waktu itu dibahagikan kepada beberapa lapisan. Yang tertinggi terdiri daripada golongan paderi dan imam, kemudian satria dan bangsawan, akhirnya orang awam. Tanggungjawab para paderi ialah berdoa untuk semua orang, satria melindungi semua orang dan orang awam menyediakan makanan untuk mereka. Pendidikan dasar diberikan kepada kaum awam. Beberapa topik yang sering diajari kepada mereka ialah Sepuluh Hukum, Tujuh Dosa yang Mematikan, Tujuh Sifat Unggul yang Utama, Pengakuan Iman Rasuli, dan Doa Bapa di Syurga. Kaedah pengajaran kepada golongan ini hanya hafalan dan jarang ada perbincangan. Golongan bangsawan menerima lebih banyak didikan dalam ajaran rohani dan selain itu mereka juga dilatih dalam sukan, ketenteraan, seni berpidato, tatacara, dan Bahasa Latin.

Imam juga dihormati dan disegani oleh masyarakat; mereka berminat belajar Ilmu Hisab, cara berdoa, cara membaca Alkitab. Sekolah Catechal juga berkembang menjadi universiti yang memberi lebih banyak mata pelajaran seperti falsafah, perubatan, astronomi, ilmu hisab, retorik, teologia dan sebagainya. Guru-guru seperti Anslem, Peter Abelard, Tomas Aquinas yang mengahwini teologia dan falsafah telah memberi pengaruh kuat dalam ajaran dan pembelaan iman mereka.

Pada zaman ini juga muncul aliran scholasticisme yang bertujuan mengembang kepercayaan menjadi satu sistem kepercayaan yang boleh menentang segala serangan. Anslem (1033-1109) membenteng bahawa iman mesti mendahului akal. Thomas Aquinas (1225-1274) pula mengatakan Tuhan ialah sumber segala kebenaran maka kebenaran tidak bertentangan dengan akal, dan tidak perlu membezakan keduanya.

Golongan mistik pula mempercayai kita tidak boleh hanya menumpukan kepada akal tanpa menghiraukan emosi dan kehendak manusia. Langkah pertama ialah menguduskan diri dan mencerahkan batin melalui kebenaran Alkitab. Setelah itu pengikut-pengikut

diharapkan melakukan kebajikan dan menurut teladan Kristus. Golongan “Brethren of the Common Life” berusaha memperbaharui pengajaran dan mengilhamkan ajaran tulen daripada Alkitab.

Zaman Pembaharuan dan Reformasi (1350-1600)

Pada zaman ini pembaharuan bermula dan penduduk tidak ingin selalu tertunduk kepada raja mahupun paus. Pada abad yang kedua belas, banyak faktor menyumbang kepada kemerosotan gereja Rom. Cara gereja Rom membela kebenaran Tuhan dengan akal mula dipersoalkan kerana kebenaran diukur berdasarkan logik Aristotle dan juga dogma. Cushman seorang sejarahwan memperhatikan, *“Ini bererti pembelaan sesuatu yang tidak ada bercacat cela dan diwahyukan dengan sesuatu ukuran yang tidak sempurna dan sekular.”*²³

Perkembangan golongan mistik semakin melemahkan sistem kawalan gereja Rom kerana pendekatan pencarian Tuhan mereka lebih bersifat individualistik. Cara mencari Tuhan ini semakin meniadakan peranan gereja untuk berfungsi sebagai pengantara antara manusia dan Tuhan. Selain daripada golongan mistik ini, aliran nominalisme yang menekankan pendapat individu, menentang tradisi, dan mengutamakan pengalaman praktis telah mementingkan sains daripada kebenaran rohani.

Faktor-faktor lain yang melemahkan gereja Rom ialah penciptaan baru, penemuan baru dalam bidang pengetahuan, perasaan tidak puas terhadap ekonomi, perubahan sosial dan institusi, dan kekacauan politik. Penemuan Amerika oleh Columbus dan penemuan perjalanan laut ke India merangsang manusia untuk mencapai yang tertinggi dalam pelbagai bidang maka mereka tidak puas menerima sumber mereka hanya daripada Gereja Rom. Galileo, Newton, dan Descartes merumuskan bahawa dunia ini dikawal oleh hukum alamiah. Corpenicus pula berpendapat bahawa bumi mengelilingi matahari. Semua ini mencetuskan reformasi dan pembaharuan yang mengakibatkan kemerosotan gereja Rom.

Golongan yang paling berkesan ialah “Brethren of the Common Life” yang menegaskan keperluan untuk kembali ke Alkitab. Mereka menterjemah Alkitab ke dalam bahasa penuturnya dan mengajukan ketulenan serta pembentangan Injil yang sederhana dan bukan dengan pendekatan rumit seperti orang Kristian awal. John Wycliffe berpendirian bahawa kewibawaan dan autoriti Alkitablah yang

tertinggi. Penterjemahan Alkitab ke dalam Bahasa Inggeris olehnya dianggap sebagai “Bintang Fajar Reformasi.”

Minat membaca Alkitab dalam bahasa ibunda telah menimbulkan kerinduan untuk iman yang lebih murni dan sejati. Penciptaan mesin pencetakan pun telah mengakibatkan orang awam lebih banyak membaca dan lebih berpengetahuan serta berfikiran tajam. Pendirian gereja dicabar dan pendidikan Kristian mulai mengalami pembaharuan.

Martin Luther, pemimpin gerakan pembaharuan di negara Jerman membawa banyak reformasi dan pembaharuan terhadap pendidikan Kristian. Beliau mementingkan autoriti Alkitab dan menekankan “Yang benar akan hidup berdasarkan iman.” Pembeneran seseorang individu itu menurutnya harus didasarkan pada iman. Dia berjuang untuk pendidikan kaum awam dan mendorong kaum awam membaca serta merenungi firman secara kritis. Menurutnyanya pemuda-pemudi harus dididik untuk melayani gereja, negara dan masyarakat secara umum.

Beliau mementingkan pendidikan kanak-kanak tanpa menghiraukan latar belakang keluarga mereka dan juga penyediaan Alkitab dalam bahasa asli mereka. Alkitab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dan ibu bapa digalakkan untuk menitikberatkan pendidikan Kristian di rumah. Luther menasihati masyarakatnya agar jangan menjadi bapa kalau mereka tidak tahu mengajar Alkitab kepada anak-anak mereka. Menurutnyanya, guru-guru tidak sekadar memberi jawapan sahaja tetapi mereka juga perlu menolong anak-anak memahami ajaran mereka.

Pemimpin-pemimpin lain seperti John Knox, Calvin, Zwingli juga mengembangkan pendidikan kanak-kanak di sekolah. Gerakan-gerakan lain dalam zaman ini ialah Amish, Puritans, Baptists, dan Mennonites.

Kurikulum yang digunakan pada zaman reformasi, Lutheran Augsburg dan Reformed Heidelberg memuat pertanyaan-pertanyaan dan jawapan-jawapan tentang iman kepercayaan. Zaman Reformasi ini juga menekankan bahawa setiap orang yang percaya adalah imam dan mereka harus membaca serta memastikan mereka hidup sesuai dengan Alkitab. Zaman Reformasi tidak membezakan pendidikan rohani antara golongan kaya dan miskin. Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Universiti telah menggabungkan mata pelajaran humanistik dan agama.

John Calvin (1509-1564) merumuskan satu sistem teologi dan mendirikan sekolah-sekolah serta mementingkan pendidikan. Selain

itu, Calvin percaya bahawa ibu bapa harus mendidik anak-anak mereka dengan sebaik-baiknya dan mereka harus menghadiri Sekolah Minggu. Dia menulis buku-buku panduan untuk mengajar kanak-kanak dan memanggil semua guru untuk mengajar Alkitab, pembacaan, tatabahasa dan Ilmu Hisab. Dia mengatur sekolah menengah untuk melengkapi pemuda-pemudi dalam pelayanan dan perkhidmatan kepada negara. Kurikulum humanistik dan agama digabungkannya; Mazmur dinyanyikan, doa-doa dinaikkan setiap hari, dan Alkitab dibaca setiap hari. Beliau mendirikan universiti Geneva yang terkenal sebagai pusat sastra dan teologi bagi Protestan di Eropa Barat.

Mazhab Yesuit (1491-1556)

Suatu gerakan muncul dalam gereja untuk mengukuhkan kedudukan Paus di tengah-tengah pembaharuan dan reformasi ini. Ignatius Loyola yang menemukan persatuan Yesus yang lebih dikenali sebagai Mazhab Yesuit. Mazhab ini bercita-cita melatih murid-murid menjadi pemimpin dalam gereja atau negara. Pendidikan telah disaluti prinsip-prinsip keagamaan dan amanat. Setiap guru harus mengajar setiap murid sehingga mereka dapat mengasihi Pencipta dan Penebus mereka. Sekolah akan dimulai dan diakhiri dengan doa. Catechisme telah dilancarkan dalam setiap kelas dan kelas yang tinggi akan mempelajari pembelaan agama. Guru-guru tidak hanya mengajar dalam kelas tetapi mereka juga mengambil berat akan murid-murid dan berinteraksi secara peribadi dengan mereka. Sistem pendidikan Yesuit sangat teliti dan teratur. Murid-murid diajar tentang hafalan dan cara mengulang kaji. Minat dan motivasi murid-murid dipupuk melalui pemberian hadiah, menentukan tingkat kemajuan, dan persaingan yang sihat.

Sekolah Minggu dan Sejarahnya

Ciri-ciri sekolah seperti Sekolah Minggu sudah wujud sejak zaman Abraham. Perjanjian Lama mencatat bahawa Abraham mengajar hamba-hambanya dan juga kanak-kanak kecil (Kejadian 14:14; 18:19; 22:7). Taurat Musa mementingkan pembelajaran dan pembacaan Taurat bersama-sama dalam kalangan umat Tuhan. Raja Yosafat menempatkan pemimpin-pemimpin pendidikan ke seluruh Yehuda untuk mengajar firman Tuhan. “Mereka memberikan pelajaran di Yehuda dengan membawa kitab Taurat Tuhan. Mereka mengelilingi semua kota di Yehuda, sehingga mereka tiada berani berperang

melawan Yosafat (2 Tawarikh 17:9). Yosia juga mementingkan pembelajaran Taurat (2 Raja-Raja 23:1-3).

Kewujudan Sekolah Minggu sekitar 1780 merupakan satu tindakan yang diambil oleh golongan Protestan untuk pembaharuan di tengah-tengah sekularisme dan rationalisme dalam pendidikan. Sekolah Minggu diselenggarakan pada hari minggu dan nama-nama lain yang pernah diberikan kepadanya ialah Sekolah Sabath, Sekolah Alkitab, yang berlainan daripada sekolah Kristian harian. Sekolah Minggu pada waktu itu biasanya diadakan selama sejam untuk memenuhi keperluan rohani umat Kristian.

Sekolah Minggu diwujudkan apabila terjadi perpisahan antara pendidikan sekular dan agama. Segolongan wanita dan lelaki yang mengambil akan pendidikan firman Tuhan yang terabai dalam kehidupan umat Kristian memulakan Sekolah Minggu yang tidak berada di bawah naungan gereja, sebaliknya gereja menentanginya namun ia berkembang.

Permulaan sekolah minggu baru (1735-1811) bermula dengan usaha seorang penyunting kaya, Robert Raikes di Gloucester yang sungguh mengambil berat budak-budak nakal di tempat tinggalnya. Beliau begitu tekun melaksanakan segala kerja yang mendatangkan kebaikan kepada masyarakatnya sehingga dia menerima nama panggilan, "Bobby Wild Goose." Keadaan masyarakatnya sungguh melarat sehingga penduduk tinggal bersama-sama ayam, babi dan angsa di sekelilingnya, hanya orang kaya berkesempatan pergi ke sekolah rendah.

Di Gloucester tinggal kanak-kanak kasar yang selalu riuh yang bekerja di kilang-kilang. Setiap minggu mereka bermain, bergaduh, mengutuk, bertumbukan dan mengganggu orang dewasa di kawasan itu. Robert Raikes mengumpulkan mereka di dapur yang dinamakan dapur Puan Meredith kerana takut mereka akan bertumbuh menjadi penjahat. Budak-budak begitu jahat sehingga guru Sekolah Minggu pertama, Puan Meredith pun mengangkat tangan. Kemudian, Puan Mary Critchley yang lebih arif mengajar diupah. Budak-budak yang berdisiplin dihadahi dengan Alkitab, buku-buku, permainan, dan baju. Selain mengajar Alkitab, Sekolah Minggu yang pertama ini mengajar mereka menulis dan membaca. Sekolah minggu kemudian berkembang menjadi satu gerakan. Walaupun ada yang menentang Sekolah Minggu namun ada yang menyokong kebaikan Sekolah

Minggu. John Wesley yang melihat pembaharuan yang didatangkan Sekolah Minggu banyak menyokong gerakan sekolah minggu, dan menjadikannya sebahagian yang penting dalam Methodisme.

Sekolah minggu di Amerika dimulakan berdasarkan model sekolah minggu di Inggeris pada tahun 1785. Sekolah minggu bermula di Virginia kerana kekurangan kesempatan pendidikan bagi kaum awam. Encik William Eliot terbeban untuk meluangkan setiap hari Ahad untuk mengajar anak-anak sendiri, dan hamba-hambanya yang bekerja di kebunnya. Kanak-kanak yang tinggal di sekitar rumahnya turut diundang untuk menghadiri sekolah minggu ini. Gerakan sekolah minggu tercetus sehingga pada tahun 1790, penduduk di Philadelphia membentuk persatuan sekolah minggu yang dikenali, "First Day or Sabbath School Society."

KESIMPULAN

Pendidikan Kristian mempunyai khazanah kaya daripada firman Tuhan dan perlu dihulurkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Kita melihat pada setiap era, perkembangan yang berlainan terjadi. Seringkali kita melihat perkembangan suatu usaha untuk menjunjung firman Tuhan dalam arena kehidupan, pekerjaan, sosial, pelayanan dan pendidikan. Pendidikan Kristian di Malaysia, khususnya gereja Bahasa Malaysia memerlukan perkembangan kurikulum yang mantap bagi semua peringkat umur. Walaupun gereja Bahasa sungguh bersemangat dalam ibadat, pendidikan Kristian tetap sering diabaikan. Berapakah gereja yang mengadakan pengajian Alkitab serius dan mementingkan sumber-sumber atau bahan-bahan pendidikan yang penting bagi membangun gereja dan mentransformasi kehidupan suku-suku yang mempercayai-Nya? Berapakah John Calvin atau Martin Luther yang mementingkan pendidikan Kristian akan muncul membela iman kita di tengah-tengah cabaran agama lain dalam masyarakat kita?

BAB 4 : SAYA CIKGU SEJATIKAH?

Matlamat pendidikan Kristian yang tertinggi ialah mempersembahkan setiap murid dalam keadaan yang terbaik kepada Allah. “Dialah yang kami beritakan, apabila tiap-tiap orang kami ajari dalam segala hikmat, untuk memimpin tiap-tiap orang kepada kesempurnaan dalam Kristus” (Kolose 1:28). Guru-guru rindu agar satu kedewasaan iman terjadi dalam murid-murid mereka, “Sampai kita semua telah mencapai satu kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah, kedewasaan yang penuh, dan tingkat pertumbuhan yang sesuai dengan kepenuhan Kristus” (Efesus 4:13).

Guru-guru Kristian sejati ingin pelajar-pelajarnya mengenal Tuhan Yesus, mengalami transformasi serta mengalami pertumbuhan rohani. Pembentukan peribadi menurut gambaran Kristus Yesus juga menjadi impian guru-guru Kristian. Selain itu, mereka juga bercita-cita mencetus keinginan dalam pelajarnya untuk mencari kebenaran daripada firman Tuhan serta memahami panggilan dan pelayanan mereka.

Roh Kudus Yang Menyirami

Guru Kristian perlu berlutut serta berdoa agar pelajar-pelajar mereka mengalami pertumbuhan dan transformasi. Dia akan meminta kebijaksanaan daripada Roh Kudus untuk menyentuh hati pelajar-pelajarnya. Nabi Yeremia dan nabi Yehezkiel sudah bernubuat sejak zaman dahulu bahawa tidak ada orang dapat mengubah hati seseorang kecuali Allah dan Roh Kudus-Nya. “Roh-Ku akan Kuberikan diam di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat” (Yehezkiel 36:26).

Setiap guru perlu sedar dia hanya bejana Tuhan untuk menabur, menyiram, dan membaja; Tuhan akan membawa keberkesanan dalam tugas pengajarannya. “Tetapi apabila Dia datang, iaitu Roh Kebenaran, Dia akan memimpin kamu di dalam seluruh kebenaran; sebab Dia

tidak akan berkata-kata daripada diri-Nya sendiri, tetapi segala sesuatu yang didengar-Nya itulah yang dikatakan-Nya dan Dia akan memberitakan kepadamu apa yang diterima-Nya daripada-Ku” (Yohanes 16:13).

Sikap Guru Kristian Terhadap Pelajar

Sikap guru terhadap murid-muridnya mempengaruhi proses pembelajaran. Adakah guru menghormati setiap murid sebagai individu unik dan berkemampuan untuk belajar? Pelajar-pelajar sungguh peka, mereka segera tahu sikap guru terhadap mereka. Dengan cepat, mereka akan mengetahui sama ada guru mereka menyukai mereka atau tidak. Guru mesti menunjukkan bahawa mereka berminat kepada pelajar-pelajar lebih daripada kandungan pelajaran yang disampaikan.

Untuk mengenali murid-murid, seorang guru perlu berminat terhadap keluarganya, kawan-kawannya atau hobinya. Guru boleh mengambil berat akan masalah, cabaran, dan kegembiraan pelajar. Guru yang berusaha memupuk persahabatan ibarat petani yang membajak tanahnya agar lunak untuk benih yang ditaburkan.

Penginjian dan pemuridan seorang murid berkaitan rapat dengan perhubungan peribadi seorang guru dan muridnya. Pelajaran yang diajar tidak terbatas pada suasana kelas tetapi persahabatan di luar kelas. Sarah dan Sam mengajar para remaja bukan sekadar di kelas. Kadangkala Sarah membawa kek ke kelas dan menikmati saat gelak tawa muridnya. Suaminya, Sam membawa para remaja ke ladang kupu-kupu. Para remaja yang mempunyai masalah tidak malu mendapat kaunseling daripada mereka kerana mereka mengenal cikgu mereka.

Tidak Memilih Bulu

Tuhan Yesus tidak memilih bulu, Dia tidak hanya mengajar murid-murid pandai. Dia tidak pernah berkesimpulan minda seorang anak belum cukup dewasa untuk menerima firman Tuhan. Dia percaya transformasi berada di ambang pintu seorang anak bahkan Dia membawa seorang anak dan menjadikannya teladan jenis orang yang dapat masuk ke dalam kerajaan Allah kerana sikap rendah hati. Para murid-Nya bahkan dapat belajar daripada sikap ini dan berubah daripada sikap yang angkuh dan keinginan untuk saling bersaing (Matius 18:2-6).

Dia mengajar yang tersingkir dan terpinggir oleh masyarakat dengan kasih sayang yang sama. Orang Kusta yang dijauhkan masyarakat mendekati Tuhan Yesus dan meminta pertolongan daripada-Nya. Wanita sundal yang dipandang jijik oleh masyarakat dianggap-Nya jiwa berharga dan perlu diselamatkan. Orang buta dan lumpuh yang tidak diperhatikan oleh masyarakat dijangkau tanpa memilih bulu.

Guru harus menganggap pelajarnya sebagai individu unik dan mempunyai harga diri masing-masing. Guru tidak boleh memilih untuk mengajar mereka yang bersepadu dengan gaya dan sifatnya. Setiap pelajar datang dengan pengalaman rohani berbeza-beza. Sumbangan mereka memperkayakan kelas. Murid tidak akan menolak apa yang diterimanya kalau mereka tahu cikgunya tidak pilih bulu, ataupun meremehkan kebolehan mereka untuk belajar.

Paulus menjalin perhubungan erat dengan anak rohaninya, Timotius dan keluarganya. Seorang guru tidak bersikap sebagai orang yang berautoriti dan serba tahu, murid-muridnya hanya perlu mendengar sahaja. Sekalipun gurunya sudah bersiap dengan mantap dan berpengetahuan, dia tidak membuat murid-murid merasa kurang pintar daripadanya. Dia menghormati setiap kelebihan dan pengetahuan yang sedia ada pada pelajarnya. Walaupun Timotius muda, Paulus percaya dia dapat menggunakan karunia, “Kerana itulah kuperingatkan engkau untuk mengobarkan karunia Allah yang ada penumpangan tanganku atasmu” (2 Timotius 1:6).

Pelajar Boleh Berubah

Pelajar kita diciptakan dalam gambaran Tuhan dan mempunyai fikiran, emosi, rohani dan jasmani (Kejadian 1:27). Namun, setiap pelajar kita seperti gurunya juga manusia yang berdosa (Roma 3:23). Dia juga berkemampuan menerima kebenaran yang disampaikan dan mengalami perubahan dalam kehidupannya. Seseorang guru tidak boleh menganggap murid-muridnya sudah tiada berharapan dan tidak mungkin bertumbuh sekalipun kecewa. Dia harus berdoa senantiasa dan tidak boleh menganggap mereka tidak berguna lagi!

Tuhan Yesus yang Maha Kudus dan sempurna tidak pernah menganggap manusia sebagai ciptaan yang tidak berguna atau layak dibinasa. Masyarakat Zakeus yang menganggapnya sebagai pemugut cukai kerdil yang berdosa, dan licik berasa tidak gembira ketika Tuhan

Yesus bertandang ke rumahnya. “Tetapi semua orang yang melihat hal itu bersungut-sungut, katanya: “Ia menumpang di rumah orang yang berdosa” (Lukas 19:7). Sikap Tuhan Yesus yang tidak menganggap Zakeus sebagai pendosa yang tiada harapan lagi telah mendatangkan perubahan kepada dia. “Tuhan, setengah dari milikku akan kuberikan kepada orang miskin dan sekiranya ada sesuatu yang kuperas daripada seseorang akan aku kembalikan empat kali lipat” (Lukas 19:8). Keyakinan Tuhan Yesus bahawa Zakues boleh berubah mendatangkan penyelamatan kepada dia dan sekeluarganya.

Contoh-Contoh Praktis

Firman Tuhan yang diajarkan kepada para murid mesti diterapkan dalam kehidupan mereka.

LeBar berkata: “Pertumbuhan murid tidak dijamin oleh apa yang di dengarnya, tetapi apa yang dilakukan dengan apa yang didengarnya. Perkara penting ialah apa yang sedang terjadi dalam batinnya. Dia mungkin menerima atau menolak apa yang didengarnya. Pembelajaran ialah apa yang dilakukannya... Guru-guru boleh mempengaruhi faktor-faktor batin kalau dia dapat menguasai faktor-faktor luaran. Kalau seorang guru bekerjasama dengan Roh Kudus, dia dapat dipakai untuk membawa perubahan batin yang diinginkan.”²⁴

Kalau seorang guru Kristian ingin memastikan perubahan batin, dia mesti mengajarnya dengan contoh-contoh praktis di bawah bimbingan Roh Kudus serta menolong pelajar-pelajar menerapkannya dalam kehidupannya. Kalau pelajar tahu cara yang terbaik untuk menerapkannya dalam kehidupannya, perubahan akan terjadi kerana ia bukan hanya teori-teori sahaja. Jadi, seorang guru Kristian mesti tahu menerapkannya terlebih dahulu untuk kehidupannya sendiri.

Pelajar-pelajar boleh diajar menulis jurnal tentang bagaimana firman Allah boleh diterapkan dalam kehidupan mereka dan mencipta makna dalam kehidupan mereka. Selain itu, guru-guru boleh bekerjasama erat dengan ibu bapa dan memberitahu mereka tema yang diajarkan dalam Sekolah Minggu supaya mereka boleh mengajar apabila kesempatan tidak formal muncul. Kebenaran harus menjadi sesuatu yang berkaitan dengan kehidupan dan tidak terpisah daripada alam nyata.

Guru Mesti Tahu Pelajaran Yang Akan Diajarinya

Dalam bukunya “The Seven Laws of Teaching” John Milton Gregory mengemukakan hukum guru yang dasar, “Guru mesti tahu bahan pengajarannya. Kita tidak dapat mengajar tanpa pengetahuan memang sesuatu yang diakui oleh guru. Bagaimana kita dapat menghasilkan sesuatu kalau kita tidak ada apa-apa? Bagaimana kegelapan dapat memberi terang?

Jadi, yang teramat penting dan dasar ialah seorang guru mesti mempunyai pengetahuan walaupun pada mula-mulanya topik ajarannya mungkin masih baru bagi dirinya. Tahap pengenalan ini dirumuskan oleh John Milton Gregory kepada pelbagai tahap:

1. Pengenalan yang masih cetek pada mula-mulanya.
2. Kemampuan untuk mengingat dan menjelaskan kepada orang lain secara kasar tentang apa yang kita pelajari.
3. Kemampuan untuk menjelaskan untuk diri sendiri, menjelaskan secara umum, membuktinya, memberi contoh dan menerapkannya
4. Kemampuan membiarkan pengetahuan dan penghargaan akan pengetahuan itu dalam cara yang lebih mendalam dan kemampuan mengaitkannya dengan perhubungan yang lebih luas sehingga dia akan bertindak atas kepentingannya. Keperibadiannya sendiri akan dibentuk oleh pengetahuannya.²⁵

Pengajaran kita akan menjadi cacat kalau kita tidak berpengetahuan mendalam tentang hal yang akan kita ajari. Seseorang mesti mengakui bahawa selagi dia tidak tahu banyak tentang satu subjek, dia tidak dapat mengajar dengan baik. John Milton berkata kemampuan untuk memberi contoh akan terjadi kalau seorang guru begitu jelas dengan pengetahuannya. Dia berkata, “*Guru yang tiada pengetahuan adalah seperti orang buta yang cuba membimbing orang buta dengan lampu yang kosong untuk menyinari jalan.*”²⁶

Guru Yang Berminat Dalam Pengetahuan

Hanya guru yang berminat dan bersemangat tentang subjek yang akan diajarinya dapat mengajar dengan berkobar-kobar seperti magnet. Seorang guru yang berminat dan bersemangat akan menjelaskan

pengetahuan tentang kebudayaan masa itu, cara mereka makan, tidur mahupun adat melayani tetamu pada zaman Alkitab agar dia boleh menjelaskan firman Tuhan dengan baik.

Minat seorang guru cepat diketahui murid-muridnya. Dia selalu membaca dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang Alkitab yang diajarinya. Pembawaan firman Tuhannya diperkayakan oleh minatnya dan kerajinannya untuk menggali firman Tuhan. Kreativiti, kepelbagaian dan minat akan segera menghasilkan murid-murid yang berminat juga. Dia menjadi teladan seorang pelajar Alkitab yang mencabar. Dia rajin merenungi firman Tuhan, menggali Konkordan, mencari erti tertentu dalam Kamus Alkitab dan memperoleh pandangan luas dari buku-buku tafsiran atau buku sejarah gereja.

Guru-guru juga boleh memperkenalkan buku-buku menarik untuk mengilhamkan pelajar-pelajarnya. Juga, guru-guru yang membaca dapat mengajar dengan pengalaman yang lebih kaya.

Berlatih Menjadi Pendengar Yang Baik

Anda mungkin tidak pernah mendengar bahawa seorang guru yang berbakat pandai berdiam seribu bahasa. Kemampuan untuk mendengar tidak mudah untuk dikembangkan kerana kita mudah bercakap daripada mendengar. Kadangkala seorang pelajar akan mengemukakan satu pertanyaan yang tidak ada kaitan dengan pelajaran. Guru perlu mendengar baik-baik kerana dengan itu dia menunjukkan kepada seorang pelajar bahawa dia mementingkannya lebih daripada pertanyaannya.

Selain itu, dengan mendengar kepada murid-muridnya, seorang guru dapat memahami fikiran, perasaan, psikologi, logik dan keadaan kehidupan rohani mereka. Guru yang mendengar boleh menjalin perhubungan yang lebih akrab kerana sesungguhnya dia mengenal murid-muridnya dengan akrab. Hanya guru-guru yang mendengar dengan baik dapat memberi jawapan yang memenuhi keperluan murid.

Guru Yang Lebih Rela Belajar Daripada Murid

Murid-murid dewasa memiliki segunung pengalaman, kebijaksanaan, kemahiran dan bakat tertentu. Sumber pelajaran tidak boleh hanya termuat dalam persiapan anda tetapi juga bekalan mereka. Mereka mungkin juga banyak membaca dan dapat menyumbang kepada

proses pembelajaran. Sumber kekayaan pengalaman dan pengetahuan mereka tidak boleh diremehkan. Dengan menghargainya, anda meningkatkan minat mereka untuk mengambil bahagian dalam pelajaran.

Kalau murid-murid anda kanak-kanak, anda boleh belajar daripada keperibadian mereka. Kanak-kanak berterus terang dalam sikap dan perbuatan mereka. Mereka mudah mengakui kesalahan mereka dan mudah mempercayai mukjizat Alkitab. Kemampuan mereka untuk menghayati keindahan alam dan anugerah Tuhan jauh lebih besar berbanding dengan kita. Sungguhkah anda tidak dapat belajar daripada seorang anak? Perhatikan perkataan-perkataan mereka, tingkah laku, sikap mereka dan anda akan diperkayakan dalam pelayanan anda.

Menjalin Persahabatan

Persahabatan dan perhubungan akrab antara guru-guru dan murid-murid seringkali mencetuskan minat belajar. Tuhan Yesus menjalin persahabatan dengan murid-murid-Nya dan memotivasi mereka mengetahui lebih mendalam tentang Kerajaan Allah. Keintiman Yesus dengan para murid-Nya telah memenangi hati mereka sehingga sewaktu Dia kembali ke syurga, mereka tetap melebarkan kerajaan Allah.

“Pendidikan Kristian membimbing mereka menjadi pengikut-pengikut Kristus yang matang melalui proses pembentukan rohani. Proses ini boleh berlansung dalam kelas dan melalui proses pengajaran, ia juga berlansung melalui interaksi seorang dengan seorang yang lain secara peribadi. Ini mencakupi proses mementor orang, dan membimbing mereka dalam hal-hal rohani.

“Pendidik-pendidik Kristian ialah mereka yang dilatih dalam kehidupan Roh Kudus dan mampu membimbing pelajar-pelajar ke dalam kehidupan yang menyeluruh dan penuh dalam kerohanian mereka. Pendidik-pendidik Kristian mesti bertanggungjawab terhadap kehidupan rohani mereka yang diajarinya dan menyediakan suasana yang lebih menyeluruh bagi pertumbuhan rohani mereka.”²⁷

Guru-Guru Selalu Memperbaiki Diri

Seorang guru baik akan selalu memastikan dia bertambah lebih baik dalam pengajarannya dan akan berusaha mengajukan beberapa pertanyaan untuk mengevaluasi diri. Dengan mengenal pasti

kekurangan diri dalam aspek-aspek tertentu, dia akan berusaha untuk memperbaikinya.

1. Adakah pengajaran saya menarik bagi murid-murid saya?
2. Adakah saya mengizinkan mereka untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran ini?
3. Adakah saya mengajar mereka sesuatu baru yang mencabar mereka untuk bertumbuh dalam Kristus?
4. Adakah pengajaran saya menggalakkan mereka untuk melayani Tuhan dengan lebih bersemangat?
5. Adakah saya mengambil berat dan memastikan murid-murid saya tahu menerapkan pelajaran yang diajari kepada mereka?
6. Adakah saya memastikan setiap pelajar sudah menjalin perhubungan intim dengan Tuhan dan memahami karya penyelamatan Tuhan?
7. Adakah saya selalu menjamin pertumbuhan kerohanian saya sendiri dan bersemangat belajar?
8. Adakah saya memberi teladan positif kepada murid-murid saya?
9. Adakah saya berkerjasama rapat dengan tenaga pengajar lain di gereja dan saling menggalakkan untuk bertumbuh dalam pelayanan pengajaran?
10. Adakah saya sering berdoa untuk setiap murid saya agar mereka bertumbuh dalam kerohanian mereka?

KESIMPULAN

Guru-guru yang bertanggungjawab selalu membuat perancangan yang bertujuan dan berpusat kepada murid-murid yang dilayaninya. Dia berusaha memberi matlamat pengajaran dan pembelajaran yang mantap yang boleh dicapai oleh pelajar-pelajarnya. Perkembangan dan pertumbuhan murid diperhatikan dan didoakannya dengan bersungguh-sungguh.

Guru-guru perlu berusaha memantapkan diri dengan menjalani latihan pendidikan Kristian dan selalu belajar memajukan diri. Bidang pengajaran akan diterokainya dengan rasa yang tidak jemu-jemu kerana hanya guru yang menganggap panggilan mengajar dengan serius dapat mendatangkan transformasi kepada tubuh Kristus. Rasul Paulus berkata kepada setiap guru, "Hendaklah kamu berusaha... untuk membangun jemaah" (1 Korintus 14:12).

BAB 5 : MAHA GURU, JADI GURU SAYA

“Tuhan Yesus memang Maha Guru, Sudahkah kita menjadikan Dia Guru kita?” demikianlah pertanyaan seorang pakar pendidikan Horne, H.H.

Seorang guru rohani yang ingin mengajar mesti terlebih dahulu duduk di bawah kaki-Nya, belajar daripada-Nya dan mengalami transformasi daripada-Nya sebelum dia mengajar orang lain. Tuhan Yesus sudah membuktikan Diri-Nya Guru yang Agung kerana Dia telah mengubah kehidupan banyak orang. Khutbah-Nya telah mentransformasi minda dan memberi para pengikut-Nya paradigma baru, contohnya, Khutbah Di Bukit dan perumpamaan-perumpamaan-Nya tiada tolak banding. Tiada tokoh guru lain telah mempengaruhi manusia seperti Tuhan Yesus melalui ajaran-Nya. Sikap Tuhan Yesus dan sifat-Nya mendukung segala ajaran-Nya dan menjadikan Dia teladan yang sempurna.

Mengapakah kita harus belajar menjadi guru daripada Cikgu Tuhan Yesus? Charles Benton Eavey berkata, *“Pengajaran selalu menjadi urusan utama-Nya. Dia selalu seorang penyembuh, kadangkala seorang pekerja mukjizat, kadangkala pengkhutbah tetapi selalu seorang guru.”*²⁹

Maha Guru Yang Memang Sebutannya

Tuhan Yesus disebut sebagai rabi hampir 60 kali dalam Perjanjian Baru. Adakah Tuhan Yesus seorang rabi yang berbelas kasihan? Apabila Tuhan Yesus melihat orang ramai, Dia berbelas kasihan terhadap mereka, “Ketika Yesus mendarat, Dia melihat sejumlah besar orang banyak, maka tergeraklah hati-Nya oleh belas kasihan kepada mereka, kerana mereka seperti domba yang tidak mempunyai gembala. Lalu mulailah Dia mengajarkan banyak hal kepada mereka” (Markus 6:34). Tuhan Yesus juga menganggap Diri-Nya sebagai seorang guru, “Kamu

menyebut Aku Guru dan Tuhan, dan katamu itu tepat, sebab memang Akulah Guru dan Tuhan” (Yohanes 13:13).

Para Pengikut Memanggil Dia Guru

Tuhan Yesus arif mengajar dan pengikut-Nya memanggil Dia guru. Ketika mereka tidak memahami apa yang diajari Tuhan Yesus, mereka meminta-Nya menjelaskannya. Sewaktu Tuhan Yesus menjelaskan pembinasaan Bait Tuhan, mereka bertanya, “Guru, bila manakah itu akan terjadi? Dan apakah tandanya, kalau itu terjadi?” (Lukas 21:7) Tuhan Yesus menjawab mereka dengan sabar bahkan ajaran-Nya mengandung nubuat tentang masa depan. “Dan apabila kamu mendengar tentang peperangan dan pemberontakan, janganlah kamu terkejut. Sebab semuanya itu harus terjadi dahulu, tetapi itu tidak bererti kesudahannya akan datang segera” (Lukas 21:9).

Sewaktu Tuhan Yesus dipemuliakan di atas gunung, dan ketika kedua orang itu hendak meninggalkan Yesus, Petrus berkata kepada-Nya, “Guru, betapa bahagianya kami berada di tempat ini. Baiklah kami dirikan sekarang tiga khemah, satu untuk Engkau, satu untuk Musa dan satu untuk Elia.” Tetapi Petrus tidak tahu apa yang dikatakannya itu” (Lukas 9:33). Tuhan Yesus tidak marah atau berasa kecewa dengan pertanyaan Petrus yang begitu mementingkan diri.

Sewaktu angin badai memukul perahu yang dinaiki oleh para pengikut-Nya, Petrus berkata, “Pada waktu itu Yesus sedang tidur di buritan di sebuah tilam. Maka murid-murid-Nya membangunkan Dia dan berkata kepada-Nya, ‘Guru, Engkau tidak peduli kalau kita binasa?’ Tuhan Yesus dengan segera menghardik angin dan memberi kesempatan kepada murid-Nya untuk tercegang dengan keilahian-Nya. Dia pun bangun, menghardik angin itu, dan berkata kepada danau itu: ‘Diam! Tenanglah!’ Lalu angin itu reda dan danau itu menjadi teduh sekali!” (Markus 4:38-39).

Yang Ingin Menenal Tuhan Memanggil Dia Guru

Bahkan Nikodemus, seorang Farisi, juga menghormati Tuhan Yesus sebagai seorang guru. Dia datang pada waktu malam kepada Yesus dan berkata, “Rabi, kami tahu bahawa Engkau datang sebagai guru yang diutus Allah; sebab tidak ada seorang pun yang dapat mengadakan tanda-tanda yang Engkau adakan itu, jika Allah tidak menyertainya”

(Yohanes 3:2). Dia datang pada waktu malam dan di bawah pokok Zaitun dekat Yerusalem, Tuhan Yesus mengajarnya dengan soal jawab. Topik pengajaran-Nya kelahiran baru yang bertujuan mentransformasi Farisi yang terdidik ini. Yohanes 7:50 dan Yohanes 19:39 membuktikan keberkesanan pengajaran Tuhan Yesus; Nikodemus menjadi pengikut setia yang membela Dia dan membawa mur dengan minyak gaharu lima kati beratnya untuk membubuh mayat Guru yang dicintainya.

Seorang pemuda yang kaya telah datang ke Yesus dan berkata, “Guru, perbuatan baik apakah yang harus kuperbuat untuk memperoleh hidup yang kekal?” (Matius 19:16). Seorang ahli Taurat yang ingin mengetahui hukum manakah yang utama telah mendapat jawapan yang memuaskan berseru, “...Guru, benar kata-Mu itu, bahawa Dia esa dan bahawa tidak ada yang lain kecuali Dia. Memang mengasihi Dia dengan segenap hati dan dengan segenap kekuatan, dan juga mengasihi sesama manusia seperti diri sendiri adalah jauh lebih utama daripada semua korban bakaran dan korban sembelihan” (Markus 12:32-33). Kawan mahupun lawan selalu mengagumi dengan jawapan-Nya dan ajaran-Nya yang melebihi kebijaksanaan manusia.

Pengajaran Yang Berkesan

Menurut Robert H. Stein, *“Bukti yang paling berkuasa untuk Yesus sebagai pendidik berkesan ialah serombongan murid yang selalu menyertai-Nya. Para murid-Nya melihat Tuhan Yesus bukan sebagai penceramah yang berkemampuan menghafal tetapi sebagai contoh kehidupan yang benar. Sebagai seorang mentor, Tuhan Yesus membuka minda mereka bukan hanya dengan firman-Nya tetapi juga seluruh kehidupan-Nya.”*³⁰

Para pengikut Yesus tidak belajar teori-teori kosong tetapi ajaran-Nya terjadi dalam konteks kehidupan sehari-hari. Pengajaran Yesus menjadi sesuatu yang begitu hidup dalam kehidupan para pengikut-Nya. Bayangkan ketika mereka berjalan melewati padang, Tuhan Yesus bersabda kepada mereka, “Jadi jika demikian Allah mendandani rumput di ladang, yang hari ini ada dan besok dibuang ke dalam api, tidakkah Dia akan terlebih lagi mendandani kamu, hai orang yang kurang percaya?” (Matius 6:30).

Tuhan Yesus menggunakan saat yang tepat atau “teachable moments” untuk segera menanam kebenaran Tuhan. Pengajaran-Nya tidak semestinya terbatas dalam kelas dengan kerusi dan papan hitam.

Sebuah sumur dan air boleh dijadikan-Nya alat pengajaran yang canggih. Saat itu tengah hari, mungkin guru biasa akan mengeluh kerana hari terlalu panas untuk mengajar, tetapi bagi Yesus, itulah waktu tepat. Adakah pelajar ini daripada golongan cendikiawankah? Tidak, dia wanita Samaria yang dielakkan orang Yahudi apalagi dia mempunyai lima suami yang bukan suaminya! Guru lain mungkin akan berkata, “Wanita seperti ini tidak mempunyai bahan pengajar yang bagus, usah buang waktu!”

Tuhan Yesus mengajar bersungguh-sungguh walau kelas-Nya hanya seorang murid sahaja dan tidak seperti guru yang hanya boleh memulakan kelas kalau ada lima atau enam orang. Bagi-Nya satu jiwa sesat tetap berharga di mata Tuhan. Tuhan Yesus menggunakan “cangkuk” yang biasa-biasa tetapi sudah mendapat menarik perhatian kerana pada kebudayaan zaman itu, seorang Yahudi tidak akan meminta air daripada seorang Samaria.

Dia peka terhadap murid-Nya yang sedang mencari-cari sesuatu untuk memuaskan jiwanya yang kering kontang. “Lima suaminya” tidak dapat memenuhi hatinya yang kosong dan tepatlah Yesus berkata kepadanya, “Jawab Yesus kepadanya, “Barangsiapa minum air ini, dia tidak akan haus lagi” (Yohanes 4:13). Dengan bijaksana, Yesus mencelikkan akalNya untuk melihat yang dicari-carinya selama ini tidak akan memenuhi vakum dalam hidupnya. “...sebab engkau sudah mempunyai lima suami dan yang ada sekarang padamu, bukanlah suamimu. Dalam hal ini engkau berkata benar” (Yohanes 4:18).

Akhirnya, Tuhan Yesus mencapai matlamat tertinggi, murid-Nya mengenal-Nya secara peribadi, “Jawab perempuan itu kepada-Nya: “Aku tahu, bahawa Mesias akan datang, yang disebut juga Kristus; apabila Dia datang, Dia akan memberitakan segala sesuatu kepada kami.” Kata Yesus kepadanya, “Akulah Dia, yang sedang berkata-kata dengan engkau” (Yohanes 4:25-26).

Apakah Tuhan Yesus seorang guru berkesan? Bagaimanakah kalau kita menilai Tuhan Yesus dari segi kriteria Benjamin Bloom? Benjamin Bloom menilai seorang guru yang berkesan dari segi berikut: (a) pengetahuan cemerlang dalam subjek pengajarannya (b) kemahiran dalam pengajaran (c) penghormatan daripada pelajar-pelajar (d) kemampuan mengasuh pelajar-pelajar dalam subjek itu (e) membuktikan hasil.

Bukankah Yesus akan mendapat penilaian yang sempurna?

Dia Mengajar Dengan Kuasa dan Wibawa Ilahi

Tuhan Yesus mengajar bukan seperti ahli-ahli Taurat dan Farisi yang tidak memiliki kuasa. Dia mengajar daripada autoriti ilahi sehingga ahli-ahli Taurat pun memperhatikan hal ini. Mereka bertanya kepada Tuhan Yesus, “Katakanlah kepada kami dengan kuasa manakah Engkau melakukan hal-hal itu, dan siapa yang memberikan kuasa itu kepada-Mu” (Lukas 20:2). Autoriti yang diberikan kepada Tuhan Yesus menjangkau kuasa di syurga dan bumi. Sewaktu Tuhan Yesus mengutus para-pengikut-Nya ke ladang, Dia berkata, “...dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu, Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman” (Matius 28:20).

Setiap Orang Berlainan

Tuhan Yesus bukan jenis guru yang memberi satu jenis jawapan bagi semua orang dan merasa sangat gembira apabila jawapan sudah diterangkan. Setiap orang berbeza dalam pemahaman mahupun latar-belakang hidupnya, maka Tuhan Yesus mendekati setiap murid dengan cara yang berlainan. Dia selalu mengajar dengan gaya berlainan. Situasi yang berbeza dan sifat murid yang berlainan memerlukan pendekatan tersendiri. Jawapan berkesan kadangkala pula perlu disampaikan dengan lemah lembut tetapi ada kala pula teguran yang bernada tegas diperlukan.

Dia tahu pelajar-Nya, latar belakang, minat, dan cara mereka berfikir mahupun bersikap. Konsep mereka tentang diri sendiri dan orang lain pun diketahui oleh Tuhan Yesus jauh sebelum Dia mengajar mereka. Tuhan Yesus tidak bersikap kaku sehingga Dia tidak boleh mengubah kaedah mahupun isi kandungan ajaran-Nya kerana sudah ada persiapan.

Kenneth O. Gangel berkata, “Sewaktu kita melihat kepada Yesus, peristiwa pengajaran-Nya, tidak ada corak jelas tampak, tidak ada cara tetap yang mengatakan “ini harus dilakukan terlebih dahulu” atau “ini belum dilakukan.” Sebaliknya, pendekatan-Nya boleh dilentur dan pemerhatian-Nya terhadap perbezaan setiap individu telah mewarnai pendekatan-Nya. Ketika seorang wanita yang berdosa mengurapi Yesus sewaktu Dia makan dalam rumah Simon, orang Farisi, (Lukas 7:36-50), Dia mengenal kasihnya, dan memperlakukannya dengan penuh kelembutan dan belas kasihan

walaupun hidupnya bersalutan dosa. Situasi ini amat berbeza dalam Matius 15. Di sini, Yesus memberi respon tegas kepada orang Farisi dan guru-guru Taurat kerana Dia tahu niat yang terselindung dalam mereka. Segera, Dia mengecam mereka munafik tanpa belas kasihan atau kelembutan... Apabila dikemukakan satu pertanyaan secara lansung, Dia menjawab dengan jawapan yang tidak langsung agar mereka boleh berfikir tentang isu itu dan merumuskan jawapan tepat. Apabila pembawa berita menanyakan “Engkaukah yang akan datang itu atau haruskah kami menantikan seorang lain?” Jawapan-Nya bukan “Ya” tetapi Dia mengarahkan mereka untuk melihat apa yang dilihat dan didengar mereka” (Lukas 7:18-22).³¹

Penerapan Semua Aspek Pengajaran-Nya

Pengajaran Tuhan Yesus dapat mendatangkan transformasi kepada pelajar-pelajar-Nya kerana mereka telah melihat bagaimana Tuhan Yesus menerapkan semua yang diajari-Nya dalam kehidupan-Nya. Tuhan Yesus bagi lilin bagi ajaran-Nya dan ini memudahkan orang lain untuk memahami-Nya.

a Aspek Kerendahan Hati

Apabila Tuhan Yesus mengajar tentang kerendahan hati, Dia menerapkan semuanya dalam kehidupan-Nya, bukan sekadar bercakap sahaja. Dia rela merendahkan hati-Nya untuk membasuh kaki para murid-Nya. Dia sanggup merendahkan diri sehingga mati di kayu salib. Dia tidak menganggap status-Nya setara Allah sesuatu untuk dibanggakan, Dia rela merendahkan diri untuk menderita sampai mati. Sewaktu Dia ditangkap di taman, Petrus telah memotong telinga musuh mereka tetapi Tuhan Yesus menyentuh dan menyembuh mereka. Itulah kerendahan hati-Nya yang sungguh menakjubkan.

Rasul Paulus dalam ajarannya di gereja telah menggunakan teladan kerendahan hati Tuhan Yesus untuk mengajar dua wanita. “Hendaklah kamu dalam hidupmu bersama, menaruh fikiran dan perasaan yang terdapat juga dalam Kristus Yesus, yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia. Dan dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya, dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib” (Filipi 2:5-7).

b Aspek Penyerahan Nyawa

Sewaktu Tuhan Yesus mengajar tentang penyerahan Diri-Nya, Dia sendiri telah menunaikannya dengan sepenuhnya. Dia mengajar, “Setiap orang yang mahu mengikut Aku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku” (Matius 16:24). Bagi misi-Nya, Dia rela berbantal apa sahaja bahkan Dia berkata serigala mempunyai tempat untuk kepalanya tetapi anak manusia tiada tempat yang tertentu. Dia sanggup pergi dari satu tempat ke tempat yang lain baik desa mahupun kota. Di sana, Dia akan tidur di mana sahaja walaupun tempat itu tidak selesa. Murid-murid-Nya banyak belajar daripada sikap penyangkalan Diri-Nya.

c Aspek Melayani Seperti Hamba

Tuhan Yesus memenuhi ajaran-Nya tentang bagaimana para pengikut-Nya harus melayani seperti seorang hamba. Dia telah melayani semua orang dengan rendah hati dan tidak ada yang terlalu jijik bagi Dia. Untuk pesakit kusta, Dia rela menyembuhkan mereka. Dia menunaikan ajaran-Nya, “dan barangsiapa ingin menjadi yang terkemuka di antara kamu, hendaklah dia menjadi hamba untuk semuanya. Kerana Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang.” (Markus 10:44) Sewaktu di dunia ini, Dia telah melayani dengan sikap seorang hamba dan bukan pemimpin bertaraf tinggi yang harus disegani.

d Aspek Pengampunan

Tuhan Yesus sering mengajar mengenai pengampunan dan telah menggenapinya sehingga saat terakhir dalam kehidupan-Nya. Ketika Petrus meminta gurunya untuk mengajar tentang pengampunan, Tuhan Yesus memberitahu Dia bahawa dia harus mengampuni bukan tujuh kali sahaja tetapi sampai tujuh puluh kali tujuh kali (Matius 18:21).

Pada waktu Tuhan Yesus mati di kayu salib, Dia berseru, “Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat...” (Lukas 23:34) Pada saat yang paling pedih, mangsa-mangsa kayu salib yang lain mengutuk dengan kata-kata ngeri tetapi hanya kata-kata pengampunan yang mengalir daripada mulut-Nya.

Pengetahuan Firman Allah Yang Cemerlang

Tuhan Kristus bersabda dengan penuh keyakinan dan ajaran-Nya menjadi intisari kebenaran sementara orang Farisi dan imam hanya mementingkan peraturan-peraturan dan tradisi. Ajaran-Nya melampaui pengajar-pengajar zamannya dan sungguh bererti kepada manusia. Benjamin Bloom berkata, *“Tidak seperti para ahli Taurat dan Farisi, Dia tidak merumuskan ajaran-Nya seperti dalam buku masak atau mengaburkannya dengan istilah-istilah yang sulit difahami. Dia bersabda dengan tepat dan penuh kuasa.”*³²

Dalam pengajaran-Nya, Tuhan Yesus menunjukkan pemahaman terhadap Perjanjian Lama yang begitu mendalam bahkan firman Allah menjadi meditasi batin-Nya. Dia dapat mengutip Perjanjian Lama dan memberi tafsiran yang jauh melampaui kemampuan fikiran Saduki dan Farisi. “Kamu telah mendengar firman: Mata ganti mata dan gigi ganti gigi. Tetapi Aku berkata kepadamu: Janganlah kamu melawan orang yang berbuat jahat kepadamu, melainkan siapa pun yang menampar pipi kananmu, berilah juga kepadanya pipi kirimu” (Matius 5:38, Kel. 21:24; Imamat 24:20, Ulangan 19:21).

Kemahiran Dalam Pengajaran

Kristus Yesus mempunyai kemahiran menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran-Nya. Dia jarang menyajikan firman Allah tanpa menggunakan kaedah yang kreatif dan dapat difahami oleh para murid-Nya. Kaedah yang digunakan juga tergantung pada jenis murid-murid yang akan diajari-Nya, tempat-Nya dan tujuannya.

a Tahap Kemampuan Mereka

Sewaktu Tuhan Yesus mengajar, Dia menurut kemampuan murid-Nya untuk mencerna dan memahami kebenaran. Contohnya sewaktu mengajar Nikodemus, Kristus Yesus menggunakan contoh yang lebih sulit seperti Musa meningkatkan ular di padang gurun kerana Dia tahu Nikodemus mempunyai pengetahuan latar belakang taurat (Yohanes 3). Sewaktu Kristus Yesus bersabda kepada perempuan Samaria, kaedah yang digunakan-Nya berbeza. Dia lebih menggunakan pengetahuan umum dan kaedah yang lebih lansung berkaitan dengan kehidupannya. Kata Yesus kepadanya. “Pergilah, panggillah suamimu dan datang ke sini” (Yohanes 4:16). Ketika ada anak-anak kecil yang mendengar, Tuhan Yesus akan memakai cerita-cerita yang dapat dibayangkan.

b Perumpamaan

Hampir sepertiga daripada ajaran Tuhan Yesus disampaikan dalam bentuk perumpamaan. Perumpamaan merupakan cerita yang dipakai untuk menjelaskan ajaran moral atau kebenaran rohani yang mempunyai beberapa persamaan. Ia boleh dikatakan sebagai cerita dari dunia yang memiliki maksud syurgawi. Pada dasarnya, perumpamaan bertujuan menyampaikan kebenaran rohani dalam bentuk yang dapat difahami oleh pendengarnya. Tuhan Yesus mengambil berat akan pemahaman para murid-Nya dan menyaji pengajaran-Nya dalam bentuk yang mudah difahami.

Contohnya, Tuhan Yesus menggunakan gembala dan domba untuk menunjukkan kasih dan pemeliharaan Allah Bapa terhadap semua anak-Nya. “Akulah gembala yang baik dan Aku mengenal domba-domba-Ku dan domba-domba-Ku mengenal Aku sama seperti Bapa mengenal Aku dan Aku mengenal Bapa, dan Aku memberikan nyawa-Ku bagi domba-domba-Ku” (Yohanes 10:14-15). Perumpamaan gadis-gadis yang bodoh dan yang bijaksana digunakan oleh Tuhan Yesus untuk mengajar para pelajar-Nya agar selalu bersiap sedia untuk kedatangan-Nya (Matius 25:1-13).

c Imej-Imej Harian

Tuhan Yesus menggunakan imej-imej daripada kehidupan sehari-harian untuk memudahkan pemahaman para murid-Nya. Contohnya dalam Matius 13, Tuhan Yesus menggunakan imej seorang penabur untuk menunjukkan sikap manusia terhadap firman Tuhan. Dengan sengaja, Tuhan Yesus telah menggunakan banyak kaedah visual dalam ajaran-Nya.

Dengan membasuh kaki murid-Nya, Dia sedang menjelaskan erti melayani dengan rendah hati dan segenap hati. Seorang anak kecil dijadikan imej kerendahan hati dan kesudian memeluk Tuhan Yesus dan segala yang diajari-Nya (Matius 18:2-6). Ajaran ini terjadi sewaktu para murid-Nya sedang berdebat tentang siapa yang terbesar di kerajaan syurga. Segera, para murid-Nya dapat memahami betapa pentingnya memeluk ajaran-Nya dengan rendah hati dan penuh kerelaan seperti seorang anak.

Dia menulis di atas pasir. Walaupun apa yang ditulis-Nya tidak dicatatkan dalam Alkitab tetapi ia berkesan atas mereka yang berada di situ. Semua orang yang ingin merejam wanita yang berzina itu segera

menghilangkan diri. Dia menggunakan jala dan ikan sebagai objek ajaran agar pelajar-Nya dapat melihat dan memahaminya. Para murid-Nya yang rajin menjala ikan memahami bahawa perintah itu bererti mengikuti-Nya dan rajin menjala manusia.

Pelbagai Kaedah Mengajar

Ajaran Tuhan Yesus bersifat mencelik akal kerana Dia menggunakan pelbagai gaya termasuk mengajukan pertanyaan mencabar, membuat perbandingan-contohnya sikap Farisi dan Pemugut Cukai dalam doa; cerita yang memerlukan pendengarnya membuat rumusan-contohnya orang Samaria yang baik. Setelah mendengar cerita-Nya, para pendengar-Nya dapat membuat kesimpulan tepat.

Pertanyaan-Nya selalu mencelikkan akal pendengar-Nya, “Maka Dia bertanya kepada mereka, “Gambar dan tulisan siapakah ini?” Jawab mereka, “Gambar dan tulisan Kaisar.” Lalu kata Yesus kepada mereka, “Berikanlah kepada Kaisar apa yang wajib kamu berikan kepada Kaisar dan kepada Allah apa yang wajib kamu berikan kepada Allah” (Matius 22:20-21). Tuhan Yesus tidak membuat keputusan untuk mereka; mereka dicabar untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jawapan-Nya segera mencelikkan akal pendengar-Nya. “Pada waktu orang Farisi melihat hal itu, berkatalah mereka kepada murid-murid Yesus. “Mengapa gurumu makan bersama-sama dengan pemugut cukai dan orang berdosa?” Yesus mendengarnya dan berkata: “Bukan orang sihat yang memerlukan tabib, tetapi orang sakit. Jadi pergilah dan pelajarilah erti firman ini: Yang Kukehendaki ialah belas kasihan dan bukan persembahan, kerana Aku datang bukan untuk memanggil orang benar, melainkan orang berdosa” (Matius 9:12-13).

Tuhan Yesus sering menggunakan persamaan dalam perbandingan-Nya. Keberhargaan kerajaan syurga dan usaha mencarinya bagai menjualkan semua milik untuk memiliki mutiara yang terindah itu (Matius 13:44-46). Pembangunan rumah atas dua dasar untuk menunjukkan bahawa orang yang mengikut firman-Nya sedang membangun atas yang kukuh atau lembik (Lukas 6:46-49). Kaedah perbandingan yang berlawanan sungguh mudah difahami dan teramat berkesan.

Penggunaan paradoks dalam pengajaran-Nya segera diresapi. Orang kaya yang bodoh dan tidak lelah mendirikan gandum demi kekayaan tetapi jiwanya miskin di depan Allah (Lukas 12:13-20). Dia juga menggunakan hiperbola untuk menunjukkan kebenaran. Contohnya

dalam penjelasan Hari Sabat, Dia berkata, “Hai orang-orang munafik, bukankah setiap orang di antaramu melepaskan lembunya atau keledainya pada hari Sabat dari kandangnya dan membawanya ke tempat minuman? Bukankah perempuan ini, yang sudah delapan belas tahun diikat oleh iblis, harus dilepaskan dari ikatannya itu, kerana dia adalah keturunan Abraham?” (Lukas 13:10-17) Nadanya adalah seperti “Anda terlampau betul! Keledai boleh dilepaskan tetapi perempuan tua ini tidak boleh disembuhkan!”

Dia Berinteraksi

Tuhan Yesus selalu bersikap terbuka kepada para murid-Nya yang mempunyai pertanyaan-pertanyaan. Dia akan mengemukakan pertanyaan untuk menggalakkan mereka berinteraksi dengan-Nya. Kalau ada kesalahan dalam fikiran atau pendapat mereka, Dia akan memperbaikinya. Tuhan Yesus berinteraksi dengan para murid-Nya tentang siapa diri-Nya yang sebenar. “Yesus bertanya kepada mereka, “Menurut kamu, siapakah Aku ini?” Jawab Petrus, “Mesias daripada Allah” (Matius 9:20).

Penghormatan Daripada Para Murid-Nya

Tuhan Yesus mendapat penghormatan daripada para pendengar-Nya; mereka tahu Tuhan Yesus mengajar dengan kuasa luar biasa. Mereka begitu ingin seperti Tuhan Yesus dan meminta agar ditambahkan iman mereka. “Lalu kata rasul-rasul itu kepada Tuhan. “Tambahkan iman kami!” Jawab Tuhan: “Kalau sekiranya kamu mempunyai iman sebesar biji sesawi saja. Kamu dapat berkata kepada pohon ara ini: enyallah engkau dan tertanam di dalam laut, dia ia akan taat kepadamu” (Lukas 17:5-6).

Semua murid-Nya tidak sahaja menunjukkan penghormatan mereka kepada Maha Guru ini bahkan mereka yakin Siapa Diri-Nya. “Pada suatu kali ketika Yesus berdoa seorang diri, datanglah murid-murid-Nya kepada-Nya. Lalu Dia bertanya mereka: “Kata orang banyak, siapakah Aku ini?” Jawab mereka: “Yohanes Pembaptis, ada juga yang mengatakan Elia, ada pula yang mengatakan, bahawa seorang dari nabi-nabi dahulu telah bangkit.” Yesus bertanya kepada mereka: “Menurut kamu, siapakah Aku ini?” Jawab Petrus: “Mesias daripada

Allah.” Lalu Yesus melarang mereka dengan keras, supaya mereka jangan memberitahukan hal ini kepada siapa pun” (Lukas 9:18-21). Kehidupan-Nya dan ajaran yang luar biasa meyakinkan para pelajar-Nya akan identiti-Nya sebagai Mesias.

Berjaya Mendidik

Tuhan Yesus tidak selalu berkhotbah kepada banyak orang, Dia mementingkan waktu peribadi bersama dengan murid-murid yang dipilih-Nya. Dia mendidik dan membentuk mereka agar sekumpulan pemimpin dapat dihasilkan. Dia meluangkan banyak waktu bersama dengan para Murid-Nya dan bersabda secara intim kepada mereka serta memberi mereka nasihat penting. Dia sering makan sambil mengajar murid-Nya dalam keadaan tidak formal, adakala juga dalam keadaan formal di sinagogue.

Amanat Agung Tidak Diabaikan

Ajaran Tuhan Yesus sungguh jelas sehingga para murid-Nya tahu isi Amanat Agung yang harus ditunaikan oleh mereka setelah kenaikan-Nya ke syurga. Mereka akan menjadi guru dan menjadikan semua bangsa murid-Nya. “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman” (Matius 28:19-20).

Seorang guru yang berkesan akan menghasilkan guru-guru lain yang boleh membawa firman Tuhan. Rasul Paulus pun bersemboyan seperti Tuhan Yesus sewaktu dia menasihati Timotius, “Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cekap mengajar orang lain” (2 Timotius 2:2).

Steve Alley, profesor pelayanan kanak-kanak merumuskan Yesus, Maha Guru, telah memberi kita model guru yang cemerlang dengan berikut:

1. Dia tinggal bersama dengan para murid-Nya.
2. Dia menarik perhatian mereka dengan visual luarbiasa.
3. Dia menjadikan mereka berharga dengan mengambil berat akan keperluan mereka.
4. Dia telah menghubungkan mereka dengan kasih Allah.
5. Dia mengajar mereka pelbagai perkara baru yang bersifat konfrontasi.
6. Dia memperkuat nilai kepercayaan dan iman (penyelamatan).
7. Dia memberi kuasa kepada mereka untuk mengajar orang lain (memuridkan).³³

KESIMPULAN

Tidak pernah ada guru yang mengajar sebaik Tuhan Yesus; Dia bukan hanya mengajar tetapi sebagai seorang guru, Dia mentor dan sahabat yang mengambil berat akan pertumbuhan tulus dalam para murid-Nya. Sebagai guru, Dia berpengetahuan sempurna dan tahu segala yang diajari kepada nenek moyang-Nya dan para nabi. Kemahiran mengajar-Nya telah membentuk murid-murid yang mampu menyebarkan kebenaran ke seluruh dunia sekalipun Dia tidak memiliki komputer pada zaman itu.

Tuhan Yesus sebagai Maha Guru menunduk kepada Allah Bapa-Nya. Dia datang bukan untuk menunaikan kehendak sendiri melainkan kehendak Allah Bapa yang mengutus-Nya (Yohanes 5:30). Dia memenangi keyakinan para murid-Nya dengan pengorbanan-Nya dan contoh memuliakan Bapa-Nya yang berapi-api. Kehidupan-Nya yang kudus dan cara Dia berdoa selalu mengilhami para murid-Nya. Ajaran-Nya sungguh jelas sehingga para murid-Nya tahu apa yang harus dilakukan mereka setelah Dia kembali ke syurga.

BAB 6 : BERSIAP UNTUK BERJAYA

Cikgu yang gagal melakukan persiapan juga bersiap gagal. Bagaimanakah seorang guru menyiapkan pelajarannya? Guru yang berbeza mempunyai pendekatan berlainan dalam persiapan mereka. Banyak guru membuat persiapan hanya pada saat terakhir, sikap ini tidak menghasilkan ajaran mantap. Mereka terburu-buru membaca firman Tuhan dan mencari jawapannya dari panduan bimbingan yang sudah disediakan tanpa merenungi firman Tuhan. Guru yang bersungguh-sungguh membiar firman Tuhan bersabda kepada hatinya terlebih dahulu dan mengalami sentuhan dalam batin terlebih dahulu.

Selain itu, seorang guru akan berusaha mencari pendekatan dan kaedah yang lebih baik daripada kaedahnya pada tahun lepas. John Milton menasihati kita untuk, *“Membuat persiapan untuk pelajaran dengan pengajian baru. Pengetahuan tahun yang lepas sudah luput. Hanya pencetusan fikiran baru dapat mengilhami kita untuk memberi yang terbaik.”*³⁴ Guru mesti berusaha mencari buku-buku dan bahan-bahan baru untuk mengembangkan karunia mengajar.

Cari Waktu Persiapan

Kalau seorang guru ingin mengajar pada hari Ahad, dia tidak sepatutnya baru memulakan persiapannya pada hari Sabtu. Dia seharusnya memulakan persiapan pada hari Isnin kalau dia ingin persiapan mantap. Dia perlu mencari contoh yang bagus untuk kelas, memikirkan cangkuk atau pencetus minat yang dapat menarik perhatian pelajar-pelajarnya, memikirkan bagaimana kebenaran dapat diterapkan dalam kehidupan pelajar-pelajarnya.

Selain itu, seorang guru juga boleh membaca buku tafsiran atau buku lain berkenaan temanya. Dia mungkin ingin mencari erti kata-kata kunci atau istilah-istilah tertentu. Ayat-ayat lain yang dapat

menjelaskan subjeknya tidak dapat dicari dalam keadaan terburu-buru. Untuk mengilham pelajar-pelajarnya, dia mungkin mahu mencari lagu yang memiliki tema pengajarannya.

Cari Tempat Yang Tenang

Kalau boleh, seorang guru harus mencari tempat yang tenang dan membawa buku-buku dari kurikulumnya, Alkitab, buku tafsiran dan bacaan lain yang diperlukan. Sebelum memulakan persiapan, luangkan beberapa minit dalam doa dan renungan. Renungkan perenggan atau subjek yang ingin diajari, cari kebenaran-Nya, cari ayat yang boleh dihafalkan dan diubah kepada doa untuk dirinya sendiri. Biarlah perenggan Alkitab ini menjadi hidup dalam kehidupan anda sepanjang minggu itu. Pilih ayat hafalan kesukaan anda dan renunginya sepanjang minggu agar dapat menjadi urat dan daging kehidupan anda.

Bahan-Bahan Yang Diperlukan

Guru yang baik akan berusaha mendapat buku-buku yang baik, kamus Alkitab, Konkordan, Peta Alkitab dan beberapa buku tafsiran yang bagus. Dia berusaha mencari erti yang sulit daripada kamus Alkitab atau mencari peta Alkitab bagi memastikan erti atau tempat kejadiannya. Guru tidak hanya membaca tentang perenggan yang akan diajarinya tetapi dia membaca konteks kitab itu dan kalau boleh membaca seluruh kitab itu. Guru-guru juga akan mencari ilustrasi atau cerita yang sesuai dengan temanya supaya pelajarannya dapat memahami dengan jelas. Bagi guru kanak-kanak, carilah gambar-gambar, visual atau objek yang menolong anak-anak memahami dan menghayati ajarannya.

Perancangan Pengajaran

1. Guru mesti memahami objektif-objektif besar bukan hanya objektif-objektif sesi yang akan diajarinya. Contohnya, objektif besar sepanjang tiga bulan pengajaran itu adalah untuk menolong pelajar-pelajar lebih beriman kepada Tuhan dan meminta pertolongan-Nya selalu. Sebelum mengajar satu sesi, gurunya mesti membaca objektif-objektif besar buku kajian Alkitab berkelompok, atau bahan-bahan sekolah minggu.
2. Kemudian guru mesti memahami objektif-objektif pengajaran topik sesi itu. Kalau guru-guru perlu merumuskan objektif-objektifnya, biarlah ia ringkas, tepat dan mudah difahami dirinya.
3. Bacalah Alkitab atau firman Tuhan yang akan digunakan untuk mengajar sesi itu dengan teliti kerana segala respon yang diinginkan harus berdasarkan perenggan Alkitab itu.
4. Kaji pelajaran itu dan ungkapkannya dalam bahasa yang mudah difahami pelajar-pelajar anda. Tuturkannya dalam bahasa jelas dan lebih bernada interaksi.
5. Renungkan bagaimana kebenaran firman Tuhan ini boleh diterapkan dalam diri anda terlebih dahulu. Setelah itu, selidiki bagaimana pelajaran ini boleh diterapkan dalam kehidupan pelajar-pelajar anda.
6. Tetapkan respon-respon apakah yang anda harapkan daripada pelajar-pelajar dari perenggan Alkitab supaya anda boleh mencabar pelajar anda untuk bertumbuh lagi.
7. Jangan fikirkan kaedah-kaedah pengajaran selagi anda belum memahami isi pengajaran anda dengan teliti.
8. Cari susunan alamiah iaitu beberapa langkah untuk pengajaran pelajaran itu. Dalam setiap bidang kajian terdapat arah alamiah dari fikiran yang paling mudah ke pandangan yang luas; demikian juga, setiap pelajaran.
9. Seorang guru mesti berusaha membaca buku-buku yang baik mengenai subjek pengajarannya supaya dia boleh mendatangkan ilham dan wawasan mendalam kepada pelajar-pelajarnya.
10. Jangan lupa berdoa untuk pelajar-pelajar anda, diri anda, pelajaran yang akan disampaikan dan juga suasana dalam kelas.

PERSIAPAN GURU

Respon Yang Dirancangkan

Di bawah adalah satu contoh sasaran respon yang dirancangkan oleh Larry Richards dari Yohanes 11:17-44 mengenai bagaimana Tuhan Yesus membangkit semula Lazarus yang mati. “Perhatikan gerakan dalam cerita ini. Kristus datang ke Betani dan ditemui oleh Marta yang memberitahu-Nya bahawa abangnya sudah meninggal dunia. Dengan ungkapan iman yang terharu, Marta memberitahu Yesus bahawa kalau Dia tiba dengan lebih awal lagi, abangnya tentu tidak akan mati. Yesus memberi respon dengan mengatakan bahawa abangnya akan bangkit semula.

Kemudian Maria tampil dengan keyakinan, “Tuhan, sekiranya Engkau berada di sini, saudaraku pasti tidak mati” (Yohanes 11:21). Kemudian mereka bertiga ke kubur itu. Yesus mengejutkan semua orang apabila Dia memerintah agar batu yang menutupi kubur itu diangkat. Marta yang sebelum ini penuh dengan iman berkata, “Tuhan, dia sudah berbau, sebab sudah empat hari dia mati!” (Yohanes 11:39) Marta begitu yakin bahawa Yesus mempunyai kuasa untuk mengawal destini kekal tetapi di sini dia telah membatasi kuasa-Nya.

Sewaktu membaca perenggan ini, adakah anda yakin akan dosa anda juga? Berapa kalikah anda telah menaruh kepercayaan kepada Tuhan Yesus tetapi mengabaikan Dia dalam kehidupan anda? Berapa kalikah anda telah bersedih dan gelisah? Bukankah ini suatu ketidakpercayaan? Kristus tidak terbatas, Dia boleh menyentuh kehidupan anda setiap hari dan menjangkau setiap keperluan. “Bukankah sudah Kukatakan kepadamu: Jikalau engkau percaya, engkau akan melihat kemuliaan Allah?”

Bayangkan inilah perenggan yang ingin anda ajarkan kepada kelas. Anda bermula dengan memikirkan tujuan anda. Senarai matlamat anda mungkin mencakupi yang berikut:

- Menjunjung Kristus sebagai Penolong
- Percaya bahawa kuasa Kristus tersedia untuk keperluan seharian kita
- Untuk menolong pelajar-pelajar saya melihat bahawa kuasa Kristus tidak terbatas

- Untuk menyedari bahawa kadangkala secara sedar kita telah membatasi kuasa-Nya
- Untuk membimbing pelajar-pelajar saya menggunakan kuasa Kristus
- Untuk menolong pelajar-pelajar menyedari mereka sentiasa membatasi Kristus dan menolong setiap pelajar mempercayai-Nya.³⁵

Kalau kita mengajar kitab Filemon 1:4-7, kita boleh merancang respon yang dikehendaki daripada murid-murid kita. Tanya mereka adakah mereka mengucapkan syukur sewaktu mereka memikirkan saudara-saudara seiman? Adakah kita berdoa agar iman mereka akan mengejarkan sesuatu yang baik dan dapat menghiburkan orang yang lain? Bolehkah kita menjadi teladan dalam hal-hal ini kepada saudara iman kita?

Apabila kita mengajar tentang Yusuf, kita boleh merancang respon yang diinginkan daripada kanak-kanak. Contohnya, kita ingin mereka tidak merasa cemburu, selalu saling menghargai, selalu memberi dan mengampuni serta tidak berdendam terhadap adik-adik sendiri. Tanya murid-murid apakah yang akan terjadi kalau kehidupan mereka penuh dengan kecemburuan?

Pendekatan Dalam Pengajaran

Guru-guru boleh membahagikan pelajarannya kepada beberapa bahagian untuk memudahkan persiapannya. Larry Richards mencadangkan *Hook, Book, Look, and Took* iaitu **Mencangkuk, Menjelaskan, Melihat Implikasinya, dan Menerapkannya**.

a Hook – Mencangkuk

Pernakah anda menangkap ikan? Apakah yang diperlukan untuk menarik perhatian ikan ke mata kail anda? Ya, umpan mungkin ulat atau katak kecil. Sewaktu pelajar-pelajar anda datang ke kelas, mereka sedang memikirkan hal-hal lain. Dia mungkin sedang memikirkan ais krim yang belum dinikmatinya ataupun suaminya yang baru berangkat ke Paris untuk perniagaan. Guru mesti menggunakan cangkuk untuk mendapat perhatian sebelum memulakan pengajarannya.

Kalau anda menggunakan satu gambar seorang anak yang takut, pastikan ia ada kaitan dengan ceritanya. Cangkuk yang baik menarik pelajar-pelajar menumpukan perhatian pada pelajaran selanjutnya, dan merupakan jambatan ajaran Alkitab. Pastikan ia sesuai dengan tema yang diajarinya.

b Book – Menjelaskan

Setelah mencangkuk perhatian, guru diberikan peluang menjelaskan kebenaran Alkitab yang ingin disampaikan. Pelajar-pelajar akan memahami lebih kalau anda melibatkan mereka dalam proses pengajaran. Guru mesti berusaha menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik. Kalau pelajar hanya mendengar dengan pasif, tentu mereka belajar sedikit dan mudah melupakan yang anda ajari. Kalau anak-anak yang kita ajar sangat kecil, suruh mereka membuat bunyi angin sedang menghembus; yang lain menunjukkan Yunus terombang ambing dalam kapal dengan tangan mereka, dan yang lain, ombak yang mengancam. Para remaja boleh membuat siasatan lalu membuat kesimpulan dan menyampaikan wawancara bagi contohnya TV3, “Adakah Tuhan Yesus sudah bangkit?”

Dalam bahagian “book,” alang baiknya kalau seorang guru menggunakan ilustrasi untuk menolong pelajar-pelajar memahami makna firman Tuhan. Tuhan Yesus selalu menggunakan ilustrasi yang baik dalam ajaran-Nya: lampu, garam, benih, pohon ara, matawang, domba dan sebagainya. *“Walaupun konsep kerajaan sungguh susah diajar, Yesus menggambarkan ilustrasi dengan hidup dan berkesan melalui penggunaan ilustrasi yang berseni. Dia membandingkan Kerajaan Syurga dengan jala, penabur, matawang yang hilang, dan mutiara yang mahal.”*³⁶

Guru-guru juga harus menjelaskan kebenaran menurut umur, tahap pemahaman dan pengalaman murid-muridnya. Cerita-cerita yang disampaikan mesti bersesuaian dengan umur mereka supaya boleh menerapkan dalam kehidupan mereka. Betapa bergunanya kalau seorang guru belajar tentang perkembangan minda, emosi dan jasmani murid-muridnya pada peringkat umur mereka. Contohnya, orang dewasa ingin cerita yang berguna untuk menolong mereka dalam urusan kerja dan rumahtangga mereka. Bolehkah guru menolong mereka dengan mencari contoh-contoh yang sesuai dan berguna bagi mereka?

Ilustrasi yang berguna boleh didapati daripada:

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| a. Cerita-cerita Alkitab | f. Seni |
| b. Suratkhobar | g. Sumber sastra yang lain |
| c. Klip filem | h. Kehidupan sehari-hari |
| d. Sejarah Kristian | i. Pengalaman sendiri |
| e. Sains | |

Walau bagaimanapun jangan memberi terlalu banyak ilustrasi sehingga tidak mentafsir firman Tuhan. Tujuannya bukan untuk menyampaikan serentetan cerita kerana kita mungkin akan menyimpang daripada fokus perenggan itu, dan mengelirukan pelajar kita. Ilustrasi ini berfungsi untuk melekatkannya pada minda pelajar-pelajar bukan hanya untuk membuat mereka ketawa. Gunakan ilustrasi yang positif, konkrit, mudah difahami dan yang intim daripada pengalaman hidup.

c Look – Melihat Implikasinya

Setelah mengajar tentang perenggan Alkitab itu, tibalah waktu untuk melihat implikasinya dalam kehidupan mereka. Contohnya dalam pemberian makanan kepada 5,000 orang, pelajarannya ialah Tuhan mempunyai kuasa untuk mencukupi segala yang kita perlukan, atau Tuhan Yesus boleh menggunakan yang sedikit untuk memberkati banyak orang atau sedikit yang kita berikan boleh dijadikan berkat. Untuk pelajar-pelajar yang lebih besar, perbincangan sangat berguna. Kajian kisah nyata boleh digunakan untuk melihat implikasinya.

d Took – Menerapkannya

Seorang guru yang baik akan menolong pelajarnya mengambil keputusan mengenai bagaimana dia boleh menerapkan kebenaran dalam kehidupannya. Suruh mereka menyelidiki kehidupan mereka dan meneliti bagaimana memperbaiki kehidupan rohani mereka. Mereka boleh disuruh untuk membuat keputusan mereka dan menulis secara jelas bagaimana mereka boleh berubah dalam hal-hal itu dalam jurnal peribadi. Pelajar-pelajar boleh berdoa berpasangan dan meminta Tuhan menolong mereka menerapkannya dalam kehidupan mereka.

Perancangan Gaya Dalam Kelas

Setelah merancang pelajaran di kelas, guru mesti memiliki gaya tertentu agar dapat memenangi murid-muridnya selain daripada kaedah dan aktiviti yang digunakan dalam kelas.

Harry Murray seorang pendidik Kristian telah mencipta senarai yang boleh diperhatikan oleh seorang guru sewaktu mengajar agar dapat menarik perhatian pelajar-pelajar:-

- A. Semangat ialah satu bahasa isyarat yang dapat menarik perhatian murid:**
 - a. bercakap dengan cara dramatik atau menyatakan perasaan
 - b. bergerak sewaktu menyampaikan pelajaran
 - c. memberi gerak geri dengan tangan atau lengan
 - d. menunjukkan wajah muka atau mimik muka
 - e. memberi gerak geri dengan kepala dan tubuh
 - f. bergurau dan menceritakan satu cerita lucu
 - g. bersenyum, dan ketawa sewaktu mengajar mereka
- B. Interaksi salah satu cara memperoleh penyertaan murid-murid:**
 - a. menggalakkan murid-murid bertanya dan memberi pendapat
 - b. memuji pelajar-pelajar yang memberi pendapat-pendapat yang baik
 - c. mengajukan pertanyaan kepada pelajar secara individu
 - d. mengajukan pertanyaan kepada semua pelajar
 - e. menyulamkan pendapat murid-murid dalam pelajaran
 - f. membentangkan pertanyaan yang dapat mencungkil fikiran mereka
- C. Perhubungan yang bermutu antara guru dan pelajar-pelajar sangat penting:**
 - a. memanggil setiap nama pelajar
 - b. memberitahu mereka bahawa anda boleh memberi mereka bimbingan di luar kelas.
 - c. menghulurkan pertolongan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah.
 - d. menunjukkan sikap bertolak ansur terhadap pendapat orang lain
 - e. bercakap-cakap dengan pelajar sebelum dan setelah kelas

1. CONTOH-CONTOH PELAJARAN UNTUK ANAK (3-4 tahun)

Tema: Tuhan Memberi Saya Keluarga

Fokus Alkitab: 1 Samuel 1:1-23

Ayat Hafalan: Yohanes 13:34b “Kamu harus saling mengasihi”

Objektif-Objektif Pelajaran

- Anak-anak menyedari bahawa Tuhan memberi mereka keluarga
- Memahami bahawa Tuhan memberi seorang bayi kepada Hana
- Bersyukur selalu untuk ibu bapa, adik-adik, nenek dan datuk

a Mencangkuk (Hook)

Gunakan pengalaman anak-anak dalam keluarga untuk cerita Alkitab ini. Anda boleh memilih salah satu cangkuk untuk menarik perhatian kanak-kanak:

- Tunjukkan beberapa sudu kayu yang berbeza saiz untuk mewakili bapa, ibu dan anak. Ikatkan ribon pada sudu atau melukiskan sesuatu... atau menampal kertas berwarna-warni. Tanya apakah yang sering dilakukan oleh ibu mereka dan bapa mereka. Jelaskan bahawa Tuhan memberi keluarga kepada kita untuk menjaga dan mengasihi kita.
- Carilah gambar keluarga yang sedang melakukan aktiviti bersama dari majalah atau buku-buku. Tanyakan anak-anak apakah yang sedang dilakukan oleh keluarga ini.
- Pakai apron, gunakan beg kerja, cuci pinggan, suruh mereka meneka siapa yang sedang lakukan pekerjaan ini.

b Cerita (Book) (Sediakan boneka yang dibungkus seperti bayi baru lahir)

Pada zaman dahulu, tinggal seorang lelaki yang bernama Elkana dan isterinya Hana di sebuah kampung yang bernama Ramah. Mereka tidak mempunyai bayi dan Hana rindu akan seorang bayi (tunjukkan tanganmu seakan-akan anda sedang mendukung seorang bayi). Suaminya sangat mengasihinya (Tunjukkan tangan untuk memeluk diri). Hana selalu menangis (menggosok-gosok mata seakan-akan sedang menangis). Dia berdoa untuk seorang bayi (tunjukkan doa dengan tanganmu dan kepala tertunduk, mata yang tertutup). Tuhan

menjawab doanya dan memberi dia seorang bayi (kalau anda ada boneka, dukunglah boneka itu). Hana sangat mengasihi bayinya dan menjaga dia dengan baik-baik.

Puji Tuhan untuk mama dan papa yang selalu mengasihi kita. Kita berterima kasih kepada Tuhan untuk keluarga.

Waktu Lakon Peran

Mari berlakon seperti mama pergi ke pasar, mama mencuci piring, mama memasak, papa mencuci kereta, papa pergi kerja.

Ajar satu pantun mudah dengan gerak geri:

Adik-adik kecil, Tuhan cinta

Abang-abang besar, Tuhan cinta

Kakak manis, Tuhan cinta

Papa mama, Tuhan cinta

Ulang Cerita dan Gerak Geri

Hana sangat sedih (tunduk kepala dan melipat tangan)

Hana berdoa untuk seorang bayi (tunjukkan doa dan dukung bayi boneka)

Tuhan mendengar doanya (letakkan tangan pada telinga seakan-akan sedang mendengar)

Tuhan memberi Hana seorang bayi (dukung seorang bayi)

Hana sangat gembira (tepuk tangan dan lompat)

Saling Mengasihi

Tuhan mengasihi saya (peluk sendiri)

Tuhan mengasihi awak (tunjukkan jari kepada orang lain)

Tuhan ingin kita mengasihi keluarga kita (melebarkan tangan anda)

(Perhatikan kanak-kanak yang lebih kecil memerlukan pelbagai aktiviti yang singkat)

2. CONTOH PELAJARAN SEKOLAH MINGGU (5-6 tahun)

Tema: Tuhan Yesus Boleh Melakukan Yang Mustahil

Fokus Alkitab: Yohanes 6:1-14

Ayat Hafalan: Lukas 1:37

Objektif-Objektif Pelajaran

- a. Untuk menolong seorang anak mengetahui bahawa Tuhan Yesus menggunakan makanan tengah hari seorang budak untuk menyuap 5,000 orang
- b. Untuk menolong seorang anak memahami bahawa Tuhan Yesus boleh menggunakan yang sedikit dalam diri mereka untuk memberkati orang lain
- c. Untuk menolong seorang anak melihat bahawa Tuhan kita Maha Kuasa

a Mencangkuk (Hook)

Carilah risalah-risalah, majalah-majalah lama atau suratkhobar yang mempunyai gambar-gambar makanan. Suruh kanak-kanak mengunting gambar tentang makanan yang mereka ingin makan untuk tengah hari dan kemudian tampal pada kertas piring. Biar kanak-kanak menunjuk kepada kelas apa yang akan dimakan oleh mereka untuk tengah hari. Simpankan 5 ketul roti dan dua ikan kadbod dalam bakul lalu menyuruh seorang anak memegangnya. Nanti kita akan tahu apa yang budak ini bawa untuk makanan tengah hari.

b Menjelaskan (Book)

Tunjukkan Alkitab kepada kanak-kanak dan berkata cerita hari ini diambil dari Yohanes 6:1-14. Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan Yesus dan penolong-penolongnya menyeberangi tasik besar. Banyak orang mengikut Tuhan Yesus kerana mereka telah mendengar banyak perkara ajaib yang dilakukan-Nya. Tuhan Yesus dan para pengikut-Nya pun duduk di kaki gunung. Setelah mendengar kepada Tuhan Yesus, tibalah saat makan tengah hari dan semua orang sungguh lapar. 5,000 orang berada di sana. Bagaimana memberi makanan kepada mereka? Tuhan Yesus menanyakan Filipus di manakah mereka membeli roti. Filipus berkata membeli roti untuk begitu banyak orang sangat mahal.

Tuhan Yesus bertanya siapa membawa makanan? Suruh budak kecil itu datang, dan suruh anak-anak kecil meneka apa yang terkandung dalam bakul itu.

Tunjukkan lima jari, lima buku roti lalu tunjukkan dua jari, dua ikan. Guru bertanya, “Bolehkah ini memberi makanan kepada 5000 orang?” Yesus menyuruh mereka untuk duduk lalu Dia mengucapkan terima kasih untuk dua ikan dan membagikan kepada semua orang di situ, setelah itu, Dia mengambil lima buku roti dan mengucapkan syukur. Makanan itu bertambah begitu banyak sehingga ada dua belas bakul tambahan.

c Melihat Implikasinya (Look)

Kita selalu percaya bahawa Tuhan yang Maha Kuasa boleh melakukan yang mustahil.

d Menerapkan (Took)

Saya akan selalu percaya bahawa tiada yang mustahil bagi Tuhan yang Maha Kuasa.

Suruh anak-anak mengikut gerak geri dan melafazkan doa ini bersama anda.

Tuhan yang Maha Kuasa, tidak ada sesuatu yang mustahil bagi Engkau (gerakkan jari untuk menunjukkan tidak, lalu tunjukkan jari ke atas untuk menunjukkan Tuhan),

Engkau menenangkan ombak (tunjukkan ombak lalu sungai tenang)

Engkau menyembuhkan orang yang buta (tutupkan mata lalu membukanya)

Engkau memberi makanan kepada 5000 orang dengan lima buku roti dan dua ekor ikan

Engkau selalu menjaga aku siang dan malam (dakap sendiri)

Tuhan yang Maha Kuasa, tidak ada sesuatu yang mustahil bagi anda (gerakkan jari untuk menunjukkan tidak, lalu tunjukkan jari ke atas untuk menunjukkan Tuhan).

Pertanyaan-Pertanyaan

1. Apakah yang digunakan oleh Tuhan Yesus untuk memberi makanan kepada 5000 orang?
2. Ini menunjukkan Tuhan M_h_ Kua_ _.
3. Kalau kita memberi sedikit yang kita ada kepada Tuhan, Dia boleh menjadikannya ban_ _ _.
4. Tuhan Yesus memberi lebih daripada yang diperlukan. Berapakah yang diberikan-Nya?

3. CONTOH STRUKTUR PENGAJARAN BAGI ANAK (9-10 tahun)

Tema: Mendengar Kepada Tuhan

Fokus Alkitab: 1 Samuel 3:1-19

“Untuk dia penjaga membuka pintu dan domba-domba mendengarkan suaranya dan ia memanggil domba-dombanya masing-masing menurut namanya dan menuntunnya ke luar” (Yohanes 10:3).

Objektif-Objektif

- a. Untuk mengajar anak-anak mendengar kepada suara Tuhan.
- b. Untuk mengajar anak-anak menjadi pendengar yang baik melalui Alkitab.
- c. Untuk mengajar mereka cara mereka dapat mendengar daripada Tuhan.

a Mencangkuk (Hook)

Suruh pemuda-pemudi anda berpasangan dan memberikan mereka satu topik untuk diceritakan kepada sesama. Dalam main peran ini, salah seorang murid akan menjadi pendengar dan yang lain akan menjadi pencerita. Satu pasangan akan bercakap dengan saling melihat dan menggunakan gerak geri serta emosi. Satu lagi akan bercakap dengan muka mengarah ke tempat lain atau mata yang memandang dinding. Satu pasangan lagi, seorang mengantuk sewaktu pasangannya mencerita. Satu lagi berdiri dengan agak berjauhan atau membelakangi sesama. Ceritanya, hari yang saya tidak lupa dalam hidup saya.

b Cerita (Book)

(Guru boleh berbincang dengan pelajar-pelajar tentang halangan-halangan sewaktu mendengar lalu menyampaikan ceritanya dalam bentuk dialog dengan perbezaan suara antara Tuhan, Samuel dan Eli).

1. Mengapakah mendengar kepada suara Tuhan begitu penting? (Yohanes 10:14-15)
2. Menurut anda, adakah Samuel seorang pendengar yang baik? (1 Samuel 3:9)
3. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan kepada Samuel? (1 Samuel 3:12-13)
4. Bagaimanakah kita mendengar kepada suara Tuhan?
5. Halangan-halangan apakah yang akan mengganggu kita daripada mendengar suara Tuhan?

c Melihat Implikasinya (Look)

Mendengar sangat penting kerana kita perlu mengetahui kehendak dan panggilan Tuhan dalam hidup kita. Jangan biar suara lain menutup suara Allah.

d Menerapkan (Took)

Beri tugas kepada anak untuk membaca dari salah satu perenggan dalam Alkitab, suruh mereka merenunginya dan berdoa. Setelah itu mereka akan berkata kepada Tuhan, "Sabdalah aku ingin mendengar." Mereka akan menuliskan apa yang didengar daripada Tuhan dalam diari atau jurnal dan ceritakan kepada kelas pada minggu depan.

4. CONTOH PELAJARAN BELIA

Tema: Berbahagialah Yang Miskin dan Berduka (Matius 5:3-4)

Objektif-Objektif Sesi

- a. Menyedari bahawa ajaran Tuhan berlawanan dengan nilai-nilai dunia ini
- b. Membincangkan ertinya miskin di hadapan Tuhan dan mereka yang berduka
- c. Menyelidiki beberapa nilai untuk mencirikan mereka yang berduka dan miskin di hadapan Allah
- d. Melihat nilai-nilai ini dalam kehidupan beberapa tokoh

a Mencangkuk (*Hook*)

Pilih dua pelajar untuk lakonan peran dan melakonkan watak-watak yang diceritakan dalam Lukas 18:9-14 sebelum kelas. Suruh mereka membaca cerita ini dan kemudian melakonkannya dengan spontan. Kemudian bahagikan para pelajar anda kepada dua kelompok: satu merumuskan sikap dan fikiran pemugut cukai dan satu lagi kelompok merumuskan fikiran orang Farisi. Kemudian rumuskan dengan kelas anda beberapa perbandingan sifat dan sikap antara orang Farisi dan pemugut cukai: kerendahan hati berlawanan keangkuhan, kebergantungan kepada Tuhan berlawanan keyakinan akan diri, dukacita akan dosa berlawanan membenarkan diri.

Guru juga boleh mengubah cerita ini menjadi suatu cerita moden yang menggambarkan dua watak yang berlatarbelakangkan situasi yang tertentu. Pelajar-pelajar diajak untuk melakonkan dua orang ini menurut kreativiti mereka. Pelajar-pelajar boleh merancangkan keadaannya dan lakonan yang mudah. Setelah itu guru boleh memberi penjelasan ataupun melontarkan pertanyaan-pertanyaan kepada murid-muridnya agar mereka dapat memahami perbezaan sikap antara dua watak dengan lebih mendalam.

b Menjelaskan (Book)

1. Dalam Matius 5:3-4 mengapakah Yesus bersabda orang ini “berbahagialah” atau “diberkati?”
2. Apakah maksud Tuhan Yesus ketika Dia bersabda berbahagialah orang yang miskin? (Matius 5:3)
3. Mengapakah mereka yang miskin juga dikatakan berdukacita? (Matius 3:4)
4. Bagaimanakah Allah boleh menolong orang yang remuk hati? (Yesaya 57:15)
5. Mengapakah Raja Daud boleh hidup berkenan kepada Tuhan dan Kerajaan Tuhan dekat kepadanya? (Mazmur 119:136)
6. Sikap apakah yang anda dapat lihat daripada pemimpin-pemimpin berikut?
 - a. Musa (Bilangan 12:3)
 - b. Daud (2 Samuel 7:18-19)
 - c. Paulus (Filipi 3:7-8)
 - d. Tuhan Yesus (Yohanes 5:19-20)

c Melihat Implikasinya (Look)

Bagaimanakah kita menganut sikap yang selalu miskin di hadirat Tuhan?

d Menerapkan (Took)

Tulis selembar jurnal untuk diri sendiri dan mintalah rahmat Tuhan sehingga anda mengalami perubahan di bawah Tangan-Nya

Tuhan Yesus, aku masih sangat angkuh dalam _____

Aku mahu menjadi seperti pemugut cukai atau Raja Daud yang remuk hati ketika _____

BAB 7 : MENELUSURI JALAN KREATIF

Guru dan murid merupakan ciptaan Tuhan yang kreatif dan imaginatif. Apabila kita melihat kanak-kanak sedang bermain, kita melihat betapa kreatifnya mereka. Permainan mereka, keseronokan dan pemikiran mereka di luar batas pemikiran yang biasa, namun kenapa kita tidak jarang memakai imaginasi dan kreativiti semasa mengajar? Betapa banyak murid menjauhkan diri daripada pembelajaran kerana pengajaran kita tidak menelusuri jalan yang lebih bermakna. Kita condong mengajar seperti kita sedang menyuap pelajar-pelajar kita nasi. Kita mengajak mereka menaiki tangga, langkah demi langkah dan bukan mengundang mereka untuk menari dengan irama yang lebih indah.

Pendidik-pendidik Kristian kadangkala mengikut kurikulum tanpa memahami konsepnya dan murid-muridnya hanya mengikut tanpa penggunaan imaginasi dan kreativiti yang mendalam. Findley B. Edge memberi amaran tentang bahaya melafazkan jawapan tanpa pemahaman yang benar.

“Pelajar-pelajar mungkin menghafal tanpa memahami konsep-konsep. Ini dipanggil ‘parroting’ atau pendidik-pendidik panggil sebagai ‘lafazan.’ Masalah lafazan dihadapi oleh semua pendidik, tetapi pendidik-pendidik Kristian mesti menjauhkan diri dari lafazan kerana Kristianiti pada hakikatnya adalah pertemuan dengan Kristus yang harus diungkapkan dalam pengalaman hidup. Anda tidak dapat belajar ideal Kristian sesuatu sebelum anda mengalami dan mengutarakan pengalaman ini.”³⁷

Eugene Peterson seorang penulis terkenal berkata, “...imaginasi itu salah satu pelayanan yang penting dalam pengasuhan kehidupan iman.” Bolehkah seorang guru dan murid menelusuri satu perjalanan pembelajaran yang lebih bermakna dan imaginatif melalui karunia kreativiti yang diberikan karunia kreatif murid kita?

Merengungi Subjek

Guru bermula dengan saat yang sangat teduh dan membaca firman Tuhan tanpa membuat interpretasi. Kita melihat bahan dan kandungannya tanpa terlebih dahulu memberi tafsiran serta menyuntik pengalaman peribadi kepadanya. Guru membiarkan firman Tuhan bersabda kepadanya dan imajinasinya bukan menghafal jawapannya.

Menurut Maria Harris proses pengajaran tidak bermula dengan sikap yang terburu-buru memberi persiapan dan tafsiran kepada bahan kita. Beliau berkata, *“Kita tidak menyiapkan bahan kita tetapi kita sangat teduh. Dalam saat ini, kita diminta untuk melihat bahan kita sebagai “Dia” supaya kita boleh membawa sikap tenang, dan penghormatan terhadapnya. Dalam pemahaman agama tradisional, istilah renungan bererti kita berada dalam keberadaan yang tidak diganggu oleh apa-apa, jiwa kita sungguh bangun, bebas daripada pra-anggapan, dan tidak diisi oleh tafsiran.”*³⁸

Pembentukan Tanah Liat Kita

Biasanya pendidik-pendidik memulakan tugas pengajaran mereka setelah mereka mengetahui umur murid-muridnya, isi kandungan dan tujuan-tujuan pelajaran dan menduga mereka sudah memperoleh semua maklumat dasar murid-murid mereka. Seharusnya sebagai seorang guru dia harus mengetahui lebih maklumat tentang murid-murid kita. Maria Harris memperhatikan bahawa, *“Penemuan mula-mula didapati dengan bekerja dengan tanah liat, membentuknya, bermain dengannya, menemukan apa yang boleh dibuatnya dan apa yang tidak boleh dilakukannya; apa yang boleh kita lakukan atasnya.”*³⁹ Seperti pelukis, kita merasa dan menghayati bagaimana kita bekerja dengan bahan-bahan mentah ini atau pelajar-pelajar ini. Seorang pembuat pasu akan berfikir bagaimana membentuk tanah liat serta mencoraknya menjadi sesuatu yang indah.

John Milton Gregory dalam bukunya *“The Seven Laws of Teaching”* berkata *lagu-lagu kesukaan mereka, cerita-cerita kesukaan mereka, dan subjek-subjek yang diminati mereka sungguh penting. Berusaha menemukan ini dan memakainya.”*⁴⁰ Kita perlu mengetahui elemen-elemen yang diminati oleh murid-murid untuk memupuk suatu interaksi bererti. Guru-guru yang tidak berminat dalam minat dan pengalaman pelajar tidak dapat menarik perhatian murid-murid atau menelusuri imajinasi mereka dalam pengajaran.

Findley B. Edge menekankan kepentingan mengenal pelajar-pelajar kita dengan lebih intim lagi.

*“Bagaimanakah seseorang individu memandang dirinya? Apakah yang difikirkan mengenai dirinya? Apakah yang menjadi ideal utama dalam kehidupan mereka? Apakah matlamatnya dalam hidup? Dorongan bagaimanakah mereka terhadap pencapaian matlamatnya? Sikap seseorang pelajar terhadap diri sendiri mempunyai pengaruh besar terhadap proses pembelajaran. Contohnya, pemuda-pemuda tertentu mempunyai cita-cita tinggi dan yang lain hanya sedang berfikir tentang dia mahu keluar dengan siapa pada hari Jumaat.”*⁴¹

Jenis-Jenis Tanah Liat

Guru tidak hanya tahu apa yang akan diajarkannya kepada murid-muridnya tetapi dia mesti tahu jenis tanah liatnya dan ciri-ciri khasnya. Pengetahuan benar tentang tanah liatnya akan menolongnya untuk mengajar dengan kreatif.

Gillian Judson seorang pendidik menekankan kepentingan pertumbuhan pada setiap tahap. Seorang pelajar yang berada dalam tahap bayi, dinamakannya sebagai tahap somatik.

*“Pemahaman somatik tertuju kepada pemahaman seorang anak kecil, cara pra-linguistik ...Dia mulai memahami pengalaman melalui informasi yang disediakan oleh pancaindera pandangan, pendengaran, sentuhan, hidu, yang terikat dengan emosinya. Dia boleh mengalami keseimbangan, gerakan, tekanan, kesakitan, kenikmatan, melalui cara tubuhnya bertindak balas terhadap objek-objek dan orang-orang yang ditemuinya.”*⁴²

Mengenal pasti perubahan yang dialami oleh murid-murid dewasa pada tahap kehidupan mereka akan menolong kita mempersiapkan pelajaran kita dengan lebih mantap dan sesuai dengan keperluan mereka. Pada setiap tahap perubahan, tanggungjawab baru akan ditanggung oleh mereka. Contohnya ibu bapa yang mempunyai anak remaja perlu mengetahui bagaimana berubah dalam cara pengasuhan anak. Perubahan terjadi dalam kehidupan mereka apabila mereka mesti menjaga ibu bapa atau mertua yang sudah lanjut usia. Cabaran-cabaran yang telah dialami oleh mereka perlu difahami oleh seorang guru.

Bukan Menaiki Tangga

Guru kreatif mengajar bukan seperti seseorang yang menaiki tangga, langkah demi langkah tetapi dia lebih menghargai proses pengajaran sebagai satu tarian dengan muridnya. Kadangkala dia terpaksa mengundur, dan adakala maju dalam tarian bersama muridnya. Maria Harris berkata bahawa mengajar bukanlah seperti menaiki tangga melainkan ia adalah satu tarian atau tango. Guru-guru akan tango dengan murid-muridnya sehingga satu tarian yang indah tercipta dan irama selanjut dibentuk oleh guru dan murid-serentak dan seirama.

Subjek

Guru-guru tidak hanya memberi jawapan tanpa memberi ruangan kepada pelajar-pelajar untuk berinteraksi secara imaginatif. Kebanyakan guru telah memberi jawapannya tanpa mempertimbangkan imaginasi dan kreativiti murid-murid. Tanpa interaksi yang mendalam dengan subjek dan keperibadian, suasana, pengalaman dan latar belakang murid-murid, kita memberi jawapan yang dangkal. Seorang guru yang berkemampuan tinggi akan menolong murid-muridnya berimajinasi, berfikir dan bukan menekankan mereka untuk memberi jawapan tepat sahaja, atau jawapan yang terkandung dalam panduan pembimbingnya! Proses mencari jawapan seperti tarian yang diwarnai oleh langkah-langkah undur dan maju.

Konteks Pengajaran

Guru mesti berusaha memahami bahawa pengajaran tidak boleh dilakukan tanpa memahami konteks kehidupan murid-muridnya. Bayangkan anda seorang pelukis, bagaimana anda akan melukis? Pertama, anda mesti membayangkan konteks dan suasana dalam lukisan itu.

“Pertama, konteks di mana kita hidup adalah faktor utama untuk menentukan respon kita. Sepanjang zaman setiap generasi, setiap negara, dan setiap kebudayaan membawa pengalaman hidup kita sewaktu membaca Alkitab dan menerapkan iman kita. Kita tidak membaca Alkitab, membuat keputusan tentang bagaimana kita menerapkan iman kita, ibadat kita dalam satu vakum. Siapa diri kita, mana dan bagaimana kita hidup, dan bagaimana kita diperlakukan oleh orang lain mempengaruhi pengertian iman kita, perhubungan kita dengan Tuhan, dan konsep diri kita.”⁴³

Konteks kita termasuk masyarakat setempat dan peristiwa sedunia kalau kita ingin menyiapkan pelajar-pelajar kita untuk melihat secara luas dan berfungsi sebagai rakyat sedunia.

“Konteks renungan teologi kita termasuk dunia di mana kita tinggal. Konteks ini termasuk isu, persoalan, ketakutan dan prioriti kebudayaan kita. Konteks kita bererti tempat tertentu dan juga seantero. Guru-guru boleh bermula dengan keluarga kita, gereja kita, kota kita, kebudayaan kita, atau negara kita. Konteks kita juga termasuk negara kita, dan dunia kita... latar belakang suku kita, pendirian politik kita... Iman kita tidak memanggil kita untuk mengasingkan kita daripada dunia tetapi sebaliknya untuk melibatkan diri dalam dialog dengan dunia. Dialog ini termasuk apakah yang dikatakan dunia tentang orang Kristian dan apakah yang kita katakan tentang dunia.”⁴⁴

Jangan Cepat-Cepat Memberi Jawapan

Seorang guru tidak memberi jawapannya dengan segera tanpa perbincangan dengan murid-muridnya, tanpa menelusuri pemahaman atau imaginasi mereka. Bolehkah anda membayangkan frustrasi anda sewaktu bercakap dengan seseorang yang mempunyai segala jawapan dan tidak pernah mendengar pendapat mahupun menghiraukan perasaan anda? Dia sahaja yang mempunyai semua perspektif, pengetahuan dan pendapat. Anda hanya menurut dan mendengar. Perbincangan dan pendapat daripada murid-murid seringkali memperkayakan jawapan kita.

Sesuatu Pemahaman Baru Dilahirkan

Sebagai seorang guru, anda akan mencapai kejayaan tinggi kalau sesuatu yang baru telah dilahirkan daripada penemuan dan perbincangan murid-murid anda. Pelajar telah diberikan peluang untuk mencipta makna dan bentuk bagi jawapannya. Mereka akan terkagum dengan kepandaian sendiri. Kejayaan tidak dicapai hanya dengan memberi ulangkaji yang berulang kali atau diukur daripada kemampuan memberi ayat hafalan. Kejayaan akan tercapai kalau pelajar-pelajar dapat mencipta makna, metafora dan simbol serta memberi interpretasi tanpa takut akan kesalahan.

Pelajar yang paling sulit pun dapat diajar melalui peluang menemukan maknanya dengan kemampuan sendiri. Ann Sullivan

melalui imaginasi pengajarannya dapat menolong muridnya Helen Keller untuk berimaginasi. Pendekatan ini telah membimbing dia ke jalan pembelajaran yang pada mula-mula hampir mustahil.

Di sini tertulis saat interaksi antara seorang guru yang hebat dengan muridnya, dan bagaimana penemuan indah yang baru dilahirkan terjadi daripada imaginasi dan penerokaan imaginasi. Hellen Keller telah mengajar Ann Sullivan sehingga dia menemukan sesuatu yang baru bagi diri sendiri dan terus berkembang dalam cara pembelajarannya.

“Kami menempuh perjalanan ke perigi, dan aku tertarik oleh keharuman bunga yang menghiasi sekitarnya. Seseorang sedang menimba air dan guru saya membimbing tangan saya di bawah aliran air. Air dingin memancar ke atas tangan saya sambil cikgu saya mengejakannya pada tangan saya perkataan ‘air’ dengan perlahan-lahan. Saya terpegun, seluruh perhatian saya tertumpu pada gerakan jejarnya...rahsia Bahasa telah dinyatakan kepada saya. Saya tahu bahawa air bererti sesuatu yang alang dingin yang mengalir ke atas tangan saya. Perkataan yang hidup itu membangunkan jiwa saya dan memberi terang, pengharapan, dan membebaskan. Ya, halangan masih ada tetapi halangan-halangan ini akan segera dihapuskan.”⁴⁵

C.S. Lewis pernah berkata, *“Guru-guru akan memberitahu anda bahawa murid yang malas terpaksa bekerja keras pada akhirnya. Contohnya, kalau anda memberi ilmu hisab kepada dua budak lelaki, salah seorang budak lelaki berusaha memahami tetapi yang lain menghafal sahaja kerana dia tidak memerlukan banyak usaha. Enam bulan kemudian, ketika mereka menghadapi peperiksaan, budak lelaki yang menghafal akan mengambil jangka waktu yang panjang bahkan berjam-jam yang susah untuk memperoleh jawapan. Budak lelaki yang lain mendapat jawapan hanya dalam beberapa minit dengan positif dan gembira.”⁴⁶*

Jean Piaget, ahli psikologi yang terkenal, mengingatkan kita bahawa suasana intelektual yang merangsang dapat menolong seorang anak bertumbuh lagi. Suasana dan kaedah mengajar yang membatasi kesempatan seseorang anak untuk menggali, menguji hipotesisnya, mempertimbangkan pertanyaan mereka, dan menjawab pertanyaan-pertanyaan lain akan mencacatkan pertumbuhannya. Jadi, seorang

guru lebih baik menggunakan aktiviti-aktiviti yang mengundang penglibatan seorang anak dan merangsang pertumbuhan mental dan kerohaniannya.

Kaedah Untuk Merangsang Imajinasi

a Lakon Peran

Lakon Peran ini tidak disiap terlebih dahulu atau sudah diberikan satu jawapan tetap, tetapi jenis untuk merangsang imajinasi yang mendalam serta mengundang kemahiran berfikir dan menyediakan ruangan baru untuk berfikir melalui isu yang dimainkan.

Guru-guru boleh menggunakan kaedah ini untuk merangsang wawasan baru yang ditemukan oleh pelajar-pelajarnya. Lakonan perannya harus mampu mencungkil fikiran mereka dengan lebih mendalam. Guru harus berhenti lakonan perannya apabila jawapan sudah tercapai, kemudian, dia akan membimbing kelompoknya untuk berbincang tentang jawapan mereka. Dengan lakon peran jenis ini, murid-murid digalakkan untuk menggunakan imajinasi mereka dan jawapan yang ditemukan mereka lebih kaya.

b Cerita-Cerita

Cerita boleh menolong pelajar memahami cara hidup serta menghubungkan kait firman Tuhan dengan kehidupan mereka. Imajinasi mereka akan digunakan dengan lebih mendalam dan bermakna. Anda boleh meletakkan struktur pelajaran dalam bentuk cerita. Guru-guru boleh menyuruh murid-murid membayangkan klimaks cerita, bagaimana cerita ini berlerai. Tanyakan mereka bagaimana cerita ini akan berakhir dengan berbeza seandainya pilihan lain diambil? Kelompok yang berlainan boleh menciptakan klimaks dan peleraian cerita yang berlainan. Kemudian, sesi membanding serta berbincang diadakan untuk mencelikkan akal para pelajar.

Banyak cerita misionari mahupun kehidupan tokoh-tokoh sejarah gereja boleh digunakan untuk mengilhamkan pelajar-pelajar. Cerita-cerita tokoh-tokoh gereja dan misionari biasanya dapat memberi nilai-nilai dan prinsip-prinsip kehidupan yang berguna untuk pelajar-pelajar. Tidak hairanlah, banyak orang dipanggil ke ladang pelayanan oleh cerita-cerita yang bersemangat tentang pekerjaan misi di negara lain.

c Metafora, Perumpamaan, Alegori

Metafora, perumpamaan dan alegori memampukan pelajar-pelajar kita untuk menggunakan imaginasi mereka untuk memahami kebenaran melalui bentuk yang lain. Tuhan Yesus menggunakan cara ini untuk merangsang imaginasi kita dan telah berjaya menggunakan kaedah ini dengan sempurna. Perumpamaan-Nya merangsang fikiran pelajar-pelajar, mencetuskan imaginasi dan merangsang emosi pelajar-pelajar. Contoh perumpamaan-perumpamaan-Nya: domba yang sesat, anak yang sesat, Orang Samaria yang baik, perumpamaan penabur, sepuluh dara yang bodoh dan sebagainya. Contoh metafora yang digunakan-Nya ialah lampu di atas bukit, air, roti hidup, benih, burung, buluh terkutai, pohon ara yang terkutuk dan sebagainya.

Santo Teresa Avila dalam karyanya, *"The Interior Castle"* (Istana Dalaman) telah menggunakan metafora yang kreatif untuk menjelaskan kehidupan rohani. Berikut adalah sebahagian daripada kutipan karyanya:

*"Saya mulai berfikir jiwa sebagai istana yang dibentuk daripada istana yang terdiri daripada satu berlian, sejenis kristal yang sangat jelas, yang mempunyai banyak bilik seperti syurga mempunyai banyak bilik. Sekarang, kalau kita berfikir dengan teliti saudari-saudari, jiwa seorang yang salih boleh dibandingkan dengan firdaus, yang sungguh berkenan kepada Raja Maha Kuasa, begitu bijak, begitu kudus dan yang penuh dengan segala yang baik. Tidak terlalu lama dahulu saya diberitahu oleh seseorang yang terpelajar bahawa jiwa-jiwa tanpa doa adalah seperti manusia yang cacat anggotanya, mereka mempunyai kaki dan tangan tetapi tidak dapat mengawalnya."*⁴⁷

Dengan segera Teresa Avila mencetuskan imaginasi kita akan keperluan jiwa kita yang ibarat satu berlian yang perlu dipelihara kalau kita ingin hidup berkenan kepada Tuhan Allah.

d Metafora Alkitabiah

Pendidik-pendidik boleh menggunakan metafora untuk memperkukuhkan kebenaran alkitabiah dalam ingatan dan imaginasi para pelajar. Metafora akan menolong pelajar-pelajar memahami aktiviti-aktiviti Allah dalam Alkitab.

e Penggunaan Contoh-Contoh Dari Alam

Tuhan Yesus menggunakan banyak contoh dari alam untuk mengajar tentang Allah dan cara-cara-Nya. Dia menggunakan bunga bakung, burung-burung, pokok, air, tanah, benih, buah dan banyak yang lain untuk menggambarkan kebijaksanaan Allah. Rasul Paulus menggunakan askar, petani, pelari untuk menggambarkan perjuangan seorang pelayan Kristus yang teguh dan tabah.

Martin Luther berkata, *“Lihat, Dia menggunakan burung-burung sebagai guru besar dan guru-guru kita...Dengan lain perkataan, kita mempunyai banyak guru dan pengkhotbah iaitu sebanyak burung-burung kecil di langit. Contoh-contoh yang hidup ini memalukan kita...apabila kita mendengar lagu burung bulbul, kita sedang mendengar kepada pengkhotbah yang baik...ia seakan-akan seperti sedang berkata, ‘Saya lebih suka berada dalam dapur Allah. Dia mencipta syurga dan bumi, dan Dia Pemasaknya dan Penyambut tamu. Setiap hari dia memberi makanan yang berkhasiat kepada burung-burung kecil dalam tangan-Nya.’”*⁴⁸

Contohnya apabila kita mengajar kanak-kanak, kita boleh menggunakan burung-burung dan merangsang imaginasi mereka. Contohnya perbincangan antara burung pipit dan robin.

Kata robin kepada pipit, “Aku ingin tahu kenapa manusia ini selalu khuatir, mundur-mandir, dan gelisah.” Kata pipit kepada robin, “Sahabatku, saya fikir mereka tidak ada Bapa Syurgawi seperti kita yang mengambil perhatian atas kamu dan saya.” (E. Cheney)

f Konsep Berlawanan

Konsep berlawanan seperti baik/jahat juga dapat menolong pelajar-pelajar meletakkan konsep dalam kategori dan menyusun pendapat mereka. Tuhan Yesus menggunakan pemugut cukai dan Farisi sewaktu menggambarkan penerimaan hati yang sudah bertaubat dan sungguh menyesal atas dosa; hati yang angkuh pula tidak diterima-Nya.

g Penggunaan Imej/ Simbol

Imej tulang kering, dua adik beradik yang tidak setia, bejana, pembuat bejana, rajawali, penjaga menara, burung-burung, bunga, benih, buah-buah, rajawali yang berwarna-warni, buaya dan banyak simbol telah

digunakan dalam Alkitab untuk menyampaikan kebenaran tertentu. Guru boleh menggunakan simbol atau menggalakkan pelajar-pelajar untuk mencipta simbol untuk melambangkan iman dan ibadat mereka. Simbol yang diciptakan akan memberi makna dan membuat proses pembelajaran bermakna dan intim bagi seseorang pelajar.

h Penggunaan Sajak Dan Metafora

Nasihat Hushai kepada Absalom untuk mencegahnya penyerangan raja Daud menjadi satu contoh yang baik bagaimana bahasa boleh menggegarkan sanubari seseorang. Dia menggunakan banyak bahasa figuratif atau sajak untuk merangsang imajinasinya (2 Samuel 17:7-13). Nasihat Ahitofel ialah segera menyerang Daud dan mendatangkan panik sehingga semua orangnya akan melarikan diri dan Raja Daud dibunuh. Hushai pula melukiskan Daud dan pengikut-pengikutnya bagai beruang dan pengikut-pengikutnya bagai pasir sehingga meruntuhkan keyakinan Absalom untuk membunuh Raja Daud dengan segera.

Hushai menggunakan lambang yang merangsang imajinasi dan emosi pendengarnya. Hushai menggunakan perkataan yang dapat melukiskan gambar yang hidup. Metaforanya segera menimbulkan ketakutan, “mereka sakit hati seperti beruang yang kehilangan anak di padang” (2 Samuel 17:8); “hati singa akan tawar hati sama sekali,” (2 Samuel 17:10). Daud dibayangkan sebagai beruang yang kehilangan anak dan tidak akan dikalahkan dengan mudah. Husai menasihati agar Absalom mengumpulkan rakyatnya “seperti pasir di tepi laut banyaknya” (2 Samuel 17:11) atau “seperti embun yang jatuh ke bumi” (2 Samuel 17:12) agar mencapai kemenangan. Kebijakan Hushai penggunaan bahasa memberi waktu kepada Raja Daud untuk menyiapkan tenteranya dan mengalahkan Absalom.

i Mengunjungi

Membawa pelajar-pelajar anda untuk mengunjungi dan memahami pelayanan akan menolong mereka melebarkan imajinasi mereka dan berinteraksi dengan suasana di sekeliling mereka. Dengan mengunjungi orang yang pelbagai kebudayaan dan gaya hidup, mendengar daripada mereka, dan berinteraksi dengan elemen-elemennya menolong pelajar-pelajar bertumbuh dalam iman dengan lebih mantap. Sewaktu anda mengajar pelajar-pelajar tentang penginjilan, anda boleh membawa

mereka ke ladang. Sekembali, bincanglah tentang pelbagai corak fikiran manusia yang mungkin menghalangi atau memudahkan mereka menerima injil. Pelajar-pelajar boleh merumuskan pendekatan sendiri untuk menginjili pelbagai jenis orang.

j Pendekatan Perasaan

Perasaan ialah akar imaginasi yang dapat menolong murid-murid menghubungkan kebenaran Alkitabiah dengan watak-watak dalam Alkitab. Membayang dan menyelami perasaan mereka akan merangsang pemahaman yang lebih mendalam dan meninggalkan kesan yang lebih mendalam dalam perasaan pelajar-pelajar.

Pendekatan ini juga diperkenalkan oleh Lawrence O. Richards, ahli Pendidikan Kristian,

*“Salah satu cara kita boleh memakai cerita-cerita Alkitab dan menolong kanak-kanak menjadi lebih peka kepada perasaan dan emosi yang termuat dalam catatan Alkitab ialah perasaan. Kadangkala, dalam Mazmur Daud, Alkitab menyatakan perasaan watak dalam peristiwa-peristiwa khusus. Dalam keadaan lain, kesan emosional dalam watak-watak Alkitab tidak dinyatakan khusus tetapi kita boleh menarik kesimpulan daripada konteksnya. Kita boleh mencapai beberapa hal melalui pendekatan perasaan dalam pengajaran Alkitab. Yang pertama, ia akan menolong kanak-kanak menyedari perasaan mereka sendiri, dan menggunakan perkataan secara tepat untuk menjelaskan perasaan mereka yang berbeza-beza. Ini proses yang sangat penting kerana ia akan menolong kanak-kanak memahami emosi mereka sendiri. Kanak-kanak menjadi lebih peka terhadap perasaan orang lain dan mengenal pasti perasaan orang lain. Yang akhir, kita boleh menolong kanak-kanak mempelajari cara yang baik untuk bertindak benar dan bukan yang salah, yang berguna dan bukan yang merosakkan.”*⁴⁹

Contohnya kita boleh menggunakan pendekatan perasaan untuk mengajar kitab Daniel. Bolehkah anda memikirkan perasaan yang boleh menjelaskan perasaan Daniel dan kawan-kawannya sewaktu meninggalkan negara mereka untuk belajar di negara asing? Muka-muka manakah yang menggambarkan perasaan Daniel? Bolehkah anda bayangkan perasaan Daniel kalau dia memutuskan untuk mengikut raja dan memakan makanan larangan?

Lawrence memberi kita beberapa contoh pertanyaan yang dapat menolong murid-murid kita membayangkan perasaan:

- Bilakah awak takut melakukan yang benar sekalipun tindakan itu betul?
- Bagaimanakah rasa awak ketika mengingat Tuhan dapat menjaga dan menguatkan awak untuk melakukan yang benar?
- Bagaimanakah rasa awak kalau awak melupakan Tuhan dan melakukan yang salah?
- Bagaimanakah rasa awak kalau awak membiarkan Tuhan menolong awak melakukan yang benar?⁵⁰

K Menolong Murid-Murid Menggali Dengan Mendalam

Einstein pernah bertanya, “Apakah perbezaan antara dia dan orang yang biasa-biasa?” Dia berkata, “Kalau anda memanggil seorang yang biasa-biasa untuk mencari jarum dalam tumpukan jerami, dia akan berhenti kalau dia menemukan jarumnya tetapi saya akan terus mencari lebih banyak jarum.”

Penggunaan imaginasi menggalakkan murid-murid kita mencari lebih daripada satu jawapan. Murid-murid kita harus diilhamkan untuk mencari lebih banyak jawapan dan memikirkan melampaui batas kemampuannya. Guru yang imaginatif akan menolong murid-muridnya menemukan sesuatu yang baru. Fikiran yang dihasilkan semula dengan sama hanya menghasilkan satu ide dan satu jawapan. Murid-murid yang diajar begini tidak mampu memberi jawapan kalau dia diperhadapkan dengan jawapan yang berbeza daripada yang lazim diterimanya atau diletakkan di suasana yang berlainan.

Kita perlu membimbing murid-murid menerokai lebih daripada satu jenis jawapan kalau kita mahu mengajar mereka berkomunikasi iman mereka dalam masyarakat yang pluralistik. Jawapan yang kaku dan tidak diterokai oleh pelajar-pelajar sendiri tidak akan menolong mereka untuk berfikiran tajam dan memberi jawapan yang terbaik.

I Gunakan Muzik Untuk Merangsang Fikiran

Menyanyi, berimaginasi, mencipta muzik dan lagu akan merangsang proses pembelajaran dan imaginasi. Murid-murid dapat berfikir dengan baik kalau mereka menghayati muzik yang disukai dalam pelajaran mereka. Guru boleh menciptakan suasana perasaan dengan muzik.

Anda boleh menyuruh pelajar remaja untuk mencipta lagu pop untuk kebenaran yang baru dipelajari oleh mereka.

m Penerapan

Pendidik-pendidik yang mengajar murid-muridnya tanpa menolong murid-murid berimajinasi bagaimana menerapkannya dalam pelbagai keadaan, sebenarnya tidak mengajar apa-apa, dan nilai pengajarannya tidak bertahan lama. Gunalah surat khabar, majalah-majalah mengenai situasi benar dalam kehidupan dan menolong pelajar menerapkan kebenaran firman Tuhan dalam pelbagai situasi.

John Milton Gregory berkata, *“Tahap yang lebih tinggi dan lebih berhasil ialah tahap pembelajaran yang muncul pada pengajian penerapan pengetahuan. Tidak ada pelajaran boleh dikatakan sudah dipelajari dengan sepenuhnya kalau ia tidak mempertimbangkan seluruh selok belok kehidupan dan alam... Pelajar yang telah menemukan kebergunaan yang dipelajarinya akan melipat gandakan minat mereka dan akan berjaya dalam pelajaran sekolahnya. Apa yang menjadi pengetahuan yang berguna akan menjadi kebijaksanaan yang praktis.”*⁵¹

Pendidik-pendidik Kristian yang berusaha menghubungkan kait pengajarannya dan kepercayaan intinya dengan kehidupan sehari-hari akan memampukan pelajar-pelajarnya mencapai kemenangan dalam pelbagai situasi. Wesley juga percaya bahawa orang Kristian tidak hanya mengikut satu set kepercayaan tetapi dia tahu bahawa pengalaman menghidupkan apa yang kita percaya, dan sembah melalui pengetahuan kita daripada Pendidikan Kristian.

Senaraikan Isi-Isu Semasa

Guru-guru boleh menyimpan satu jurnal atau buku untuk mencatat isu-isu luas yang kita hadapi kini. Sebagai guru, kita mengambil berat tentang penerapan pengajaran kita dalam kehidupan kini dan menjawabnya dalam konteks isu-isu semasa. Kita mesti menolong murid-murid kita berfikir bagaimana mereka boleh menerapkannya secara praktikal. Contohnya, di Malaysia isu-isu kontemporari pembunuhan, masalah politik dan ras, peningkatan kos hidup dan sebagainya. Senaraikan isu yang dihadapi oleh para remaja, pemuda-pemudi di Universiti, orang dewasa yang bekerja dan mereka yang lanjut usia.

KESIMPULAN

Pengajaran bukan menyuap murid kita atau memaksa mereka untuk menghafal apa yang kita ajari. Guru yang menelusuri jalan yang lebih bermakna akan menari dengan murid-muridnya untuk menciptakan irama pembelajaran dan pengajaran yang lebih indah. Seorang guru harus mengajar dengan berkesan sehingga dia boleh melepaskan tangannya dan pelajar-pelajarnya dapat berenang dalam lautan pengetahuan dan mengalami penemuan kebenaran tanpa pertolongannya pada akhir perjalanannya. Dia harus boleh menari dengan penuh keyakinan sekalipun cuaca sekelilingnya berubah.

BAB 8 : TEORI PERKEMBANGAN MANUSIA

Kehidupan manusia bagai melalui pelbagai musim dan setiap musim ada jambatan tertentu. Setiap tahap dan umur hidup kita mempunyai perkembangan dan ciri-ciri khas yang perlu diperhatikan oleh seorang guru jika dia ingin menolong muridnya melewati jambatan itu sambil melihat pelan indah Tuhan untuk kehidupan kita. Setiap musim boleh dijadikan saat transformasi indah. Dengan ajaran alkitabiah, seorang manusia akan berjalan teguh. “Mereka berjalan makin lama makin kuat, hendak menghadap Allah di Sion” (Mazmur 84:8).

Pengertian akan teori-teori perkembangan manusia dapat memberi kebijaksanaan, keperihatinan dan panduan kepada guru-guru sewaktu mengajar. Mengetahui tahap perkembangan setiap umur akan menolong guru-guru bertindak lebih peka terhadap pelajar-pelajar mereka. Seorang guru yang bijaksana selalu berusaha memahami ciri-ciri khas pada setiap peringkat pertumbuhan pelajar-pelajarnya. Kehidupan manusia seperti musim dan setiap musim mendatangkan perkembangan dan baru.

PERINGKAT-PERINGKAT PERTUMBUHAN

Ahli-ahli pendidik mementingkan tahap-tahap pertumbuhan dalam seseorang anak, oleh sebab itu, gaya dan pendekatan pengajaran setiap peringkat harus berbeza. Bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang digunakan pada setiap peringkat umur mestilah bersesuaian dengan setiap peringkat pertumbuhan minda, emosi dan jasmani.

1 Jean Piaget

Teori perkembangan Jean Piaget merupakan titik peluh penyelidikan dan kerjaya saintifiknya yang berlanjutan cukup lama. Piaget telah dilahirkan pada 9 Ogos, 1896 di Neuchatel, Switzerland namun beliau

sangat fasih dalam bahasa Perancis. Piaget mengajukan konsep tentang perkembangan manusia dari masa masih bayi hingga ke masa dewasa. Dengan menarik, Piaget membuat penyelidikan dan menjelaskan bagaimana manusia yang muda berkembang menjadi orang dewasa yang mahir bertutur kata, mampu menyelesaikan masalah dan berfikir cerdas. Piaget mengasaskan seluruh teorinya berdasarkan pemerhatiannya terhadap kanak-kanak di alam semula jadi mereka. Jean merumuskan sejarah perkembangan seorang manusia dengan satu siri perkembangan yang terjadi berperingkat-peringkat.

a Peringkat Sensorimotor

Pada waktu lahir, seorang bayi menggunakan gerak balas deria motor bawaan. Kebolehan deria motor seorang bayi berkembang berperingkat-peringkat. Bayi akan mempelajari tentang dirinya dengan melihat, menyentuh dan mendengar bunyi dan benda sekelilingnya kemudian menirunya. Cara pembelajaran ini dikenali sebagai pembelajaran melalui pemerhatian atau deria. Peringkat pembelajaran ini dikenali sebagai peringkat sensorimotor.

b Peringkat Pra-Operasi (2-7 tahun)

Perkembangan yang penting dan ketara pada peringkat ini ialah perkembangan bahasa. Kanak-kanak banyak menggunakan lambang dalam permainan. Contohnya seluar atau celana boleh dijadikan topi. Tin-tin dan cawan-cawan boleh dijadikan drum, atau sarung boleh diseret sebagai kereta.

Pemikiran kanak-kanak pada tahap ini bersifat egosentrik. Dunia dan keseluruhan hanya dilihat dari sudut pandangan mereka sahaja. Perkembangan kognitif seorang anak menjadi lebih sempurna dan kemampuan asasnya seperti mengira dan mengulangi satu rangkaian tingkah laku sehingga stabil menjadi lebih ketara.

Peringkat Pra-Operasi dibahagikan kepada dua tahap iaitu:

- a. Peringkat Pra-Konseptual (2-4 tahun)
- b. Peringkat Pra-Operasi (4-7 tahun)

Di peringkat pra-konseptual ini, kanak-kanak belum mampu memahami dua atau lebih dimensi serentak waktu. Mereka belum

Jadual Teori Perkembangan Jean Piaget

Umur	Peringkat	Penjelasan Pemikirannya
Kelahiran-2 tahun	sensorimotor	• mendengar • melihat • meniru • menyentuh
2-4 tahun	Peringkat Pra-Konseptual	• Belum mampu membezakan dan memahami dua atau lebih dimensi pada waktu yang sama kerana mereka kurang kemampuan untuk menyusun fakta • Belum sanggup menghubungkan kait pelbagai peristiwa • Empat kandungan utama proses kognitif: Egosentrisme, konsep punca-akibat belum berkembang, peningkatan perolehan bahasa dan pembentukan identiti diri • Analogi fikiran didasarkan pada pengalaman mereka dan transduktif, dari contoh khusus ke contoh khusus, belum dapat berfikirkan songsang
4-7 tahun	Peringkat Pra-Operasi	• Bahasa dan pengalaman berbahasa masih terikat kepada peristiwa yang dialami oleh mereka dan pengertian mereka. • Kebolehan mengira meningkat • Minat yang tinggi terhadap punca sesuatu peristiwa dari peristiwa yang diperhatikan • Belum berkemampuan untuk memahami kelajuan, waktu, jarak, pengabdian bilangan
7-12 tahun	Peringkat Operasi Konkrit	• Boleh menerima pandangan orang lain • Boleh memahami punca yang menyebabkan perubahan • Kemampuan untuk memahami objek, waktu, ruangan • Boleh menjelaskan punca sesuatu peristiwa dari segi mekanikal
12-16 tahun	Peringkat Operasi Formal	• Memahami kesongsangan, logik, dan sesuatu yang abstrak • Kemampuan untuk berfikir tentang konsep dan perhubungannya- corak fikiran dewasa • Mencapai kemuncak pada umur 16 tahun • Penyelesaian masalah yang rumit, logikal • Konsep yang abstrak dapat difahami

menerima kebolehan menyusun atau membanding dua perkara yang sama.

Menurut Jean Piaget, isi pelajaran hendaklah disusun menurut perkembangan kognitif kanak-kanak iaitu daripada sesuatu yang konkrit kepada sesuatu yang abstrak, daripada dekat kepada yang jauh, daripada pengalaman yang sedia ada kepada pengalaman yang baru, daripada yang kasar hingga ke yang halus. Menurut Piaget, urutan yang berperingkat-peringkat itu akan mencapai kemuncaknya apabila seseorang menginjak masa remaja kerana segala aktiviti lampau akan menjadi panduan matlamat kini dan juga input penyelesaian masalah.

Jean berkata kanak-kanak bertindak berdasarkan struktur-struktur mental yang dikenali sebagai skem dan skemata. Skem ialah sejenis kerangka atau pola tingkah laku yang boleh memasukkan maklumat persekitaran baru. Skem itu akan berkembang dan selalu berubah dan ransangan boleh menaikkan skem baru.

Proses pembelajaran ini terjadi melalui proses asimilasi dan akomodasi. Kanak-kanak memahami maklumat persekitarannya sama seperti proses pengambilan makanan dan penyerapan. Sewaktu seorang anak menerima maklumat, dia akan berusaha memahami maklumat itu berdasarkan apa yang sudah diketahuinya. Pencernaan baru ini menjadi input untuk mengasimilasi ide-ide yang lebih rumit.

2 Robert Havighurst

Robert berpendapat bahawa perkembangan seseorang terpengaruh oleh sosio-budaya masyarakatnya. Menurutnya, pembentukan sifat kanak-kanak sangat mengikut persekitarannya. Nilai-nilai yang ditegaskan oleh setiap masyarakat dan yang dijunjung mereka akan mewarnai cara mereka bertingkah laku. Dia menghuraikan tugas perkembangan sangat berdasarkan psikologi, biologi, dan faktor-faktor kebudayaan masyarakat itu.

Tugas-tugas pendidikan dimuat sesuai dengan pelbagai peringkat umur. Penyambungan tugas-tugas pendidikan pada pelbagai peringkat umur ada kaitan dengan tugas umur yang sebelumnya.

Pemahaman setiap peringkat perkembangan sangat berguna sewaktu kita merancang pelajaran kita. Kita hanya dapat memberi murid-murid kita tugas yang sesuai kalau kita tahu keperluan dan minat mereka pada pelbagai tahap umur mereka.

Jadual Konsep Tugas Perkembangan Seluruh Tempoh Hidup

Lingkungan Umur	Tugas Yang Sesuai
Lahir hingga awal kanak-kanak	• Belajar memakan makanan pejal • Belajar berjalan • Belajar bercakap • Belajar penggunaan tandas • Belajar perbezaan jantina dan cara yang sesuai untuk menutupi kemaluan • Belajar menyesuaikan emosi terhadap ahli keluarga dan orang lain • Membentuk konsep peringkat awal tentang kenyataan jasmani dan sosial • Membentuk konsep betul dan salah dan suara hati nurani
Pertengahan dan lewat alam kanak-kanak	• Membentuk kemahiran jasmani yang diperlukan untuk bermain • Membentuk konsep diri yang sihat • Meningkatkan kemahiran sosial untuk bersahabat • Membentuk peranan sosial dan jantina yang sesuai • Menguasai kemahiran 3M-menulis, melukis, membaca • Menguasai konsep-konsep moral, nilai dan suara hati
Remaja	• Membentuk kebebasan, belajar dengan sendiri • Membentuk kemahiran yang tinggi dan yang diperlukan untuk permainan rumit, belajar menguruskan kewangan • Membentuk kemahiran sosial yang sesuai, tingkah laku persahabatan • Membentuk kebebasan emosi dan sosial daripada ibu bapa dan orang lain • Membentuk kecekapan sivik, sosial dan nilai-nilai etika
Awal dewasa	• Memilih dan menerima kerjaya • Memilih pasangan hidup • Membuat persiapan untuk hidup berpasangan dengan isteri • Belajar penyesuaian dengan pasangan
Pertengahan dewasa	• Menyedari tanggungjawab sivik • Mencari kumpulan sosial yang sesuai dan setaraf dengannya • Memegang tanggungjawab sosial, ekonomi, sivik dan sosial • Menolong anak-anak membuat penyesuaian sosial • Membentuk aktiviti masa lapang yang menggembirakan • Membentuk perhubungan yang memuaskan dengan pasangan hidup • Membuat penyesuaian dengan ibu bapa, saudara mara, dan orang lain • Memupuk kepuasan dengan pasangan hidup
Lanjut Usia	• Menyesuaikan diri dengan masalah semakin uzur • Masalah kesihatan yang berkaitan dengan umur • Menyesuaikan diri dengan masa bersara dan pendapatan yang kurang • Menyesuaikan diri dengan masa lapang yang banyak • Menyiapkan penyesuaian yang memuaskan untuk perubahan hidup • Menetapkan persahabatan dengan teman-teman seumur • Menyesuaikan diri dengan kematian pasangan hidup⁵²

Corak pengajaran bukan sahaja harus bersesuaian dengan tahap perkembangan tetapi kita juga mengambil pertimbangan kebudayaan sesuatu bangsa. Bila seseorang mulai membaca, bercakap, masuk sekolah, berpacaran, bekerja, berkahwin, ataupun bersara berlainan di kebudayaan masing-masing. Sesetengah masyarakat mengizinkan para remaja berpacaran tetapi masyarakat yang lain tidak mengizinkannya kalau belum meningkat tahap awal dewasa.

Garrison, Kingston, dan McDonald membuat pengkajian dan mendapati kelas sosial juga mendatangkan perbezaan pada tahap perkembangan. Kelas sosial atasan, pertengahan dan bawahan mempengaruhi gaya kehidupan dan perkembangan seseorang.

Di sesetengah masyarakat, remaja tercicir dari sekolah untuk mencari pekerjaan. Kelas sosial yang miskin mungkin bekerja lebih awal, dan kelas sosial yang lebih tinggi mungkin bersara lebih awal.

3 Peringkat-Peringkat Perkembangan Iman

Pada tahun 1980, James Fowler meluangkan sepuluh tahun dalam pengkajian tentang perkembangan iman manusia dan merumuskan empat peringkat:

a Iman Utama-Peringkat Pertama

Peringkat ini terjadi pada waktu seorang anak masih dalam kandungan ibunya. Fikiran, sikap dan perasaan seorang ibu dan orang lain yang terdekat dengannya boleh mempengaruhi perasaan, tingkah laku bayinya, pembentukan emosi, minda, dan kerohaniannya.

b Peringkat Intuitif dan Projektif

Peringkat ini terjadi sewaktu seorang anak mulai bercakap dan menggunakan bahasa, sehingga dia menginjak ke tadika. Pada peringkat ini, imaginasi seorang anak, pandangannya, dan perasaannya menjadi cara dia memahami dunia. Cerita-cerita yang meneguhkan kebenaran seperti kasih Yesus Kristus, dan Tuhan yang Maha Esa memberi kesan penting kepadanya. Kanak-kanak pada peringkat umur ini menerima cerita ini dengan penuh minat namun mereka mungkin tidak dapat mengulangi segala yang diajari kepada mereka.

c Iman Khayalan dan Kenyataan

Kanak-kanak mengalami peringkat pertumbuhan iman peringkat khayalan dan kenyataan semasa mereka berada di sekolah rendah mereka. Pada peringkat ini, mereka lebih mampu membezakan antara kenyataan dan khayalan. Mereka lebih mampu memahami konsep tentang Tuhan daripada cerita-cerita Alkitab dan pengalaman-pengalaman rohani mereka. Kanak-kanak mencari jawapan yang pasti dan penjelasannya seperti yang terdapat dalam cerita dan menerapkannya secara harafiah dalam kehidupan mereka. Kanak-kanak ini mampu menjelaskan konsep rohani mereka kepada orang lain.

d Iman Sintetik (Majmuk) Konvensional

Erti sintetik di sini tidak bererti tiruan tetapi gabungan beberapa komponen dalam pengertian majmuk. Pada peringkat ini, kanak-kanak mampu membentuk cerita sendiri daripada dua atau lebih komponen dari Alkitab, pengajaran agamanya, dan pengalaman-pengalaman sendiri. Dia cuba menghubungkan kait cerita Alkitab dengan cerita sendiri, pengalaman masa lampau dan masa kini, pengharapan dan ketakutannya akan masa depan. Kanak-kanak ini akan berusaha mencari maksud peribadi dari Alkitab dan firman yang diterimanya.

4 Lawrence Kohlberg

Pengkajian perkembangan moral Lawrence Kohlberg (1984) telah merumuskan bahawa pemahaman moral dalam manusia berkembang dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain.

Walau bagaimanapun menurut beliau, peringkat ini tidak boleh ditafsirkan secara kaku. Perkembangan moral yang berperingkat-peringkat ini dikatakan berhubungan erat dengan perkembangan kognitif. Kohlberg menjalankan pengkajiannya dengan mengajukan satu dilemma moral kepada manusia pada pelbagai peringkat umur dan mendapat jawapan daripada mereka.

a Tahap Pra-Konvensional: Awal Kanak-Kanak

Pada tahap ini, seorang anak menurut kebiasaan kebudayaan dan peraturan masyarakat untuk membezakan apa yang betul dan apa yang salah. Mereka menurut sesuatu peraturan kerana mereka mahu mengelakkan sesuatu hukuman. Mereka menurut peraturan kerana

mereka ingin ganjaran atau mendapat balasan baik. Kanak-kanak pada umur ini mungkin menggambarkan Allah sebagai seorang anggota polis atau santa klaus. Mereka mengikut apa yang dianggap salah atau betul menurut orang yang berada dalam autoriti.

b Moraliti Konvensional: Masa Kanak-Kanak

Pada tahap ini, mereka mematuhi peraturan mengikut kebenaran dan persetujuan orang lain dalam masyarakat atau kumpulan tanpa memikirkan akibatnya. Ketaatan kepada firman Tuhan pada tahap ini mungkin dilakukan kerana mereka ingin menyenangkan persekutuan atau Sekolah Minggu yang diikutinya. Mereka sedang mengembangkan perasaan ketaatan kepada kawan mereka, keluarga mereka. Mereka juga mematuhi sebaik-baiknya peraturan demi mengelakkan hukuman atau denda.

c Moraliti Lepas Konvensional: Masa Remaja

Pada tahap ini, seseorang telah mencapai kemampuan kognitif untuk membuat suatu keputusan yang munasabah. Moraliti ini diasaskan pada prinsip individu itu dan hati nuraninya. Mereka memahami sebabnya mereka mematuhi peraturan-peraturan. Kebetulan sesuatu tindakan dikaitkan kepada hak individu dan mesti dianalisis oleh masyarakat dan dipersetujui umum. Mereka mulai memahami sebabnya mereka perlu mematuhi undang-undang demi untuk ketenteraman, keadilan sesama manusia.

“Anak-anak akan maju ke tahap perkembangan moral yang lebih tinggi apabila mereka merasa mereka bebas untuk berbincang dan bersama-sama menyelesaikan dilemma moral setiap hati. Sebagai ibu bapa, kita harus menciptakan suasana yang terbuka, sikap penerimaan, suasana rumah yang meyakinkan sehingga seorang anak boleh bertanya dan berbincang tentang isu kebenaran, rakan sebaya, dadah, seks, penghiburan yang mempunyai kandungan moral yang meragukan, media pendidikan dan yang lain-lain. Ibu bapa seharusnya tidak terkejut agar anak-anak mereka boleh merasa selesa berbincang tentang isu-isu masalah mereka. Mereka mesti merasa ibu bapa mereka adalah juga kawan-kawan mereka yang dapat menolong mereka membuat pilihan moral dan prinsip-prinsip moral.”⁵³

5 Arnold Gesell (1880-1961)

Arnold yang menulis buku “The Child from Five to Ten” memperhatikan kanak-kanak sewaktu mereka bermain dan merumuskan bahawa kanak-kanak melalui pelbagai tahap yang alamiah namun mereka perlu didukung oleh didikan. Didikan yang dikendalikan oleh ibu bapa tidak boleh terlalu ketat atau sebaliknya terlalu bebas.

Perkembangan seorang anak dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh dalaman dan luaran. Pengkajian beliau menyatakan bahawa tempoh lima tahun yang pertama amat penting untuk perkembangan kanak-kanak. Cara kita mengajar kanak-kanak pada tahap ini akan menentukan perkembangann fizikal, mental, emosi dan sosial pada masa depan.

Beliau perhatikan sewaktu mengalami peralihan dari satu peringkat ke peringkat yang baru, seorang anak mengalami keadaan yang kurang stabil dan perlu belajar menyesuaikan diri mereka. Satu corak keseimbangan dan ketidakseimbangan yang pesat diperhatikan dari waktu dilahirkan hingga ke umur lima tahun. Sewaktu berumur lima tahun seseorang anak menjadi lebih mantap.

Jadual Perkembangan Arnold Gesell

Peringkat	Ciri-Ciri Perkembangan
Pertama (0-1 tahun)	• Perkembangan emosi berlaku sebulan selepas dilahirkan melalui isyarat tangisan dan senyuman • Kematangan jasmani boleh dilihat daripada pergerakan mata
Kedua (1-2 tahun)	• Perkembangan mekanisme kawalan sendiri • Perkembangan jasmani dan minda ditunjukkan oleh perkataan-perkataan mudah • Perkembangan jasmani ditunjukkan dengan permulaan kemampuan berjalan dan berlari
Ketiga (2-3 tahun)	• Pembentukan sikap berdikari sewaktu makan, minum • Kemampuan mengucapkan ayat-ayat mudah
Keempat (3-4 tahun)	• Pertumbuhan jasmani jelas ternampak dalam permainan mereka • Kemampuan melakukan tugas harian
Kelima (4-5 tahun)	• Kedewasaan emosi ditunjukkan sewaktu mereka bergaul dengan kawan-kawan dan rakan sebaya • Kedewasaan minda mereka ditunjukkan daripada soalan-soalan yang diutarakan

Perkembangan setiap anak itu berbeza dan unik seorang daripada yang lain. Beliau telah menjelaskan peringkat-peringkat perkembangan ini dalam sepuluh kategori iaitu ciri-ciri motor, kebersihan peribadi, ungkapan perasaan, ketakutan dan mimpi, diri dan seks, perhubungan dengan sesama, permainan dan penggunaan masa lapang, kehidupan di sekolah, pengertian etik, dan pandangan falsafah.

6 Teori Perkembangan Emosi

Erikson (1963) merumuskan lapan tahap perkembangan emosi dari tahap masih bayi hingga ke waktu tua. Memahami perkembangan emosi sangat penting kerana kalau kita ingin memahami seseorang dengan lebih mendalam dan bukan hanya pada permukaan yang dangkal. Cara kita menangani perkembangan emosi seseorang boleh menjejaskan mereka atau menolong mereka untuk bertumbuh dengan sihat. Menurut Erikson pada setiap tahap perkembangan terdapat konflik emosi yang memerlukan penyesuaian psikologi. Berikut adalah jadual perkembangan yang dirumuskan oleh Erikson.

Implikasi-Implikasi Teori Perkembangan Manusia

Guru-guru yang memahami pelbagai peringkat atau tahap perkembangan manusia boleh menyiapkan pelajaran yang lebih sesuai dengan keperluan setiap tahap. Sewaktu guru mengajar anak-anak kecil yang belajar melalui sensorimotor, dia boleh membawa objek-objek agar boleh dilihat, disentuh, atau dihidu. Pemahaman teori-teori perkembangan boleh menolong guru-guru membangun sebuah jambatan dengan pelajar-pelajarnya.

Pelajar-pelajar yang mencapai keremajaan pula ingin diberi kesempatan untuk berbincang, membuat keputusan, berbincang dengan terbuka. Mereka akan merasa lebih puas dengan jawapan kalau mereka boleh turut bersama-sama mencari jawapan. Bagi orang dewasa yang memiliki banyak pengalaman, guru boleh menimba daripada pengalaman mereka, pengetahuan mereka, dan kebijaksanaan mereka untuk memperkayakan proses pembelajaran di kelas.

Peringkat Psikososial

Umur	Krisis Psikososial	Orang Penting
Kelahiran -1 tahun	Kepercayaan melawan ketidakpercayaan: • Suara, sentuhan, senyuman ibu sangat penting • Ketidakpercayaan akan membentuk tingkah laku negatif	Ibu
1-3 tahun	Autonomi Lawan Ragu dan Malu • Memiliki kuasa mobiliti • Keinginan tahu telah menyebabkan mereka berbuat sesuatu • Ibu bapa boleh mengawal tetapi jangan menghukum terlalu berat agar mereka tidak takut berbuat sesuatu	Ibu Bapa
3-6 tahun	Initiatif Lawan Serba Salah • Minda yang selalu ingin tahu menyebabkan perkembangan yang pesat • Bergerak cepat dan mungkin berbuat sesuatu yang tidak berkenan kepada yang lain • Ibu bapa akan menolong mereka sehingga mereka boleh menyalurkan tenaga untuk sesuatu yang membangun • Rasa serba salah kalau diketawakan • Jangan terlalu mengawal sehingga dia berasa bersalah	Keluarga
6-12 tahun	Kerajinan Lawan Rendah Diri • Evaluasi sendiri dibandingkan dengan orang lain • Keinginan dianggap orang lain sebagai berjaya dan diterima oleh yang lain kerana kemahiran mereka • Peneguhan akan membangun keyakinan diri bagi masa depan • Kompleks rendah diri akan timbul jika dicaci	Jiran, guru, sekolah
12-18 tahun	Identiti Lawan Kekeliruan Identiti • Usaha untuk memahami diri sendiri • Krisis identiti akan timbul • Peka dan sedar akan perubahan jasmani dan imej • Pembentukan konsep yang positif dan negatif • Pembentukan emosi terpengaruh dari peringkat yang dahulu	Kawan sebaya, pahlawan, idola
Dewasa (Awal)	Keintiman Lawan Bersendirian	Kawan, kawan lawan jenis
Dewasa Lanjut	Perkembangan Lawan Keadaan Tertakung	Pasangan hidup, kanak-kanak
Usia	Ego, Integriti lawan Penyesalan	Perhubungan dengan yang lain

KESIMPULAN

Kepekaan terhadap setiap tahap perkembangan murid akan menolong guru mencetuskan minat yang tertinggi serta menetapkan matlamat-matlamat pengajaran yang sesuai untuk pelajarnya. Guru-guru yang memahami konflik emosi pada setiap peringkat perkembangan para muridnya akan bersikap peka agar tidak melukai perasaan mereka dan menyebabkan pendewasaan terbantut atau menderita kepincangan. Guru-guru juga tidak akan menyinggung perasaan murid yang lebih senior tanpa mendapat pandangan mereka atau menghargai integriti pengalaman hidup mereka.

BAB 9 : TEORI-TEORI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Pakar-pakar pendidikan telah mengkaji proses pembelajaran dan pengajaran serta membina teori-teori pembelajaran yang dapat memberi wawasan kepada para guru. Teori-teori pembelajaran dan pengajaran boleh menolong kita mempertimbangkan asas-asas tertentu sewaktu kita membuat persiapan untuk mengajar. Kekayaan pelbagai pendekatan boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran dan proses pembelajaran. Teori-teori pembelajaran dan pengajaran juga berusaha melihat seluruh proses daripada pelbagai sudut seperti pelajar, guru, suasana, bahan dan proses memproses ajaran baru sehingga kepincangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan dapat ditangani dengan baik.

A. TEORI-TEORI PEMBELAJARAN

Pada asasnya, teori-teori pembelajaran boleh dikategorikan kepada empat mazhab yang utama, iaitu, mazhab kognitif, mazhab sosial, mazhab behavioris, dan mazhab humanis.

Mazhab Kognitif

Wolfgang Kohler yang menemukan teori Gestalt mementingkan pembelajaran dari segi kognitif dan proses dalaman. Pendekatan seperti pendekatan penyelesaian masalah, pemikiran celik akal, penemuan, kemampuan mengkategorikan, penyusunan maklumat dipentingkan oleh teori ini. Kita tidak dapat menentukan sesuatu organisasi dengan memerhatikan elemen-elemennya secara berasingan tetapi sebagai sesuatu yang menyeluruh. Elemen-elemen yang dikumpulkan akan menjadi satu konfigurasi atau corak. Manusia mempunyai struktur kognitif yang memampukannya menyusun menurut pelbagai kategori.

Teori ini merumuskan pendekatan pengumpulan elemen ke dalam pelbagai kategori untuk proses penyelesaian masalah. Kategori-kategori yang dirumuskan:

1. Hukum Kedekatan – pelbagai elemen yang dekat atau hampir sama.
2. Hukum Kesamaan – pelbagai elemen yang sama.
3. Hukum Penyempurnaan – elemen-elemen dapat saling menyempurnakan sebagai sesuatu entiti.
4. Hukum Kesederhanaan – elemen-elemen disusun menurut kesederhanaannya.

Wolfgang membuat satu pengkajian atas seekor Cimpanzi yang diletakkan dalam sangkar. Di sangkar itu terdapat beberapa kotak pelbagai saiz. Pisang digantung pada bumbung sangkar. Cimpanzi ini berusaha melompat-lompat mendapatnya tetapi gagal lalu ia berhenti sejenak seakan-akan ia sedang berfikir. Tiba-tiba, ia menyusun kotak-kotak ini seperti tangga dan mendaki tangga ini untuk mendapat pisang itu. Wolfgang berkata proses celik akal telah terjadi. Pembelajaran celik akal boleh dikendalikan melalui proses penyediaan, pengembangan (inkubasi), pencerahan (iluminasi) dan pembuktian kebenaran (verifikasi).

Bruner, tokoh lain pula menyarankan pendekatan induktif yang melibatkan aktiviti pengumpulan data dan pentafsiran maklumat-maklumat, lalu membuat rumusan dan kesimpulan. Pertama, guru membimbing murid-muridnya untuk berfikir, membuat pengkajian, mengenalpasti konsep dan prinsip. Kemudian, guru berusaha menolong murid-muridnya melalui proses soal jawab, mentafsir dan kemudian membuat kesimpulan.

Teori Tiga Bidang (Domain)

Benjamin S. Bloom mengemukakan tiga 'bidang' atau 'domain' pendidikan dalam proses pembelajaran. Untuk memahami perilaku pelajar-pelajar, beliau telah merumuskan satu sistem pengelompokan atau pembahagian menurut kerangka fikiran atau taxonomi. Tiga domain yang telah dikategorikannya ialah bidang kognitif, bidang afektif, dan bidang psikomotor.

Yang pertama, bidang kognitif, iaitu proses penggunaan pemikiran sewaktu diajari sesuatu yang baru. Penggunaan intelek ini memampukan potensi pelajar diasah dari segi minda. Proses ini berkaitan dengan aktiviti mental seperti pemahaman, pengetahuan dan kemampuan membuat analisis. Bloom sungguh mementingkan pemikiran pelajar-pelajar sewaktu guru-guru mengajar. Dia memusatkan perhatian kepada objektif-objektif pengajaran yang boleh dirumuskan dalam tiga domain: domain kognitif, domain afektif, dan domain psikomotor. Domain kognitif menangani kemampuan pelajar untuk menggunakan informasi dengan cara bermakna, domain afektif menangani sikap mereka, dan domain psikomotor mementingkan kemahiran mereka.

Tokoh-tokoh seperti Piaget, Kohler, Bruner dan Ausubel percaya belajar bukan hanya stimuli tindak balas sahaja sebab pembelajaran jenis ini tidak terjadi dengan mendalam atau berakar urat sebab pelajar-pelajar tidak ada inisiatif dalam proses pembelajaran ini, dan tidak melibatkan diri dalamnya.

a Domain Kognitif

Bloom telah membahagikan bidang kognitif kepada enam peringkat:

- Pengetahuan – Proses pembelajaran yang paling dasar iaitu termasuk mengingat kembali sesuatu objek, prosedur, konsep, definisi dan teori.
- Pemahaman – Setelah memperoleh pengetahuan, seorang pelajar maju selangkah lagi dan memahami yang dipelajarinya.
- Aplikasi – Pelajar melangkah lebih lanjutnya kalau dia tahu cara menggunakan pengetahuan yang diperoleh atau menerapkannya dalam kehidupan.
- Analisis – Pelajar perlu menganalisis isi kandungan serta struktur bentuk bahannya.
- Sintesis – Pada tahap ini pelajar mampu menyusun pelbagai bahagian menjadi satu. Perilaku kreatif diperhatikan pada tahap ini dan penghasilan corak baru diwujudkan oleh murid.
- Penilaian – Kemampuan menilai bahan-bahan dan tujuannya oleh seorang pelajar.

b Domain Afektif

Setelah melalui domain kognitif, semua yang dipelajari akan menjadi sebahagian nilai-nilai atau sikap sehingga pelajar memperoleh keyakinan daripadanya. Proses pembelajaran ini melibatkan aspek rohani, emosi, sosial, nilai, dan sikap diri. Nilai-nilai dan kebenaran akan diterapkan oleh seorang pelajar. Proses yang dilalui ialah kesedaran, memberi respon atau reaksi, menjadi nilai (menghargai dan bertindak), menyusun satu sistem nilai peribadi, dan menjadikannya sebagai sebahagian dalaman seseorang pelajar.

c Domain Psikomotor

Setelah ini, perasaannya akan diterjemahkan dalam tingkah laku atau kemahiran psikomotor. Domain ini melibatkan penguasaan kemahiran melalui kemampuan jasmani mereka untuk melakukan sesuatu. Tahap yang tertinggi dalam bidang psikomotor ialah kemampuan untuk menggunakannya sehingga menjadi sesuatu yang alamiah. Proses yang dilalui ialah imitasi (mengikut tunjuk ajar), memanipulasi, mengembangkan satu ketepatan, menggabungkan kemahiran yang berbeza dan menjadi sesuatu yang alamiah mahupun menjadi pakar.

Perkembangan Teori Tiga Domain

Beberapa perkembangan teori Bloom telah dikembangkan oleh pelajar Bloom, Lorin Anderson yang juga membuat beberapa perubahan. Dia menggambarkan proses yang akan terjadi dalam pembelajaran pelajar-pelajar.

- a. Mengingat – pelajar boleh memberi definisi, memberi penjelasan, mengenalpasti, memberi label, menyesuaikan informasi, mengulanginya, dan membuat pemilihan.
- b. Memahami – memahami kata-kata kunci, menukarkan informasi, membela, membezakan, mengembangkan, membuat kesimpulan, membuat ramalan, menulis semula dalam pengertian mereka.
- c. Aplikasi – menukarkan, mendirikan, mendemonstrasi, mendefinisikan, menemukan yang baru, memanipulasi, memberi pengubahsuaian, memberi persiapan, menghubungkan dan menggunakan.

- d. Analisis – membuat analisis, membezakan, membuat perbandingan, kemampuan untuk melihat perbezaan dan persamaan, boleh memberi garisbesar, boleh membuat pemilihan, kemampuan memisahkan, membuat rajah, merobohkan dan mendirikan semula.
- e. Evaluasi – memberi perbandingan, membuat kesimpulan, mentafsir, membuat rumusan, mendukung pendapat, mencipta, memberi kategorinya, menyatukan, menulis semula, mencipta, memberi organisasi dan susunan.

a Mazhab Sosial

Tokohnya, Bandura mementingkan permodelan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam permodelan, pelajar-pelajar meniru gurunya. Guru adalah model yang sangat penting; segala tingkah laku, bahasa dan gayanya akan diresapi oleh pelajar-pelajarnya. Cara guru berfikir, bercakap, membenteng fakta dan membahasnya merupakan input (bahan cernaan) yang berguna kepada muridnya.

Penyampaian guru mesti cekap dan dapat mengilhami murid sebagai “model teladan” yang cemerlang dalam kelas. Demonstrasi guru hendaklah jelas agar dapat ditiru oleh murid-murid-Nya. Segala kraf tangan, karangan, perdebatan, penghuraian, konsep yang dibenteng oleh guru mesti sangat baik supaya para murid berminat mengikutinya.

Untuk mengilhamkan murid-murid sewaktu mengajar tentang kepimpinan, guru-guru boleh menggunakan contoh hidup tokoh-tokoh terkenal untuk penyampaian nilai-nilai atau sifat-sifat yang boleh diteladani mereka. Contohnya ketika mengajar tentang kepimpinan, guru-gurunya boleh membenteng kehidupan William Carey yang membawa perubahan dalam kehidupan penduduk India. Cikgu boleh menolong murid-muridnya mengenal pasti sifat-sifat dan sikap-sikapnya yang mendatangkan kemenangan dalam imannya.

b Mazhab Humanis

Tokoh-tokoh pendidikan ini mementingkan keinginan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran. Carl Rogers percaya bahawa setiap pelajar mempunyai potensi dan keinginan sendiri untuk mencapai

kecemerlangan dalam kehidupan maka setiap guru mesti memberi bimbingan dan dorongan maksimal kepada pelajar-pelajar untuk mencapai kecemerlangan pada tahap yang tertinggi. Selain itu, perbezaan gaya belajar ditegaskan oleh mazhab ini. Pendekatan dan strategi pembelajaran harus dirancang menurut kehendak dan gaya kesukaan pelajar-pelajar.

Maslow menegaskan pemuasan tertinggi yang dialami oleh seorang manusia ialah iaitu tahap realisasi diri, pencapaian kecemerlangan tertinggi. Pencapaian realisasi tertinggi ini juga bergantung pada sama ada keperluan-keperluan asasnya telah dipenuhi, motivasi pembelajaran dirangsang, perasaan dipuaskan, dan nilai komunikasi dipenuhi.

c **Mazhab Behavioris**

Teori Behavioris terbahagi kepada dua bahagian iaitu teori pelaziman operan dan teori pelaziman klasik yang mementingkan perubahan tingkah laku dalam pembelajaran. Teori pelaziman klasik dirumuskan oleh Palov dan Watson. Teori pelaziman operan yang dikemukakan Skinner dan Thorndike mengatakan pembelajaran dapat diperhatikan, dikawal, dan diramal. Teori ini memerhatikan hubung kaitan antara ransangan dan gerak balas. Selain itu, teori ini memerhatikan tingkah laku pelajar dan peneguhan ransangan positif atau negatif untuk mendatangkan tingkah laku yang diinginkan.

Teori pelaziman operan memperkenalkan peneguhan positif dan peneguhan negatif. Peneguhan positif dilakukan dalam kelas sebagai satu motivasi agar pelajar-pelajar dapat meneguhkan perbuatan yang baik. Guru yang memberi ganjaran akan merangsang pelajar-pelajar untuk mengulangi perbuatan yang positif itu. Sesuatu kemahiran atau teknik baru boleh diperoleh kalau diberikan peneguhan terus menerus. Kalau kita ingin menghapuskan sesuatu tindakan pelajar-pelajar, kita hanya perlu menghentikan peneguhannya.

Peneguhan negatif dipakai untuk memperoleh tingkah laku yang ingin dibentuk dalam sifat pelajar-pelajar. Contohnya, seorang pengajar yang ingin mendisiplin kelas yang tidak menurut arahnya dan selalu datang terlambat, boleh menarik balik masa rehat buat sementara waktu sehingga disiplin kelas semakin baik.

B. TEORI-TEORI PENGAJARAN

1 Model Eksposisi

Pendekatan eksposisi memberi penerangan yang jelas dan terperinci. Dalam model ini pengajar-pengajar memberi pengajaran dan maklumat. Dia menyampaikan seluruh isi kandungan pengajarannya kepada pelajar-pelajar dalam kelas lalu murid mencatatnya.

Contohnya guru menggunakan model ini untuk menerangkan konsep penebusan anak pendamaian, nilai-nilai Khutbah Di bukit, sejarah gereja abad pertengahan, dan sebagainya.

Pengajaran eksposisi Alkitab biasanya disampaikan melalui dua pendekatan. Salah satu pendekatan ialah pengupasan Alkitab satu ayat lepas satu ayat or melalui topik. Pengupasan ayat lepas ayat satu kitab menolong mereka memahami kitab itu lebih mendalam. Penjelasan satu topik melalui ayat-ayat satu kitab menolong pelajar-pelajar melihat bagaimana kitab tersebut menghuraikan satu konsep, contohnya, pembenaran dalam kitab Roma. Pendekatan ini menolong pelajar-pelajar menerapkan firman Tuhan secara sistematik.

2 Model Interaksi

Model ini melibatkan interaksi antara lima komponen iaitu alam persekitaran, objektif, pelajar, isi, dan guru.

Proses pengajaran terjadi apabila lima komponen ini berinteraksi; guru dan murid, objektif, dan isi kandungan, dengan persekitaran alam. Model ini menghuraikan persekitaran sebagai alam belajar seperti keselesaan kelas, keadaan yang mencakupi kedudukan socio-emosi, dan budaya pelajar-pelajar. Keberkesanan sesuatu pengajaran amat bergantung kepada kebijaksanaan seorang guru untuk merancang objektif, teknik mengajar serta isi pelajaran bersesuaian dengan komponen-komponen persekitarannya. Menurut beliau, interaksi antara guru dan murid boleh terjadi dengan satu, dua atau tiga komponen yang lain.

a Fokus Objektif-Objektif

Interaksi antara guru, murid dan objektif. Dalam interaksi ini, objektif menjadi fokus penentuan.

- Objektif-objektif pelajaran yang dirancang harus bersesuaian kebolehan minda serta jasmani pelajar-pelajar.

- Objektif-objektif pelajaran yang dirancang oleh guru mesti dicapai dalam masa yang diperuntukan.
- Objektif-objektif pelajaran yang dirancang oleh guru mesti mendatangkan perubahan pelajar seperti apa yang diharapkan dalam pelajaran selepas pelaksanaan aktiviti dalam kelas.

b Fokus Isi Pelajaran

Interaksi antara guru, murid dan isi pelajaran, dan isi pelajaran menjadi fokus.

- Perancangan isi pelajaran mestilah bersesuaian dengan tahap kemampuan dan keupayaan jasmani murid-murid.
- Isi pelajaran yang dirancang mesti sistematik agar pelajar-pelajar dapat mengikutinya dengan mudah.
- Isi pelajaran yang disampaikan mesti disertai dengan kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai.

c Fokus Persekitaran – Interaksi antara guru, murid dan isi pelajaran dengan persekitaran menjadi fokus

- Tempat belajar harus disusun bersesuaian dengan intelek, emosi, rohani, dan sosial murid-murid.
- Alat bantu mengajar mestilah jelas dan dapat difahami oleh pelajar-pelajar.
- Kemudahan-kemudahan yang disediakan harus memperkayakan pengajaran.

Sewaktu Tuhan Yesus melihat banyak orang mengikuti Dia, segera Dia mendaki ke bukit dan duduk selesa sebelum mengajar. Dia duduk di tempat yang lebih tinggi agar pelajar dapat melihatnya dan mereka mempunyai cukup tempat untuk berduduk di sekelilingnya. “Ketika Yesus melihat orang banyak itu, naiklah Dia ke atas bukit dan setelah Dia duduk, datanglah murid-murid-Nya kepada-Nya” (Matius 5:1). Pastikan murid-murid duduk dalam kelas yang selesa dan tenang supaya mereka boleh belajar tanpa gangguan.

3 Model Pembentukan Konsep-Hilda Taba

Hilda Taba merumuskan bahawa konsep boleh dibentuk dengan tepat hanya setelah proses penyusunan bahan-bahan pengajaran yang dapat meningkatkan daya pelajar-pelajar untuk berfikir dirancang.

Hilda Taba percaya pelajar dapat dilatih membuat kesimpulan setelah mengumpulkan semua data. Contohnya kalau pelajar hanya membaca bahawa burung enggang hanya terdapat di Sarawak, mereka berfikir burung enggang hanya wujud di Sarawak. Tetapi apabila satu hari mereka melihat laman web bahawa burung enggang juga wujud di hutan Afrika Selatan, segala kesimpulan berubah.

Berdasarkan model pembentukan konsep, pendidik-pendidik percaya bahawa pembentukan konsep harus dilakukan menurut peringkat.

- a. Peringkat Penyusunan Data-Mengumpul, memerhati dan menyusun data menurut ciri-ciri kesamaan dan perbezaannya
- b. Peringkat Pembentukan Konsep-Penggolongan dan pengelasan fakta-fakta berdasarkan ciri-ciri persamaan sehingga mereka boleh membentuk kategori serta memberi label kepadanya.
- c. Peringkat Pembentukan Hukum- Ini proses membuat kesimpulan setelah mengait hubung kategori.
- d. Peringkat Aplikasi-Penggunaan kesimpulan yang dirumuskan. Bagaimanakah saya menerapkannya dalam keadaan ini atau dalam keadaan yang berlainan?

Peringkat	Isi Pelajaran
1. Penyusunan Data	Sahabat-sahabat Tuhan Yesus telah melihat kematian-Nya, Yusuf Arimathea dan Nikodemus mengafankan tubuh-Nya, Askar-askar menusuk samping Yesus... Saksi-saksinya melihat Dia mati di kayu salib.
2. Pembentukan Konsep	Banyak orang telah menyaksikan bahawa Tuhan Yesus sungguh-sungguh mati sewaktu disalibkan. Kalaupun Dia tidak mati, kain yang digunakan tubuh-Nya akan membunuh-Nya.
3. Pembentukan Hukuman	Membuat kesimpulan: Tuhan Yesus telah mati secara jasmani dan Dia tidak pengsan sahaja.
4. Aplikasi	Kematian Tuhan Yesus bukan satu khayalan sahaja tetapi fakta, maka teori Swoon boleh ditolakkan tanpa ragu-ragu.

Proses pengajaran dan pembelajaran ini sangat baik untuk meningkatkan daya pemikiran pelajar-pelajar sehingga mereka boleh menolak sebarang ajaran sesat atau ancaman konsep lain yang berlawanan iman mereka.

4 Model Pengajaran Inkuiri

Guru mencipta atau membentangkan satu masalah lalu pelajar-pelajar harus menyelesaikan masalah itu. Mereka mengkaji, mengemukakan soalan-soalan untuk mencari jawapan lalu membentuk satu hipotesis atau kesimpulan.

Enam langkah boleh digunakan dalam model pengajaran inkuiri ini:

- a. Guru mencipta dan membentangkan satu masalah.
- b. Guru boleh berbincang dan membimbing murid untuk memahami masalah itu.
- c. Murid-murid mencari soalan-soalan yang boleh menolong mereka untuk mencari jawapan bagi masalah ini.
- d. Mereka membuat satu hipotesis.
- e. Mereka mencari sokongan-sokongan untuk hipotesis mereka
- f. Mereka membuat kesimpulan dan rumusan mereka.

Contoh

Masalah

1. Orang yang berjudi kadangkala menang dan adakala rugi tetapi seringkali mereka kerugian sehingga terpaksa menggadai rumah, menjual isteri dan anak. Meskipun begitu, tabiat buruk mereka tidak berubah.
2. Murid-murid akan mencari jawapan kenapa orang suka berjudi: ketamakan, ketidakpuasan, kemurungan, kekosongan jiwa, keputusasaan, dan lain-lain.
3. Buat satu hipotesis. Orang berjudi bukan selalu disebabkan ketamakan tetapi mungkin disebabkan kekosongan jiwa.
4. Berikan satu rumusan, kesimpulan dan jawapan. Memenuhi kekosongan jiwa dapat menolong kaki judi kerana mereka menyembuhkan masalah batin mereka.

5 Model Proses Pengajaran Robert Glaser

Robert Glaser mengemukakan model pengajaran dengan membahagikan proses pengajarannya kepada empat tahap utama:-

- a. Objektif Pengajaran – Harus menjelaskan pencapaian yang kita ingini dalam diri seseorang pelajar selepas pengajaran kita.
- b. Pengetahuan Yang Sedia Ada – Tahap intelek, aras motivasi, sosio-budaya kehidupan pelajar-pelajar mesti diketahui oleh guru sebelum mengajar.
- c. Kaedah Mengajar – Kaedah ialah satu siri aktiviti seperti kaedah bercerita, kaedah penyelesaian masalah, lakonan peran yang akan digunakan oleh guru.
- d. Penilaian – Penilaian seperti soal jawab, ujian formal, tidak formal, hasil penilaian yang berbentuk lain.

Penilaian perlu dijalankan agar guru boleh memperbaiki kelemahan pengajarannya, mengubahsuaikan pengajaran supaya keberkesanan pengajaran selalu meningkat. Pendekatan soal jawab, pemerhatian, ujian formal dan tidak formal boleh digunakan untuk membuat penilaian. Kalau seseorang guru ingin bertambah lebih cemerlang sebagai pengajar, dia akan selalu menerima maklum balas untuk mengetahui kaedah mana yang berkesan dan kelemahan yang perlu diperbaiki.

6 Pendekatan Le Francois

Le Francois, ahli pendidikan Perancis merumuskan proses pengajaran pembelajaran dalam beberapa tahap dan beberapa aspek:

- a. Sebelum Pengajaran – Penentuan objektif dan maklumat, pemastian kesediaan pelajar, penentuan strategi pengajaran, Penilaian semula
- b. Semasa Pengajaran – Pelaksanaan strategi dan prosedur pengajaran
- c. Selepas Pengajaran – Penilaian keberkesanan strategi pengajar; pemastian semula kesediaan pelajar, pelaksanaan pengubahsuaian demi memperbaiki teknik pengajaran.
- d. Objektif Pengajaran – Penjelasan pencapaian yang ingin dikuasai oleh pelajar-pelajar selepas pengajaran.
- e. Pengetahuan Yang Sedia Ada – Tahap intelek, aras motivasi, sosio-budaya kehidupan pelajar-pelajar mesti diketahui oleh guru sebelum seorang guru mengajar.
- f. Kaedah Mengajar – Kaedah ialah satu siri aktiviti seperti kaedah bercerita, kaedah penyelesaian masalah, kaedah lakonan peran yang akan digunakan oleh guru.
- h. Penilaian – Penilaian seperti soal jawab, ujian formal, tidak formal, hasil penilaian yang berbentuk lain.

7 John Milton Gregory – Tujuh Hukum

John Milton Gregory merumuskan tujuh hukum pendidikan yang berguna bagi guru-guru yang ingin mengajar dengan bersungguh-sungguh.

a Hukum Guru

Keperluan yang paling dasar ialah seorang guru mesti tahu apa yang ingin diajarinya. Seorang guru mesti menguasai subjek yang ingin diajarinya sehingga dia dapat memahami kepentingannya dengan mantap dan kaitannya dengan yang aspek lain secara lebih luas. Berikutan ini, dia juga tahu bagaimana menerapkannya sekalipun pada permulaan persiapannya pemahamannya hanya samar-samar.

Tambahan, seorang guru perlu arif mencetuskan keinginan belajar yang bersemangat dalam murid, *“Sarjana-sarjana yang tersohor seperti*

Newtons, Humboldts, dan Huxley mencetus minat kaum awam terhadap subjek yang dikaji; seorang guru yang membuat persiapan mantap akan merangsang kerinduan pelajar-pelajar untuk belajar lebih mendalam.”⁵⁴

b Hukum Pelajar

Seorang pelajar akan menunjukkan minatnya terhadap pelajaran dan seakan-akan menyerap semua. John Milton sungguh mementingkan perhatian yang berbeza-beza dalam pelajar-pelajar.

- a. Perhatian pelajar yang pasif dan cepat beralih sebab kuasa-kuasa di sekelilingnya mengawal perhatiannya. Perhatian seorang anak biasanya mudah dikawal oleh faktor-faktor sekelilingnya.
- b. Minda yang boleh mengawal keadaan di sekelilingnya sangat penting. Seorang pelajar yang dapat mengawal mindanya mampu mengalih pandangannya dari yang menarik perhatiannya sebab dia mahu menumpukan perhatiannya pada sesuatu yang mungkin tidak menarik tetapi penting dan bermutu.
- c. Perhatian pelajar akan terserap oleh subjek ajaran kerana dia sungguh berminat dengan apa yang dipelajarinya dan terbuai olehnya. Jadi, perhatian pelajar berpunca daripada minat mereka. Maka, seorang guru mesti merangsang minat pelajarinya sebelum mengajar.

Implikasi perhatian sangat penting bagi guru-guru:

- a. Guru dinasihati agar jangan memulakan kelas tanpa mendapat perhatian daripada kelasnya.
- b. Berhenti seandainya perhatian murid terganggu dan menunggu sehingga perhatian mereka dapat ditambah semula.
- c. Jangan membuat kelas anda terlalu letih sehingga tidak mampu lagi memberi perhatian.
- d. Jangka waktu mengajar mesti berbeza. Lebih kecil umur seorang pelajar, lebih singkat pelajarannya.
- e. Merangsang perhatian dengan kepelbagaian dalam presentasi anda tetapi jangan sampai keluar jalur atau fokus.
- f. Terus mencetus minat yang tertinggi dalam pelajaran.

c Hukum Bahasa

- a. Bahasa yang digunakan mesti boleh difahami oleh guru dan pelajar.
- b. Gunakan bahasa yang jelas dan hidup.

d Hukum Pelajaran

- a. Pelajaran yang disampaikan mestilah kebenaran yang sudah diketahui oleh pelajar dan yang tidak diketahui mesti dijelaskan dengan yang diketahui atau yang sudah dialami oleh pelajar-pelajar.
- b. Lanjutkan ke bahan-bahan baru dengan langkah-langkah yang mudah, langkah demi langkah, dari yang tahu ke yang tidak diketahui.

e Hukum Proses Pengajaran

- a. Pengajaran mesti merangsang pelajar-pelajar mempelajari perkara-perkara baru untuk diri mereka sendiri.
- b. Mendorong pelajar-pelajar untuk mencari dan menyelidikinya bagi diri sendiri.

f Hukum Proses Pembelajaran

- a. Pembelajaran ialah pemikiran dan pengertian sendiri tentang ide atau gagasan baru, atau kemampuan menyulam satu kesenian atau kemahiran baru ke dalam tabiat.
- b. Suruh pelajar-pelajar anda untuk menghasilkan apa yang dipelajari oleh mereka dalam pemikiran mahupun tingkah laku mereka.
- c. Mereka boleh mengerjakannya dalam pelbagai fasa dan mengaplikasikannya sehingga diungkapkannya dalam bahasa-bahasa dan tingkah laku sendiri.

g Hukum Penilaian dan Aplikasi

- a. Pengajaran mesti disempurnakan, disahkan dan diuji oleh penilaian, pemikiran semula serta usaha mengaplikasinya.
- b. Menghasilkan yang lama, memperkenalkan fikiran baru untuk memberi kesan.
- c. Menambahkan pengertian baru, mencari applikasi baru, memperbaiki konsep palsu dan menyempurnakan yang benar.

8 Dr. Edward de Bono

Beliau telah merumuskan beberapa teknik untuk meningkatkan teknik-teknik pemikiran pelajar-pelajar.

- a. Kelompok kecil diadakan untuk mempertimbangkan sesuatu isu semasa atau konsep baru dan merumuskan kebaikan dan kelemahannya.
- b. Ajar pelajar-pelajar teknik penyelesaian masalah agar mereka dapat berfikir untuk mencari alternatif, membuat pemilihan untuk hipotesis, dan belajar membuat rumusan.
- c. Mengajar pelajar-pelajar mempertimbang semua faktor sewaktu membuat keputusan.
- d. Membimbing pelajar-pelajar untuk mempertimbang segala akibat yang mungkin terjadi pada jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.
- e. Membimbing pelajar-pelajar meninjau sesuatu ide atau pendapat daripada sudut pandangan orang-orang lain.
- f. Membimbing pelajar-pelajar memahami tujuan sesuatu pengkajian.

TEORI PENGAJARAN DAN PENDEKATAN

Setiap guru patut memiliki strategi-strategi pendekatan agar dapat mencapai objektif-objektif yang dirancang.

Edward M. Anthony

Edward M. Anthony (1963) telah merumuskan satu panduan untuk mencapai matlamat pembelajaran yang berkesan. Menurut tokoh pendidikan ini, pembelajaran harus bermula:

- a. Dari yang konkrit ke yang abstrak.
- b. Dari yang mudah ke yang rumit.
- c. Dari yang keseluruhan ke bahagian tertentu.
- d. Dari yang umum ke yang khas (deduktif).
- e. Dari yang khas ke yang umum (induktif).
- f. Dari yang dekat ke yang jauh.
- g. Dari yang diketahui ke yang belum diketahui.

KESIMPULAN

Teori-teori pengajaran dan pembelajaran menyumbang banyak kepada guru-guru untuk memahami proses pembelajaran murid-murid. Penelitian teori-teori ini dapat memberi kita kebijaksanaan memilih pendekatan yang wajar bagi murid-murid kita. Pendidik-pendidik Kristian akan memegang kunci keberhasilan kalau mereka memahami dengan lebih mendalam lagi tentang pelbagai domain yang mempengaruhi proses pembelajaran. Selain itu, mereka juga tahu apa yang harus dilaksanakan dalam kelas dan apakah yang diharapkan daripada pengajarannya. Dia juga arif membuat penilaian bukan hanya tentang tahap kemampuan pelajar memahaminya tetapi juga penilaian terhadap keberkesanan ajaran sendiri.

BAB 10 : KAEDAH PENGAJARAN

Kaedah ialah cara mengajar yang digunakan oleh pengajar. Pemilihan kaedah tergantung pada tujuan pelajaran, saiz kelas, umur kelompok, dan waktu yang diberikan. Kaedah bukanlah cara untuk memenuhi waktu dalam kelas dengan aktiviti seronok sahaja. Kalau seorang guru menggunakan kaedah sekadar untuk memenuhi waktu dalam kelas, dia akan memikirkan pelbagai aktiviti tanpa tujuan tertentu yang dapat memanfaatkan murid-muridnya. Kaedah mesti digunakan untuk mencapai objektif maksimum dan optimum. Sewaktu menggunakan kaedah, guru harus menyedari pembelajaran aktif yang bermakna mesti melibatkan pelajar-pelajar.

Tanpa kaedah baik, pelajar-pelajar menjadi bosan dan tujuan-tujuan pelajaran itu tak dapat disampaikan dengan berkesan. Guru yang ingin mengajar dengan baik mesti berikhtiar mencari kaedah yang bersesuaian objektif-objektif ajarannya. Kaedah-kaedah yang digunakan semata-mata untuk memenuhi waktu tidak mendatangkan transformasi. Pelajarannya mungkin menarik tetapi tujuannya gagal dan transformasi tidak terjadi .

Kebenaran Alkitab yang disampaikan dengan mahir memberi kesan lama kepada pelajar dan membawa kesan perubahan. Pengajaran sesungguhnya memerlukan kerajinan dan persiapan yang mantap apalagi pemilihan kaedah yang sesuai.

Beberapa Pertanyaan Sebelum Menggunakan Kaedah

Seorang pengajar yang bijak akan mengajukan beberapa pertanyaan sebelum mengajar sebab dia perlu merancang terlebih dahulu:

- a. Kaedah manakah yang boleh menolong saya menyampaikan pelajaran ini dengan berkesan?
- b. Adakah kaedah ini sesuai dengan umur pelajar-pelajar saya?

- c. Bolehkah kaedah ini dikendalikan dalam waktu terbatas?
- d. Adakah saya mempunyai kemudahan dan kemahiran untuk menggunakan kaedah ini?
- e. Adakah pelajar-pelajar saya mempunyai kemahiran dan bahan-bahan untuk menggunakan kaedah ini?
- f. Apakah kaedah ini sesuai dengan topik yang disampaikan?
- g. Adakah kaedah ini melibatkan pelajar secara bermakna?
- h. Adakah kaedah yang saya pakai memberi pelbagai pengalaman pembelajaran?
- i. Adakah saya tahu menggunakan kaedah ini dengan baik?
- j. Adakah kaedah ini terlalu sulit dilakukan?

Tujuan Penggunaan Pelbagai Kaedah

Untuk meransang minat dan perasaan ingin tahu pelajar seorang pengajar boleh menggunakan pelbagai kaedah. Guru boleh menggabungkan beberapa kaedah seperti perbincangan, teknik bercerita, lakonan peran, simulasi, penyelesaian masalah, sumbang saran, permainan dan sebagainya.

Guru perlu menggunakan kaedah yang bersesuaian umur pelajar-pelajarnya. Jangan gunakan teknik yang terlalu sulit sehingga tujuan pengajaran menjadi kabur akibatnya. Tanyakan diri, “Adakah kaedah ini melibatkan pelajar-pelajar?” Pengkajian membuktikan pelajar-pelajar hanya mengingat 10 peratus daripada apa yang didengar, tetapi 90 peratus akan diingati kalau ia melibatkan mereka. Cara yang terbaik untuk belajar adalah penglibatan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran. Penglibatan dan penyertaan dalam pelajaran menolong murid memiliki konsep baru dan menerapkannya dalam kehidupan mereka. Mengajar Alkitab tanpa menekankan penerapannya dalam kehidupan sehari-harian bagai menyelam dalam kolam yang tak berair.

Kaedah Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah merupakan aktiviti pengajaran yang melibatkan penyelesaian masalah kes atau kisah dalam situasi benar. Pelajar-pelajar boleh berbincang cara menyelesaikan masalahnya. Penyelesaian masalah ini mungkin memerlukan pelajar-pelajar menganalisis

masalahnya, memberi jawapan atau nasihat, mencari ayat-ayat Alkitab yang dipelajari untuk menjawab kes atau masalah tertentu. Kaedah ini melibatkan banyak pemikiran dan keputusan yang perlu diambil oleh pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran ini.

Prosedur Penyelesaian Masalah

- a. Soalan atau kes atau isunya harus bersesuaian dengan peringkat umur dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka.
- b. Sebelum murid cuba menemukan jalan keluar bagi masalah itu, pengajarnya akan menjelaskan masalah atau isunya.
- c. Bincanglah dengan pelajar-pelajar setelah mereka menyumbang saran untuk menyelesaikan masalah.
- d. Jangan memberi jawapannya dengan segera. Galakkan pelajar-pelajar untuk berfikir dan memberi jawapan-jawapannya.
- e. Guru boleh membimbing mereka mengenal pasti punca utamanya.
- f. Kaedah ini menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran berfikir, berkomunikasi dengan bernas dan memberi jawapan yang kreatif.
- g. Guru mesti menolong pelajar-pelajar menentukan perubahan yang akan berlaku kalau mereka mengambil langkah penyelesaian masalah yang tertentu.
- h. Guru juga menggalakkan pelajar berfikir secara reflektif.
- j. Pendekatan lain yang boleh digunakan ialah peta minda yang menghubungkan kait beberapa fakta dan berusaha mencari punca dan akibatnya.
- k. Guru boleh mengajar pelajar membuat pertanyaan seperti pertanyaan yang menunjukkan kelebihan isu tersebut, satu pertanyaan mengemukakan kelemahan isu, satu pertanyaan mengemukakan punca masalah itu, satu pertanyaan yang berlawanan dan negatif, lalu merumuskan cara yang terbaik untuk memberi jawapan.

Contoh-Contoh Pendekatan Penyelesaian Masalah

Tema Pengajaran: Berbahagialah orang yang lemah lembut kerana mereka akan memiliki bumi (Matius 5:5).

a Contoh Kaedah Penyelesaian Masalah Dari Alkitab

Abram mengambil keputusan untuk pergi ke Tanah Negeb dari Mesir bersama dengan isterinya, Lot, anak saudaranya dan domba-domba serta segala kepunyaannya termasuk hamba-hambanya. Abram sangat kaya; dia memiliki banyak domba, emas dan hamba oleh kerana itu Tanah Negeb tidak cukup menampung mereka. Di hadapan mereka ada sebidang tanah yang baik iaitu Lembah Yordan yang subur dan diairi namun hanya Lot atau Abram sahaja yang boleh menetap di sana kerana keterbatasan tanah.

Pelajar-pelajar boleh mengadakan lakonan peran lalu berbincang dalam kelompok untuk menyelesaikan masalah. Jawapan apakah yang paling sesuai untuk masalah ini? (Jangan membaca Kejadian 13 sebelum mereka menyelesaikan masalah ini. Hanya setelah mereka mendapat jawapan...bacakan yang dikatakan oleh Abraham).

Penjelasan guru setelah pelajar-pelajar memberi jawapan memantapkan jalan pemikiran mereka. Abram bersikap lemah lembut, rendah hati dan bertimbang rasa. Dia memperlakukan anak saudaranya dengan rendah hati kerana dia menyuruh anak saudaranya yang lebih muda untuk membuat pilihan tanahnya.

b Guru Boleh Menciptakan Cerita Moden Untuk Penerapan Kebenaran

Teman wanita anda telah membeli sehelai baju putih untuk merayakan Krismas. Sewaktu anda membawa teman wanita untuk makan malam di sebuah restoran, dua lelaki yang sedang bersembang-sembang telah tersadung teman wanita anda sehingga kopinya tertumpah pada baju teman wanita anda. Anda hanya berkata, "Tolong, berhati-hatilah." Orang itu berteriak, "Girlfriend you butakah?"

Kes ini menimbulkan pelbagai perbincangan...guru membimbing pelajar-pelajarnya untuk menerapkan nilai Matius 5:5. Banyak orang membalas dengan kekerasan kerana tidak mahu dibuli. Tanpa diketahui, mereka sering mengundang akibat yang parah, dan pergaduhan.

Kaedah Tunjuk Cara

Guru menunjukkan langkah-langkah melakukan sesuatu di dalam kelas dan peserta-pesertanya mengikutinya. Contohnya guru menunjukkan cara menggunakan “Empat Hukum Rohani” atau “Gospel Bridge” (Jambatan Injil) untuk penginjilan dan peserta-pesertanya kemudian mengikut caranya. Berikutannya, mereka melatih berpasangan. Selain itu, kelas mungkin menonton sebuah video untuk melihat bagaimana orang menginjili, kemudian berbincang cara dan kelebihanannya lalu caranya.

Sebelum tunjuk cara, guru terlebih dahulu memikirkan topik, objektif dan kaedah atau bahan yang akan dipakai peserta-pesertanya. Guru mesti memastikan tempat duduk dan suasana kelas itu disusun sesuai objektif tunjuk cara. Guru kemudian menentukan langkah-langkah tunjuk cara lalu memberi mereka panduan.

Sebelum memulakan tunjuk ajar, guru menerangkan tujuannya. Guru mungkin memerlukan bantuan seorang guru yang lain, contohnya, kalau dia ingin tunjuk ajar cara melaksanakan penginjilan. Guru boleh bertanya pendapat murid-muridnya untuk memastikan mereka memahami yang diajarinya.

Selepas tunjuk cara itu, guru boleh memanggil sepasang murid untuk melatih lalu guru memperbaiki teknik mereka. Setelah itu, semua murid boleh melatih dengan seorang teman yang lain.

Pendekatan Berbeza Sewaktu Membuat Tunjuk Cara

a Model Persepsi

Guru menggunakan video yang menunjukkan seseorang sedang menginjil, berkhotbah, mengajar sekolah minggu, memberi kaunseling atau yang lain. Kemudian guru akan menghuraikan teknik yang digunakan oleh pelakon-pelakon dalam video itu. Murid-murid boleh mengemukakan pertanyaan atau guru boleh mengemukakan pertanyaan untuk memastikan mereka memahami pengajaran video. Guru mengulasnya dan pelajar boleh menyumbang pendapat mereka sebelum mereka mencuba caranya.

b Model Hidup

Guru boleh mengundang seorang yang mahir dalam bidang itu termasuk dirinya sendiri untuk menyelenggarakan tunjuk ajar itu.

Murid-murid kemudian mengikut model hidup ini dan melaksanakan tugasnya. Contohnya, guru sekolah minggu akan melihat, cara mengajar bahan CEF (Child Evangelism Fellowship), murid memerhatikannya lalu mereka akan mengajar. Kawan-kawan dalam kelas boleh memberi pandangan bagaimana orang itu memperbaiki ajarannya supaya lebih berkesan.

c Model Simbolik

Guru menjelaskan langkah-langkah yang patut dilakukan untuk menjayakan satu tugas dan murid-murid mengikut setiap langkah. Guru memberi pandangan dan penilaian terhadap apa yang dilakukan oleh mereka. Cara ini seperti cara mengajar seseorang untuk memasak, penjelasan tentang jenis bumbunya, lalu langkah demi langkah ditunjukkan dan pelajar akan ikut.

Langkah-Langkah Lakon Peran

- a. Pertama, guru mengenal pasti masalah itu. Masalah itu barangkali dalam bentuk cerita, dialog, sketsa singka; guru boleh juga menjelaskan satu masalah atau memberi satu isu dari satu tulisan, suratkhbar atau buku.
- b. Pilih peserta-peserta untuk lakon peran lalu jelaskan peran mereka dan situasi masalah watak-watak lakon peran itu.
- c. Siapkan pelajar-pelajar lain yang akan menyaksikan lakon peran itu. Mereka mesti tahu apa yang perlu diperhatikan; anda mungkin memberi tugas pemerhatian yang berbeza supaya perbincangan mereka menjadi lebih bermakna. Contoh satu kelompok memerhatikan perkataan yang digunakan, yang lain gerak geri dan yang lain suasana pada waktu itu.
- d. Mulakan lakon peran, laksanakan lakon peran dan hentikan lakonan peran apabila masalah sudah dikemukakan dengan jelas.
- e. Bincangkan tentang lakon peran itu dan fokus utamanya lalu murid-murid akan mencari jawapan yang terbaik bagi masalah itu.
- f. Kembangkan babak berikutnya dengan lakon peran lain bagi memperbaiki masalah itu.

- g. Kemudian bincangkan masalah itu lagi lalu cari jawapan bagi masalah itu. Jelaskan kepada murid-murid bahawa pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan satu masalah boleh digunakan.
- h. Hubung kaitkan masalah itu dengan pengalaman sehari-harian dan masalah semasa.
- i. Rumuskan prinsip-prinsip atau nilai-nilai yang berkenaan kepada Tuhan dari Alkitab.

Contoh Lakon Peran (Anak Remaja)

Anak-anak remaja boleh lakon peran tentang konflik antara mereka dan ibu mereka lalu kemudian bincangkan pola komunikasi yang boleh menimbulkan pertengkaran.

- a. Isu terlalu banyak waktu diluankan untuk permainan komputer.
- b. Isu pemilihan rambut, baju dan kawan.
- c. Isu pukul berapa pulang ke rumah.
- d. Isu bil telefon bimbit melambung.

Perbincangan

Perbincangan kelompok merupakan perbincangan bermakna yang diadakan untuk memperoleh sumbang saran daripada anggota kelompok. Seramai enam hingga lapan orang akan berkumpul di bawah seorang pembimbing untuk berbincang satu masalah atau kes.

Tujuan Perbincangan

- 1. Untuk memberi peluang agar pelajar-pelajar boleh berbincang.
- 2. Untuk memperoleh maklumat daripada bahan bacaan.
- 3. Untuk menjelaskan maklumat yang diselidiki itu.
- 4. Untuk belajar daripada sesama lain.
- 5. Untuk menyumbang pendapat dan membentuk sikap mampu menerima pandangan orang lain.
- 6. Untuk melahirkan gagasan dan wawasan baru setelah perbincangan kelompok.
- 8. Untuk memahami pandangan orang lain dan menyemai sikap mampu mengambil keputusan bersama.

Prosedur Perbincangan Kelompok

1. Masalah yang dibincang boleh dibentangkan dalam kajian kes, cerita atau klip video atau tulisan yang menarik dari buku atau majalah.
2. Pilih topik yang diminati oleh mereka supaya mereka bersemangat berbincang.
3. Susunkan suasana informal dan bentukkan lingkaran atau susunan duduk yang memudahkan perbincangan.
4. Bentangkan masalah itu dan jelaskan yang harus dibincangkan oleh mereka.
5. Kawalkan mereka dan memastikan mereka tidak menyeleweng daripada topik perbincangan atau bersembang-sembang tak menentu arah.
6. Jangan memihak atau memberi ajaran yang panjang. Kalau tidak bersetuju, berusaha tidak bersetuju dengan bijaksana. Saya memahami apa yang anda katakan tetapi kadangkala keadaannya berbeza. "Siapakah yang berpandangan berbeza di sini?"
7. Beri mereka semangat menyumbang cerita atau contoh-contoh.
8. Setelah pelajar sudah berbincang, tolong mereka membuat kesimpulan, sumbang pendapat anda dan berikan ringkasan dan kesimpulan padat tetapi ringkas bagi mereka.
9. Jangan lupa memberi pujian kalau sumbangan pelajar bagus.
10. Ajukan pertanyaan yang selanjutnya agar mereka boleh memberi penilaian terhadap pendapat sendiri.
11. Berilah mereka dorongan mengkaji yang dipelajari mereka dan membaca lebih tentang topik itu.

Beberapa Pendekatan Perbincangan

- ***Perbincangan Mudah***

Lontarkan beberapa soalan mudah tetapi menarik kepada kelas. Guru mesti merancang dan mengatur kelas sehingga kelas tidak terbawa ke dalam perbincangan yang panjang lebar dan keluar dari fokus pelajaran. Galakkan pelajar untuk mengangkat tangan kalau

ingin menjawabnya kalau mereka masih kecil tetapi bagi orang dewasa biar ia spontan.

- ***Kelompok Kecil***

Pecahkan kumpulan anda kepada beberapa kelompok yang terdiri daripada empat hingga lima orang untuk berkongsi fikiran. Sewaktu anda memecahkan murid-murid kepada beberapa kelompok, pilih bagi setiap kelompok seseorang yang matang dalam kerohanian dan yang berbakat memimpin. Dia akan mendorong anggota lain untuk menyumbang pendapat. Anda boleh memberi soalan-soalan perbincangan atau kes kepada ketua kelompok ini. Setiap kumpulan boleh diberikan kertas mahjong untuk menulis pendapat mereka, pen pewarna untuk menghiasi tulisan mereka, kemudian mereka boleh mengadakan pameran galeri (tampilkan kertas mahjong mereka di dinding) dan bincangkan jawapan mereka. Guru akan memberi ulasan.

- ***Perkara-Perkara Peka***

Pelajar-pelajar mungkin tidak ingin berbincang hal-hal yang lebih peka. Anda boleh mengedar kad agar mereka boleh mencatat jawapan tanpa menulis nama mereka. Suruh mereka meletakkannya ke dalam kotak yang disediakan bagi tajuk ini. Kemudian, anda membaca pendapat mereka dan berbincang pendapat mereka.

- ***Pembuangan Undi***

Untuk mendapat pandangan dan pendirian pelajar-pelajar, buang undi lalu memberi setiap kelompok soalan-soalan yang boleh dibincangkan. Setelah anda mendapat jawapan yang umum daripada mereka, anda boleh mengadakan satu perbincangan berdasarkan keputusan yang diberikan.

- ***Berpasangan***

Minta peserta-peserta berpasangan lalu mengadakan perbincangan kecil. Perbincangan ini dapat menolong pelajar-pelajar saling mengenal dan memupuk perhubungan yang lebih erat. Setelah itu guru boleh menutup dengan ringkas daripada perbincangan mereka.

- ***Sumbangan Pendapat***
Minta pelajar-pelajar anda beredar daripada seorang ke seorang lain untuk mendapat pendapat. Contohnya, banyak pemuda-pemudi berfikir bahawa Allah adalah pembunuh nikmat manusia, setujukah awak dan kenapa?
- ***Panel***
Undang beberapa pelajar untuk menjadi panel bagi mengemukakan pandangan mereka. Kalau guru mempunyai subjek yang sulit, sediakan bahan untuk dibaca mereka sebelum masuk dalam kelas.
- ***Pandangan Berlainan***
Guru membentangkan satu kes kajian kepada murid-muridnya lalu membahagikan mereka kepada dua kumpulan. Satu kumpulan memberi pandangan yang negatif dan satu kumpulan lagi memberi yang positif.
- ***Permainan Laporan***
Bahagikan pelajar-pelajar kepada dua kelompok. Satu kelompok menjadi wartawan yang akan mendengar perbincangan, satu kelompok lagi menulis pandangan mereka.
- ***Permainan Penceramah Undangan***
Bahagikan kelas kepada beberapa kelompok; mereka akan berbincang soalan-soalan yang diberikan guru dan kemudian mengutus seorang wakil yang menjadi penceramah undangan mereka. Setelah mereka menyampaikan ceramah, pelajar-pelajar boleh mengemukakan pertanyaan.

Drama-Pembelajaran

Penggunaan drama tidak bertujuan membuat lakonan sempurna tetapi lebih bertujuan sebagai pembelajaran. Guru mesti menjelaskan drama dan menolong pelajar-pelajarnya menerapkannya dalam kehidupan mereka.

- a. Seorang anak boleh menjadi Yakub dalam perjalanan, sangat letih dan kemudian berbaring untuk tidur. Sekumpulan anak menjadi malaikatnya dan mengerumuninya. Dia terbangun dan ternampak malaikat-malaikat turun, dan kemudian dia meletakkan batu lalu berdoa dalam ucapan syukur. Apakah yang didoakan oleh Yakub? Jangan membaca Alkitab terlebih dahulu sebelum memberi jawapan dari Alkitab.
- b. Empat kumpulan anak diperlukan dalam drama ini. Satu kumpulan menghembus dan menjadi angin, sekumpulan anak menjadi sampan, dan yang lain Tuhan Yesus. Satu kumpulan berteriak, "Bangun Yesus!" Yesus bangun, angin masih menghembus, sampan terombang ambing, Yesus angkat tangan dan semua tenang semula. Kemudian bincangkan ketakutan dan iman murid sewaktu badai dan iman mereka selepas badai.
- c. Guru memberi ajaran atau mengundang murid-murid memberi pendapat selepas lakonan drama singkat. Dia menolong murid-muridnya menerapkan kebenarannya dalam kehidupan harian dengan contoh-contoh praktis.

Drama

Drama yang baik mencetuskan gelak tawa dan membuat murid-murid terharu. Drama dapat membuka hati kita untuk mengecam peristiwa hidup dengan satu peristiwa atau cerita dalamnya. Pagar-pagar hati akan dilepaskan kerana drama menolong kita mengenali kegembiraan, kesedihan, dan masalah kita, serta mempunyai potensi membuat kita menitis airmata.

1. Drama singkat boleh membongkar satu masalah.
2. Drama singkat boleh membongkar kegagalan kita.
3. Drama singkat boleh membongkar yang terkunci dalam hati.
4. Drama boleh digunakan oleh Roh Kudus untuk mendatangkan perubahan.

Drama baik membentangkan masalahnya dan tidak memberi jawapannya dengan segera. Namun, kanak-kanak sangat menyukai

drama yang mudah kerana mereka dapat menyelami perasaan watak itu dan berasa seronok dengan gerak geri wataknya. Contohnya mereka boleh melakon Raja Daud yang sedang melemparkan batu terhadap Goliat ataupun Goliat yang sedang mengamuk. Mereka merasa seronok melakon peran Miriam meletakkan bayi Musa dalam bakul. Konflik watak dapat difahami dan bagaimana watak berusaha mengatasi masalah dapat difahami dengan lebih mendalam.

Drama-drama Alkitab memang sangat baik kerana menggambarkan perhubungan Allah dan manusia yang sering jatuh dalam kemelut dosa. Tema belas kasihan, keperkasaan Allah, kasih-Nya dan kuasa-Nya selalu mewarni setiap drama yang diambil dari cerita Alkitab serta menolong pelakon memahami sifat Tuhan dengan baik. Guru-guru mesti memastikan mereka tidak memilih drama yang terlalu sulit dilakukan kalau pelajar masih kecil, dan jangan lupa memberi pertanyaan untuk dibincangkan dan ulasan setelah drama dilakukan.

Penggunaan Audio-Visual

Audio-visual menolong guru dalam pengajarannya melalui pelbagai corak pengajaran. Penggunaan visual, warna, lakonan dan bunyi dapat menarik perhatian murid-murid dan merangsang minat mereka untuk belajar. Pengajaran yang diselipkan dengan audio-visual boleh menghidupkan pengajaran dan menghidupkan satu cerita dalam kelas. Pada zaman kepesatan teknologi, penyediaan audio-visual sungguh mengagumkan; guru boleh memanfaatkan kekayaan ini bagi kelas.

Visual merupakan alat yang berguna dalam tangan seorang pendidik kalau digunakan dengan baik. CD, kaset, drama, filem, video dan gambar-gambar berguna boleh diselipkan untuk membuat pengajaran kita lebih menarik. Guru-guru boleh memberi ulasan, evaluasi, dan pengajaran kebenaran setelah menonton video itu. Seorang guru tidak boleh memutarakan filem untuk menggantikan ajarannya tanpa ulasan mahupun ajaran.

Menarik Perhatian

Tugas pertama seorang guru ialah mencangkuk perhatian pelajar-pelajar dan meningkatkan ransangan pembelajarannya. Kemampuan untuk mendengar dan mencerna berbeza bagi setiap pelajar. Audio-visual boleh meningkatkan kemampuan mendengar dan menolong pelajar-pelajar untuk memberi fokus mereka. Pembelajaran tidak

semestinya proses yang membosankan tetapi boleh digabungkan dengan pelbagai kaedah.

Contohnya ketika anda mengajar tentang Tuhan Yesus yang mati di kayu salib, guru boleh menayangkan filem Yesus dan menggunakan klip untuk bahagian ini. Mereka boleh berbincang tentang sikap Tuhan Yesus sewaktu berada di kayu salib dan perkataan-perkataan-Nya yang terakhir, serta makna perkataannya. Murid-murid boleh memerhatikan bahawa Yesus tidak berdosa dalam bibirnya sekalipun Dia menghadapi saat yang paling menyakitkan, serta perasaan-Nya terpisah daripada Allah Bapa.

Guru-Guru Boleh Mengajukan Soalan-Soalan:

1. Apakah perkataan Tuhan Yesus pada saat terakhir di kayu salib?
2. Mudahkan bagi seseorang yang mati di kayu salib untuk mengampuni orang yang menyalibkan-Nya?
3. Mengapakah Allah Bapa memisahkan Diri-Nya ketika Tuhan Yesus berada di kayu salib?

Meningkatkan Ingatan

Guru sering lupa bahawa apa yang kita dengar mudah dilupakan tetapi imej akan melekat pada ingatan murid-murid lebih lama. Teladan watak yang hidup akan melekat dalam ingatan kita dengan lama kalau kita menonton, mendengar dan membacanya.

Sewaktu anda mengajar tentang menguduskan hari Sabat, tayangkan “Chariots of Fire.” Filem mini mengisahkan Eric Liddell seorang mahasiswa di University Edinburg yang diminta bertanding pada Hari Sabat. Segala pingat emas tidak dapat menggadaikan Hari Sabatnya sekalipun dia didesak oleh Putera Wales dan Ahli Jawatankuasa untuk bertanding 100meter. Baginya, Tuhan hanya Raja yang harus disembah. Dia berkata, “Saya percaya Tuhan telah menciptakan saya untuk tujuan yang khusus dan Dia yang membuat saya pantas, dan apabila saya berlari, saya dapat merasa kebahagiaan-Nya.” Eric kemudian memenangi 400 meter dan ketika wartawan menanyakan siapa yang mengilham dia, dia menunjukkan secebis kertas yang digenggam pada telapak tangannya sewaktu berlari yang tertulis, “Sesiapa yang menjunjung Aku, Dia akan Aku junjung.”

Bincanglah dengan pelajar-pelajar anda mengenai alasan-alasan apakah yang sering dikemukakan kerana tidak mengikuti Hari Sabat.

Membina Jambatan

Pelajar-pelajar boleh memahami dunia dan kebudayaan waktu Alkitab ditulis dan memperdalam pengalaman dan minat mereka kalau dihidupkan oleh video. Kita boleh menolong mereka membayangkan bagaimana orang zaman dahulu melampin bayi atau cara orang menyambut tetamu pada waktu itu atau corak rumah dan pakaian mereka.

Skan gambar-gambar lalu tunjukkan dalam Power Point rumah, jalanraya, pakaian, makanan, pokok-pokok, gunung ganang dan kota pada zaman Alkitab supaya pelajar-pelajar dapat membayangkan keadaan pada zaman masyarakat Alkitab. Ini membina sebuah jambatan ke zaman Alkitab dan menghidupkan imaginasi mereka.

Penggunaan Power Point

Beberapa hal perlu diperhatikan sewaktu menggunakan Power Point untuk membuat penyampaian dan mengajar:

- a. Biar singkat, gunakan font besar agar jelas dan mudah dibaca.
- b. Biar coraknya tidak rumit dan pastikan ilustrasinya sesuai dengan tema.
- c. Biar warna, ilustrasinya sesuai dengan objektif ajaran.
- d. Tunjukkan satu gambar dalam satu slide.
- e. Power Point tidak dapat menggantikan gurunya. Cara penyampaian, gerakan, nada suara, gerak geri, fokus mata tetap penting sewaktu menyampaikan pelajaran melalui Power Point. Jangan berdiri seperti patung dengan mata terpukau pada Power Point.

Keseronokan Belajar

Bunyi, warna, imej, manusia, gerakan dan muzik membuat proses pembelajaran lebih menarik. Pelajaran yang dirakamkan dapat didengar atau ditonton berulang kali dalam kereta dan sewaktu membuat kerja rumah. Pelajaran-pelajaran yang sulit kalau ditunjukkan dalam gambar dan muzik segera memudahkan pemahaman.

Pelbagai Jenis Media

Peranan guru menjadi lebih hidup kerana diberkati dengan pelbagai jenis media yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran.

Kad-Kad Imbas

Guru boleh menggunakan kad imbas untuk menyampaikan cerita. Kad-kad itu boleh digunakan untuk mengulangi cerita serta memastikan pemahaman murid. Kad-kad itu biasanya mempunyai gambar-gambar dan perkataan yang cukup besar untuk menarik perhatian kanak-kanak.

Guru-guru boleh menyuruh kanak-kanak mengulangi cerita dengan menggunakan kad-kad tersebut.

Objek-Objek Yang Benar

Foto-foto dan gambar-gambar yang mempunyai kanak-kanak atau misionari juga boleh dijadikan alat mengajar. Tunjukkan baju negara tertentu sewaktu menceritakan misi negara itu untuk menarik perhatian kanak-kanak terhadap kebudayaan negara-negara lain. Kumpulkan objek-objek yang boleh menolong anda memberi gambaran yang jelas kepada murid-murid.

Buku-Buku

Buku memang sarana penting dalam pendidikan apalagi buku yang hebat. Buku-buku tergolong dalam beberapa kategori: buku rujukan, buku teks, buku umum, buku panduan penganjuran, konkordan, kamus Alkitab, buku peta, buku doktrin dan buku tafsiran. Biasanya buku-buku daripada penerbit yang baik memberi ajaran dan teologi baik.

Buku kurikulum boleh membimbing guru mengajar dengan lebih baik dan kreatif. Biasanya, penulisnya sudah meluangkan waktu memikirkan struktur penyampaian dan membuat kajian sebelum menulis tetapi ini tidak bererti guru tidak boleh menggunakan sumber tambahan yang berguna.

Contoh Penggunaan Buku

Contohnya sewaktu mengajar Sepuluh Hukum tentang “Jangan Membunuh” (Keluaran 20) atau fornografi, seorang guru boleh membaca kisah benar dari buku “Life on the Edge” yang dituliskan oleh James

Dobson untuk perbincangan kelas. Ted Bundy merasa perlu memberi amaran kepada masyarakat tentang bagaimana pornografi telah menyebabkan dia membunuh wanita-wanita muda, dan kisahnya menjadi amaran hidup.

Contoh wawancara dari buku "Life On The Edge"

Dr. Dobson: Mari kita berbincang tentang latar belakang awak. Saya difahamkan bahawa awak berasal daripada keluarga yang baik.

Ted: Memang, sangat baik.

Dr. Dobson: Pernahkah anda dianiayai secara jasmani, seksual, atau emosional.

Ted: Tidak pernah...Inilah sebahagian daripada tragedi seluruh situasi ini kerana saya dibesarkan daripada keluarga yang indah dan ibu bapa saya sungguh berdedikasi. Ia sebuah keluarga Kristian yang kukuh dan baik, mereka penuh kasih sayang. Tetapi sewaktu saya berumur dua belas atau tiga belas, saya terserempak dengan bahan-bahan pornografi. Dari sewaktu ke sewaktu saya membaca bahan-bahan pornografik yang lebih dahsyat lagi termasuk majalah-majalah detektif.

Dr. Dobson: Dan bahan-bahan yang melibatkan kekerasan?

Ted: Ya, pornografi yang sangat bahaya adalah bahan-bahan yang melibatkan kekerasan seksual. Perkahwinan antara dua kuasa ini akan mendatangkan tingkah laku yang terlalu dahsyat dijelaskan.

Dr. Dobson: Saya ingin memahami ini. Awak telah bermain fantasi ini setelah menonton filem lucah, lalu awak ingin mengambil selangkah yang kecil atau besar secara jasmani.

Ted telah bermain dengan api ini sehingga beberapa wanita telah dirogol dan dibunuhnya. Ted berkata pornografi dan filem lucah boleh menjangkau seorang anak daripada sebuah keluarga...(kata Ted sambil menangis)

Beberapa Pertimbangan

Pemilihan

Sewaktu memilih media, guru mesti memastikan buku atau filem itu mampu difahami oleh pelajarnya menurut tahap perkembangan mereka. Bolehkah media yang digunakan oleh guru-guru ini mencapai sasaran pembelajaran? Media yang digunakan biasanya bertujuan menolong guru memberi ilustrasi tentang satu hal, menjelaskan satu konsep, memberi kemahiran tertentu, atau memberi applikasi untuk subjek yang diajarinya.

Perancangan

Guru mesti terlebih dahulu memahami media dan isi kandungannya. Seorang guru tidak boleh menayangkan filem kerana judulnya sesuai dengan tajuk yang diajarkannya. Guru mesti tahu bahagian manakah yang ingin digunakan, oleh kerana itu, dia mesti membuat persiapan terlebih dahulu. Guru mesti tahu bagaimana memperkenalkan klip video atau filemnya, bahagian mana dia akan berhenti untuk perbincangan atau ulangkaji. Perancangan yang teliti sangat penting; seorang guru perlu tahu bila dia mesti menghentikan klipnya tepat saatnya. Soalan-soalan apakah yang mahu ditanyakan kepada murid-muridnya.

Sebelum Menggunakan Media Bertanyalah:

1. Adakah bahan-bahan itu sesuai dengan umur pelajar-pelajar saya?
2. Mampukah saya memakai media itu dengan baik?
3. Adakah media itu dapat menolong saya mencapai objektif pembelajaran?
4. Bolehkah media itu difahami dengan mudah?
5. Bolehkah media itu menyampaikan sesuatu yang bermakna bagi pelajar saya?
6. Adakah jangka waktu kelas saya cukup untuk jenis media ini?
7. Adakah media itu terlalu mahal?

KESIMPULAN

Kaedah bukan berfungsi sebagai pembunuh waktu dalam kelas atau bertujuan menimbulkan keseronokan tanpa pembelajaran bermutu. Kaedah yang digunakan oleh guru tidak boleh terlalu melampaui batas kemampuan murid sehingga tujuan-tujuan ajaran yang ingin disampaikan banyak membuang waktu. Pertanyaan yang penting seperti adakah kaedah ini akan melibatkan pelajar-pelajar saya dengan bererti dan memberi kepelbagaian pengalaman dalam proses pembelajaran mesti dikemukakan terlebih dahulu.

BAB 11 : PANAH-PANAH UNTUK MENGAJAR

Pemilihan strategi pengajaran ibarat pemburu memilih panah-panah kalau guru ingin meraih jariah yang memuaskan. Panah yang memusatkan kepada pengajar sudah usang dalam bilik darjah. Pengajaran yang didominasi oleh guru dan pelajar diam sahaja tidak banyak menolong proses pembelajaran. Pendekatan ini bersifat autokratik dan hanya sehalu saja. Pelajar memberi sumbangan yang tidak banyak kerana pengajar sering mengambil alih dan mengawal semula. Guru perlu memiliki banyak panah tajam untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Hanya panah tajam dapat menolong murid-murid berfikir dan memperoleh kemampuan menerokai. Keberanian pelajar untuk ber-bahas, mengajukan pendapat, dan memikirkan sesuatu baru juga terbantut sekiranya hanya guru yang mengajar. Perkembangan pelajar tidak ketara kerana mereka hanya menelan bulat-bulat segala yang diajari.

1. STRATEGI SETUJU ATAU TIDAK BERSETUJU

Strategi ini menolong pelajar-pelajar menyusun data-data fikiran atau maklumat sehingga mereka boleh membenteng pendapat untuk mendukung atau menentangnya. Strategi ini menolong mereka meningkatkan kemampuan mereka untuk berfikir bernas, membuat penilaian tajam, dan memahami pertukaran pandangan serta mem-bahasnya. Kalau mereka bersetuju, itu bererti mereka mendukung sesuatu pendapat dan kalau mereka tidak bersetuju, ini bererti mereka menentang pendapat itu. Strategi ini juga memampukan mereka mengambil keputusan yang baik, dan bersikap lebih bertolak ansur terhadap orang lain.

Prosedurnya

- a. Berikan satu ayat atau satu perenggan yang mempunyai pendirian atau konsep tertentu. Mereka boleh bersetuju atau tidak bersetuju. Yang bersetuju berdiri di sudut kanan kelas dan yang tidak bersetuju berdiri di sudut kiri kelas. Kemudian mereka berbincang dalam kelompok mereka dan membentangkan sebab-sebabnya mereka bersetuju atau tidak bersetuju. Contohnya: Seorang wanita berhak menggugurkan janinnya kerana itu tubuhnya sendiri dan hak peribadinya.
- b. Anda boleh membuat satu gambar rajah besar untuk mencatat apa yang dibentangkan: setuju atau tidak bersetuju.
- c. Berikan ayat-ayat daripada Alkitab kepada kelas dan suruh ketua kelompok untuk menulisnya pada konsep yang dibahaskan.
- d. Kemudian, guru berbincang dengan pelajar-pelajar tentang pandangan Alkitabiah.

2. STRATEGI BERFIKIR

Dalam prosedur ini murid-murid akan memikirkan tujuan, objektif dan matlamat sesuatu keputusan yang diambilnya. Berikut satu contoh untuk menolong remaja berfikiran lebih matang.

Kesnya:

- Anda telah jatuh cinta dengan seorang pelajar lelaki tetapi ibu bapanya tidak bersetuju dan berkata anda berdua terlalu muda untuk memahami erti cinta sejati dan apa yang anda berdua alami sekarang hanya cinta monyet sahaja. Kekasih anda bercadang agar anda mengemaskan beg dan bertemu dengannya di suatu kompleks beli belah. Dia merancang berlari dengan anda ke suatu tempat yang tidak diketahui ibu bapa kalian.
- Pisahkan murid-murid kepada dua kelompok. Satu kelompok merumuskan tujuan, matlamat dan satu kelompok lagi akibat melarikan diri dengan jejak.

Strategi ini melatih pelajar-pelajar merumuskan tujuan, objektif, matlamat dan akibat sesuatu perbuatan dan mengambil keputusan

yang lebih dewasa. Tambahan pula, pelajar-pelajar belajar merancang dan mengambil tindakan dengan mempunyai tujuan dan matlamat yang sesuai dan tidak menjejaskan kehidupan mereka. Guru boleh mengajar dengan menggunakan ayat-ayat Alkitab yang sesuai untuk situasi ini seperti menurut ibu bapa mereka, mempercayai Tuhan untuk waktu yang tepat untuk berkenan, dan rancangan Tuhan.

3. PERTIMBANGAN SEMUA FAKTOR

Strategi ini dapat menolong pelajar berfikir secara logik, merancang semantap mungkin sebelum mengambil keputusan, mengelakkan risiko tertentu yang tidak kelihatan sewaktu mengambil langkah tertentu.

Guru boleh mengajak pelajar berfikir semua faktor yang mendatangkan padah kepada diri sendiri, akibatnya terhadap orang lain, dan akibatnya kepada masyarakat pada umumnya. Contohnya sewaktu mengajar anak remaja, kita boleh memakai pendekatan ini. “Kalau ibu bapa anda memberi kebebasan yang sepenuhnya kepada anda untuk melakukan apa sahaja yang anda ingini, apakah yang akan terjadi?” Minta anak remaja mempertimbangkan semua faktor dan jangan tertinggal satu pun. Setelah itu anda akan mengajar dan berbincang dengan mereka.

4. PENGGUNAAN PERTANYAAN KENAPA

Anda boleh menolong pelajar mengemukakan beberapa pertanyaan untuk mencari akar ataupun punca sesuatu masalah. Pertanyaan kenapa digunakan menolong pelajar memikir dengan serius tentang sesuatu isu. Kaedah ini memampukan pelajar untuk menggunakan kaedah berfikir yang lebih tinggi. Selain itu, kaedah ini boleh menolong pelajar mencabar corak pemikiran sendiri.

Contoh Dikusi

- P. Kenapakah konflik sering wujud antara remaja dan ibu bapa?
- J. Kerana mereka ingin diberikan kebebasan mengambil keputusan sendiri?

- P. Kenapakah remaja mahu kebebasan mengambil keputusan?
J. Kerana remaja merasa mereka sudah cukup dewasa.
P. Kenapa ibu bapa tidak mahu mereka mengambil keputusan?
J. Kerana mereka takut anak remaja mereka akan mengambil keputusan yang salah?
P. Jadi bagaimanakah kita menyelesaikan masalah ini?
J. Ibu bapa lebih baik berbincang dengan anak remaja mereka daripada mengawal mereka dengan ketat, dan para remaja lebih baik memahami ketakutan ibu bapa mereka, dan mengakui hikmat mereka.

5. GALERI

1. Pembimbing memberi beberapa aspek satu konsep untuk dibincang.
2. Dia membahagikan pelajar dalam kelas ke dalam beberapa kelompok.
3. Berikan setiap kelompok satu helai kertas mahjong yang besar.
4. Berikan mereka satu konsep untuk dibincangkan. Anda boleh tayangkan satu filem singkat dan suruh setiap kelompok berbincang tentang aspek yang berbeza dari filem itu.
5. Setelah mereka bincangkan aspek itu, mereka boleh melekatkan kertas mahjong pada dinding. Guru akan bergerak dengan semua pelajar di sekeliling kelas untuk berbincang tentang jawapan kelompok yang berbeza.
6. Pelajar boleh menggunakan kreativiti mereka untuk menyampaikan jawapannya dengan menulis atau melukis.

6. STRATEGI BERFIKIRAN MENDALAM

Strategi ini menolong pelajar berfikir, membuat penilaian, memperdalam pengertian mereka, menajamkan pemikiran mereka dan menajamkan kemampuan berbincang. Selain itu, strategi ini juga menolong pelajar menyelidiki satu konsep daripada pelbagai sudut.

Pendekatan Strategi Ini

- a. Fikirkan satu kelebihan atau manfaat pendapat ini.
- b. Fikirkan satu kekurangan atau satu kelemahan pendapat ini.
- c. Kemukakan satu pertanyaan yang menarik untuk mengasah otak mengenai pendapat itu.
- d. Kemukakan satu pertanyaan untuk menyiasat lebih mendalam tentang pendapat ini.
- e. Buat satu penilaian
- f. Buat pertimbangan cara lain untuknya
- g. Kemukakan satu pertanyaan yang bertentangan

Nama:

Topik:

Satu Kelebihan:
Satu Kekurangan:
Satu Pertanyaan Menarik:
Satu Penyiasatan Mendalam:
Satu Penilaian:
Satu Pertimbangan Yang Lain:
Satu Pertanyaan Untuk Menentang:

7. STRATEGI ULANGKAJI

1. Bahagikan kelas anda kepada beberapa kelompok lalu mereka bersaing untuk memberi jawapan yang dipelajari daripada kelas.
2. Setiap anggota kelompok memberi sebanyak jawapan yang boleh diingati daripada ajaran menurut giliran.
3. Yang terlebih dahulu berhenti dan tidak dapat menjawab dianggap kalah dan pemenang adalah kumpulan yang memberi paling banyak jawapan yang betul. Hadiah yang kecil boleh diberikan kepada pemenang.

8. ENAM TOPI PEMIKIRAN

Strategi ini diajarkan oleh Edward De Bono untuk menolong pelajar berfikir berperingkat-peringkat. Setiap peringkat bertambah sulit dan memerlukan pemikiran tajam. Edward De Bono membentangkannya secara kreatif melalui enam topi pemikiran.

- **Topi Putih:**

Apakah fakta-faktanya? Selidiki fakta-fakta tanpa interpretasi.

- Berapa?
- Betapa sering?
- Betapa panjang?
- Berapa bayarnya?
- Siapa?
- Fakta atau kepercayaan?
- Fakta atau kemungkinan?

- Topi Kuning

Lihat nilai dan manfaatnya, dan juga visinya. Gunakan pertanyaan

- Apakah matlamatnya ?
- Apakah gagasan pendapat yang mendasarinya?
- Apakah kesannya atas saya?
- Adakah ia menolong saya mencapai sasaran?
- Adakah ia menolong saya mencapai visi?
- Siapakah yang memanfaatkan daripadanya?
- Bagaimanakah ia dapat menolong saya?
- Apakah manfaat-manfaatnya?

- Topi Kelabu-Pertimbangan

Apakah yang mungkin salah dalam pendapat ini? Carikan risiko dan kesan-kesan negatif.

- Apakah kesalahan-kesalahan fakta ini?
- Halangan-halangan apakah yang akan saya alami?
- Apakah hal-hal negatif yang terselindung dalam pendapat ini?
- Bergunakah kalau saya menggunakannya?
- Apakah risiko yang akan saya alami jika saya menganut pendapat ini?
- Siapakah yang menerima kesan buruk daripada pendapat ini?

- **Topi Merah**

Apakah perasaan saya?

- a. Hal ini membuat saya merasa...
- b. Ketika saya menilai semua ini saya takut kerana...
- c. Ketika saya berfikir tentang semua yang perlu saya buat saya rasa...

- **Topi Hijau**

Kemungkinan-kemungkinan yang boleh terjadi akibatnya

- a. Kesempatan untuk berjaya lebih mungkin terjadi kalau saya...
- b. Apakah yang akan terjadi kalau saya mengambil tindakan ini?
- c. Apakah kita ada cara-cara lain untuk menghadapi masalah ini?

- **Topi Biru**

Mencari arah, kesimpulan, ringkasan dan kesimpulan

- a. Apakah langkah pertamanya?
- b. Apakah langkah berikutnya?
- c. Kepada siapakah perlu kita menyampaikan pelan kita?
- d. Siapakah yang menguruskannya?
- e. Jangka waktu yang diperlukan berapa lama untuk ini?

9. BERFIKIR DALAM PASANGAN

- a. Tuliskan fikiran anda sebelum anda mendengar pendapat pasangan anda.
- b. Dengarkan penjelasan pasangan anda dengan teliti .
- c. Jelaskan pendapat anda dengan jelas kepada pasangan ini.
- d. Gunakan gabungan pendapat anda dan bantangkannya dalam kelas.

10. MENGAJAR DEFINISI

- a. Kumpulkan kelas anda kepada beberapa kelompok yang terdiri daripada dua atau tiga orang.
- b. Beri mereka definisi dan suruh mereka memilih dua perkataan yang difikir sebagai perkataan yang terpenting.
- c. Mereka saling bertukaran pendapat dalam kelompok mereka dan menceritakan kenapa mereka memilih perkataan-perkataan tersebut.
- d. Mereka akan bersama-sama menulis satu definisi lagi.
- e. Kemudian mereka boleh menyampaikan definisi mereka dalam kumpulan mereka dan yang lain memberi pendapat mereka.
- f. Bandingkan definisi mereka dengan definisi asal, dan perhatikan bagaimana pendapat boleh berkembang akibatnya.
- g. Strategi ini berguna untuk memulakan kelas untuk pelajar dewasa.

11. STRATEGI MEMORI

Strategi memori kadangkala dipanggil sebagai ‘mnemonics’ sudah digunakan beribu-tahun yang dahulu. Penyampai pidato pada zaman dahulu berusaha mengingat naskah pidato mereka yang panjang dengan berhubung kaitnya dengan pelbagai imej atau gambar ringkas.

- a. Guru boleh menggunakan imej atau gambar ringkas untuk menggantikan perkataan dalam satu cerita atau perenggan untuk menolong murid-murid mengingat firman Tuhan.
- b. Mereka boleh menggolongkan ayat atau perkataan menurut kategorinya dan memberi satu gambar untuk mengingatkannya.
- c. Peta minda yang mengkait hubung pelbagai kategori atau konsep boleh digunakan untuk menolong pelajar-pelajar.
- d. Selain itu, untuk menolong ingatan atau memori, guru boleh memakai kata-kata kunci bersama-sama imej itu.
- e. Untuk anak-anak kecil, cerita-cerita boleh diingatkan dengan menggantikan perkataan tertentu dengan bunyi atau gambar.
- f. Untuk menolong anak-anak kecil mengingat firman atau cerita Alkitab pelbagai gerak geri mahupun objek boleh digunakan.

⇒ 12. STRATEGI KOGNITIF

- a. Membaca dan mencari pendapat utama perenggan tersebut
- b. Perhatikan corak dalam sebuah perenggan dan implikasinya dalam perenggan itu
- c. Pendekatan induktif:
 - memberi satu generalisasi (pendapat yang umum) daripada contoh-contoh tertentu
 - memerhati dan mengkaji (mengemukakan banyak soalan untuk menolong)
 - mentafsir dan memberi kesimpulan
- d. Pendekatan deduktif:
 - memberi satu masalah atau hipotesis
 - membuktikan atau menentang dengan teori atau prinsip yang tertentu
 - mencari ayat-ayat Alkitab atau gagasan pemikiran untuk mendukungnya
 - menjelaskan kesimpulan baru yang mungkin berlainan atau sama dengan gagasan yang dibentangkan

⇒ 13. STRATEGI SOSIAL

- a. Pelajar-pelajar mengemukakan pertanyaan untuk penjelasan, untuk memperbaiki sesuatu pendapat atau konsep
- b. Pelajar-pelajar bekerjasama dengan kawan-kawan dalam perbincangan, laporan, kajian, atau wawancara.
- c. Pelajar-Pelajar berusaha memahami orang lain, memahami perasaan dan fikiran mereka.
- d. Pelajar-pelajar memulakan satu perbualan dengan seseorang dengan berpusat pada topik atau tema.
- e. Pelajar-pelajar saling memberi sokongan dan menolong dalam proses pelajaran seperti saling berkongsi maklumat daripada bacaan atau kajian mereka.

⇒ 14. STRATEGI PERASAAN

- a. Pelajar-pelajar belajar melalui meditasi sendiri seperti belajar Alkitab melalui renungan dan doa sendiri serta mencatat apa yang dipelajari dalam satu diari. George Muller, direktor 200 rumah anak yatim seorang lelaki yang sering berdoa dan membaca firman Tuhan. Dia telah membaca Alkitab lebih daripada 200 kali, lebih separuh daripada firman Tuhan itu dibaca dengan berlutut dan berdoa.
- b. Mengambil waktu untuk merenungi dengan berjalan-jalan di taman dan bersembang-semang dengan Tuhan mengenai Firman Tuhan yang direnungi pada hari itu.
- c. Pelajar berbincang tentang perasaan dan renungan bersama seorang teman.
- d. Mengikut perkembangan peribadi dalam diari sendiri dan menulis doa untuk pertumbuhan peribadi.
- e. Curahkan perasaan anda mengenai apa yang kamu rasa tentang kebenaran firman Tuhan.

KESIMPULAN

Kepelbagaian dalam strategi dan kaedah pengajaran menolong guru menyampaikan pelajaran mereka dengan lebih menarik. Pelajar juga suka akan pengalaman pembelajaran yang berbeza kerana kemampuan mereka dicabar dan tahap maksima untuk belajar boleh dicapai. Strategi-strategi yang berbeza dapat menolong guru memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran dalam kelas. Kalau guru hanya memusatkan diri dan menjadi agen penyampaian maklumat sahaja, kreativiti pelajar-pelajar tidak diasah dan kesempatan untuk menjelajah pelbagai pendekatan belajar tidak pernah wujud, akibatnya mereka tidak dapat menjadi pemikir aktif.

BAB : KAEDAH 12 : PENGAJIAN ALKITAB

Mengaji firman Allah merupakan sesuatu yang seharusnya kita nikmati dan bukan kita paksakan atas diri sendiri. Nabi Yeremia yang mengalami banyak penderitaan dalam pelayanannya tetap mengalami nikmat apabila berintim dengan Tuhan dalam firman-Nya. “Apabila aku bertemu dengan perkataan-perkataan-Mu, maka aku menikmatinya, firman-Mu itu menjadi kegirangan bagiku, dan menjadi kesukaan hatiku, ya, TUHAN, Allah semesta alam” (Yeremia 15:16). Pemazmur berpendapat “Taurat TUHAN itu sempurna, menyegarkan jiwa; peraturan TUHAN itu teguh, memberikan hikmat kepada orang yang tak berpengalaman” (Mazmur 19:8).

Anda boleh mengusahakan pengajian Alkitab melalui pelbagai gaya dan strategi untuk menyegarkan jiwamu. Namun, ingat, firman Tuhan dan segala rahsia ilahi hanya boleh difahami melalui Roh Tuhan yang mencelikkan mata rohani:

“Tetapi seperti ada tertulis: ‘Apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, dan tidak pernah didengar oleh telinga, dan yang tidak pernah timbul di dalam hati manusia: semua yang disediakan Allah untuk mereka yang mengasihi Dia.’ Kerana kepada kita Allah menyatakannya oleh Roh, sebab Roh menyelidiki segala sesuatu, bahkan hal-hal yang tersembunyi dalam diri Allah” (1 Korintus 3:9-10).

Usaha mengaji firman Tuhan sungguh berharga, anda akan memperoleh jaranan yang luarbiasa (Mazmur 119:162). Anda juga memperoleh kebenaran yang lebih indah daripada emas. “Lebih indah daripada emas; bahkan daripada banyak emas tua; dan lebih manis daripada madu, bahkan daripada madu titisan dari sarang lebah” (Mazmur 19:11).

PELBAGAI KAEDAH PENGAJIAN ALKITAB

Pengajian Alkitab Renungan

1. Mulakan proses ini dengan doa dan terus menyiraminya dengan doa sepanjang proses pengajian Alkitab agar Tuhan mencelikkan mata rohani. Hanya Allah boleh memberi kita pengertian kerana semua firman Tuhan diilhamkan Roh Tuhan, “Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran” (2 Timotius 3:16).
2. Bermeditasi atas perenggan yang anda pilih itu dengan sikap mengharapkan terang daripada Tuhan. “Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh” (Mazmur 119:130).
3. Sediakan jurnal dan tuliskan kebenaran yang muncul sewaktu anda bermeditasi.
4. “Buatlah aku mengerti petunjuk titah-titah-Mu, supaya aku merenungkan perbuatan-perbuatan-Mu yang ajaib” (Mazmur 119:27). Kalau anda pelajar visual, lukiskan imej-imej untuk menolong anda.
5. Fikirkan penerapan untuk kehidupan anda. “Aku memikirkan jalan-jalan hidupku, dan melangkahakan kakiku menuju peringatan-peringatan-Mu” (Mazmur 119:59).
6. Catat dalam jurnal sama ada anda berjaya menerapkan firman Tuhan untuk minggu atau bulan itu. “Aku akan mengikuti petunjuk perintah-Mu, sebab Engkau melapangkan hatiku” (Mazmur 119:32).
7. Anda boleh menuliskan satu cerita atau renungan kreatif demi menikmati firman Tuhan setelah memahaminya. Ceritakan kepada orang lain untuk mengilhami mereka.
8. Anda boleh memilih salah satu ayat hafalan menjadi doamu.

Pengajian Watak Dalam Alkitab

Pilihlah salah satu watak untuk pengajian Alkitab lalu kemukakan beberapa pertanyaan untuk menolong proses pengajian anda.

1. Siapakah yang mempengaruhi hidupnya?
2. Apakah nilai-nilai keunggulan dan kekuatan dalam watak ini?

3. Apakah kelemahan watak ini yang menyebabkan dia terjebak dan berhenti dalam pertumbuhan kerohaniannya atau menjejaskan rancangan Tuhan?
4. Sumbangan apakah yang dilakukan oleh watak ini dalam kehidupan umat Tuhan?
5. Sumbangan apakah yang dilakukan oleh watak ini dalam sejarah penyelamatan Tuhan?
6. Apakah yang dikatakan oleh keluarganya mengenainya?
7. Apakah yang dikatakan Tuhan mengenai orang ini dan panggilannya?

Pengajian Tematik

1. Pilihlah satu tema yang ingin anda pelajari. Apakah maksudnya penderitaan dalam kehidupan orang Kristian?
2. Gunakan konkordan Alkitab lalu selidiki ayat-ayat yang mendukung tema ini.
3. Kemudian membuat catatan dan pertanyaan setelah anda menyelidikinya.
4. Rumuskan kesimpulan daripada pengajian yang anda lakukan.
5. Tanyakan bagaimana anda boleh menerapkan kebenaran-kebenarannya dalam kehidupan rohani anda.
6. Anda boleh juga membaca kamus Alkitab untuk mendapat pandangan tambahan setelah anda membuat pengajian engkau.

Pengajian Topik

1. Pilih topik yang ingin anda kaji, katakan, sikap pengampunan Tuhan Yesus.
2. Catatkan beberapa perkataan yang berkaitan pengampunan yang mungkin anda mahu kaji.
3. Cari perenggan Alkitab yang mencatat sikap Tuhan Yesus terhadap askar, raja, murid-Nya Petrus yang menyangkal dia, dan orang ramai yang menyalib-Nya.
4. Bandingkan sikap-Nya dalam pelbagai situasi dan rumuskan pelbagai perkataan yang menjelaskan sikap-Nya.
5. Carikan ayat-ayat yang menceritakan pengampunan dalam Alkitab dari Konkordan.
6. Terapkan kebenaran tentang pengampunan yang telah dipelajari anda daripada semuanya.

Perkataan

1. Tuliskan perkataan yang ingin anda selidiki perkataan ini dari kamus biasa.
2. Selidikinya dari kamus Alkitab atau Konkordan.
3. Cari perkataan lain seerti dengan perkataan ini daripada Tesarus.
4. Cari makna perkataan ini dalam Bahasa Yunani, Ibrani ataupun Aramik daripada kamus Alkitab.
5. Perkataan ini muncul paling banyak kali di kitab mana?
6. Konteks apakah yang sering muncul dalam kebudayaan sekarang? Adakah ertinya mempunyai perbezaan dengan kebudayaan sekarang?
7. Bagaimanakah saya menerapkan kebenaran yang muncul daripada perkataan ini?
8. Kebenaran apakah yang boleh saya dapat daripada perkataan ini?
9. Tuliskan penerapan kebenaran firman Tuhan yang muncul daripada pengajian perkataan anda.

Pengajian Satu Kitab

1. Pilih kitab singkat jika anda belum pernah mengaji seluruh kitab.
2. Tentukan jenis sastra kitab ini: perumpamaan, alegori, sajak, lambang-lambang, perpatah, surat atau yang lain.
3. Baca kitab ini lebih daripada sekali lalu cari tujuan penulis dan tema yang terangkai dalam kitab itu.
4. Cuba mencari tema utama kitab ini.
5. Rumuskan tema dan pelajaran rohani yang unik dalam setiap bab.
6. Setelah anda memahami temanya, berusaha memahami dan mengupas ayat lepas ayat.
7. Kemukakan pertanyaan dari bab dan jawabkannya.
8. Setelah membaca seluruh kitab, gunakan satu buku pengajian kitab untuk menolong anda. Biasanya, buku kerja pengajian Alkitab memiliki jawapan di halaman-halaman belakang buku tetapi jangan melihat jawapannya sebelum anda menjawab.
9. Tuliskan bagaimana anda boleh menerapkannya dalam kehidupan anda atau menulis sesuatu yang kreatif untuk merenunginya.

Pengajian Kitab Melalui Garisbesar

1. Contohnya, kalau anda ingin mendapat tinjauan yang menyeluruh dalam fikiran anda, baca kitab itu sambil merancangkan satu garisbesar.
2. Sewaktu anda membaca kitab Para Rasul, rancangkan satu garisbesar tentang perjalanan misi Rasul Paulus. Contoh yang lain ialah kehidupan dan pelayanan Tuhan Yesus; Pra-Pelayanan di Galilea, pelayanan-Nya di Galilea, perjalanan-Nya ke Yerusalem, waktu-Nya di Perea, penghukuman-Nya, penyaliban-Nya dan kebangkitan-Nya.
3. Catatkan peristiwa istimewa yang muncul dalam misi mereka.
4. Tuliskan kebenaran yang boleh anda pelajari daripada perjalanan misionari Paulus dalam kehidupan pelayanan anda.
5. Ajarkannya kepada orang lain supaya anda boleh mengingat yang telah anda pelajari.
6. Anda boleh menggunakan peta untuk menolong anda dalam pengajian Alkitab anda.

Setelah mengaji salah satu bahagian Alkitab dengan menggunakan kaedah garis besar, anda boleh mengajarnya. Berikan judul anda, ajar berdasarkan garis besar anda, kebenaran yang anda pelajari, ayat hafalan kesukaan anda, dan penerapannya.

Judul: Rut Seorang Asing Disambut

Fokus Firman Tuhan; Rut 2:8-13; 4:13,17

1. Jejak yang luarbiasa (2:8-9)
2. Wanita asing yang terhutang budi (2:10)
3. Hati jejak yang murah hati (2:11-12)
4. Permintaan untuk belas kasihan (2:13)
5. Perkahwinan yang mengharukan (4:13, 17)

Pendekatan Memahami Alegori dan Perumpamaan Alkitab

Sewaktu mengaji Alkitab, jangan elakkan yang sulit seperti alegori atau perumpamaan. Guru boleh memerhatikan petunjuk dalam perumpamaan atau alegori untuk memahami tujuan pengajarannya:

1. Rumusan pembukaannya seperti “Dengan apakah Aku akan mengumpamakan Kerajaan Allah...” (Lukas 13:20)
2. Penjelasan ertinya perumpamaan penabur, “Inilah erti perumpamaan itu: Benih itu ialah firman Allah” (Lukas 8:11).
3. Ayat-ayat penutupnya – “Berjaga-jagalah sentiasa sambil berdoa, supaya kamu beroleh kekuatan untuk luput dari semua yang akan terjadi itu, dan supaya kamu tahan berdiri di hadapan Anak Manusia” (Lukas 21:36).
4. Cari petunjuk eksplisit (jelas) dalam konteks langsung atau di dalamnya, “Yesus mengatakan suatu perumpamaan kepada mereka untuk menegaskan, bahawa mereka harus selalu berdoa dengan tidak jemu-jemu” (Lukas 18:1).
5. Petunjuk implisit atau yang tidak secara langsung dalam konteks perumpamaan tersebut. Contohnya dalam perumpamaan anak sesat, Lukas 15:1-2 menjelaskan mengapa Tuhan Yesus menjelaskan anak sulung menggerutu kerana bapanya mengadakan jamuan bagi anaknya yang sesat. Ini disebabkan sikap orang Farisi dan ahli-ahli Taurat yang bersungut-sungut, “Ia menerima orang-orang berdosa dan makan bersama-sama dengan mereka” (Lukas 15:2).

Pengajian Alkitab Secara Kelompok

Pengajian Alkitab boleh dikendalikan dengan menggunakan salah satu cara di atas tetapi beberapa hal perlu diperhatikan:

1. Sebelum datang ke kelas, guru harus menggalakkan pelajar membaca kitab yang ingin dipelajari. Baca kitab itu dengan mantap, renunginya, buat beberapa observasi, kemukakan pertanyaan dan nikmati firman Tuhan.
2. Guru membuat persiapan lebih mendalam, selidiki latar belakang kitab ini, jenis sastranya, ayat-ayat rujukan lain.
3. Guru berdoa kepada Tuhan untuk mendapat madu dan jarahan yang mentransformasi jiwanya.

4. Bimbinglah pengajian Alkitab bukan dengan perasaan hanya satu kewajiban tetapi datang dengan sikap mahu menikmati madu Tuhan. Minat, semangat dan kebahagiaan anda meneliti firman Tuhan segera ditanggapi pelajar.
5. Hormati kehadiran pelajar kerana mereka mempunyai pandangan, pilihan, dan pengalaman untuk memperkayakan sesama.
6. Jalin persahabatan dengan pelajar supaya mereka lebih rela menyumbang kalau persahabatan akrab terjalin.
7. Jangan membiarkan diri anda mahupun satu pelajar mendominasi kelas sehingga orang lain tiada berpeluang menyumbang.
8. Duduk dalam lingkaran supaya semua orang boleh bercakap dan melihat sesama. Ucapkan terima kasih atau memuji sumbangan pelajar.
9. Galakkan kelompok anda memikirkan pelbagai cara menerapkan firman Tuhan.
10. Selalu berdoa untuk kebijaksanaan Tuhan sewaktu membimbing pengajian Alkitab, dan agar pelajar menyumbang, saling membuka dan saling mendoakan serta bertumbuh bersama dalam Tuhan.
11. Jika anda membimbing kelompok pengajian Alkitab untuk belia, carilah permainan yang sesuai untuk kelompok anda.

KESIMPULAN

Pendidikan Kristian tidak berlansung hanya pada waktu guru mengajar atau membimbing pelajarnya untuk mengaji Alkitab. Guru-guru mesti memotivasi murid-murid mereka untuk rajin mengaji firman Tuhan sebagai satu gaya hidup mereka agar mereka mendapat lebih banyak jarahan daripada firman Tuhan. Tegaskan bahawa pengajian firman Tuhan perlu dilakukan sepanjang hidup dan mereka boleh mencuba pelbagai pendekatan untuk menggali permata-permata hidup bagi memenuhi keperluan jiwa mereka. Ingat, pengajian dan pembacaan Alkitab secara peribadi penting kerana Alkitab diberikan agar kita mengenal Allah kita dan kehendak-Nya dalam hidup kita.

BAB 13 : AKU ADA GAYA, KAMU ADA GAYA

Marlene LeFever berkata, *“Gaya pembelajaran ibarat cap jejeri yang berbeza dan tersendiri bagi setiap pelajar. Pelajar yang berbeza-beza kepandaian, belajar dengan gaya yang tidak sama. Kalau kita ingin menjadi guru yang berjaya, kita mesti mengubahsuaikan pengajaran kita menurut gaya pelajar-pelajar kita belajar.”*⁵⁵ Kebanyakan guru di Malaysia suka memakai auditori iaitu mendengar sahaja dalam kelas, oleh itu, pelajar yang berlainan gaya belajar tidak dapat meresapi pelajaran dengan berkesan.

Pelajar kita mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Sesetengah pelajar belajar dengan terbaik kalau mendengar lagu, cerita, CD, muzik, dan ceramah. Pelajar lain suka berdebat, melibatkan diri dalam lakonan peran. Yang lain pula belajar dengan baik kalau mereka boleh melukis, bermain permainan, membuat satu projek, menolong guru membuat objek-objek pengajaran. Bagi pelajar lain, gambar, dan objek yang dapat dilihat oleh mereka sangat penting. Mereka mengingat maklumat kalau mereka boleh melihat gambar, graf, karta pai, filem, foto, kraf atau kartun.

Kalau pelakar diajari dengan gaya yang disukai mereka, kemampuan belajar dan ingatan mereka bertambah baik. Guru tidak boleh mementingkan diri dengan hanya mengajar menurut gaya kesukaannya. Kelas yang mempunyai beraneka macam pelajar dan memerlukan gaya yang berbeza, dan seorang guru mesti memperhatikan hal ini. Gaya belajar seorang guru tidak sama dengan pelajarannya maka dia harus peka dalam setiap kelas yang berbeza.

Umur dan Gaya Pembelajaran

Kanak-kanak suka terlibat dalam pembelajaran yang menggunakan tangan mereka untuk berbuat sesuatu, contohnya, menghitung dengan menggunakan batang ais krim, mengumpulkan dedaun, membina

rumah kecil, bermain masak-masak dan bermain peran contohnya menjadi doktor atau guru besar. Anak-anak yang kecil suka berpura-pura menjadi Golait yang menguntur dengan suaranya, dan Daud yang menghayun bebatu. Pada peringkat sekolah rendah, kanak-kanak suka gaya pembelajaran visual. Kalau boleh mereka ingin melihat gambar-gambar atau filem-filem. Kemampuan auditori sebenarnya merupakan yang terakhir dalam perkembangan mereka. Pada umur sepuluh atau sebelas tahun, kemampuan auditori semakin meningkat.

Pelajar-Pelajar Auditori

Jenis pelajar-pelajar ini lebih suka memakai telinga sewaktu belajar:

- a. Lebih suka mendengar suara mereka.
- b. Lebih suka memakai telinga mereka untuk mendengar ceramah, video.
- c. Lebih mudah mengingat apa yang didengar oleh mereka tanpa menuliskannya.
- d. Lebih suka berbincang dalam kelas.
- e. Lebih suka berdebat.
- f. Lebih suka guru-gurunya menjelaskan pelajaran.
- g. Lebih mudah terganggu bunyi.
- h. Lebih suka membaca dengan lantang apabila belajar.
- i. Lebih sulit bekerja dengan diam-diam untuk lama.
- j. Lebih tidak suka mengambil catatan dan lebih suka mendengar.
- k. Lebih pandai menghafal ayat-ayat Alkitab.

Pelajar-Pelajar Visual

Jenis pelajar ini lebih suka memakai mata sewaktu belajar.

- a. Lebih suka menulis perkataan-perkataannya.
- b. Lebih suka melihat objek yang nyata dan gambar-gambar objek.
- c. Lebih memberi perhatian kepada suasana sekelilingnya.
- d. Lebih suka menghias tempat kerja kalau mereka pelajar dewasa.
- e. Lebih suka menggunakan ilustrasi, diagram dan karta untuk mengingat informasi.
- f. Suka mencatat nota mereka lalu menyusunkan catatan dengan baik-baik.

- g. Lebih suka mengikut arahan yang tertulis atau ditunjukkan di power point.
- h. Lebih mudah terganggu lukisan daripada bunyi.
- i. Lebih mampu membayangkan gambar-gambar yang rumit dalam mindanya.
- j. Lebih mudah mengutarakan perasaan mereka dan menangis kalau terharu dengan keindahan.

Pelajar-Pelajar Kinestetik

Jenis pelajar ini suka memakai tangan dan tubuh sewaktu belajar.

- a. Lebih suka belajar dengan melakukan sesuatu yang jasmani.
- b. Lebih suka melakon atau lakon peran.
- c. Lebih suka aktif pada sepanjang proses pembelajaran.
- d. Lebih suka bergerak.
- e. Lebih suka terlibat dan mengambil bahagian dalam proses pembelajaran.
- f. Lebih suka ditunjukkan bagaimana membuat sesuatu daripada diberitahu.
- g. Lebih baik kalau perasaan mereka turut disertakan dalam proses pembelajaran.
- h. Lebih suka bermain khususnya untuk kanak-kanak ini sebab daripada permainan mereka dapat belajar tentang warna, bentuk, saiz, sentuhan dan juga perhubungan dengan orang lain.

Pelajar-Pelajar Tactile

Jenis pelajar ini suka memakai tangan sewaktu belajar.

- a. Lebih suka belajar dengan tangan mereka.
- b. Lebih suka menyentuh dan merasa objek.
- c. Lebih suka berbuat sesuatu dan melihat model mereka.
- d. Lebih menyelami kerja yang dibentuk daripada tangan sendiri.
- e. Lebih suka bergerak untuk belajar dengan baik.
- f. Lebih suka guru menyuruh mereka membuat sesuatu bukan hanya mendengar atau melihat sahaja.

Guru Yang Berkesan

Guru baik cuba menggunakan keempat-empat gaya ini untuk memenuhi kepuasan pembelajaran serta mencari kekuatan pelajar-pelajar. Kekuatan gaya setiap pelajar boleh menyumbang untuk memperkayakan proses pembelajaran. Kalau guru tidak peka kepada gaya pembelajaran, sesetengah murid mungkin hadir secara jasmani namun batin mereka tidak ada hadir, atau sudah meninggalkan kelas sebelum guru memulakan kelas.

Contoh Kepelbagaian Gaya Belajar

Tajuk: Kebahayaan Dadah

Tujuan: Para Remaja Akan Memahami Kebahayaan Dadah

1. Untuk menarik minat para remaja dalam subjek ini
 - a. Video tentang penagihan dadah (untuk auditori dan visual)
 - b. Setuju/Tidak Bersetuju –Perbincangan (Tactile)
2. Pemimpin membaca satu kesaksian bekas penagih dadah yang sudah mengenal Tuhan (auditori).
3. Mengaji Alkitab dan menerapkannya (visual/auditori/kinestetik).
4. Suruh pemuda-pemudi mengubah satu lagu untuk memberi amaran agar pemuda-pemudi menjauhi diri daripada penagihan dadah (auditori/Tactile).
5. Suruh mereka mencorak satu risalah untuk diberikan kepada pemuda-pemudi tentang bahaya dadah dan juga membuat pembentangan dalam kelas dengan pelbagai gaya yang kreatif (auditori/visual/tactile/kinestetik).
6. Biar mereka mengadakan satu forum yang terdiri daripada bekas penagih dadah, pastor, pekerja pusat pemulihan dadah (auditori /tactile)
7. Mengarang sepucuk surat daripada seorang penagih dadah tentang penyesalannya agar dapat memberi amaran kepada orang lain. (Visual/auditori/tactile)

Pengajian Firman Tuhan

Guru boleh melatih seorang pelajar untuk membimbing sesi firman Tuhan. Kalau teman anda terlibat dalam pengambilan dadah, apakah yang boleh anda lakukan? Bagaimana? (Yudas 22-23) Patutkah gereja memandang rendah dan menganggap penagih dadah sebagai sampah masyarakat? (Galatia 6:1) Apakah yang akan dikatakan oleh Rasul Paulus terhadap mereka yang bergantung kepada dadah untuk ransangan? (1 Korintus 6:12) Apakah yang harus kita lakukan jika kawan-kawan kita memujuk kita untuk mencuba dadah? (1 Petrus 5:8) Adakah dadah dapat memberi nikmat sejati? Apakah yang dijanjikan oleh Tuhan? (Mazmur 34:11)

Contoh Pengajaran Kanak-Kanak

Sample: Yesus Mengasihi Kanak-Kanak

1. Melatih kanak-kanak memerhatikan gambar. Suruh mereka menjelaskan wajah Yesus sewaktu Dia melihat kanak-kanak. Tanya kanak-kanak adakah Dia berwajah mesra dan suka akan kanak-kanak (Visual/auditori).
2. Suruh murid-murid berlakon dan pura-pura bersuara seperti Tuhan Yesus kepada kanak-kanak, “Marilah sayang” atau sebaliknya “Pergilah!” (Murid-Murid Yesus) (Tactile & Kinestetik).
3. Suruh murid-murid meraba rambut sesama sebagai contoh perilaku Tuhan Yesus (Tactile).
4. Tanya adakah perasaan mereka terhadap Tuhan Yesus semakin akrab atau semakin jauh. Untuk pelajar-pelajar dewasa mereka boleh melibatkan diri dalam pelajaran dengan menanyakan lima kenapa. Mereka terlibat dalam memikir dan memberi jawapan (tactile):
 - a. Kenapa Tuhan Yesus menempatkan seorang anak di depan murid-muridnya? Sebagai contoh sifat seorang yang mudah masuk ke kerajaan Allah (Jawapan).
 - b. Kenapakah kanak-kanak dikatakan mempunyai sifat yang memudahkan mereka masuk ke dalam kerajaan Allah? Kanak-kanak mempunyai sifat yang rendah hati.
 - c. Kenapakah kerendahan hati sungguh penting untuk masuk ke dalam kerajaan Allah? Kerendahan hati sangat penting kerana mereka akan menerima ajaran Tuhan Yesus.

- d. Kenapakah murid-murid Tuhan Yesus dikatakan berbeza dengan kanak-kanak ini? Mereka memiliki keangkuhan dan sering merebut siapakah yang paling besar di kerajaan syurga.
- e. Kenapakah keangkuhan boleh menjadi halangan? Keangkuhan melarang mereka untuk menerima Tuhan Yesus dan firman-Nya dengan sepenuh hati.

Contoh Sepucuk Surat

Contoh sepucuk surat penyesalan seorang penagih dadah yang mungkin dituliskan seorang pelajar.

Ibuku

Anakmu berlutut di depan ibu dan memohon pengampunan atas segala dosaku. Sejak abah meninggal dunia, aku tidak pernah mendatangkan penghiburan kepada hati ibu sebaliknya aku mencuba dadah dan mengabaikan pelajaran sehingga gagal SPM. Setiap hari, aku hanya merayau-rayau mencari dadah dan sering dikejar polis. Ibu menangis dan khuatir di mana sedang bersembunyi. Aku teringat ibu berkata, "Hatiku hancur."

Ibu telah mencuba pelbagai cara untuk memulihkanku namun aku tidak bertaubat ataupun memohon pengampunan dan pertolongan Tuhan. Aku berlari dari pusat pemulihan kerana tidak tahan kesengsaraan pengunduran dadah. Ibu, aku seharusnya bertahan dan dipulihkan menjadi manusia yang dibangga ibu.

Ibu setelah usaha aku untuk membunuh diri tidak berjaya, ibu telah dengan sabar membawa bubur ke hospital dan memberi aku nasihat dan merayu agar aku berubah. Hati ibu hancur melihat doktor mengeluarkan bal lampu daripada perut aku. Ibu, aku meminta pengampunan kerana tidak menghiraukan titisan airmata ibu.

Ibu, aku sangat dingin di penjara ini dan aku tahu aku tidak akan hidup lama. Doktor berkata aku perlu menyuruh keluarga datang kalau tidak, mungkin aku tidak dapat melihat ibu lagi. Ibu, aku tahu awak sangat hancur hati, datanglah jenguk saya buat kali terakhir.

Yang mengasihi ibu Rudy Lai

(Lihat surat ini dalam Obor buku yang kelima)

Ide-Ide Pengajaran

Visual

1. Beri gambar-gambar kepada pelajar untuk dilihat lalu menjelaskannya.
2. Suruh pelajar melukis, contohnya, jenis bejana atau pasu yang mereka ingin jadi bagi Tuhan Yesus.
3. Suruh mereka membayangkan diri mereka sebatang pokok. Sekarang anda bertumbuh di mana? Adakah anda kecukupan air? Akarnya bagaimana, adakah ia bertumbuh cukup dalam dan cukup bajakah? (Pendekatan ini boleh digunakan untuk menilai keadaan kehidupan rohani bagi remaja atau pemuda-pemudi.)
4. Tonton video atau power point tentang Musa melalui lautan Tebrau. Bincangkan cabaran yang dihadapi oleh mereka, lautan di depan dan Firaun serta kuda-kudanya di belakang... jangan membuat penerapan cabaran hidup harian.
5. Bawa gambar-gambar bagaimana umat Tuhan dilepaskan dari Mesir, suruh murid-murid (kecil) menyusun urutan cerita melalui gambar-gambar itu. Setelah mereka menyusun, suruh mereka menyampaikan cerita lalu cikgu mengajar kebenaran rohani kepada mereka.
6. Lembaran kertas kerja bagi pelajar visual mesti mempunyai lukisan yang menarik, pelekat menarik, simbol-simbol, diagram kreatif yang menarik
7. Membuat poster, buletin menarik, risalah berwarna-warni dan tampilkan perhiasan dan pelajaran di gereja.

Auditori

1. Guru boleh menggunakan ayat-ayat dan penjelasan diiringi muzik lembut.
2. Lakonan peran, berbincang, bercerita, berdebat, menceritakan apa yang dipelajari kepada orang lain akan mencabar murid-murid auditori.
3. Pelajar suka membuat pembentangan kepada kawan-kawan atau di gereja.
4. Pelajar boleh menyampaikan khutbah atau berceramah.

5. Pelajar mesti diberi kesempatan bercakap sewaktu membuat projek. Kalau mereka melawat hospital, suruh mereka menyampaikan kata-kata penghiburan.
6. Pelajar suka membaca, berpantun merdu, atau mendengar lagu yang bermakna..

Tactile/Kinestetik

1. Mereka belajar dengan gerakan tubuh, tangan, kaki.
2. Korus dan lakonan... angin badai menderu (sekumpulan akan membuat suara berderuan, sekumpulan lagi Yunus sedang tidur, sekumpulan lagi kapal terombang ambing, yang lain kawan-kawan Yunus marah (tunjukkan gerak geri marah). Guru membaca cerita Yunus dan pada waktu yang tepat mereka akan melakonkan gerak geri mereka.
3. Pelajar boleh membuat kraf tangan untuk mengingat pelajaran.
4. Pelajar boleh menunjukkan mimik muka dan menari atau membuat satu pantomime
5. Pelajar melibatkan diri dalam misi; pergi ke kampung untuk memberitakan firman Tuhan.
6. Pelajar boleh dilibatkan dalam pembuatan topeng-topeng untuk menolong guru menyampaikan cerita di sekolah minggu.

Daya Yang Berbeza

Selain daripada gaya, pelajar-pelajar juga mempunyai daya yang berbeza. Pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai jenis daya mendekati pembelajaran dengan pelbagai cara.

Daya khayalan/ imaginasi yang baik	Daya analisis yang baik	Daya fikiran yang realistik	Daya fikiran yang dinamik
Mengapakah saya perlu belajar ini?	Apakah yang perlu saya tahu?	Bagaimana ini boleh berkesan dan dapat diterapkan?	Apa yang boleh terjadi dengan pengetahuan baru ini?

Daya Imajinatif

Seorang pelajar yang berdaya khayalan atau imajinasif suka per bincangan yang menarik, cerita yang imajinatif, dan kes-kes mencabar. Selain itu, dia suka suasana yang berwarna-warni dan mempunyai ilustrasi yang baik. Mereka suka membaca cerita menarik dan suka guru mereka menjadi sahabat mereka. Kekuatan persahabatan dengan kawan-kawan lain dan penyumbangan kreatif kawan-kawan mereka menolong mereka belajar. Mereka suka berkongsi yang telah dipelajari dengan kawan-kawan mereka dan mendengar daripada kawan-kawan mereka. Bersama dengan kawan-kawan, mereka suka menciptakan sesuatu yang boleh membawa penyumbangan kreatif dalam kelas. Kalau mereka menyanyi mereka akan mengubah lagi dan improvisasi baru.

Daya Analitik

Pelajar-pelajar ini lebih suka belajar bersendirian dan mencari maklumat mereka daripada buku-buku, kamus Alkitab, buku-buku tafsiran, kon-kordan dan catatan daripada guru.

Mereka suka berkerja secara senyap dengan komputer dan mendapat maklumat serta membuat analisis sendiri. Yang lain akan melihat mereka sebagai pelajar yang pandai dan tajam minda. Kita boleh menjelaskan pelajar ini sebagai orang yang rasional, suka membuat analisis dan bersikap suka menggali sehingga mereka sudah puas mencari jawapannya secara mendalam.

Bernice McCarthy Dan Proses Memproses Maklumat

Bernice McCarthy menggolongkan pelbagai jenis gaya pembelajaran daripada cara pelajar berfikir dan bagaimana mereka memahami satu pengalaman.

Bersifat Intuisi/Gerak Hati

Sesetengah pelajar menggunakan perasaan mereka untuk memahami sesuatu keadaan baru. Mereka akan menyelami perasaan mereka sendiri terlebih dahulu sebelum memahami sesuatu. Setelah itu mereka membuat konsep atau rumusan berdasarkan imbasan perasaan dan pengalaman mereka. Mereka suka berbincang dengan manusia tentang proses penemuannya.

Pelajar jenis ini suka bermula proses pembelajaran mereka dengan perasaan dan imaginasi mereka dan bukan menganalisis sesuatu dengan minda. Pelajar seni menyukai cara pembelajaran ini kerana cara ini juga mengizinkan kreativiti mereka untuk mengalir dan mencapai tahap yang tinggi dalam proses pembelajaran.

Bersifat Pemikir

Pelajar ini berfikir secara abstrak dan menganalisis hal itu dengan berfikir. Ini menyebabkan pendekatan pembelajaran berlainan seorang daripada yang lain. Mereka berfikir secara konkrit dan mendalam sebelum berusaha memahaminya. Mereka suka berinteraksi dengan fakta-fakta yang abstrak dan pelbagai teori. Mereka suka membuat analisis dengan diagram atau karta dan merumuskannya secara kukuh.

Bersifat Pencipta

Pelajar yang lebih suka mencipta tidak hanya mengimplementasi apa yang dipelajari oleh mereka malah mereka menggunakan gagasan fikiran mereka dan mencipta yang baru. Contohnya apabila mereka mendengar satu lagu dan irama, mereka tidak akan menyanyi lagu yang sama tetapi mengubahnya lagi. Sifat kreatif menyebabkan mereka membuat improvisasi lagi. Sesuatu yang baru akan muncul daripada apa yang dipelajarinya dan penciptaan mereka kadangkala bahkan lebih hebat lagi.

Jenis pelajar ini tidak dapat belajar dengan baik di bawah guru yang hanya ingin murid-muridnya menurut cara dan jawapannya. Kelas-kelas yang mempunyai jawapan yang tetap dan tidak dapat dilenturkan akan menghalangi fikiran kreatif seseorang. Guru biarlah pelajar anda menerokai sesuatu yang baru sebab hanya melalui cara ini mereka akan memperoleh kepuasan yang tertinggi.

Bersifat Pelaksana

Mereka suka membuat sesuatu dengan apa yang dipelajari dan mencernanya dengan cepat. Pelajar ini suka mencari jawapan bagi masalahnya. Pelajar seperti ini ingin mengetahui bagaimana maklumatnya dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Sifat ini membuat mereka menguji segala yang dipelajari dan mendapat jawapannya. Yang penting ialah bagaimana? Bagaimana mereka meng-

gunakan teori atau kebenaran ini dalam keadaan benar teramat penting. Pengajar mesti mengizinkan mereka mencari pelbagai pendekatan untuk menerapkan maklumat yang dipelajari mereka.

Namun, seorang pelajar mungkin akan menggabungkan dua atau tiga gaya pembelajaran, bahkan dia mungkin seseorang yang memiliki keempat-empat gabungan ini. Pelbagai gaya dan daya pembelajaran adalah anugerah Tuhan untuk mencerahkan dan memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran kita. Penggunaan gaya pembelajaran dan pengajaran yang berbeza dalam kelas dapat memperkaya pengalaman belajar.

KESIMPULAN

Pendidik Kristian harus selalu mencari kekuatan gaya belajar kelasnya agar pendekatan yang paling berkesan dapat berlangsung dalam kelas. Guru perlu menilai pengajarannya selalu. Tanyakan diri, “Adakah pengajaran saya memberi kesempatan bagi mereka yang suka gaya visual untuk memanfaatkan daripadanya?” atau “Adakah saya tidak menghargai mereka yang suka mencipta sesuatu yang baru?” Mungkin juga seorang guru terlalu memilih satu gaya dan mengabaikan gaya-gaya lain yang diperlukan oleh para pelajar. Tanyalah, “Bagaimanakah saya boleh mengubah cara saya mengajar sehingga pelajar-pelajar yang memiliki pelbagai gaya ini dapat belajar dengan kekuatan yang dikurniakan Tuhan kepada mereka?”

BAB 14 : PADA ZAMAN DAHULU...

Kaedah Bercerita

Tuhan banyak menggunakan cerita untuk mengajar umat-Nya. Alkitab memuat banyak cerita yang mencetuskan daya imajinasi, mengharukan perasaan pendengarnya, dan memperbolehkan pembaca memahaminya dengan emosi. Cerita menyampaikan perhubungan manusia dengan Tuhan dengan begitu jelas dan lazim terjadi dalam masyarakat. Kejayaan, kekalahan, penganiayaan, pengharapan dan kegagalan dapat disampaikan dengan begitu berkesan kerana ia terangkai dalam cerita kemelut kehidupan manusia dan Tuhan. Semua kemelut yang lazim dialami manusia ada dalam cerita-cerita Alkitab.

Dari Kejadian, kita boleh menyampaikan cerita keajiaban penciptaan manusia, kejatuhan manusia, kecemburuan, pengampunan dan rancangan Tuhan bagi manusia. Keluaran menyampaikan cerita kasih dan kuasa Tuhan serta mukjizat ajaib yang sangat disukai kanak-kanak. Cerita Daud, Yosua, Rut, Deborah, Ester dan Elia semua memberi teladan pahlawan yang berdiri dan berjuang di tengah-tengah kebahayaan tanpa menghiraukan nyawa sendiri.

“Untuk membimbing seorang anak kepada Kristus, tiada cerita lain boleh dibandingkan dengan cerita-cerita Alkitab. Ia dipenuhi dengan Tuhan, dan kesedaran akan kehadiran-Nya, tidak dapat dinafikan, cerita-cerita ini akan memberi kesan kepada pendengarnya bagi matahari memancar di sebalik awam.”⁵⁶ Jelas, kanak-kanak mahupun orang dewasa suka cerita kerana ia drama kehidupan manusia.

Tuhan Yesus banyak menggunakan cerita untuk menyampaikan kebenaran dan melalui cara ini, ajaran-Nya tidak mudah dilupakan oleh para pendengar-Nya. Dia tidak hanya puas dengan mengatakan

manusia sesat dan sedang menempuh jalan yang berbeza daripada yang dikehendaki oleh Allah. Cerita domba sesat, wang yang hilang, dan anak yang sesat mewarni keberhargaan yang sesat dalam ajaran-Nya. Emosi pendengar dirangsang sehingga pendengar-Nya memahami kasih Allah dengan lebih tepat.

Untuk mendatangkan kesan yang mendalam, nabi-nabi Perjanjian Lama suka memakai cerita. Contohnya sewaktu nabi Yehezkiel menceritakan tentang sikap Yehuda dan Yerusalem yang tidak setia, Dia menggunakan Oloha dan Oliba untuk membuat pengajarannya berkesan kerana cerita begitu tidak terlalu asing di Timur Tengah Kuno. Gambaran tukang periuk dan tanah liat-Nya digunakan oleh Yeremia dengan kreatif.

Carta berikut menunjukkan beberapa kebenaran rohani yang diajari oleh watak-watak Alkitab.

Watak Alkitab	Apa Yang Diajari Oleh Cerita Mereka
Yusuf	Kehidupan dalam keluarga antara adik beradik, masalah kecemburuan, kebencian dan pengampunan.
Natan dan Daud	Keyakinan akan dosa, pertaubatan.
Tuhan Yesus dan Wanita Samaria	Penyelamatan, pengampunan dosa, kegembiraan dan pelepasan yang membawa perubahan tuntas kepada jiwa yang sepi, berdosa, sesat dan sedih hati.
Zakues	Pertaubatan-Berpaling dari ketamakan kepada sikap mengambil berat akan orang lain dan hidup berkenan kepada Allah.
Daniel dan kawan-kawannya	Keteguhan iman di tengah-tengah ancaman jiwa dan keberanian.
Samson	Kelemahan personaliti dan mudah dikalahkan musuh dan berakhir dengan tragedi walaupun digunakan oleh Tuhan.
Daud dan Jonatan	Pertumbuhan kemampuan untuk bersahabat dan tidak bersaing serta menjalin persahabatan yang tulen.
Paulus	Kerelaan mencurahkan hidupnya bagi anggur demi injil, rela bertanding hingga ke garis akhir tanpa menduga kehidupannya.

Cerita Apakah Yang Perlu Disampaikan

“Kalau anda tidak pasti cerita apakah yang harus disampaikan, fikirkan tentang minat seorang anak pasti dapat menolong membuat pilihan sesuai. Namun, hampir mustahil bagi kita untuk meneka apakah yang mengagumi seorang anak dalam satu cerita. Sebenarnya seorang anak memiliki kemampuan yang jauh lebih luas untuk membayangkan daripada seorang dewasa. Oleh itu, dia melibatkan dirinya dengan bersemangat dan menyelami hal-hal terperinci cerita itu.

“Cerita sama yang diberikan kepada anak-anak pada pelbagai peringkat pertumbuhan minda dan emosi boleh terus menerus menarik imaginasi mereka dari pelbagai sudut setiap kali cerita itu disampaikan. Contohnya kanak-kanak mungkin terdedah kepada cerita Andersen tentang “The Steadfast Tin Soldier” (Askar Tin Yang Tabah); pada umur empat, mungkin tertarik dengan perhiasan dan susunan bilik permainan itu. Mereka mengkaitkan aktiviti menyusun askar-askar boneka di atas meja dengan suka dan mereka juga tertarik dengan kehidupan mistik askar itu...Yang berumur tujuh tahun lebih tertarik dengan peristiwa-peristiwa luarbiasa yang dialami oleh askar yang berkaki satu itu dan bukan keselamatannya dalam bilik mainannya. Kanak-kanak yang berumur sembilan atau sepuluh tahun turut mengenal pasti dengan keperibadian askar tin itu dan menghormati sifat-sifat keberanian, ketabahan dan kerendahan hatinya.”⁵⁷

Cerita-cerita Alkitab yang diceritakan berulang kali seringkali memberi kesan yang berlainan setiap kali ia disampaikan kepada kanak-kanak mahupun orang dewasa. Anak yang berumur empat tahun mungkin mengagumi baju Yusuf yang berwarna warni. Yang berumur tujuh tahun mungkin menyelami perasaan kecemburuan abang-abang Yusuf dan mengaitkannya dengan kehidupan keluarga sendiri. Bagi anak yang berumur sepuluh tahun, kasih dan pengampunan Yusuf mengharukannya. Sementara, belia mengagumi kesucian dan pendirian Yusuf yang berlari daripada pengodanya.

Struktur Cerita

Guru perlu mengetahui bahawa setiap cerita mempunyai pendahuluan, tubuh, klimaks, dan peleraian agar mereka dapat menyampaikannya dengan menarik; adakala cepat dan adakala lambat. Nada setiap bahagian cerita harus berbeza menurut keterujaannya.

a Pendahuluan

Pada pendahuluannya, seorang pencerita harus menyediakan suasana cerita. Dia harus memulakannya dengan menarik seperti dengan satu dialog yang hidup. Beri sedikit latar belakang, bila, siapa, dan apa tetapi jangan meluangkan terlalu banyak waktu sehingga cerita itu tak dapat dimulakan segera. Memperkenalkan pahlawan cerita anda dan musuhnya dengan segera. Berikan emosi untuk cerita dan sedikit rahsia tentang masalah cerita daripada menunggu terlalu lama untuk membuka rahsia.

b Tubuh Cerita

Tubuh cerita menyampaikan pasang surut cerita itu. Rangkaikan apa yang menjadi inti cerita itu dan watak-watak utama dalam cerita ini. Pertahankan cerita itu dengan ketegangan dan unsur rahsia serta masukkan humor dan kesedihan. Ketegangan konflik boleh dibangunkan antara pelbagai watak utama. Rangkaikan pengajaran kebenaran rohani yang ingin anda sampaikan dan untuk ini, anda tidak perlu menunggu sehingga mengakhiri cerita anda.

c Klimaks

Klimaks adalah ujiannya, pengodaannya, konfliknya, keraguannya, dan kuasa tentangan daripada yang jahat. Konflik ini sudah sampai ke kemuncaknya dan pengelutan bertambah menggebu-gebu dan teruja. Tunjukkan keberanian watak protagonis anda dan antagonis anda. Pada klimaks ini, pahlawan anda membuat tindakan dan keputusan yang menjamin kemenangan atau kekalahannya namun tindakannya merupakan satu risiko yang tinggi.

d Peleraian

- Apakah yang dipelajari oleh watak?
- Perubahan apakah yang dialaminya?
- Bagaimana rancangan Tuhan digenapi dalam kehidupan watak ini?
- Bagaimana cerita ini boleh saya terapkan dalam kehidupan saya bersama dengan Tuhan?

Prinsip-Prinsip Bercerita

1. Guru harus memilih cerita yang bersesuaian dengan umur, pengalaman, perkembangan kognitif, emosi mahupun psikologi pelajarnya.
2. Pilih cerita Alkitab yang dapat anda sampaikan dengan hidup dan fikirkan kebenaran rohaninya.
3. Sebelum menyampaikan cerita, guru mesti menghafal cerita itu dan mengetahui permulaan, perkembangan cerita dan puncak cerita itu. Cuba menyampaikan cerita ini di depan cermin, lihat wajah dan gerak geri anda, semuanya mesti menarik bagi seorang anak. Pilih nada yang sesuai apabila sampai ke klimaks, cerita semakin cepat dan nadanya semakin teruja.
4. Panjang pendeknya cerita tergantung pada waktu yang diperuntukkan dalam kelas, namun jangan menyeret ceritanya sehingga menjadi bosan. Jangan merangkaikan terlalu banyak watak sampingan sehingga mengelirukan pendengar.
5. Perhatikan dialog, naratif, gerak geri, suara, unsur rahsiannya dan plot utama dalam cerita itu. *"Dialog yang baik dapat menangkap perhatian pendengar kerana ia begitu hidup sehingga pengarangnya seakan-akan lenyap dan watak mengambil alih dengan kuasa mereka. Pendengar mendengarnya dan mempercayai kenyataannya. Dialog itu nafas kehidupan cerita manusia."*⁵⁸
6. Alat peraga yang perlu disediakan contohnya kad-kad gambar, topeng, boneka, alat-alat konkrit, atau objek hidup yang lain.
7. Adakah cerita yang disampaikan itu merangsang minat pelajar terhadap temanya?
8. Adakah cerita itu mempunyai kebenaran teguh untuk disampaikan dan memuliakan Tuhan?
9. Sebelum memulakan cerita, pastikan semua murid sudah bersiap untuk mendengarnya.
10. Pengajar boleh berduduk atau berdiri. Yang penting semua murid boleh melihat dia dengan jelas.

11. Mulakan cerita itu dengan suara yang menarik dan penuh emosi. Pastikan suara anda lantang dan jelas. Suara itu harus berubah-ubah mengikut jalan cerita, watak-watak dan tahap cerita. Pengajar mesti menggunakan pelbagai intonasi untuk menarik perhatian.
12. Untuk melibatkan pelajar, pengajar boleh mengajukan pertanyaan kepada murid agar mereka dapat terlibat dalam jalan cerita.
13. Jangan menggunakan perkataan yang terlalu sulit difahami murid kalau murid belum sampai tahap pengertiannya seperti penebusan, dan perdamaian.
14. Gunakan gerak geri yang semula jadi dan jangan terlalu rumit plotnya sehingga jalan cerita tidak dapat diikuti dan berbau keterlaluan.
15. Pengajar mesti menyiapkan aktiviti susulan yang bermakna seperti soal jawab sesuai dengan tema, nilai-nilai rohani cerita. Kad-kad imbas atau alat peraga seperti boneka boleh disediakan agar pendengar boleh berlakon, atau berikan lembaran kertas kerja.

Seorang pembawa cerita dapat menyampaikan cerita dengan baik kalau dia membayangkan ceritanya sebagai hadiah indah yang diberikannya kepada penerima yang dikasihinya. Untuk bercerita secara berkesan, seorang pembawa cerita boleh berdoa dan meminta agar Tuhan memberi anda gaya alamiah. Betul-betul menghayati cerita anda sehingga ia menjadi sebahagian anda. Hargai dan cintai pendengar anda dan sampaikan cerita ini seperti anda ingin menyampaikan hadiah yang paling berharga kepada mereka.

Selain itu, pastikan suara anda sedap didengar dan disukai oleh telinga pendengar cerita anda. Pastikan mimik muka, suara dan gerak geri anda sejajar cerita. Latih cerita anda-latih suara binatang, latih suara orang marah, latih suara orang takut, kecewa, latih suara gelisah dan sebagainya. Latih setiap babak cerita dalam minda dari mula hingga ke akhir, anda mesti tahu urutan ceritanya. Berdoa agar Roh Kudus mengurapi anda dan mencelikkan mata rohani pelajar anda sewaktu anda memberi mereka hadiah yang indah ini.

Pendekatan Bercerita

a Dramatik

Seorang guru boleh menarik perhatian anak-anak dengan teknik menarik bahkan yang mengejutkan. Kejutan boleh dilakukan dengan satu cerita singkat, bunyi, pepatah ataupun acara menarik. Sewaktu kita memulakan Sekolah Minggu, perhatian seorang anak mungkin melayang ke tempat lain. Permulaan boom menarik perhatian mereka, berteriak, “lempar, lemparkan dia ke dalam air!” sewaktu memulakan cerita Yunus dengan teriakan rakan-rakan Yunus yang berada di kapal. “Aku tidak akan melepaskan kamu!” teriak Izebel. “Tolonglah aku! Aku mahu melihat!” teriak Bartimaeus dengan suara lantang.

Guru boleh berteriak seperti Goliat pada awal ceritanya untuk menarik perhatian anak-anak, “Cis, berani engkau mendekati aku. Aku akan memberi tubuh anda kepada burung-burung dan binatang-binatang di padang.” Anda boleh berteriak, “Ayo, cepat...” sambil memegang cambuk seakan-akan anda seorang askar. Bawa boneka bayi, lalu dengan suara keras berkata, “Bolehkah bayi ini menjadi dua...” untuk menceritakan kebijaksanaan Raja Sulaiman sewaktu mengadili dua wanita yang merebut satu bayi.

b Ilustrasi Singkat

Guru memulakan cerita dengan ilustrasi singkat. Tunjukkan sampul ang pau merah dan mencerita seorang anak kecil, Bobby, telah mengumpulkan hampir \$1000 ringgit wang ang pau. Sewaktu seorang pastor ke gerejanya dan mencerita keperluan mendirikan sebuah tadika di kalangan anak-anak orang asli; dia pun memberi \$500. Lanjutkan cerita ini dengan orang kaya yang tidak sanggup mengikut Tuhan Yesus kerana terlalu kaya dan tidak dapat meninggalkan semua kekayaannya.

c Pepatah

Untuk menarik kanak-kanak, gunakan pepatah atau slogan yang boleh dihafalkan oleh kanak-kanak. Ucapkannya dengan lantang dan suruh semua anak mengikutnya. Contohnya sewaktu mengajar tentang dua pencuri yang mati di samping kayu salib Tuhan Yesus. Anda boleh menggunakan pepatah yang diteriakkan oleh mereka. Bahagikan kelas anda kepada dua kelompok dan setiap kemompok akan mewakili

pencuri yang berbeza-beza itu. Kelompok pertama berseru, “Bukankah Engkau adalah Kristus? Selamatkanlah diri-Mu dan kami!” Kelompok kedua, “Yesus, ingatlah akan aku, apabila Engkau datang sebagai Raja.” (Lukas 23:39,42)

d Suara/bunyi bunyian

Kanak-kanak suka mencuba pelbagai suara dan bunyi untuk menghidupkan cerita lagi.

- a. Suara binatang dalam cerita Nuh.
- b. Bunyi angin mengamuk dalam cerita Yesus tertidur dalam perahu.
- c. Bunyi kasut askar Rom tok,tok, tok.
- d. Bunyi ayam berkokok lalu tangisan Petrus setelah menyangkal Kristus. Satu kumpulan akan berkokok dan sekumpulan lain menangis tersedu-sedu.

Setelah mainan suara atau bunyi, guru boleh melanjutkan cerita kerana dia sudah menarik perhatian kanak-kanak.

Bagaimana Kalau Mereka Pernah Mendengar Cerita Itu?

a Fokus Pada Satu Elemen Menarik Cerita itu

Guru boleh memulakan cerita dengan pendekatan yang berlainan dan jangan menggunakan pendekatan yang sama. Contohnya dalam cerita Daud dan Goliath, gurunya boleh memulakan cerita dengan bebatu yang dicari Daud dan jelaskan betapa kecil. Bolehkah batu ini dijadikan alat perang berbanding dengan alat perang Goliath canggih itu. Anda juga boleh berfokus pada doa Daud sebelum dia melontarkan batu itu.

Dalam cerita penyaliban Kristus, anda boleh berfokus pada kayu salib yang berat dan membuat sedikit pengkajian tentang kayu salib. Anda boleh bermula cerita itu dari pertengahannya dan bermula dengan teriakan “Cepat! Jalan!” untuk menggambarkan suara askar Rom yang memaksa Yesus berjalan dengan cepat, atau “You! Mari sini, tolong Dia angkat kayu salib ini!”

b Mulakan Dari Pertengahan Cerita

Contohnya dalam cerita Izebel dengan Nabot, mulakan cerita dengan bersuara seperti Izebel yang sedang memberi nasihat jahat kepada

suaminya tentang bagaimana menganiayai Nabot. Atau, anda boleh menunjukkan mimik muka Raja Ahab yang merajuk kerana tidak mendapat kebun anggur itu seperti seorang anak kecil yang tidak mendapat boneka kesukaannya. Mungkin juga, anda boleh menunjukkan segugus anggur yang manis dan mengiurkan lalu menceritakan Raja Ahab sedang membayangkan anggur manis yang bukan kepunyaannya.

Sewaktu anda menceritakan Tuhan Yesus berhasil menangkap ikan yang banyak dengan pengikut, anda boleh berfokus pada jenis ikan yang ada pada zaman itu, dan bagaimana mereka membakar ikan itu. Petrus dan murid-murid Tuhan Yesus begitu gembira kerana menjala begitu banyak ikan yang hidup. Mereka akan berjamuan ikan pada malam itu. Ketika Petrus melihat ikan-ikan di jala, dia mulai menyedari Yesus Kristuslah Tuhan.

Yunus baru menangis dan berdoa ketika berada dalam perut ikan gelap itu, dan menyedari dia perlu sungguh-sungguh mentaati firman Tuhan. Mulakan cerita itu dengan membayangkan betapa gelap dan hanyir perut ikan, Yunus begitu terseksa. Tanya anak-anak kecil adakah mereka menyukai bau hanyir.

Lazarus melompat dari kuburnya dan semua orang tertakjub dengan perbuatan ajaib Tuhan. Titisan airmata Maria yang sedih itu berubah menjadi airmata kegembiraan! Semua orang berseru “Wah!” Libatkan anak-anak dan suruh semua orang berseru “Wah!”

c Mulakan Daripada Akhir Cerita

Sodom dan Gomorra dibinasa sehingga bangunannya semua terbakar dan yang tinggal dalam kota ini dedebu dan puing-puing. Sebelum kebakaran, kota ini begitu indah namun orang yang tinggal di sini tidak bermoral dan tidak hidup berkenan kepada Tuhan. Guru kemudian boleh melanjutkan ceritanya.

Permainan Cerita

“Marilah kita berpura-pura.” Pendekatan ini sangat sesuai bagi kanak-kanak kerana kanak-kanak suka berpura-pura menjadi polis, guru besar, pastor, ibu ataupun nenek. Kalau mereka diberi kesempatan untuk berpura-pura menjadi watak dalam satu cerita, mereka akan merasa pelajarannya lebih menyeronokkan. Mereka diminta menunjukkan satu gerak geri kreatif seperti contohnya sewaktu Goliat marah. Mereka boleh diajak menunjukkan bagaimana dia menggerakkan

tangannya, menghentak kakinya, kebengisan mukanya lalu berguntur dengan suara lantang. Dengan berpura-pura, seorang anak merasa perasaan atau fikiran watak yang dipelajarinya.

Guru boleh merancang satu drama dan sandiwara bagi pelajar-pelajarnya. Drama atau sandiwara mesti mudah supaya kanak-kanak tidak lelah menghafal ayat-ayatnya. Tujuan permainan cerita bertujuan menolong pelajar merasa dan turut menghayati ceritanya serta mempelajari cara yang baik untuk merespon. Namun kadangkala guru merasa kaedah ini membuang masa tanpa menyedari bahawa kanak-kanak mengingat ceritanya lebih lama dan lebih nyata.

Elizabeth Allstrom berkata, *“Cerita yang dilakukan oleh seorang anak, gambar yang dicat oleh dirinya, boneka yang dibuat daripada tanah liat, cerita yang ditulisnya ialah salah satu cara dinikmatinya... Di dalamnya, dia selalu menambah dirinya, mencari lebih mengenai dirinya, menjalin perhubungan dengan orang lain, dan mempelajari sesuatu daripada mereka. Cerita yang dilaksanakan dengan lakonan tinggal lama dalam kehidupannya. Tidak ada seorang pun tahu akan batasan pengajaran jenis ini.”*⁵⁹

Pantomime

Pantomime ini dilakukan tanpa perkataan; semua kanak-kanak berminat. Mereka boleh mengikut pantomime, satu gerak geri tanpa perkataan. Mereka berkomunikasi dengan gerak geri dan wajah mereka. Mereka boleh buat pantomime dengan muzik dan muka mereka boleh dicat. Untuk kanak-kanak yang kecil, hanya pantomime singkat dan mudah dapat dilakukan mereka. Bagi kanak-kanak yang lebih dewasa, mereka ingin lebih banyak watak, cerita yang lebih panjang, dan lebih banyak gerak-geri.

Kadangkala anda tidak perlu melakonkan pantomime seluruh cerita itu, sebahagian daripada ceritanya sudah cukup demi untuk mengajar satu kebenaran.

Lakonkan Cerita Dengan Gerak Geri

Cerita ini sesuai untuk mengajar anak-anak yang berumur empat tahun atau lima tahun. Cerita ini tentang bagaimana Yosua meruntuhkan kota Yeriko.

Contoh 1 Keruntuhan Kota Yerikho

Ini kota Yeriko

(tunjukkannya dengan dua jari)

Temboknya sungguh tinggi.

(Angkat tangan ke atas dan berdiri tinggi untuk menunjukkan ketinggian)

Pintunya tertutup erat.

(Rapatkan kedua-dua telapak tangan untuk menunjukkan pintu yang tertutup erat)

Umat Tuhan akan mengambil kota ini. Mereka tidak perlu berperang.

Mereka mengelilingi kota ini.

(Suruh semua anak-anak berjalan mengelilingi biliki kelas)

Mereka menghentak-hentak kaki

(Berjalan mengelilingi kelas lagi dengan menghentak-hentak kaki mereka)

Mereka meniup trompet.

(Pura-pura menunjukkan gerak geri meniup trompet dengan tangan mereka)

Mereka berjalan mengelilingi kota itu selama tujuh hari.

(Berjalan-jalan mengelilingi kota selama tujuh kali)

Mereka berteriak dengan lantang.

(Berhenti dan semua orang berteriak)

Kota itu roboh.⁶⁰

Jangan lupa menerapkan pelajaran rohani kepada anak-anak setelah bermain cerita ini. Permainan gerak geri bertujuan mengajar tentang kebenaran rohani yang tertentu. Guru-guru mesti menjelaskan tentang doa dan iman kepada Tuhan sewaktu mersa takut, dan percaya Tuhan akan menang.

Boneka

Kanak-kanak menyukai boneka dan dapat memahami ceritanya dengan cepat. Kanak-kanak boleh mengambil bahagian menyampaikan cerita dengan boneka itu. Mereka boleh mencurahkan perasaan mereka melalui boneka dan lakonannya. Kanak-kanak yang lebih dewasa boleh menolong kanak-kanak yang lebih besar menulis skriptnya.

Boneka ini boleh bersifat boneka jari, boneka beg kertas (Mc. Donald), boneka stoking, boneka kotak, boneka sudu kayu, boneka

tangan mahupun boneka mereka sendiri. Kanak-kanak boleh menggunakan boneka ini dan sembunyikan diri di tepi meja atau belakang piano atau almari yang pendek untuk menyampaikan cerita.

Kreativiti Dalam Pengajaran

Kanak-kanak belajar dengan berkesan kalau mereka dapat melihat atau membuatnya dengan tangan mereka. Pembelajaran di kelas harus merupakan satu pengalaman yang aktif bukan pasif. Pelajar yang mempelajari sesuatu yang baru dan berminat akan terus belajar kalau proses pembelajaran itu kreatif.

Sewaktu mengajar kanak-kanak kita harus menggunakan lima pancaindera mereka. Pendekatan ini memberi mereka peluang mengungkapkan kemampuan mereka dan kreativiti mereka. Selain itu, kanak-kanak selalu merasa bangga kalau mereka dapat melihat apa yang dicapainya dan menyumbang kepada perkembangan konsep diri yang positif. Aktiviti yang kreatif menenangkan seorang anak dan memampukan dia menggunakan semua pancainderanya.

Yang terpenting, kebenaran Alkitab dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada kanak-kanak dan menolong mereka mengingatnya.

Penulisan Kreatif

1. Berikan gambar dan suruh mereka menulis tentang gambar itu. Contohnya tunjukkan seorang anak kecil yang berwajah sedih di lapangan kapal terbang, dan menyuruh mereka menyambung ceritanya bertema ketakutan. Tuliskan doa sewaktu takut. Guru boleh memberi ajaran tentang Tuhan Yesus menenangkan badai.
2. Berikan mereka cerita yang tidak lengkap. Mereka harus melanjutkan cerita itu secara sendirian atau dalam kelompok.
3. Penggunaan Peta Minda. Mulakan ceritanya dengan menulis sesuatu pada bulatan atau petak di tengah-tengahnya dan kemudian pendapat yang lain ditulis oleh pelajar di cabangnya. Sambungkannya dengan garis-garis. Dari petak-petak (cabang) kecil mereka boleh mengembangkan pendapat mereka. Ini menolong mereka menggolongkan pendapat mereka dan memberi kesinambungan kepada cerita mereka.

4. Menulis satu drama yang mudah dalam kelompok dan menyampaikannya bersama-sama. Mereka biasanya menyukai cerita itu dan ingin melakonkannya.
5. Melukis kartun dan menulis percakapannya serta bagaimana mereka menerapkan firman Tuhan.
6. Tulis surat kepada ibu bapa, mubaligh, kawan-kawan untuk memberitahu satu kebenaran Alkitab atau sajak.
7. Kotak sumbangan pendapat boleh diedarkan. Bahagikan kad-kad kepada pelajar. Setiap pelajar menyumbang satu pendapat untuk permulaan, pertengahan, dan akhir cerita. Setelah mereka sudah menulis ide itu pada kad, guru mempamerkan di meja dan mereka boleh saling meminjam pendapat untuk menulis.
8. Tunjukkan gambar-gambar satu per satu dan mereka akan menulis cerita padanya.

Membaca

1. Gunakan nada yang menarik, intonasi, lihat buku, lihat muka anak-anak.
2. Libatkan kanak-kanak dengan pertanyaan mengenai cerita itu.
3. Libatkan kanak-kanak dalam pembacaan. Contohnya anak-anak tertentu membaca watak tertentu khususnya dalam dialog.
4. Guru-guru dan anak-anak boleh mengambil watak yang berlainan dalam cerita itu lalu membaca dengan penuh emosi, nada yang berbeza, seakan-akan mereka sedang melakon.
5. Guru-guru boleh berhenti dan berinteraksi serta menyulam prinsip kebenaran dari firman Tuhan dalam bacaan tersebut.

Objek

Penggunaan objek boleh menolong pelajar mengingat pelajaran lebih lama dan sungguh berkesan. Penggunaan objek ada kelebihan kerana pelajar kita boleh melihat dan menyentuhnya. Objek ini tidak perlu dibeli kerana objek ini mungkin barang-barang yang kita gunakan setiap hari. Boneka lama kita ataupun bahan-bahan, dahan, dedaun,

bebunga, bebatu dari alam boleh dijadikan sumber ajaran. Objek alamiah bagus sebagai contoh atau penggunaan untuk mengibaratkan kebenaran firman Tuhan.

Contohnya:

- Payung-Perlindungan.
- Wang-wang yang hilang apalagi wang emas, tentu kita akan mencarinya, demikian juga cara Tuhan mencari kita.
- Batu-untuk melambangkan kekerasan hati manusia, kapas pula kelembutan.
- Kain yang kotor untuk mengibaratkan dosa.
- Kain yang putih untuk menggambarkan kesucian selepas dibersihkan daripada dosa.
- Cermin-Bawa cermin dari rumah dan suruh setiap anak melihat wajah mereka dan setiap orang memperhatikan keistimewaan mereka. Jelaskan erti kita diciptakan dalam gambaran Allah.
- Gincu, bedak dan ribon yang digunakan untuk menciptakan cerita tentang perhatian kita terhadap kecantikan. Bagaimana pula terhadap kecantikan batin? Bawa maskara anda.
- Bawa plaster tangan. Jelaskan bagaimana Tuhan boleh menyucikan kita dan membalut luka kita.
- Minyak wangi untuk menyampaikan cerita wanita yang menuang minyak wangi kepada Tuhan Yesus.

Tuhan Yesus menggunakan banyak objek untuk mengajar dan meyakinkan pendengar-Nya. Dia memakai air ketika menjelaskan kepentingan Allah dan firman Tuhan dalam kehidupan kita. Roti untuk melambangkan kepentingannya bagi kehidupan rohani kita. Sewaktu Dia menjelaskan tentang kekhuatiran hidup, Dia menggunakan bebunga, lalang dan burung-burung yang tidak khuatir tetapi dipelihara oleh Allah bapa. Adakah Tuhan Yesus membeli alat peraga yang mahal? Bahan pengajaran Tuhan Yesus seperti garam, terang, pelita, dan air tidak memerlukan wang. Tempat-tempat yang dilihat oleh Tuhan Yesus digunakan-Nya sebagai bahan ajaran. Kebun anggur, ladang, dan manusia seperti penaburnya bahkan pukut atau jala digunakan-Nya untuk menjelaskan keberhasilan rohani seseorang. Namun jangan memakai objek yang menakutkan kanak-kanak seperti paku besar untuk melambangkan paku penyaliban Yesus, atau topeng ngeri untuk melambangkan Iblis, atau cambuk yang besar.

Kelebihan Memakai Objek

1. Penggunaan objek boleh menolong seorang guru menjelaskan konsep susah dan menyampaikan cerita dengan cara mudah. Tuhan Yesus memakai contoh domba sesat untuk menjelaskan manusia yang hilang tanpa Tuhan. Kanak-kanak mahupun orang dewasa segera membuat perbandingan cerita dan kebenaran melalui objek yang dilihatnya.
2. Objek boleh menarik perhatian kanak-kanak dan merangsang keinginan mereka untuk mengetahui konsep yang disampaikan. Masukkan kertas ke dalam lampu suluh dan mengeluarkan semua baterinya. Cuba nyalakan lampu suluh tetapi tidak ada terang. Kenapa? Bukakan lampu suluh dan memberitahu kanak-kanak bahawa baterinya tidak ada kecuali sampah. Kalau dosa memenuhi hati kita, terang kita untuk Tuhan tidak akan bernyala. Keluarkan semua kertas dan masukkan bateri. Jelaskan Tuhan ingin kita hidup dalam kemenangan dalam kuasa Roh Kudus (Mat 5:16; 1 John 1:9).
3. Tuhan Yesus selalu menggunakan sesuatu yang kita tahu untuk mengajar sesuatu yang kita tidak tahu. Contohnya kerajaan syurga adalah seperti seseorang yang menjualkan semua untuk membeli mutiara menolong kita memahami keberhargaan usaha kita untuk mencari kerajaan syurga. "Hal Kerajaan Syurga itu seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah. Setelah ditemukannya mutiara yang sangat berharga, dia pun pergi menjual seluruh miliknya lalu membeli mutiara itu" (Matius 13:45-46).
4. Objek boleh menolong pelajar memahami jalan cerita dan kebenaran dengan lebih cepat. Tuhan Yesus menggunakan biji sesawi untuk menjelaskan perkembangan Kerajaan Syurga. "Memang biji itu yang paling kecil dari segala jenis benih, tetapi apabila sudah tumbuh, sesawi itu lebih besar daripada sayuran yang lain, bahkan menjadi pohon, sehingga burung-burung di udara datang bersarang pada cabang-cabangnya" (Matius 13:32).
5. Warna dan bentuk objek boleh menolong peserta-peserta membayangkan cerita itu dengan lebih hidup. Contohnya anda boleh menggunakan pasu atau kain songket yang pelbagai corak dan warna untuk memberi ajaran rohani anda (Mazmur 139:13). Tuhan telah menenun dan membuat setiap anak atau manusia istimewa dan unik.

6. Sebagai guru sekolah minggu, rajin-rajinlah menyimpan satu beg objek menarik yang boleh digunakan bila-bila masa sahaja sewaktu mengajar.
7. Kadangkala guru-guru boleh menambahkan sedikit corak ataupun penghiasan pada objeknya untuk membuat objek pengajarannya lebih menarik. Ikatkan ribon untuk menghiasinya.

Contoh Pelajaran Objek

Tujuan: Untuk mencabar seorang anak mengakui dan meninggalkan dosanya.

Alkitab: Amsal 28:12

Objek: Sebuah bakul kecil yang diisi dengan beberapa biji epal (atau buah-buahan yang lain)

Pelajaran

Kadangkala kita semua berusaha untuk menyembunyikan dosa kita. Kenapa? Kita tidak mahu orang lain mengenal diri kita yang sebenarnya! Tuhan berkata, “Siapa menyembunyikan pelanggaran-pelanggarannya tidak akan beruntung, tetapi siapa mengakuinya dan meninggalkannya akan disayangi” (Amsal 28:12). Kenapakah menyembunyikan sesuatu yang tidak baik dan berpura-pura kelihatan baik itu salah? Mari kita melihat kenapa Tuhan berkata menutupi kesalahan akan menghalangi kita daripada kehidupan yang berjaya.

Pagi ini saya membawa beberapa epal untuk anda. Biar saya menyusunnya di atas piring (tunjukkan sebiji epal). Lihat epal yang besar dan merah ini! Kelihatan bagus, (Tunjukkan semua epal sewaktu kamu menyusunnya). Eh! epal ini rosak. Bolehkah saya menaruh epal ini bersama dengan epal-epal bagus? (tunggu untuk jawapan). Bolehkah epal-epal yang bagus menukar epal yang busuk ini menjadi baik? (Tidak) Bolehkah epal yang busuk ini membuat yang baik menjadi busuk? (Boleh, ia boleh merosakkan yang lain. Apakah yang harus saya lakukan? Buangkan epal yang rosak ini).

Anda tidak boleh membuang dosa dengan menutupinya. Anda boleh berpura-pura baik, membaca Alkitab, menyanyi dan berdoa, memberi wang kepada gereja dan buat banyak pekerjaan yang baik tetapi anda tidak mungkin mengikis dosa anda. Setiap dosa akan menghancurkan kehidupan kita dan membuat Tuhan sedih. Tuhan membenci dosa, Dia tahu dosa akan melukai kita dan orang yang lain juga. Dosa menghalangi kita daripada persahabatan yang akrab bersama-Nya. Yesus telah mencurahkan darah-Nya untuk membayar dosa kita. Allah akan mengampuni kita kalau kita mengakuinya (1 Yohanes 1:9). Adakah anda mempunyai sebiji epal yang busuk dalam hidup anda? Buangkannya dan Allah akan menjadikan hidup anda berjaya untuk-Nya.

(Petikan pelajaran ini diambil daripada Object Lessons for Children, CEF Press)

KESIMPULAN

Pendekatan bercerita dalam penyampaian kebenaran firman Tuhan tidak pernah ketinggalan zaman kerana cerita selalu merangsang imaginasi pelajar-pelajar kita. Kunci teknik terutama ialah anda harus relaks sewaktu menyampaikan cerita dan membayangkan seakan-akan anda sedang bercakap-cakap dengan seorang kawan yang ingin mendengar kepada cerita anda yang seronok. Guru-guru yang menyampaikan cerita harus memupuk sikap bahawa mereka menyampaikan satu hadiah yang terindah melalui ceritanya. Walau bagaimanapun cerita tetap menjadi cerita sahaja seandainya guru-guru tidak mengambil berat tentang penerapannya yang boleh disulamkan dalam proses menyampaikan cerita itu. Setiap cerita menggambarkan dunia nyata dan setiap watak menggambarkan sesuatu aspek kebenaran rohani. Bantulah pelajar melihat terang kebenaran rohani daripada cerita dan gabungkannya dengan pemakaian objek.

BAB 15 : DISIPLIN DAN MOTIVASI DALAM KELAS

Seorang anak yang saya kenali menggigil setiap kali dia memasuki kelas kerana disiplin guru sekolahnya sungguh menakutkannya. Satu kali dia terlambat ke sekolah kerana bapa saudaranya membelok ke jalan salah. Sewaktu ditanyakan kenapa terlambat, anak ini terlupa sebutan bapa saudara dalam Bahasa Mandarin menjawab, “Yeh, yeh (datuk) saya salah membelok ke jalan yang salah lalu kami sesat.” “Yeh, yeh anda datang dari kampung mana...katak di bawah tempurungkah?” hina guru sekolahnya. Mereka juga sering dirota sehingga mereka tidak bersemangat ke sekolah bahkan seorang anak menukar ke sekolah lain.

Seorang guru yang baik tahu mengawal kelas sehingga kelasnya patuh kepada autoritinya namun ini tidak bererti dia menakutkan pelajarannya. Dia tahu menjaga keadaan bilik darjah yang teratur, pengajaran sistematik dan menetapkan peraturan dalam kelas. Disiplin baik menghasilkan suasana kelas yang tenteram dan aktiviti kelas dapat dilancarkan tanpa gangguan. Kelas yang terlalu longgar dalam peraturan mengganggu ketenteraman kelas dan menghalangi guru daripada mencapai objektif pengajaran.

Guru yang tahu menerapkan disiplin baik boleh mencapai objektif pengajarannya dengan lancar. Guru mesti melahirkan satu kelas yang selesa serta tenang, aktiviti kelas diturutnya dengan berminat. Nilai seperti tanggungjawab, saling menolong, bertolak ansur, kerajinan, kerjasama, saling mendoakan untuk kedewasaan rohani dipupukkan dalam kelas yang berdisiplin.

Beberapa Jenis Masalah Disiplin

1. Bercakap dalam kelas dan mengganggu sewaktu guru sedang mengajar tanpa menghiraukan perasaan guru atau pelajar yang lain.

2. Pelajar selalu lewat ke kelas dan tidak memahami jalan pengajaran serta menjejaskan perhatian pelajar-pelajar yang lain.
3. Pelajar membuat kerja sendiri dan kurang mahu bekerjasama dengan pengajar.
4. Penggunaan pendekatan pengajaran dan strategi mengajar yang kurang menarik sehingga pelajar kehilangan dalam minat dan tidak dapat berfokus pada pengajaran.
5. Kelas yang digunakan kurang selesa-panas, kotor, gelap, berbau sehingga pelajar kepanasan dan tidak selesa berada dalam kelas.
6. Guru kurang keyakinan akan pelajarannya dan tidak tegas sehingga murid-murid yang kurang disiplin sengaja melawan dan mencabar pengajarannya.
7. Pelajaran terlalu sulit difahami dan melampaui batas pengertian para pelajar, atau sebaliknya terlalu mudah sehingga minat pelajar terlayang.
8. Pelajar mungkin berjenaka yang tidak relevan untuk mengacau suasana kelas kerana perhatian pelajar-pelajar yang lain akan mengalih kepada gurauan itu kerana mereka kurang berminat dengan apa yang dipelajari.
9. Perhubungan yang renggang antara pengajar dan murid-muridnya kadangkala menyebabkan masalah disiplin. Corak kuku besi dan kurang interaksi menyebabkan murid-murid suka memberontak. Perasaan yang kurang senang terhadap guru autokratik juga menjadi salah satu punca masalah.
10. Jumlah pelajar dalam kelas terlalu besar sehingga guru tidak dapat memberi layanan peribadi. Pelajar berusaha mendapat perhatian guru dengan menimbulkan kekacauan.
11. Pelajar yang bercampuran umur digolongkan dalam satu kelas, dan mereka memiliki pengertian, dan sikap yang berbeza.

Beberapa Pendekatan Disiplin

a *Laissez Faire*

Pelajar bersikap bebas dan melakukan apa sahaja; mereka boleh mengikut kehendak sendiri tanpa dipedulikan oleh guru. Mereka boleh memakai pakaian jenis apapun dan guru tidak akan menasihati mereka agar jangan memakai seluar terlalu pendek. Mereka bebas berfikir, bebas bergaul, bebas berkumpul, bebas memilih, bebas mencaci, bebas memakai perkataan kotor dan

bebas belajar kalau mereka suka dan bebas memulau kelas kalau mereka tidak ada ilham belajar. Keadaan tersebut mengalu-alukan kebebasan pelajar sehingga suatu rangka disiplin sama sekali tidak wujud dan pelajar tidak malu-malu bertindak negatif tanpa perasaan bersalah.

b Disiplin Arahan Pengajar

Tanggungjawab utama dalam hal mendisiplin terletak pada pengajar. Pengajar akan menetapkan segala peraturan dan menjelaskannya kepada para pelajar dalam kelas agar mereka memahaminya dengan jelas. Sewaktu pelajar melanggar peraturan, mereka segera tahu padahnya. Untuk menjaga disiplin dalam kelas, setiap pelajar akan menurut peraturan yang ditetapkan oleh guru. Hukuman atau ganjaran akan diberikan kepada pelajar sewaktu menjalankan disiplin.

c Disiplin Arahan Peraturan Kumpulan

Jenis disiplin ini dijalankan menurut dinamika anggota kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai peraturan, nilai, dan norma yang dipatuhi oleh para anggotanya. Di bawah kawalan setiap ketua kumpulan itu, guru dapat mendisiplin kelas yang besar. Guru boleh menyerahkan tugas mendisiplin setiap peserta kepada ketuanya. Anggota setiap kumpulan boleh berkomunikasi agar semua dijalankan menurut nilai dan peraturan mereka. Untuk kanak-kanak kecil, kelompok yang paling bagus akan menerima ganjaran hadiah.

d Disiplin Dalaman

Seorang guru boleh mewujudkan disiplin dengan pendekatan yang kurang stres. Hal ini boleh dilakukan dengan motivasi dalaman. Guru tidak selalu marah dan menggunakan kata-kata negatif tetapi sebaliknya dia akan memberi komen positif agar pelajar segera mendisiplin diri sebab telah dimotivasi gurunya. Guru boleh memberi kertas penilaian diri dan penilaian sikap diri untuk dievaluasi pelajar. Dengan rela hati, mereka mendisiplin diri kerana gurunya memberi motivasi dalaman seperti, “Anda sudah berkelakuan baik di kelas, fikirkan apakah kekurangan yang boleh dikuatkan agar awak belajar dengan baik.”

Disiplin Dengan Meningkatkan Rasa Tanggungjawab Pelajar

Jenis disiplin ini menolong pelajar belajar mendisiplin diri dan membentuk keperibadiannya. Cara disiplin ini lebih mudah kerana kita menggunakan pengertian dalaman dan menolong murid kita mengamalkan disiplin kawalan sendiri. Cara ini menolong guru mengawal kelas tanpa berteriak-teriak dan menjaga suasana bagi pelajar lain. Disiplin arahan diri berkesan apabila pelajar sudah mencapai tahap pengertian yang tertentu bukan pra-sekolah.

Disiplin boleh dipupuk melalui latihan dan bimbingan pelajar seperti menerangkan kepentingan mematuhi peraturan. Ajarilah mereka menyerapkan nilai-nilai Alkitabiah yang murni seperti saling mengasihi, saling menolong, memperlakukan orang lain dengan adil, saling hormat-menghormati hak orang lain, menunjukkan timbang rasa, bertolak ansur dan berkerjasama dalam aktiviti pembelajaran dan segala selok belok kehidupan.

Penerapan nilai mengasihi Tuhan dan orang lain akan menyebabkan kita menghormati dan menjaga suasana pembelajaran dalam kelas. Guru boleh meminta bantuan pelajar mengurus hal-hal tertentu dalam kelas. Dengan melibatkannya dalam pelayanan, pelajar merasa dihargai dan berubah menjadi pelajar yang baik.

Pendekatan Disiplin Dalaman

Memberi Komen Positif

Disiplin tidak semestinya wujud kalau kita memarahi kelas kita. Semakin kita memarahi mereka, semakin mereka memberontak. Cuba memberi komen positif yang boleh menggalakkan mereka lebih berusaha lagi dalam kelas?

Guru boleh memberi satu senarai soalan untuk dinilai agar mereka boleh menyelidiki diri dengan baik. Contohnya: Beri tanda positif jika jawapannya betul dan tanda palang jika jawapannya negatif.

- a. Adakah saya mendengar guru dengan baik-baik?
- b. Adakah saya berusaha menghargai teman saya apabila mereka berbincang?
- c. Adakah saya mengerjakan semua tugas yang diberikan kepada saya?

- d. Adakah saya berusaha menyumbang kepada proses pembelajaran dalam kelas?
- e. Adakah saya selalu terlambat ke kelas?
- f. Adakah saya memperbaiki diri demi perkembangan dan kemajuan diri. Tuliskan usaha yang saya lakukan untuk meningkatkan taraf kebaikan saya.
- g. Adakah saya sering menerima pujian, ganjaran atau sebaliknya penghukuman kerana melanggar peraturan?

Pertanyaan Untuk Diri Sendiri

Menurut Michael Lawson, professor Dallas Seminary, *“Guru Kristian mesti menangani individu yang susah. Kegagalan pada titik kritis ini mengubahkan seluruh pengalaman kelas bagi semua murid. Ketidakpastian, ketegangan, dan frustrasi akan mengusir pelajar bagus daripada kita.”*⁶¹

Beliau merumuskan beberapa pertanyaan yang boleh disiasat oleh guru:

a. Guru kanak-kanak

Adakah ini memang corak tingkah laku mereka atau hanya pada hari yang tidak baik?

Apakah yang perlu saya lakukan untuk memperbaiki masalah ini?

Adakah mereka memahami ajaran saya dengan baik?

Adakah suasana dalam kelas selesa, mereka tidak merasa panas dan boleh melihat dengan baik?

b. Guru Remaja

Adakah memang ada sesuatu yang memerlukan perhatian saya di sebalik tingkah laku itu?

Adakah saya dapat melakukan sesuatu tanpa melibatkan ibu bapa mereka?

Adakah mereka merasa saya cukup menerima mereka walaupun mereka bersifat berlainan?

c. Guru Orang Dewasa

Mungkinkah ajaran saya tidak cukup mencabar bagi mereka?

Bolehkah ajaran saya digunakan oleh mereka dalam kehidupan mereka?

Adakah mereka merasa mereka diterima dan dihargai dalam kelas dalam proses pembelajaran?

Adakah saya menggunakan pengetahuan dan kemampuan mereka untuk memperkayakan pertumbuhan kelas?

Motivasi Dalam Pembelajaran

Satu alunan perpatah pernah diucapkan oleh Hellen Keller sungguh bermakna dalam usaha memotivasi pelajar. “Tiada orang yang bersikap pesimis pernah menemukan rahsia bintang, atau dapat melayar ke pulau yang tidak pernah dihuni, atau membuka syurga yang baru dalam batin manusia.” Memberi motivasi kepada pelajar sehingga mereka berubah daripada sekumpulan pelajar yang tidak berminat belajar sehingga menjadi pelajar yang menggebu-gebu menerokai kebenaran firman Tuhan dalam jiwa mereka perlu menjadi kerinduan setiap guru.

Secara umumnya, motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis: motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik dijelaskan oleh Bruner sebagai sesuatu yang tercetus secara semula jadi seperti dorongan ingin tahu dan keinginan mencapai kemahiran. Walau bagaimanapun, motivasi intrinsik boleh dirangsangkan melalui proses pembelajaran dan pengalaman belajar yang menghasilkan kepuasan. Contohnya minat membaca buku atau menghayati irama muzik dapat dipupuk melalui proses pembelajaran.

Motivasi ekstrinsik pula merupakan aktiviti yang diberikan kepada pelajar yang tidak mempunyai banyak motivasi dalam pembelajaran. Ganjaran, hadiah, pujian, pemberian penghargaan, pingat, lolipop kadangkala digunakan dalam proses memotivasi pelajar untuk berminat terhadap pelajaran mereka, dan untuk memperoleh kecemerlangan dalam pelajaran mereka.

Pengajaran Yang Bersemangat

Salah satu kebenaran yang tidak dapat disangkal ialah pengajaran yang bersemangat mencetuskan motivasi tinggi dalam diri seorang anak. Guru menunjukkan minat dalam subjeknya, mempunyai pembacaan luas dalam bidangnya, sering mengadakan pengkajiannya dalam bidang itu, memiliki penguasaan kemahiran bidang itu, akan menjadi motivasi utama bagi murid-murid-Nya. Seandainya seorang guru tidak terlalu berminat dalam Alkitab dan jarang mengaji Alkitab secara

peribadi, nescaya dia tidak mampu mencetus kehangatan dalam kelas. Rahsia kepuraan keluar secepat semangat yang tulen akibat ibadat seorang guru yang bersemangat.

Motivasi Melalui Pengetahuan Yang Sedia Ada

Memulakan pelajaran dengan bahan-bahan rumit dan tidak pernah didengar oleh pelajar akan mematikan keinginan mereka untuk belajar dengan mendalam. Guru mesti berusaha menolong pelajar membangun konsep baru daripada apa yang sudah diketahui oleh mereka. Bahan-bahan pelajaran harus disusun secara sistematik daripada yang mudah dengan unsur-unsur yang sudah diketahui ke sesuatu yang sulit seperti yang disebut John Milton Gregory.

Tuhan Yesus sering memulakan pengajaran-Nya daripada sesuatu yang sudah diketahui oleh pelajar-Nya. Contohnya, sewaktu mengajar wanita Samaria, Dia menggunakan pengetahuan umum seperti air yang diambil oleh wanita boleh menghauskan tetapi air yang diberikan oleh Tuhan Yesus tidak akan menghauskan. Nenek moyang mereka beribadat di gunung yang berbeza tetapi ibadat yang tulen terjadi dalam roh dan jiwa mereka. Pengajaran-Nya segera mendatangkan transformasi kepada wanita ini kemudian menjadi penginjil yang hebat di kotanya.

Motivasi Melalui Minat

Guru akan berjaya kalau dia ambil tahu minat pelajar dalam proses pembelajaran. Cetusan minat dalam emosi dan imaginasi pelajar akan meninggalkan kesan yang lama dalam diri mereka. Biasanya manusia akan merasa puas kalau melakukan sesuatu yang disukai mereka dan perhatian mereka akan lebih tertumpu. Mereka dapat berinteraksi dengan subjek itu dengan lebih bermakna. Pelajar yang suka menyanyi boleh disuruh mengarang sebuah lagu. Pelajar yang suka melukis kartun boleh melakar watak-watak dalam bentuk kartun dan memaparkannya dalam kelas.

Suasana Yang Memberi Peneguhan Positif

Naluri ingin tahu seorang pelajar harus digunakan dengan sebaik-baiknya untuk menimbulkan keinginan belajar yang tertinggi. Naluri ingin tahu, ingin mencuba, ingin menjelajahi, ingin membentuk kalau

dipupuk dengan baik melalui pengajaran yang memuaskan, peningkatan motivasi tercapai. Persekitaran, kurikulum yang memberi peluang untuk mencipta, membentuk, akan meningkatkan motivasi pembelajaran. Guru boleh meningkat dan meneguh naluri ingin tahu ini dengan banyak aktiviti, ransangan dan gerak balas.

Keperluan Dipuaskan

Menurut Abraham Maslow, (1970) seseorang memenuhi keperluan asas sebelum mereka memenuhi keperluan sekunder. Beliau telah menyusun peringkat keperluan ini dalam tujuh peringkat. Beliau mengkategorikan ketujuh-tujuh peringkat kepada dua kategori iaitu keperluan jasmani dan keperluan kewujudan kepuasan. Keperluan jasmani mencakupi keselamatan, kasih sayang dan penghargaan sendiri, dan suatu usaha penyempurnaan diri ke kecemerlangan dan aktualisasi seperti memperoleh pengetahuan untuk mengatasi kekurangan diri ataupun melengkapi diri.

Tujuh Hierarki Keperluan Maslow:

1. Jasmani – Keperluan asas seperti makanan, cukup rehat, keselesaan, cukup tidur dipenuhi.
2. Keselamatan – Perasaan tidak terancam dan mempunyai tempat tinggal atau perlindungan yang selamat.
3. Kasih sayang – Dia mengalami kasih sayang dan penerimaan daripada orang di sekelilingnya.
4. Penghargaan sendiri – Dia dapat menghargai dirinya.
5. Kognitif – Kepuasan keperluan kognitif seperti pengetahuan dan keinginan tahunya dipenuhi.
6. Estetik – Kecemerlangan dan usaha untuk menghasilkan ciptaan yang indah dapat memuaskan diri.
7. Aktualisasi – Pengenapan impian dan pencapaian yang diinginkan telah tercapai.

Sewaktu mengadakan pengajaran, anda perlu memastikan keperluan asas pelajar dipenuhi seperti kelas yang selesa, sediakan sedikit minuman dan makanan. Biar mereka merasa mereka bukan datang ke tempat yang terburuk untuk belajar firman Tuhan dibandingkan dengan tempat lain. Hiasan, bau kelas, dan susunan kelas harus mendatangkan perasaan selesa dan selamat.

Guru harus mengambil perhatian terhadap pelajar serta memberitahu pelajar bahawa dia menerima mereka dan mengambil berat akan mereka. Berilah pujian sewaktu mengadakan kelas dan jangan membiarkan para pelajar anda merasa kekurangan. Rancangkan aktiviti dan set induksi yang menarik untuk memperkayakan pengetahuan serta memenuhi kelaparan rohani mereka. Biar mereka merasa puas hati kerana mereka telah menghasilkan ciptaan cemerlang sewaktu memenuhi keperluan proses pembelajaran.

Pelajar dewasa ingin segera menerapkan apa yang dipelajari bagi keperluan hidup mereka. Jika mereka melihat pelajaran yang diterima oleh mereka itu berharga dan bernilai, mereka akan dimotivasi untuk datang. Mereka ingin mencapai pemuasan sendiri serta memenuhi kelaparan rohani mereka. Galakkan mereka untuk mencapai kecemerlangan seperti mengadakan pengajian Alkitab peribadi yang tekun.

KESIMPULAN

Disiplin dalam kelas diuruskan dengan cara yang berbeza menurut umur mereka. Bagi anak-anak kecil, batas-batas harus dijelaskan agar mereka memahami bagaimana bertingkah laku sewaktu belajar. Jelaskan perilaku yang tidak diterima dan mesti dihentikan. Walau bagaimanapun, guru tidak digalakkan untuk menggunakan perkataan yang menghina harga dirinya sewaktu mendisiplin seorang anak. Guru perlu memerhatikan faktor-faktor luaran seperti keselesaan kelas, kaedah pengajaran yang digunakan, dan tahap pengertian pelajar kerana pelajaran yang terlalu sulit akan mengurangkan minat terhadap pelajaran. Bagi para remaja, guru perlu mengajak para pelajar untuk berinteraksi dan berbincang kalau disiplin kelas diganggu. Keterbukaan guru dengan pelajar remaja untuk menetapkan peraturan bersama-sama akan menolong seseorang guru. Memerhatikan motivasi belajar dan proses pembelajaran yang bersemangat dan melibatkan pelajar dapat mengubah keadaan disiplin negatif kepada pengalaman pembelajaran yang memuaskan.

BAB 16 : KANAK-KANAK TIDAK BOLEH MENUNGGU

Banyak hal boleh kita tunggu tetapi dalam hal pertumbuhan, seorang anak tidak boleh menunggu. Kita tidak boleh berkata kepada seorang anak 'esok sahaja,' kerana nama anak ialah 'hari ini' kata Gabriela Mistral penulis Chile. Kanak-kanak kita tidak boleh menunggu sehingga esok atau sehingga remaja sebab masa yang paling subur untuk menabur benih-benih rohani ialah waktu kecil. Jenis manusia mereka akan jadi, sudah terbentuk dalam tubuh dan minda sejak kanak-kanak kerana tanahnya masih lembut. Kalau seorang anak tidak pernah dibimbing secara rohani, dia mendewasa tanpa mementingkan kerajaan Tuhan kerana itulah kebudayaan yang diterimanya. Kalau tanah tidak dibajak, nescaya pokok-pokok teguh yang bertumbuh di tepi sungai ilahi tidak kukuh.

Sewaktu umat Tuhan keluar dari Mesir, Allah tahu masa depan negara Israel tergantung pada cara mereka mendidik anak-anak mereka. Allah memerintah umat-Nya untuk mengajar anak-anak mereka menurut perintah Allah. Kanak-kanak mesti dicabar dengan perintah Tuhan yang penting untuk mengasihi Allah dengan sepenuh hati, minda dan jiwa sejak kecil. "Tetapi waspadalah dan berhati-hatilah, dan supaya jangan engkau melupakan hal-hal yang dilihat oleh matamu sendiri itu, dan supaya jangan semuanya itu hilang dari ingatanmu seumur hidupmu. Beritakanlah kepada anak-anakmu dan kepada cucu cicitmu semuanya itu" (Ulangan 4:9).

Robert Raikes pelopor Sekolah Minggu telah memulakan Sekolah Minggu bagi kanak-kanak yang bekerja sebagai penyapu lantai di jalan yang berdebu. Mereka sering mengacau orang dan sangat ribut sehingga jiran mereka merasa sungguh terganggu. Robert menyedari bimbingan tidak boleh ditangguhkan, kalau dibiarkan sahaja, mereka akan menjadi penjahat kelak.

Sambutlah Seorang Anak

Pandangan kita terhadap siapa diri seorang anak mempengaruhi cara kita mendidik dan mengasuh anak. Perhatian khusus kita dalam pelayanan kanak-kanak dipengaruhi oleh cara kita melihat dan menghargai anak.

Tuhan Yesus ternyata mengambil berat akan kanak-kanak sewaktu Dia melayani. Tidak pernah dianggap-Nya mereka sebagai manusia kecil yang tidak patut dilihat mahupun didengar orang dewasa. Tuhan Yesus memanggil dan menempatkan seorang anak kecil di tengah-tengah orang ramai. “Maka Yesus mengambil seorang anak kecil dan menempatkannya di tengah-tengah mereka; kemudian Dia memeluk anak itu dan berkata kepada mereka: “Barangsiapa menyambut seorang anak seperti ini dalam nama-Ku, dia menyambut Aku. Dan barangsiapa menyambut Aku, bukan Aku yang disambutnya, tetapi Dia yang mengutus Aku” (Mark 9:36-37). Tuhan Yesus memperhatikan kerendahan hati seorang anak untuk memeluk firman-Nya dan Diri-Nya berbanding dengan pelajar dewasa.

Kedua, Tuhan Yesus teramat mementingkan kanak-kanak dan menegaskan dosa menyesatkan seorang anak sebagai dosa gawat. Dia berkata, “Tetapi barangsiapa menyesatkan salah satu daripada anak-anak kecil ini yang percaya kepada-Ku, lebih baik baginya jika sebuah batu kilangan diikatkan pada lehernya lalu ia ditenggelamkan dalam laut” (Matius 18:6). Dia mementingkan keberhargaan seorang anak. “Ingatlah, jangan menganggap rendah seorang daripada anak kecil ini, kerana Aku berkata kepadamu: Ada malaikat mereka di syurga yang selalu memandang wajah Bapa-Ku yang di syurga” (Matius 18:10).

Tunas Zaitunmu

Kanak-kanak adalah pemberian indah daripada Allah kepada umat manusia. Anak-anak yang berdiri di sekitar ibu bapa mereka dipandang sebagai saat penuh berkat. “Isterimu akan menjadi seperti pohon anggur yang subur di dalam rumahmu, anak-anakmu seperti tunas pohon zaitun sekeliling menjamu!” (Mazmur 128:3). Dalam Kejadian 1:28, Tuhan memerintahkan Adam dan Hawa agar beranak cucu dan memenuhi jagat ini. Tuhan jelas telah memberi mereka kreativiti untuk melahirkan anak yang merupakan pemberian yang berharga Tuhan.

Jadi, pemberian berharga ini harus diasuh dan perhubungan yang sihat dengan mereka perlu dipupuk selalu. Mereka harus dianggap sebagai manusia yang seutuh-utuhnya dan yang mempunyai minda, emosi, dan kerohanian seperti orang dewasa. Mereka tidak boleh dianggap sebagai manusia mini, separa manusia, mahupun anak hingusan yang belum mengetahui apa-apa apalagi memahami firman Tuhan. Kemampuan mereka untuk memahami kebenaran firman Tuhan tidak boleh dianggap remeh kerana tahap kesuburan mereka sangat tinggi.

Keindahan Gambar Tuhan

Kanak-kanak seperti orang dewasa juga diciptakan dalam gambar atau rupa Tuhan (Kejadian 1:26-27). Kanak-kanak perempuan dan lelaki sama-sama diciptakan dalam gambar Tuhan. Kita tidak boleh memilih kasih dan melayani kanak-kanak lelaki dengan lebih baik kerana mereka berdua diciptakan sama dan setaraf dalam rupa Tuhan. Kanak-kanak tidak boleh dianiaya, didera, dirogol mahupun dibunuh kerana mereka diciptakan menurut gambar-Nya dan sungguh berharga. Pengguguran anak juga tidak boleh terjadi kerana seorang janin sudah memiliki rupa Allah (Mazmur 139). Pendidikan Kristian kepada anak-anak kecil seharusnya menerima kepentingan yang sama seperti pendidikan orang dewasa.

*Andrew Murray penulis buku klasik berkata, “Imanlah yang menyebabkan ibu bapa Musa melihat Musa sebagai anak yang sangat baik. Kasih alamiah hati ibu bapa menjadikan anak ini sangat indah di mata ibu bapanya, tetapi iman melihat lebih daripada apa yang alamiah. Tuhan mencelik mata kita untuk mengakui segala keistimewaan, keindahan rohani yang membuat seorang anak sangat istimewa. Mata iman melihat kebaikan ilahi dalam setiap anak kecil. Setiap anak diciptakan dalam gambar Tuhan dengan terang lembut daripada kemuliaan ilahi yang menyinari dalamnya. Bukankah setiap anak itu kebahagiaan setiap malaikat dan kasih serta kebahagiaan Tuhan yang abadi?”*⁶²

Kanak-kanak diciptakan dalam gambar Allah bererti mereka manusia yang perlu menyerupai Tuhan Kristus Yesus yang menjadi gambaran Allah yang sempurna. Sejak kejatuhan Adam dan Hawa dalam dosa, gambar kita dicemari dan tidak mewakili kemuliaan Allah

yang sempurna. “Dia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan, yang sulung, dan yang lebih utama daripada segala yang diciptakan” (Kolose 1:15). Alkitab berkata mereka yang tidak menerima Tuhan Yesus yang merupakan gambaran Allah yang sempurna telah dibutakan. “Iaitu orang yang tidak percaya, yang fikiran mereka telah dibutakan oleh ilah zaman ini sehingga mereka tidak dapat melihat cahaya Injil tentang kemuliaan Kristus yang ada gambaran Allah” (2 Korintus 4:4).

Guru harus memperlakukan seorang anak sama nilai dan harga seperti memperlakukan orang dewasa. Akal mereka, kreativiti mereka, kerohanian mereka dan kemampuan mereka untuk bersekutu dengan Allah tidak lebih rendah daripada orang dewasa. Gambar Allah dalam diri mereka memberi mereka keunggulan dan nilai sebagai manusia yang dicintai Allah. Guru-guru mesti mengambil berat terhadap anak-anak yang lapar dan miskin, mereka yang berasal daripada keluarga yang porak peranda, mereka yang dianiayai, mereka yang didera, dan mereka yang kekurangan kasih sayang.

Siapa Kata Terlalu Kecil Untuk Melayani?

Seringkali kita hanya melihat orang dewasa berkemampuan melayani Tuhan tetapi sebenarnya kanak-kanak dipanggil untuk melayani juga. “Akan terjadi pada hari-hari terakhir demikianlah firman Allah-bahawa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia; maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat, dan teruna-terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan dan orang-orangmu yang tua akan mendapat mimpi,” (Yoel 2:28). Kanak-kanak diurapi Roh Kudus biasa dalam Alkitab.

Beberapa contoh dalam Alkitab meyakinkan guru bahawa seorang anak boleh melayani sejak kecil sebaik orang dewasa. Samuel mendengar suara Allah sejak kecil dan dipanggil untuk melayani Allah di Bait Tuhan. Allah telah menggunakan Daud yang masih kecil untuk menghadapi Goliat, raksasa ngeri (1 Samuel 17:31-34).

“Sebagai anak, Samuel dan Daud mempunyai semangat bagi Allah dan komitmen untuk memuliakan nama Allah. Mereka memuji Allah dan membimbing orang lain untuk memuji Tuhan melalui tingkah laku mereka. Satu contoh lagi ialah seorang anak hamba perempuan Israel yang membimbing Naaman kepada Elisha untuk penyembuhan, dan pengertian akan kebesaran Allah Israel (2 Raja-Raja 5:2-4). Melihat kehidupan mereka,

kita memahami makna Mazmur 8:1. Kanak-kanak mampu menggunakan diri, suara dan tangan mereka untuk memuji Tuhan.”⁶³

Allah dapat membimbing kanak-kanak dalam misi dan pelayanan-Nya tanpa mengira umur mereka. Hanya manusia dan guru saja yang meletakkan batasan umur sehingga tidak memberi mereka kesempatan melayani. Guru mesti menggalakkan anak kecil untuk melayani Tuhan dalam pelbagai cara. Bercita-cita tinggi agar anak sekolah minggu anda belajar melayani sekarang dan mencapai jauh lebih tinggi daripada gurunya. Guru yang hebat selalu menghasilkan pelajar yang jauh hebat daripada dirinya sendiri!

Melentur Biar Dari Rebungnya

Peribahasa “Kalau mahu melentur aur biarlah dari rebungnya” bererti kita mesti mengajar anak kita sejak mereka masih kecil. Sewaktu seorang anak masih kecil, dia dapat dipercayai dan menerima segala ajaran yang kita sampaikan dengan mudah berbanding dengan anak remaja atau datuk. Selain itu, kesempatan untuk berubah dan bertumbuh dalam emosi, minda dan sikap begitu cemerlang kerana mereka memiliki banyak tahun dalam kehidupannya. Kesempatan mempengaruhi seorang anak bagai kesempatan menanam pokok-pokok buah di tanah lapang yang subur.

Ibu bapa dan guru tidak boleh hanya menekankan kepentingan minda sahaja. Kalau kerohanian seorang anak diabaikan, jiwa mereka tetap kepincangan sebab kekurangan firman Tuhan, zat yang terpenting. Jika ibu bapa mementingkan tuisyen mereka lebih daripada saat mengaji firman Tuhan nescaya anak ini bertumbuh sebagai manusia pandai yang tidak mengenal Allah. Juga, kita ibarat menghumban anak-anak kita ke sungai Nil kalau kita membiarkan mereka belajar segala sesuatu daripada guru yang tidak beriman Kristian dan membiarkan mereka menelan bulat-bulat air sungai Nil tanpa pengetahuan kita!

Impian membentuk seorang anak salih hanya menjadi satu kenyataan kalau pengajaran firman Tuhan tidak diabaikan. Kalau hakikat ini disedari hanya sewaktu mereka menjadi remaja, kita terlambat. Tahun-tahun yang berharga telah melayang dan tidak akan terbang kembali ke ambang pintu anda. Mutiara yang kita genggam dalam tangan kita diragut oleh guru dunia yang lain. Air sungai Nil

membuak-buak dalam diri anak kita dengan pelbagai falsafah dan asas-asas agama lain. Siasat apakah yang diajari dalam buku-buku sekolah mereka kerana konsep salah mungkin diselipkan khususnya buku sejarah. Siasat buku tadika dan tabika juga. Berbahayalah kalau kita membiarkan katak-katak sungai Nil melompat-lompat dalam fikiran anak kita.

Melenggang-Lenggok Seperti Bapa Ketam

Kanak-kanak cepat belajar daripada teladan kita. Kalau ajaran kita bagai bapa ketam mengajar anak ketam berjalan nescaya mereka tidak dapat berjalan tegak bagi Allah Bapa. Seorang Bapa yang merokok nescaya tidak berhasil menasihati anak remajanya jangan merokok. Perkataan yang keluar dari mulut orang dewasa akan diingatnya kemudian gerak geri dan teladan ibu bapa segera ditiru. Kalau ibu bapa hanya menanam tebu di bibir, anak tidak dapat ditipu. Bagaimanakah anak angsa belajar? Anak angsa mengikuti objek pertama yang dilihatnya, kalau induknya tidak berada di sisinya, dan anak angsa melihat seorang anak kecil melompat-lompat, dia akan melompat-lompat dengan lucu.

Sarang Yang Hangat

Kanak-kanak belajar terbaik dalam suasana yang hangat dan penuh dengan kasih Tuhan. Sikap dan gerak geri orang dewasa menceritakan akan kasih Tuhan menjadi acuan pembentukan keperibadian dan kerohanian kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak berasal daripada keluarga hangat segera merasa perubahan suasana ketika mereka datang ke gereja. Mereka akan berkata, "Ibu bapaku syok suci di luar sahaja." Ibu bapa dan guru sekolah minggu tidak setakat menyampaikan cerita Alkitab tetapi juga menyediakan sarang hangat agar mereka bertumbuh dengan keyakinan akan kasih Allah.

Bagi kanak-kanak yang berasal daripada rumahtangga yang porak peranda, kehangatan kasih Tuhan penting sewaktu mereka melangkah ke sekolah minggu. Kalau sekolah minggu sedingin rumahnya, pasti mereka tersandung lagi. Betapa sedihnya kalau seorang anak menjadi keliru dengan kenyataan firman Tuhan dan gaya hidup orang dewasa yang tidak sehalu.

Ibu bapa harus menolong anak mereka menerapkan prinsip kebenaran dalam kehidupan sehari-harian mereka. Ibu bapa tidak

boleh mengabaikan peluang keemasan untuk berkomunikasi kasih Allah sejak kecil dalam pelbagai suasana. Jangan biarkan anak-anak hanya mendengar cacian atau gosip kita, ataupun perasaan frustrasi kita dan tidak pernah mendengar kebaikan Allah mahupun mukjizat-Nya sama ada dalam firman Tuhan ataupun kehidupan orang lain.

Kanak-Kanak Lebih Terbuka

Kanak-kanak berimajinasi kreatif dan luas serta berkemampuan mempercayai sesuatu yang melampaui alam biasa. Segala mukjizat yang dijelaskan dalam Alkitab dapat dipercayai tanpa keraguan atau banyak pertanyaan mahupun permintaan bukti arkaeologinya. Perkembangan pada waktu ini merupakan waktu yang paling baik untuk menabur benih-benih kebenaran kerana seorang anak percaya dengan iman yang sederhana.

C.H. Spurgeon pernah berkata, “Kemampuan belajar lebih tampak dalam diri seorang anak berbanding dengan orang dewasa. Semakin orang dewasa bertumbuh semakin kurang kemampuan untuk beriman. Setiap hari, minda yang belum diperbaharui semakin jauh daripada Allah, dan jauh dari hal-hal rohani. Namun kalau kita sungguh-sungguh mengajar seorang anak yang berumur 5 tahun, dia dapat percaya sampai dewasa.”

Selain itu, kanak-kanak lebih bergantung kepada orang dewasa untuk mempercayai apalagi mereka yang dihormati. Orang dewasa lebih bergantung pada diri apabila mengambil keputusan iman. Sewaktu Tuhan Yesus mengajar, Dia menempatkan seorang anak sebagai objek pengajarannya. Untuk masuk ke dalam kerajaan Allah, kita harus bersikap seperti seorang anak. Kalau kita tidak terlalu sombong atau mengajukan soalan-soalan rumit sebelum mempercayai karya Kristus nescaya syurga menjadi nyata. Anak-anak kecil memeluk Tuhan Yesus dan firman-Nya tanpa mengemukakan banyak pertanyaan atau bukti-bukti.

Hati seorang anak sangat lembut dan mudah menyedari akan dosa. Semakin kita dewasa semakin banyak pengaruh duniawi dan comot dosa tertimbun dalam hati kita. Hati kita tidak lagi selembut hati kanak-kanak. Kadangkala orang dewasa disaluti dosa sehingga tidak peka terhadap dosa malahan berbangga atasnya. Kita mesti cepat-cepat menyedari kanak-kanak akan dosa mereka sebelum mereka dicomoti pelbagai jenis dosa. Bimbinglah mereka kepada Gembala Baik

sebelum iblis masuk ke gerbang hati mereka lalu mencuri mereka ke lubuknya.

Permata-Permata Rohani Untuk Anak

Permata-permata rohani harus diberikan kepada setiap anak sejak kecil lagi. Komitmen mengajar dengan setia menolong seorang anak menyimpan permata-permata rohani dalam khazanah hidup mereka.

a Takut Akan Tuhan

Tugas pengajaran tidak hanya bertujuan agar kanak-kanak mendengar cerita Alkitab sahaja melainkan mereka belajar takut akan Allah. Mendengar firman Allah bertujuan menolong mereka menerima anugerah Tuhan Yesus dalam kehidupan mereka, dan juga belajar takut akan Allah. Takut akan Allah bukan bererti takut murka-Nya melainkan sejak kecil, seorang anak belajar menjunjung kekudusan dan keadilan Tuhan. Proses transformasi seperti takut akan Allah dalam segala urusan di rumah dan sekolah diperhatikan oleh seorang anak merupakan urusan utama setiap guru dan ibu bapa. Musa sangat mementingkan hal ini, “Seluruh bangsa itu berkumpul, laki-laki, perempuan dan anak-anak, dan orang asing yang diam di dalam tempatmu, supaya mereka mendengarnya dan belajar takut akan TUHAN, Allahmu, dan mereka melakukan dengan setia segala perkataan hukum Taurat ini” (Ulangan 31:12).

Hanya dengan menyebut “Allah itu suci” atau “Allah kita adil” tidak mengajar kebenaran ini. Pertama, kita mesti memikirkan tentang perkataan-perkataan atau frasa-frasa yang dapat menolong kita menyampaikan kebenaran ini. Frasa seperti “murni,” “sempurna,” “Semua yang dilakukan-Nya sempurna,” “Allah berlainan daripada kita,” “Allah jauh lebih tinggi daripada kita dan Dia tidak pernah melakukan sesuatu yang salah,” “Dia mengasihi yang baik, Dia membenci yang jahat,” “Dosa tidak dapat ditemui di mana Allah berada,” Kita suka menonton pergaduhan, atau mendengar kepada bahasa kesat tetapi Allah membenci semuanya ini. Dia sangat kudus, baik dan murni dan tidak mengizinkan dosa dalam Diri-Nya (Habakuk 1:13).

Kita perlu memberi contoh untuk kebenaran ini, di sini ada contoh yang boleh menolong. Tunjukkan tiga saputangan yang “putih”-salah sehelai kotor, sudah dicuci dan dicuci, dan telah kehilangan keputihan yang melepek, dan sehelainya sangat baru dan putih. Mungkin

kehidupan anda kelihatan seperti sapu tangan ini (yang putih dan baru) tetapi anak lelaki dan perempuan dalam kelas kelihatan seperti begini (saputangan yang kotor). Mereka mencuri dari kedai kalau ada peluang, awak tidak akan melakukannya. Mereka tidak pernah ke gereja tetapi awak datang ke gereja. Mungkin awak fikir awak sangat baik. Tetapi kalau awak membanding diri dengan Tuhan maka awak akan menyedari awak amat berlainan. Dia tidak pernah berbohong, tetapi awak pernah. Dia selalu baik dan baik hati, awak tidak selalunya begini. Dia tidak mengizinkan dosa dekat-Nya tetapi awak suka menonton hal-hal yang berdosa dan mendengar cerita-cerita tentang orang lain. Dia tidak pernah berdosa dan kita berdosa setiap hari. Apabila awak berfikir tentang Tuhan, awak akan melihat ini (saputangan yang bersih dan baru), kehidupan awak (sapu yang kotor) kerana berdosa dan tidak baik. Kita berbeza dengan Tuhan.

Alkitab berkata, *“Demikianlah kami sekalian seperti orang najis dan segala kesalihan kami seperti kain kotor; kami sekalian menjadi layu seperti daun dan kami lenyap oleh kejahatan kami seperti daun dilenyapkan oleh angin”* (Yesaya 64:6).⁶⁴

Ajarlah mereka Sepuluh Hukum sejak kecil dan mengingatkan mereka akan hukum-hukum berulang kali:

Jangan ada padamu allah lain di hadapan-Ku
 Jangan membuat bagimu patung
 Jangan menyebut nama Allahmu dengan sembarangan
 Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabat
 Hormatilah ayahmu dan ibumu
 Jangan membunuh
 Jangan berzina
 Jangan mencuri
 Jangan mengucapkan saksi dusta tentang sesamamu
 Jangan mengingini rumah, isteri, hamba atau lembu
 sesamamu (Keluaran 20:1-17).

Contoh Pengajaran

Pernah tinggal seorang anak kecil yang comel bernama Tommy namun bertabiat buruk yang suka berbohong. Dia berbohong setiap saat dan

pada hari jadinya, ibu bapanya memberi dia seekor anjing St. Bernard. Anak kecil ini pergi ke seluruh kampungnya dan memberitahu kawan-kawannya bahawa mak dia membeli seekor singa untuknya. Semua anak-anak di kampungnya tidak percaya tetapi oleh kerana dia pandai berbohong, semua orang percaya, dan ingin melihat singa itu. Anak itu pandai memberi pelbagai alasan agar mereka tidak datang. Sewaktu dia pulang ke rumah, ibunya memanggil dia dan berkata, “Tolong naik ke loteng and meminta pengampunan daripada Tuhan.” “Baik mak,” kata anak ini sambil tersenyum lalu berpura-pura pergi berdoa. Sewaktu dia turun untuk makan malam, maknya bertanya, “Sudahkah kamu meminta maaf daripada Tuhan?” “Sudah mak, Tuhan berkata kadangkala memang susah membezakan antara anjing dan singa kerana kedua-duanya comel dan berbulu!” (Dipetik dari *Treasury of Illustrations*)

b Allah Yang Esa Dan Satu-Satunya

Pada paling asasnya, kita mesti mengajar anak-anak kita hanya untuk mengasihi satu Allah sahaja. Musa mengajar bapa untuk memberitakan bahawa Allah iaitu Elohim yang mempunyai kuasa yang mutlak dan yang tidak terbatas. TUHAN (Jehovah) yang tidak dicipta dan kekal, satu-satunya. “Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN yang esa” (Ulangan 6:4). Bina kesedaran akan hal ini secara rajin dalam diri seorang anak bahawa Allah kita hanya satu. Ajarilah anak tentang Pengakuan Iman Rasuli dan dengan bahasa yang mudah supaya anak kita mempunyai asas-asas kukuh.

“Aku percaya kepada Allah,

Bapa yang Maha Kuasa,

Pencipta langit dan bumi.

Aku percaya kepada Yesus Kristus,

Anak-Nya yang tunggal, Tuhan kita.

Aku percaya Yesus dikandung daripada Roh Kudus.

Aku percaya Yesus dilahir daripada anak dara Maria.

Aku percaya Yesus menderita di bawah pemerintahan Pontius Pilatus.

Aku percaya Yesus disalibkan.

Aku percaya Yesus mati dan dikuburkan,

Turun ke kerajaan maut.

Aku percaya pada hari ketiga Yesus bangkit pula daripada antara orang mati.

Aku percaya Yesus duduk di sebelah kanan Allah,

Bapa yang Maha Kuasa.

Aku percaya kepada Roh Kudus.

Aku percaya gereja yang kudus dan am.

Aku percaya persekutuan orang Kudus.

Aku percaya pengampunan dosa.

Aku percaya kebangkitan tubuh.

Aku percaya hidup yang kekal. Amin.

Mengasihi Tuhan

Kanak-kanak mesti mengetahui bahawa TUHAN mahu mereka mengasihi Dia dengan segenap hati, jiwa, dan kekuatan mereka. “Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” (Ulangan 6:5). Itu bukan satu pilihan tetapi melainkan satu perintah dan satu keperluan yang perlu diajarkan kepada kanak-kanak. Tuhan Yesus mengatakan kita mesti mengasihi-Nya dengan seluruh hati, jiwa, kekuatan dan mengasihi jiran kita seperti kita mengasihi diri sendiri.

Biarlah seorang anak tahu bahawa kita mengasihi TUHAN kerana Dia terlebih dahulu mengasihi kita. “Kita mengasihi, kerana Allah lebih dahulu mengasihi kita” (1 Yohanes 4:19). Kasih Allah telah menyebabkan Dia menyerahkan nyawa-Nya kepada manusia yang berdosa. “Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal” (Yohanes 3:16).

Sewaktu kita kecil, bayang-bayang dahan pokok dan bilik yang gelap mungkin menimbulkan ketakutan. Anak-anak perlu dijamin agar tidak takut akan apa-apa di dunia kerana TUHAN mengasihi kita dan kita tidak akan berpisah daripada kasih dan rahmat-Nya. “Sebab aku yakin, bahawa baik maut; mahupun hidup, baik malaikat-malaikat, mahupun pemerintah-pemerintah baik yang ada sekarang, mahupun yang akan datang, atau kuasa-kuasa, baik yang di atas, mahupun yang di bawah, ataupun sesuatu makhluk lain, tidak akan dapat memisahkan kita dari kasih Allah, yang ada dalam kasih Allah, yang ada dalam Kristus Yesus, Tuhan kita” (Roma 8:38-39).

Cerita-cerita Alkitab yang mengajar tentang kasih boleh diajarkan kepada kanak-kanak seperti kasih Allah memelihara seseorang, contohnya, Yusuf (Kejadian 37). Allah mengasihi mereka yang tidak layak dikasih seperti Zakeus (Lukas 19:1-10). Allah mengasihi kita dengan memberi anak-Nya yang tunggal, Tuhan Yesus (Matius 1,2). Kasih Allah tidak membalas yang menentang-Nya malahan menyelamatkan mereka (Kisah Para Rasul 9).

Kanak-Kanak Mesti Tahu Kebaikan Tuhan

Kanak-kanak perlu mengetahui tentang kebaikan Tuhan. Kebaikan Tuhan telah dicurahkan kepada semua umat manusia tanpa memilih bulu. Kita boleh melihatnya dalam pemeliharaan umat manusia dan alam. Pemazmur berkata “TUHAN itu baik kepada semua orang dan penuh rahmat terhadap segala yang dijadikan-Nya” (Mazmur 145:9). Manusia sebaliknya jarang mengasihi alam dan bertindak tamak terhadap berkat yang diberikan Tuhan. Kita menyebabkan semua hutan punah dan menggantikannya dengan menara sendiri.

Umat Tuhan dalam Perjanjian Lama selalu mengingat anak mereka tentang kebaikan Tuhan. Segala yang pernah dilakukan oleh Allah seperti mengeluarkan mereka dari Mesir, memelihara mereka dengan manna dan tiang api, pengampunan Tuhan atas pemberontakan telah diajarkan kepada anak-anak mereka agar mereka selalu mengingat kebaikan Tuhan. “Kami tidak hendak sembunyikan kepada anak-anak mereka, tetapi kami akan ceritakan kepada angkatan yang kemudian puji-pujian kepada TUHAN dan kekuatan-Nya dan perbuatan-perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya” (Mazmur 78:4).

Kebaikan Tuhan ternampak dalam pengampunan Tuhan yang tidak pernah surut. “Masakan Aku membiarkan engkau, hai Efraim, menyerahkan engkau, hai Israel? Masakan Aku membiarkan engkau Adma, membuat engkau seperti Zeboim? Hatiku berbalik dalam diri-Ku, belas kasihan-Ku bangkit serentak” (Hosea 11:8). Kebaikan Tuhan dilihat dalam diri Tuhan Yesus terhadap pendosa, Dia berlainan sikap daripada Farisi mahupun imam pada waktu itu.

Yosua dan Musa menetapkan pengajaran generasi berikut tentang kebaikan Tuhan sebagai sesuatu yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan. Segala mukzizat yang dialami oleh nenek moyang sewaktu keluar dari Mesir, menyeberangi Laut Teberau, pemberian manna, dan pimpinan Allah dengan tiang api dan awan tidak boleh diabaikan

daripada mulut mereka, bahkan Yosua meletakkan tugu batu sebagai peringatan akan kebaikan Tuhan untuk generasinya berikut. Adakah anda menceritakan kebaikan Tuhan dalam kehidupan anda kepada anak anda?

Kanak-Kanak Perlu Tahu Kekuatan-Nya

Kanak-kanak perlu diyakinkan tentang yang mampu dilakukan oleh Allah dalam kehidupannya. Mereka mesti mengetahui bahawa, “Allah adalah gunung batu mereka, bahawa Allah yang Maha Tinggi adalah Penebus mereka” (Mazmur 78:35). Mereka perlu mengetahui bahawa mereka tidak perlu takut kerana Allah adalah kekuatan dan perlindungan mereka. Ajarlah anak-anak untuk menyebut doa-doa singkat tentang kekuatan Tuhan bila-bila masa sahaja.

Contohnya: “Tetapi Engkau, Tuhan janganlah jauh; ya kekuatanku, segeralah menolong aku!” (Mazmur 22:20); “Pada-Mu, ya Tuhan, aku berlindung...” (Mazmur 71:1a); “Tuhan, Engkaulah tempat perteduhan kami...” (Mazmur 90:1); “Jagalah aku, ya Allah, sebab pada-Mu aku berlindung” (Mazmur 6:1); “Ya TUHAN, bukit batuku, kubu pertahanananku dan penyelamatku, Allahku, gunung batuku, tepat aku berlindung, perisaiku, tanduk keselamatanku, kota bentengku!” (Mazmur 18:2).

Pendosa Perlu Dilahirkan Kembali

Alkitab tidak memberitahu kita pada umur berapakah seorang anak boleh percaya dan mengalami transformasi. Anak-anak kecil memang boleh percaya dan boleh dilahirkan kembali. Jadi, anak-anak perlu mengetahui bahawa mereka adalah pendosa dan perlu dilahirkan kembali. “Sebab aku sendiri sedar akan pelanggarananku, aku sentiasa bergumul dengan dosaku” (Mazmur 51:5).

Tuhan Yesus sendiri bersabda bahawa anak-anak kecil mampu bertaubat, “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika kamu tidak bertaubat dan menjadi seperti anak kecil ini, kamu tidak akan masuk ke dalam Kerajaan Syurga” (Matius 18:3). Dalam Matius 18:1-4, Yesus menggunakan “Paidion” bererti anak kecil dan ‘Mikros’ yang kecil. Selain itu, Tuhan Yesus bersabda bahawa Dia tidak ingin mereka hilang, “Demikian juga Bapamu yang di syurga tidak menghendaki supaya seorang pun daripada anak-anak ini hilang” (Matius 18:4).

David Livingstone, seorang mubaligh Skotland yang terkenal berkata, “Urusan kita ialah mengajar kanak-kanak tentang dosa dan Penyelamat, tanpa mempedulikan berapa umur mereka akan menerima Kristus. Roh Kudus pada waktu yang tepat akan meyakinkan mereka akan dosa, tanpa membatasi umur mereka, siapakah yang berani bercampur tangan tentang umur mereka? Justru pada umur ini dibandingkan dengan semua waktu yang lain, kita perlu menunjukkan minat kita dengan penuh belas kasihan. Setiap anak sudah cukup tua untuk menerima Kristus apabila dia menyadari akan dosa mereka terhadap Tuhan dan oleh kerana dosa itu dia sesat tanpa Kristus.”

Charles Haddon Spurgeon, pengkhotbah kesukaan saya pula menulis, “Banyak kanak-kanak telah dipanggil Tuhan sewaktu masih kecil sehingga mereka tidak tahu dengan persis bila mereka mempercayai; mereka pada waktu tertentu telah melalui kematian (dalam pengertian kerohanian) ke hidup. Anda boleh perhatikan pada pagi ini bahawa matahari sudah terbit, dan pada waktu lain matahari jauh di ufuk, dan pada waktu lain telah terbit di atasnya. Saat itu, sama ada kita lihat atau tidak, seorang anak sungguh-sungguh diselamatkan ialah waktu dia mempercayai Tuhan Yesus.”

Kanak-Kanak Mesti Mengetahui Penghukuman Tuhan

Kanak-kanak seperti orang dewasa perlu mengetahui tentang penghukuman Tuhan tetapi kita mesti menyampaikannya dengan bijak. Mereka perlu mengetahui bahawa dosa telah memisahkan kita daripada Tuhan. Sewaktu Yosua membaca hukum Taurat, kanak-kanak berdiri mendengar. “Setelah itu dibacakannyalah segala perkataan hukum Taurat, berkatnya dan kutuknya, sesuai dengan segala apa yang tertulis dalam kitab hukum. Tidak ada sepatah kata pun dari segala apa yang diperintahkan Musa yang tidak dibacakan oleh Yosua kepada seluruh jemaah Israel dan kepada perempuan-perempuan dan anak-anak dan kepada pendatang yang ikut serta” (Yosua 8:34-35).

Yeremia sewaktu memberitahu tentang penghukuman Allah memberitahu kita bahawa kanak-kanak termasuk dalam senarainya. “Sesungguhnya, dari yang kecil sampai yang besar di antara mereka, baik nabi mahupun imam semuanya melakukan tipu” (Yeremia 6:13). Yoel sewaktu memanggil umat Tuhan untuk bertaubat, memanggil anak-anak kecil, “...himpunkanlah orang-orang yang tua, kumpulkanlah anak-anak, bahkan anak-anak yang menyusu...” (Yoel 2:16-17). Anak-

anak perlu tahu mereka perlu meninggalkan jalan fasik yang tidak berkenan kepada Tuhan. “Baiklah orang fasik meninggalkan jalannya, dan orang jahat meninggalkan rancangannya; baiklah ia kembali kepada TUHAN, maka Dia akan mengasihaniya, dan kepada Allah kita, sebab dia memberi pengampunan dengan limpahnya” (Yesaya 54:7).

Memuliakan Tuhan Dalam Hidup Mereka

Kanak-kanak perlu mengetahui mereka hidup untuk memuliakan Tuhan dalam kehidupan mereka. Itulah matlamat tertinggi kehidupan manusia. Segala bakat dan kemampuan mereka harus digunakan bukan untuk diri sendiri tetapi untuk memuliakan Tuhan dalam kehidupan mereka.

Dalam buku “The Westminster Shorter Catechism” berkata matlamat tertinggi ialah memuliakan Tuhan dan menikmati-Nya selama-lamanya.

“Menurut ajaran ini, kewujudan manusia mempunyai sebab tertentu. Dan sebab ini tidak dapat ditemui dalam manusia sendiri. Ini disebabkan Tuhan telah menciptakan manusia. Manusia diciptakan dalam gambaran Tuhan. Dan manusia, seperti yang dicipta pada aslinya, ialah gambar Tuhan kerana ia berpusat kepada Tuhan dan bukan diri sendiri. Fikirannya dan kerinduan satu-satunya, sebelum dosa menghancurkannya, ialah melayani Tuhan dan menikmati-Nya. Ketika Adam berdosa terhadap Tuhan, semuanya berubah. Dia tidak lagi memikirkan kebesaran Tuhan, dia mulai memikirkan diri sendiri. Dia mulai berfikir bagaimana kalau Adam menjadi hebat, dan boleh menikmati diri sendiri.”⁶⁵

Banyak ibu bapa Kristian hanya mengajar anak mereka untuk menjadi pintar, mendapat sebanyak A dan kalau sudah mendapat 11A segala tanggungjawab mereka seakan-akan sudah tercapai sekalipun anak mereka mati secara rohani! Seharusnya, ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka memberi usaha yang terbaik dan memuliakan Tuhan kelak dengan kemampuan mereka. Matlamat utama dalam kehidupan mereka ialah memuliakan Tuhan dan menikmati-Nya bukan memuliakan sendiri dan mencari nikmat sendiri. Tahukah anak berdoa sendiri dan mencari nikmat kehadiran Tuhan dengan ibadat serta pembacaan firman Tuhan secara peribadi?

Peringatan-Peringatan Tentang Perangkap Hidup

Kalau kita tidak mengajar anak kita tentang perintah Tuhan, satu kemungkinan yang negatif akan timbul. Kehidupan manusia kadangkala ibarat memasuki ke dalam hutan yang tertanjap banyak perangkap. Anak-anak yang tidak dididik dalam firman Allah mungkin menjadi penipu, pencuri, perompak, pengedar dadah dan hal-hal ngeri yang tidak mahu kita bayangkan. Allah secara tegas memerintah dalam Mazmur 78:8 diajar kepada kanak-kanak agar kita tidak perlu menjadi ibu bapa kepada mereka yang tegar hati, pemberontak dan penderhaka, angkatan yang tidak tetap hatinya dan tidak setia jiwanya kepada Allah.

“Telah ditetapkan-Nya peringatan di Yakub dan hukum Taurat diberi-Nya di Israel; nenek moyang kita diperintahkan-Nya untuk memperkenalkannya kepada anak-anak mereka, supaya dikenal oleh angkatan yang kemudian, supaya anak-anak, yang akan lahir kelak, bangun dan menceritakannya kepada anak-anak mereka, supaya mereka menaruh kepercayaan kepada Allah dan tidak melupakan perbuatan-perbuatan Allah tetapi memegang perintah-perintah-Nya; dan jangan seperti nenek moyang mereka, angkatan penderhaka dan pemberontak, angkatan yang tidak tetap hatinya dan tidak setia jiwanya kepada Allah” (Mazmur 78:5-8).

Penyelamatan

Bagaimanakah kita mengajar anak kita tentang penyelamatan dalam Tuhan Yesus Kristus? Guru dan ibu bapa boleh mengarang sebuah cerita yang memiliki konsep tentang penyelamatan seseorang anak. Kita boleh menggunakan contoh seperti cerita di bawah.

“Seorang lelaki sedang berdiri dan melihat ke dalam perigi yang mendalam. Cebuk! Dia telah terjatuh ke dalam perigi itu. Dia tidak dapat berenang, dia mencebur-cebur dan berusaha berenang tetapi dia tidak tahu berenang. Dia cuba memegang tembok perigi itu, tetapi ia terlalu licin, dan terjatuh. Dia jatuh semakin dalam. Dia tidak dapat melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri sendiri. Dia berada dalam keadaan bahaya kerana dia akan mati lemas.

Demikian juga dosa dalam kehidupan anda. Dosa akan menjauhkan diri anda daripada Tuhan dan anda berada dalam bahaya, bahaya terpisah daripada Allah. Dosa begitu kuat sehingga anda tidak dapat

melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri-seperti lelaki yang jatuh ke dalam perigi dan tidak dapat menyelamatkan diri. Dia menangis untuk pertolongan, tetapi adakah sesiapa yang mendengarnya? Ya, seorang lelaki. Dia berlari ke perigi itu, dan melemparkan tali seraya menarik orang yang hampir mati lemas ke tempat yang selamat. Dia diselamatkan dari air. Awak memerlukan seseorang untuk menyelamatkan anda dari dosa. Hanya ada seorang sahaja yang dapat menyelamatkan awak-Tuhan Kristus Yesus. Dia akan melepaskan anda dari genggamannya dosa. Alkitab berkata, “Sebab, barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan, akan diselamatkan” (Rom 10:13). Dia akan menyelamatkan anda daripada penghukuman...”⁶⁶

Ajar anak bahawa Tuhan Yesus menyelamatkan kita dengan cara menggantikan diri kita yang sepatutnya menerima hukuman Allah. Pada Perjanjian Lama, imam-imam mempersembahkan domba sebagai korban dosa tetapi harus membuatnya berulang kali. Tuhan Yesus Domba Allah yang tiada cela dan comot dosa telah mengambil tempat kita dan membayar nyawa-Nya bagi dosa kita.

Jangan Lupa Anak-Anak Perlu Merasa Nikmat Tuhan

Kanak-kanak perlu dibimbing bahawa nikmat tertinggi ialah nikmat daripada Tuhan. Guru-guru boleh mengajar anak-anak berseru kepada Tuhan dan memberitahunya bahawa dia boleh berdoa dan memuji Tuhan di mana sahaja dia berada. Contohnya, “Sebab itu hatiku bersukacita dan jiwaku bersorak-sorak, bahkan tubuhku akan diam diam tenteram” (Mazmur 16:9); “Kepada-Mu, ya Tuhan, kuangkat jiwaku;” (Mazmur 25:1); “Bersyukurlah kepada TUHAN dengan kecapi; bermazmurlah bagi-Nya dengan gambus sepuluh tali” (Mazmur 33:2).

Guru boleh mengajar anak-anak menikmati hadirat Tuhan dengan selalu bercakap-cakap dengan Allah dengan doa singkat atau bersorak sorai kepada Allah dengan alat muzik mereka. Alat muzik tidak hanya berguna untuk menonjolkan bakat kita tetapi bagi menaikkan pujian dan bersyukur atas kebesaran-Nya.

- a. Bersyukurlah kepada Tuhan.
- b. Aku hendak memuji-muji Engkau, ya Tuhan.
- c. Aku bersorak-sorai dan bersukacita.
- d. Ya Tuhan, kasih-Mu sampai ke langit.

Alangkah indahnya, kalau kanak-kanak boleh mengenal Tuhan dan mempercayai-Nya sejak muda kerana inilah waktu tabiat dan hati seorang anak dibentuk. Minda seorang anak kecil bagai tanah subur yang dapat menerima benih-benih Tuhan dengan cepat. Betapa menyenangkan kalau seseorang anak kecil dapat diajar berjalan bersama Tuhan seraya menikmati kebaikan Tuhan. Obadiah berkata, "...padahal hambamu itu dari sejak kecil takut akan TUHAN" (1 Raja-Raja 18: 12). Daud berkata, "Sebab Engkaulah harapanku, ya Tuhan, kepercayaanku sejak masa muda, ya Allah" (Mazmur 71:5).

KESIMPULAN

Janganlah kita berkata kepada anak-anak kita bahawa mereka terlalu kecil untuk mempercayai dan melayani Tuhan. Tuhan memberitahu Yeremia ketika dia memberi alasan bahawa dia terlalu muda untuk melayani Tuhan. "Tetapi TUHAN berfirman kepadaku, 'Janganlah katakan: Aku masih muda, tetapi kepada siapapun engkau Kuutus, haruslah engkau pergi, dan apa pun yang Kuperintahkan kepadamu, haruslah kau sampaikan'" (Yeremia 1:6). Sejak muda lagi, Yeremia bermula dengan pelayanan yang tidak mudah, tetapi kita masih tidak percaya kanak-kanak boleh melayani-Nya dengan berbuah-buah.

BAB 17 : MENGAJAR MENURUT UMUR

Alkitab dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru mementingkan pengajaran dalam kehidupan seorang anak sejak kecil. Amsal mementingkan pengajaran kepada anak kecil, “Didiklah seorang anak menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun dia tidak akan menyimpang daripada jalan itu” (Amsal 22:6). Sejak kecil Timotius sudah mengenal iman yang hidup dalam nenek dan ibunya, “Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, yaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan aku yakin hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu” (2 Timotius 1:5).

Peringkat awal kanak-kanak merupakan jangka waktu perkembangan pesat. Kanak-kanak bertumbuh dari segi mental, jasmani mahupun rohani mereka. Kanak-kanak belajar daripada segala yang terjadi di sekelilingnya dan menjiwai setiap yang dipelajari mereka. Peringkat ini peringkat terbaik untuk merangsang minda dan menanam kebenaran firman Tuhan dalam kehidupan rohani mereka. Ajaran yang berkesan mempengaruhi kehidupan seorang anak untuk mengarah masa depannya, dan berjalan bersama-sama Allah.

Memahami Ciri-Ciri Anak-Anak

Bagi Tuhan Yesus seorang anak sangat penting dan sikap-Nya terhadap kanak-kanak berbeza daripada para murid-Nya (Matius 19:14). Kalau seorang guru ingin memahami cara perkembangan seorang anak, dia mesti memahami konsep teologi mereka pada pelbagai peringkat umur. Seorang guru perlu memahami bagaimana kanak-kanak membentuk konsep teologi kalau dia ingin menjadi guru berkesan. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan konsep teologi dalam seorang anak?

Seorang anak yang sangat kecil membentuk perasaan dan kesannya daripada cara orang memperlakukannya khususnya ibu bapa mereka. Kehangatan dan kasih ibu bapa akan memberi mereka pandangan dan kesan yang positif terhadap Allah dan kasih-Nya. Keluarga yang hangat dan akrab menyediakan suasana pembentukan teologi yang baik tentang Tuhan. Kebaikan seorang Bapa memberi dasar untuk membentuk pemahamannya tentang Bapa Syurgawi yang baik. Kata-kata lembut seorang ibu membentuk pemahaman tentang Tuhan Penghibur dan Penyayang.

Terbentuk dalam setiap anak ialah jadual perkembangan minda dan emosi yang memampukan mereka memahami Tuhan. Konsep abstrak hanya boleh difahami apabila mereka lebih besar. Kalau seseorang guru terlalu banyak memadatkan pengajarannya dengan konsep-konsep yang belum siap diterima mereka, maka segala pengajaran sia-sia belaka. Satu hal lagi yang patut diteliti oleh seorang guru ialah pemakaian bahasa dan perbendaharaan kata yang sesuai dengan tahap perkembangan seorang anak.

1. ANAK-ANAK PRA-SEKOLAH

Anak-anak pra-sekolah tidak mampu memahami bagaimana merangkai beberapa elemen perbincangan dan menjadikannya menjadi satu konsep. Anak-anak yang kecil ini masih belum berkemampuan untuk merumuskan satu prinsip berdasarkan perkara-perkara yang disampaikan. Kalau kita ingin mengajar anak-anak kecil tentang moral, ia harus hanya tentang satu hal dan dalam memberi contoh yang sangat khusus.

Menurut Richard O. Lawrence, *“Pendekatan apapun yang kita ambil untuk pendidikan pra-sekolah, kita tidak boleh mengabaikan Firman Tuhan dan perkataan-perkataan Tuhan, yang boleh dibuat dengan mudah difahami kepada anak-anak kecil di ambang pembelajaran mereka.”*⁶⁷ Guru tetap harus menyampaikan firman Tuhan kepada mereka pada umur ini menurut cara pemahaman mereka yang mudah.

Waktu ini guru dan ibu bapa mesti berusaha menciptakan satu kesedaran tentang kehadiran Allah. Anda boleh menolong kanak-kanak ini mengenal Tuhan secara mudah difahami seperti Allah hadir di bilik yang gelap, atau mereka berada dalam dakapan Allah setiap

waktu. Walaupun tumpuan perhatiannya singkat, guru dan ibu bapa masih boleh menggunakan objek dan menggabungkannya dengan perkataan.

2. ANAK-ANAK DUA HINGGA TIGA TAHUN

Ciri-Ciri Umum

- Anak-anak ini sungguh aktif dan tidak akan berduduk diam-diam.
- Kemampuan untuk mendengar terbatas ke tiga hingga lima minit sahaja.
- Mereka memberi respon baik terhadap permainan yang dibimbing oleh guru.
- Perbendaharaan kata mereka masih terbatas namun mereka sedang bertumbuh dalam pertuturan mereka.
- Mereka takut ditinggalkan ibu bapa dan mungkin menangis untuk ibu atau bapanya sewaktu di sekolah minggu. Sebaiknya ibu atau bapa hadir untuk menolong di sekolah minggu.
- Mereka mudah letih dan kalau lapar mereka tidak dapat mendengar, mereka memerlukan waktu rehat, dan menangis kalau lelah.

Perkembangan Minda

Anak kecil biasanya memusatkan perhatian pada satu perkara yang kecil sahaja dan dia mungkin tidak dapat melihat seluruh konsep yang ingin anda sampaikan. Guru mungkin sangat mementingkan konsep Allah menyertai Daniel sewaktu dia berada dalam gelanggang singa. Anak-anak kecil mungkin lebih berminat pada singa-singa itu!

Anak-anak yang berumur dua tahun belajar dengan mengalami dan menyentuh. Guru yang berkesan menggunakan semua panca-inderanya. Kemampuan mereka untuk mendengar hanya dua atau tiga minit sahaja. Jadi, guru boleh menggunakan ayat-ayat singkat dan mengulanginya, cerita mudah, lagu mudah, dan lagu gerak geri mudah.

Anak yang berumur tiga tahun lebih berkembang dalam imajinasinya dan suka gerak geri yang diulangi. Dia mulai boleh bercakap-cakap dengan orang dewasa. Kesedaran dia tentang dunia mulai berkembang dan dia dapat melukis objek mudah dan abjad yang dasar.

Anak yang berumur empat hingga ke lima tahun mulai membaca, menulis namanya. Dia lebih mahir menggunting, melukis, mewarnai gambar-gambar, mengenalpasti bentuk. Kemampuannya meningkat hingga ke lima atau tujuh minit. Cerita dan aktiviti tidak boleh terlalu panjang. Minatnya akan berlanjutan lebih lama lagi kalau dia berminat dan kalau pelajaran itu menarik. Guru boleh menggunakan pelbagai aktiviti singkat yang berkisah pada tema yang sama.

Perasaan Yang Belum Terjamin

Kanak-kanak pra-sekolah yang berumur dua dan tiga tahun masih mempunyai emosi yang kurang terjamin. Guru mesti berusaha mencipta suasana selamat dan terjamin bagi mereka. Aturan bilik mesti sederhana, gurunya mesti mesra dan orang yang sama. Kalau mereka lapar, tidak selesa, dan letih, mereka tidak dapat mendengar dengan baik dan akan menangis. Guru boleh mengambil berat contohnya memberi biskuit atau minuman. Disiplin dan ganjaran haruslah sama, jangan banyak berubah.

Perhubungan Sosial Mereka

Anak yang berumur satu hingga dua tahun masih bersikap egosentrik dan konsep mengenai orang lain belum lagi dikembangkan. Dia tidak tahu menjalin persahabatan dengan orang seumur dengannya. Dia mementingkan bonekanya. Kawan-kawannya bermain di sampingnya tetapi bukan bermain bersama-sama. Dia akan bermain anak patung mereka masing-masing tanpa mencipta satu cerita bersama-sama.

Sebaliknya, anak yang berumur tiga tahun suka bergaul dan bermain dengan kawan-kawannya. Dia ingin menggembirakan orang dewasa dalam kehidupannya dan akan berusaha untuk menolong. Anak yang berumur empat hingga ke lima tahun dapat bergaul dengan lebih baik dan suka bersetuju dengan kawan-kawannya. Dia mengikut-ikut jawapan yang diberikan oleh kawan-kawan mereka.

Perkembangan Rohani

Anak yang berumur dua tahun dapat diperkenalkan dengan kebenaran-kebenaran yang dasar seperti Tuhan menjaga aku, Tuhan Yesus sayang aku, Dia sahabat aku, Yesus adalah Anak Allah, Alkitab itu perkataan Allah, Tuhan membuat bunga, Allah memberi saya keluarga, Allah mahu saya mengasihi keluarga saya, Allah mahu saya mengasihi adik-

adik saya, Allah membuat bunga dan pokok, Allah memberi saya makanan, air dan sayur-sayuran, Allah mahu saya selalu mendengar kepada Alkitab, dan sebagainya.

Anak yang berumur tiga tahun mulai memahami cerita Alkitab yang mudah, belajar menyanyi lagu-lagu, dan frasa-frasa mudah. Dia akan mengikut-ikut gerak geri orang dewasa dan guru-gurunya. Cerita yang disampaikan berkisah pada orang dewasa dan benda-benda yang dikenalnya. Guru boleh memperkenalkan Allah sebagai kawan yang istimewa dan Alkitab sebuah buku yang istimewa juga.

Pengalaman Sensori Bagi Pra-Sekolah

Kanak-kanak sangat kecil belajar melalui pengalaman jasmani dan sensori kerana perkembangan bahasa masih pada tahap permulaan. Seorang guru berjaya kalau dia menolong pelajarnya belajar melalui apa yang dilihat, disentuh, dirasa dan dihidu. Kalau kita ingin seorang anak belajar suruhlah dia menyentuh. Contohnya dia boleh menyentuh bunga atau buah-buahan sewaktu kita menceritakan Tuhan membuat bunga. Dia sungguh berminat dengan warnanya, coraknya, dan juga keharumannya.

Kanak-kanak belajar melalui sensasi lembut dan keras, panas dan dingin, basah dan kering, kasar dan licin. Guru mesti rajin mencari-cari pelbagai objek untuk menolong anak pra-sekolah memahami apa yang akan diajarinya. Hubung dan kaitkan kebenaran firman Tuhan dengan objek. Mereka suka boneka kereta, set permainan seperti cawan, mangkuk, pisau, kapak dan yang dipakai di rumah.

Guru boleh menolong anak membuat buku skrap dan mengambil gambar-gambar dari buku lama, majalah, dan semua gambar itu mesti minatnya: binatang kesayangannya, rumah, ladang dengan binatang-binatang, keluarganya, rumah, bilik, bayi lain, botol susunya, pelbagai jenis bunga, daun dan benda-benda yang di sukai olehnya.

Belajar Yang Konkrit

*“Kanak-Kanak mesti belajar dengan pengertian yang lurus, konkrit, dan perbendaharaan kata yang mudah dan sesuai dengan tahap intelek dan rohani mereka.”*⁶⁹ Perumpamaan, lambang-lambang dan pengajaran yang mempunyai maksud yang tersirat itu tidak sesuai. Guru yang ingin berjaya dalam komunikasi dan pengajarannya akan dengan bijaksana mengajar dengan benda-benda atau peristiwa sehari-harian

yang sudah diketahui oleh mereka. Pada tahap ini mereka siap mendengar cerita-cerita yang mudah dalam Alkitab, guru mesti menyampaikannya dengan tidak rumit.

Mengajar Kebenaran Melalui Permainan

Jangka waktu untuk permainan dan tingkat permainan itu tergantung pada tingkat umur seorang anak. Dalam permainan, seorang anak belajar secara aktif dan mengalami keseronokan daripada permainan, objek dan pelajaran yang disampaikan. Permainan atau lakonan singkat menyusui boneka boleh digunakan sebagai contoh seorang ibu yang mengasihi seorang bayi, menolong ibu seperti simpan boneka. Tuhan memberi ibu untuk mengasihi kita. Guru akan memberi kebenaran rohani yang relevan dengan umurnya sewaktu dia sedang bermain. Irama, lagu dan gerak geri yang diulang-ulang akan menolongnya untuk memahami ajaran.

Membaca

Kanak-kanak pada umur dua atau tiga ini tidak tahu membaca namun mereka boleh melihat gambar yang besar dan yang berwarna warni. Walau bagaimana pun ada anak yang berumur tiga tahun sudah tahu membaca. Orang dewasa mesti membaca untuk mereka. Buku-buku yang disukai mereka mesti sedikit perkataan dan banyak gambar-gambar. Mereka suka mendengar bunyi. Jadi kalau anda mengajar mereka, gunakan bunyi seperti “Bang!” “Bang!” “Kwek!” “Kwek!” Irama penting bagi anak kecil dan mesti diulangi lagi. “Ya, Ya, sangat bagus!” kata Tuhan sewaktu melihat langit. Ulangi lagi “Ya, Ya, sangat bagus!” bersama-sama setelah mencerita penciptaan sesuatu contohnya buaya!

Tema-Tema Untuk Mengajar Mereka

a Kasih dan Tuhan Pencipta

Tunjukkan objek, binatang, ibu bapa, adik beradik yang sedang berkongsi makanan, bersama-sama berdoa atau bermain. Mereka juga boleh memahami tentang Tuhan yang mencipta dan mengasihi mereka. Peristiwa seharian yang ditukarkan menjadi cerita amat disukai mereka. Berusaha mencari buku-buku yang menceritakan cerita setiap hari, contohnya pergi ke pasar, cuci kereta, memandikan

anjing dan peristiwa yang biasa-biasa menarik perhatian mereka. Cerita mudah yang terjadi sehari-harian boleh ditukar menjadi cerita rohani untuk menjangkau mereka.

b Terang

Seorang guru boleh menggunakan terang yang alamiah dan tiruan sewaktu mengajar kanak-kanak. Ucapkan syukur untuk matahari yang diberikan oleh Tuhan yang mengasihi kita dan tunjukkan gambar besar tentang matahari. Mengulang pengajaran itu berulang kali sehingga seorang anak akan belajar berterima kasih kepada Tuhan untuk matahari.

Contohnya

Tuhan, terima kasih untuk matahari, baju saya boleh kering.

Tuhan, terima kasih untuk matahari, bunga bermekar.

Tuhan, terima kasih Tuhan untuk matahari, mata saya boleh lihat.

Tuhan, terima kasih untuk matahari, badan saya tidak dingin.

Terang kemudian boleh dilanjutkan dengan terang malam.

Tuhan, terima kasih untuk bintang yang berkelip-kelip.

c Air

Kanak-kanak kecil boleh dibimbing untuk menghargai pemberian air. Air memberi manusia, binatang, sayur-sayuran, dan tumbuh-tumbuhan sumber kehidupan. Laut juga memberi kita ikan dan makanan lautan. Guru boleh mengajar betapa baiknya Tuhan memberi kita air yang bersih. Pada hari panas, Tuhan memberi kita air. Tunjukkan bunga yang layu. Tanya kanak-kanak kenapa bunga ini layu dan kemudian siramnya dengan air.

d Udara dan Yang Lain

Guru boleh melambai-lambai untuk menunjukkan angin, atau meniup balon. Suruh mereka membuat bunyi angin sedang menderu. Puji Tuhan atas udara yang memberi kita nafas.

Bawa sebuah pasu atau kotak kayu yang ditanam dengan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan. Puji Tuhan atas pemberian sayur-sayuran dan buah-buahan. Anda boleh menunjukkan pelbagai jenis batu, kulit kerang, daun kepada kanak-kanak dan menjelaskan tentang penciptaan Tuhan. Pelajaran kita harus menekankan tentang betapa besar

kasihnya Tuhan terhadap kita sehingga Dia memberi semua yang berguna, indah dan amat baik kepada kita. Ajar mereka berdoa untuk bersyukur atas ciptaan. Tunjukkan gambar lalu semua anak belajar berdoa, “Terima kasih Tuhan untuk epal!” lalu tunjuk lagi gambar lain, “Terima kasih untuk itik.” Lalu ajar mereka satu lagu tentang ciptaan. Cipta pantun mudah tentang ciptaan lalu buat gerak geri. Gunakan pelbagai cara untuk mengulangi cerita.

e Pengucapan Syukur

Kanak-kanak kecil boleh diajari mengucap syukur untuk makanan, ibu bapa mereka, kakak-kakak atau adik-adik mereka. Pada Hari Natal, cikgu boleh menjelaskan bahawa Tuhan Yesus ialah Anak Allah yang sayang kita. Tema lain mungkin tentang hadiah dan sehubungan ini cikgu mengajar bahawa setiap anak memang hadiah istimewa kepada ibu bapa dan datuk nenek.

Melukis

Mereka boleh menggunakan krayon tetapi tidak dapat mengikut garis atau lukisan. Juga, mereka boleh membuat sesuatu yang mudah daripada dol atau adunan, mengecat dengan jejari. Tunjukkan gambar-gambar dan cerita mudah tentang gambar itu.

Menyanyi

Lagu dan irama sangat penting kepada mereka. Kalau boleh mereka mesti melakonkan atau menunjukkan gerak gerinya. Mereka suka lagu yang singkat yang boleh dinyanyi berulang kali. Mereka juga berminat mendengar muzik-muzik dan lagu lalu menyanyi dalam kumpulan. Lagu-lagunya mesti mudah.

Permainan

Permainan blok yang mudah, kotak pasir, boneka binatang, botol-botol plastik, dan permainan mudah akan diminati oleh anak-anak pada umur ini. Mereka suka bermain sendiri namun guru sekolah minggu boleh menggalakkan untuk bermain bersama. Kanak-kanak pada umur ini tidak terlalu suka berkongsi boneka dengan orang lain. Guru tidak perlu memaksakan mereka untuk membiar anak-anak lain bermain dengannya. Mereka suka bermain di samping kawan dan bukan bersama kawan kerana mereka belum dapat berbuat begitu.

Suasana Kelas

Suasana kelas mesti dihiasi mengikuti minat mereka. Benda-benda kesayangan mereka ialah objek-objek di rumah, dan binatang-binatang, gambar emak, datuk dan nenek boleh dihiaskan dalam kelas. Rumah dan keluarga sangat penting bagi mereka dan dunia mereka berkisah dalam rumah. Nenek dan datuk juga orang yang sangat penting kepada mereka.

Galakkan ibu bapa mereka untuk berdoa dengan anak-anak mereka sebelum tidur. Kita boleh mengajar berikut kepada anak-anak dua hingga tiga tahun.

Jadual Untuk Anak-Anak Dua Hingga Tiga Tahun

Umur 2-3 Tahun	Doktrin/Ajaran
Mengenai Tuhan	• Tuhan mengasihi mereka. • Tuhan mengasihi keluarga mereka. • Tuhan selalu bersama dengan kita. • Tuhan memberi kita matahari. • Tuhan memberi kita buah-buahan dan makanan. • Kita boleh bercakap dengan Tuhan. • Tuhan membuat binatang, bunga dan dunia. • Tuhan membuat kita. • Kita boleh memuji Tuhan. • Tuhan mahu kita mendengar kepada ibu bapa. • Kita mendengar kepada Tuhan.
Mengenai Tuhan Yesus	• Tuhan Yesus pernah menjadi bayi dan tinggal di dunia. • Tuhan Yesus adalah sahabat semua anak. • Dia Anak Allah. • Banyak kata-kata-Nya tercatat dalam Alkitab. • Kita boleh berdoa kepada Tuhan Yesus.
Alkitab	• Alkitab ialah buku yang bagus dan istimewa. • Alkitab ada cerita tentang Tuhan. • Kita harus mencintai Alkitab.
Ibu Bapa dan Keluarga	• Tuhan memberi ibu bapa untuk menjaga kita. • Kita harus mendengar mereka.
Malaikat	• Malaikat datang memberitahu tentang Tuhan.
Gereja	• Rumah Tuhan. • Tempat beribadat dan memuji Tuhan.
Orang lain	• Tuhan Yesus ingin kita baik dengan mereka, mengasihi dan menolong mereka.

3. ANAK-ANAK EMPAT HINGGA LIMA TAHUN

Ciri-Ciri Umum

- Sangat aktif
- Sangat suka mengikut gerak geri mahupun sebutan guru
- Boleh mendengar selama sepuluh minit dan mungkin lebih panjang dua puluh minit
- Mulai menikmati permainan dengan kanak-kanak lain
- Mulai berkomunikasi dengan orang dewasa lain selain daripada ibu bapa mereka
- Mulai berkongsi boneka dengan kawan-kawan
- Imajinasi yang besar
- Perbendaharaan kata semakin bertambah
- Mulai menyedari yang betul dan salah
- Boleh memikirkan Tuhan menurut pemahaman yang lebih peribadi dan intim
- Mampu mempercayai kepada Tuhan Yesus dengan mudah

Kemesraan dan Kasih

Anak pada umur ini peka terhadap kasih dan kemesraan seorang guru. Isyarat tubuh guru, mimik muka, senyuman guru, cara guru melihatnya, dan cara guru mendengar kepada percakapan mereka sangat penting. Kalau guru sedang bercakap dengan seorang anak, berusaha berlutut agar anda boleh melihat wajahnya dengan jelas. Cara ini juga menunjukkan bahawa anda berperihatin atas anak itu.

“Mengetahui dan merasai dikasihi sungguh penting demi perasaan terjamin bagi seseorang anak. Tunjukkan kepadanya bahawa dia penting bagi anda dan jangan membandingnya dengan anak lain. Hanya melalui pengalaman kasih anda, anak sekolah minggu ini mulai memahami kasih Tuhan. Ketika dia merasa terjamin dan selesai dalam kasih anda, dia mulai merasa terjamin dalam kasih Allah.”⁶⁸

Pada waktu ini, seorang anak mulai membezakan antara apa itu salah atau betul. Guru boleh menolongnya memperoleh keyakinan bahawa Tuhan akan mengasihi, dan mengampuninya walaupun dia berbuat salah. Dia boleh meminta pengampunan daripada-Nya dan berusaha menjadi lebih baik lagi.

Perkembangan

Perkembangan jasmani pesat akan dialami anak yang berumur empat tahun. Jadi, tidak hairanlah kalau anak pada umur ini suka melompat, mendaki, memanjat, berlari dan berteriak-teriak. Otot mereka mulai menjadi kuat dan mereka perlu bersenam. Guru yang baik tidak memaksa mereka untuk mendengar sahaja untuk jangka waktu yang panjang tetapi akan menggunakan pelbagai aktiviti termasuk gerakan jasmani sambil belajar. Anak-anak suka mengikut gerak geri yang ditunjukkan oleh guru. Kegiatan seorang anak yang berumur empat mungkin membuat dia letih dan guru perlu mengawal serta mengalihkan seorang anak untuk aktiviti yang lebih tenang. Selipkan aktiviti bergerak dan waktu tenang dan mendengar firman Tuhan serta belajar berdoa dalam kesunyian saat itu.

Cerita

Sekalipun anak-anak pada umur ini belum memahami doktrin yang mendalam tetapi mereka tetap perlu merasa kasih sayang dan penghiburan daripada kepercayaan mereka kepada Tuhan.

Seorang ahli pendidik Dr. Mary LeBar pernah berkata, “Satu-satunya jawapan untuk orang yang menanggung beban-baik yang tua mahupun yang muda ialah cara kita bersandar kepada kepada Penyelamat berkuasa yang memenuhi segala yang diperlukan oleh manusia. Tidak ada seorang pun yang terlalu muda atau tua untuk menerima pertolongan daripada Allah. Anak-anak yang berumur empat tahun sampai enam tahun belum memerlukan doktrin yang mendalam, tetapi mereka memerlukan penghiburan yang dapat diperoleh melalui keyakinan bahawa Tuhan mengambil berat tentang mereka, mengasihi mereka, dan selalu menyertai mereka.”⁶⁹

Contohnya, seorang guru boleh berkata, “Nicki, tahukah Tuhan telah memberi awak bapa yang bekerja setiap hari supaya dia boleh membeli susu dan roti untuk awak. Kita mesti mengucapkan syukur kepada Tuhan. Tuhan selalu memberi kekuatan kepada bapa untuk bekerja.” Selainnya, “Nicki, jangan takut bilik yang gelap. Bapa Syurgawi selalu berada di sisimu sewaktu kamu tidur.” “Nicki, minta pertolongan sewaktu mengambil ujian, jangan takut.” “Nicki, minta Tuhan hadir bersama awak sewaktu pergi cabut gigi.”

Mereka percaya kepada Tuhan dengan iman sederhana. Guru boleh mengajar mereka cerita tentang doa dan cara berdoa. Ajarlah mereka mengucap syukur kepada Tuhan dan belajar meminta sesuatu yang diperlukan daripada Tuhan. “Mari kita berterima kasih kepada Tuhan untuk papa dan mama yang mengasihi kita. Mari kita berdoa untuk Sarah yang sakit.”

Cerita-ceritanya boleh lebih panjang dan tidak sebanyak gambar dibandingkan buku bagi anak tiga tahun. Mereka suka cerita yang bagus dan berjenaka. Mereka akan menggunakan kemampuan berbahasa untuk menanyakan “kenapa?” “apa” dan “siapa.”

Guru boleh menggunakan “Pada zaman dahulu...” “Di negara yang jauh ke seberang...” “Puteri yang sangat cantik...” Naluri ingin tahu mereka menarik perhatian mereka kepada elemen-elemen seperti sesuatu yang terjadi pada zaman dahulu. Mereka masih memerlukan gambar-gambar dan objek untuk memahami cerita dengan lebih jelas.

Ketakutan merupakan satu ciri yang dialami oleh anak-anak yang berumur empat dan lima tahun. Jangan tayangkan filem seperti “The Passion” kepada mereka kerana babak mencambuk terlalu seram bagi mereka. Jangan ceritakan sesuatu yang menakutkan mereka. Guru sebaiknya mesti menanam kepercayaan tentang kebesaran Allah dalam doa dan dalam cerita kepada anak.

Contoh Mengajar Alkitab

Tema	Firman Tuhan	Rujukan
Pembentukan Sifat	“Saling mengasihi” “Saling membantu” “Jangan lupa berbuat baik” “Taati ibu bapamu”	1 Yohanes 4:7 Efesus 4:2 Ibrani 13:16 Efesus 6:1
Ciptaan	“Semua itu baik” “Segala bijirin”	Kejadian 1:25 Kejadian 1:29
Siapa Tuhan Kita	“Penolong kita” “Pembimbing kita” “Yang Mengasihi kita dan Memberi Anak-Nya Yesus”	brani 13:6 Mazmur 23 Yohanes 3:16
Sikap terhadap Tuhan	“Kita mengasihi, kerana Allah Lebih dahulu mengasihi kita” “Pujilah TUHAN, hai jiwaku”	1 Yohanes 4:19 Mazmur 103

Berdoa

Anak-anak pada umur ini boleh diajak mempercayai kepada Tuhan Yesus. Mereka akan menerima segala yang anda ceritakan tentang Tuhan Yesus. Guru dan ibu bapa boleh mengajar anak bagaimana beribadat pada umur ini bukan hanya di kelas tetapi pada saat-saat lain. Guru boleh mengajar mereka tentang Allah yang Maha Kuasa, Maha Hadir, Pencipta, Bapa Syurgawi yang mengasihi dan melindungi mereka. Ibu bapa dan guru boleh mengajak anak untuk berdoa sesaat, contohnya, sewaktu mereka berjalan di taman bunga dan melihat bunga-bunga atau burung-burung. Saat memuji dan bersyukur kepada Tuhan boleh datang secara alamiah di mana sahaja. Yang penting, guru atau ibu bapa harus merebut kesempatan itu.

Anak-anak ini boleh memahami Tuhan Yesus sebagai sahabat karib. Kalau guru mengajak mereka berdoa, mereka mesti diberitahukan kasih Yesus secara khusus. Contohnya, jelaskan Tuhan Yesus memberi ayah mereka kekuatan untuk bekerja dan membeli makanan. Mereka boleh berdoa secara praktis untuk keluarga mereka.

Ajar anak-anak bahawa Tuhan menjawab doa sama ada dengan “Ya” “Tidak” atau “Tunggu.” Galakkan mereka berdoa setiap hari.

Menulis Dan Menyanyi

Walaupun seluruh tubuh anak-anak yang berumur empat hingga lima bertumbuh dengan pesat tetapi pengawalan dengan jejari masih belum lagi sempurna, dan kalau kita ada aktiviti menulis, ayatnya jangan panjang, namun pada umur lima sudah lebih mampu menggunakan otot jejarinya. Kemampuan mewarnai dan menggunting masih lemah kerana kemahiran motor mereka masih lemah namun mereka akan menyukai aktiviti mudah seperti menggunting, menampal, mewarnai dan melipat. Kanak-kanak pada umur empat dan lima tahun boleh membaca ayat yang mudah. Buku yang dibaca oleh guru mesti bergambar dengan ayat-ayat mudah.

Bermain

Kanak-kanak pada umur ini sedang mengalami pertumbuhan jasmani yang pesat. Mereka suka berlari, melompat, memanjat, berteriak dan ketawa. Mereka menggunakan kedua-dua kaki untuk menaiki tangga. Suasana kelasnya lebih berkesan kalau banyak ruangan kosong

diberikan kepada mereka untuk menolong mereka menggerakkan tubuh mereka. Mereka suka membangun blok, bermain masak-masak seperti di rumah. Mereka suka bermain, “Aku *daddy* anda dan engkau *mummy*.” Kaedah drama yang memberi peluang kepada anak-anak untuk memainkan watak tertentu sungguh disukai oleh mereka sewaktu belajar.

Pada umur empat, anak-anak ini mulai menjalin persahabatan dan pada umur lima, mereka mampu bersetuju dengan orang lain. Kanak-kanak yang berumur empat akan menguji cikgu dan melihat apa yang terjadi. Guru boleh memberi bimbingan dengan kata-kata yang positif. Kanak-kanak yang berumur empat akan menunjukkan emosinya dengan terbuka tetapi pada umur lima, emosi semakin tenang.

Jadual Untuk Anak-Anak Empat Hingga Lima Tahun

Umur 4-5 Tahun	Doktrin/Ajaran
Tentang Allah	• Allah mengasihi dia dan orang lain. • Allah mengasihi dia dan keluarganya. • Allah menciptakan semua. • Allah menciptakan saya istimewa. • Allah boleh dipercayai. • Allah ada di mana-mana. • Allah boleh mendengar doa kita bila-bila sahaja. • Allah mengutus Tuhan Yesus untuk menebus dosa kita. • Allah ingin dia mentaati ibu bapanya.
Tuhan Yesus	• Tuhan Yesus mengasihi dia. • Tuhan Yesus adalah kawannya yang terbaik. • Tuhan Yesus ialah Penyelamat. • Tuhan Yesus berada di syurga. • Tuhan Yesus akan menolong dia mentaati ibu bapa. • Tuhan Yesus mati bagi dosanya. • Tuhan Yesus akan selalu bersama dia. • Tuhan Yesus akan menolong dia.
Tentang Alkitab	• Alkitab mencerita tentang Allah. • Alkitab ialah Firman Allah. • Alkitab memberitahu kita apa yang Allah ingin kita lakukan. • Semua cerita dalam Alkitab adalah benar.
Tentang Keluarga	• Allah telah memberi dia keluarga untuk menjaganya. • Allah mahu dia mentaati ibu bapa. • Ibu bapa dia berdoa untuk mereka. • Dia berdoa untuk ibu bapa mereka.

Jadual Untuk Anak-Anak Empat Hingga Lima Tahun (*sambungan*)

Umur 4-5 Tahun	Doktrin/Ajaran
Tentang Orang Lain	• Allah mengasihi semua orang. • Dia harus mengasihi orang lain dan menolong dan berdoa untuk mereka.
Malaikat	• Ada malaikat yang baik dan ada yang jahat. • Malaikat jahat (Iblis) buat yang jahat.

4. ANAK-ANAK SEKOLAH RENDAH

Ciri-Ciri Umum

- Kanak-kanak masih sangat aktif.
- Mereka suka bercakap.
- Minda mereka juga imaginatif maka mereka suka cerita-cerita menarik.
- Suka bekerja dalam kelompok
- Suka perhatian daripada guru.
- Suka bertanya dan ingin mengetahui sesuatu yang baru.
- Sikap sedang berada proses pembentukan.
- Permulaan pembacaan yang lebih menyeronok dan mampu menikmati cerita melalui pembacaan.
- Belajar menulis.
- Minat belajar sungguh besar.
- Kemampuan memfokus lebih daripada 20 minit atau lebih.
- Memerhatikan cara berdandan dan mulai suka berpakaian yang berfesyen.
- Walaupun masih mementingkan diri tetapi mereka mampu mengambil berat akan orang lain dan memberi.

Anak-anak sekolah rendah terdiri daripada mereka yang memiliki pelbagai keperibadian, kemampuan berbeza, keinginan dan motivasi untuk belajar yang tinggi, dan latar belakang keluarga yang beraneka jenis. Guru mesti menyambut mereka dengan mesra, meyakinkan mereka bahawa mereka penting dan dikasihi Tuhan. Guru mesti berdoa untuk mereka dan menolong anak-anak ini menerapkan yang dipelajari oleh mereka. Guru boleh mengajak dan memberi mereka kesempatan untuk membaca daripada Alkitab.

Kanak-kanak sekolah rendah berbeza saiz mereka. Guru mesti peka dan janganlah menggolongkan mereka dalam kategori “gemuk,” “pendek,” “rendah,” “tinggi,” atau “kurus” kerana kanak-kanak ini mempunyai perasaan. Guru harus mengenal nama mereka, kemahiran mereka, kesukaan mereka, ketakutan mereka dan juga masalah mereka. Jangan memberi label kepada kanak-kanak ini seperti pelajar yang agak lamban dan sebagainya kerana mereka semua dalam kadar proses pertumbuhan minda, emosi, jasmani dan rohani yang berbeza.

5. ANAK YANG BERUMUR ENAM TAHUN

Perkembangan Intelek

Kanak-kanak yang berumur enam hingga ke lapan mulai meningkat kemahiran membaca, menulis dan membuat Ilmu Hisab. Tadika telah meletakkan landasan bagi mereka melalui banyak visual dan ajaran perkataan-perkataan mudah sehingga mereka dapat membaca dan menulis yang dasar.

Walau bagaimanapun pada tahap enam hingga lapan tahun, mereka belum mampu merumuskan makna yang terlalu abstrak. Pemikiran mereka masih pada tahap yang konkrit dan guru-guru tidak boleh berkomunikasi sesuatu yang melampau batas kemampuan mereka. Kebanyakan dari fikiran dan pemahaman mereka berpusat pada masa kini. Kanak-kanak pada tahap ini suka menyenangkan orang dewasa tetapi jangan memberi terlalu banyak tekanan dalam tugas mereka.

a Membaca

Walaupun ada kanak-kanak yang berumur enam sudah pandai membaca buku tetapi masih ada kanak-kanak yang masih belum belajar membaca dengan baik. Selain itu, mata mereka belum bertumbuh dengan sepenuhnya, jadi mereka mungkin akan mengalami masalah membaca. Guru jangan memalukan seorang anak dengan memaksakannya untuk membaca bagi semua orang. Kemampuannya untuk mendengar cerita panjang juga masih singkat dan kalau boleh, guru mengajar dengan aktiviti berbeza.

Namun ada kanak-kanak yang sudah pandai membaca dan dengan ajaib, dan mereka boleh membaca yang susah. Jenis anak seperti ini

mempunyai cerita kesukaan sendiri and juga pengarang kesukaan. Berusaha memperkenalkan anak pada umur ini kepada pengarang dan buku-buku kanak-kanak yang terbaik. Sajak, pantun dan syair disukai kanak-kanak ini khususnya sajak yang ada sedikit humor.

b Menulis/Melukis

Pakai ayat yang dipisahkan kepada beberapa bahagian dan suruh mereka mencantumkananya menjadi satu ayat yang sempurna. Isi tempat kosong dengan perkataan boleh menjadi aktiviti yang bererti. Kanak-kanak pada umur ini mulai menikmati melukis dan mewarnai gambar-gambar.

c Bermain

Kanak-kanak yang berumur enam mesti diberi peluang bergerak seperti melompat, berlari, bermain dengan rambut mereka, bermain dengan jejari mereka, bermain dengan kerusi dan menggerakkan otot muka mereka dengan pelbagai mimik. Kanak-kanak ini tidak suka pertandingan kerana mereka takut kalah.

Walaupun anak-anak darjah rendah berada pada pelbagai peringkat pertumbuhan, mereka mempunyai ciri-ciri khas. Selain itu, kita mesti menyedari bahawa setiap mereka berlainan kerana latar belakang keluarga berbeza dan mempunyai keunikan sifat-sifat tertentu. Barbara Bolton,

“Ciri-ciri tertentu yang jelas dalam corak perkembangan memungkinkan kita mengetahui cara seorang anak akan memberi respon pada umur yang tertentu...tetapi jangan membiarkan corak pertumbuhan ini membentuk anda sehingga anda mempercayai setiap anak sama pada umur yang tertentu, walaupun mereka mempunyai kesamaan...perkembangan mereka seperti sejajar bukit bukau dan bukan lembah yang lurus...”⁷⁰

Guru, sambutlah setiap anak sebagai individu yang berbeza dan unik sekalipun anda sudah mempelajari perkembangan anak-anak pada setiap umur.

6. ANAK-ANAK SEKOLAH RENDAH YANG BERUMUR ENAM-TUJUH TAHUN

Kajian Jean Piaget dapat menolong kita lagi untuk memahami kanak-kanak sekolah rendah. Menurut Jean Piaget tahap operasi kanak-kanak pada tahap ini dikenali sebagai tahap operasi konkrit. Kanak-kanak mula tinggalkan sifat egosentriknya dan mulai menyambut dunia di sekelilingnya.

Guru, anda akan disambut oleh kanak-kanak yang mempunyai pertanyaan yang tidak mengenal lelah kerana keinginan tahu kanak-kanak ini meluap-luap. Semangat ingin tahu ini membuat kanak-kanak ini mula menerima jawapan guru mereka. Semangat persahabatan mereka mula bertumbuh kerana mereka memasuki masa persekolahan. Secara ajaibnya pemikiran mereka mula bertambah lebih logik. Mereka mulai memahami nombor, susunan nombor tetapi pemahaman abstrak belum matang lagi.

Pertumbuhan Jasmani

Kanak-kanak bertumbuh pesat secara jasmani dan kadangkala tidak seimbang, bahagian-bahagian pertumbuhannya. Otot-otot mereka bertumbuh namun otot halus mereka masih belum bertumbuh sempurna. Kanak-kanak ini mempunyai banyak tenaga dan ingin terlibat dalam aktiviti pembelajaran secara aktif seperti permainan. Kanak-kanak ini mula memerhati dan suka meroboh dan memperbaiki kembali. Guru-guru mesti peka terhadap anak-anak ini dan jangan memberi perbandingan antara penulisan anak-anak. Proses pertumbuhan otot yang halus masih memerlukan waktu, oleh itu tulisan mereka tidak sempurna.

Pertumbuhan Perasaan

Perasaan anak-anak pada umur enam hingga lapan halus maka mereka dapat turut bersimpati dengan watak dalam cerita. Pada umur ini mereka boleh mengambil berat tentang keperluan orang lain. Cerita-cerita yang berkaitan dengan misi dan pemeliharaan orang miskin boleh diresapi mereka. Pada tahap ini, mereka akan mengutarakan perasaan mereka yang seadanya. Kalau mereka gembira, mereka akan bersorak-sorai dan kalau marah, mereka akan menunjukkannya dalam mimik muka mereka.

Jadual Untuk Anak-Anak Enam Hingga Tujuh Tahun

Umur 6-7 Tahun	Doktrin/Ajaran
Tentang Allah	• Allah mengasihinya, keluarganya dan kawan-kawannya. Dia mengasihi semua orang di dunia dan ingin semua orang mengasihi-Nya. • Allah ingin kita menyerahkan kehidupan kita kepada-Nya. • Allah memberi kita makanan kerana Dia yang memberi hujan dan matahari. • Allah menentang segala kejahatan. • Allah ingin kita berdoa dan membaca Alkitab. • Allah suci dan tidak pernah gagal. • Allah berkuasa menolong dia.
Tentang Tuhan Yesus	• Tuhan Yesus ialah Anak Allah. Dia datang untuk mati bagi dosa kita dan ingin kita menerima Dia sebagai Penyelamat. • Tuhan Yesus tidak pernah melakukan sesuatu yang jahat. • Tuhan Yesus bangkit dari maut dan Dia berada di syurga. • Tuhan Yesus mengasihi kita dan ingin menjadi sahabat kita. Tuhan Yesus buat banyak mukzizat dalam masyarakat kita.
Tentang Alkitab	• Ia mesti dibaca dan direnungi. • Ia mempunyai 66 kitab. • Alkitab terdiri daripada Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama.
Tentang Keluarga	• Ibu bapa kita adalah pemimpin kita yang perlu dihormati dan diturut. • Ibu bapa kita selalu mahu menolong kita. Ibu bapa mengasihi kita dan kita perlu mengasihi mereka juga dan memberi segala yang kita perlukan. • Tuhan ialah yang terutama dalam keluarga kita.
Gereja	• Rumah Tuhan ialah tempat umat Tuhan berkumpul, tempat beribadat dan berdoa. • Kasih gereja dan menjaga kebersihannya. Berilah sumbangan untuk pekerjaan Tuhan.
Orang Yang Lain	• Belajar berkongsi dengan orang lain. Menolong orang yang susah dan berdoa untuk mereka. • Orang lain mungkin tidak baik, dia mesti berdoa dan mengampuni mereka. • Kawan-kawan mereka tidak mengenal sahabat baik seperti Yesus, mereka boleh menceritakan sahabat Yesus kepada orang lain.

Pada umur ini, mereka juga mulai menghargai persahabatan dan dapat bersimpati dengan kawan-kawan yang memerlukan pertolongan dan simpati. Anak-anak pada umur ini juga sering khuatir terlambat ke kelas, tulisan mereka tidak diterima, perasaan dan kesukaan guru-guru mereka terhadap mereka. Guru boleh bersikap lebih simpati terhadap mereka dan jangan memberi tugas yang terlalu sulit kerana anak-anak ini akan merasa tertekan dan malu kalau mereka tidak dapat melakukannya.

7. ANAK-ANAK YANG BERUMUR TUJUH-LAPAN TAHUN

Pada umur tujuh mereka sudah masuk sekolah dan belajar menulis, membaca, dan membuat tugas rumah. Kanak-kanak pada umur ini mesti dipuji dan bukan dikritik kerana mereka selalu berusaha menggembirakan gurunya. Pada umur lapan tahun, kanak-kanak sudah lebih dewasa dan tidak suka dianggap sebagai anak kecil.

Anak pada umur lapan lebih matang daripada anak yang berumur tujuh tahun. Anak pada umur ini juga suka memiliki kawan yang akrab namun kadangkala mereka juga mempunyai musuh. Anak pada umur lapan tahun lebih tenang berbanding dengan anak-anak pada umur tujuh tahun. Walau bagaimanapun mereka memerlukan aktiviti-aktiviti yang berbeza, ada yang memerlukan gerakan tubuh, ada yang memerlukan penulisan, dan ada yang melihat.

a Bercerita

Cerita-cerita mukjizat akan menarik perhatian mereka. Cerita seperti bagaimana umat Tuhan menyeberangi lautan merah, Tuhan memberi makanan kepada 3,000, penyembuhan Bartimeus, Yunus yang ditelan oleh ikan dan berdoa di perut ikan, Petrus yang diselamatkan oleh Yesus daripada gelombang/ombak. Mereka juga suka cerita binatang-binatang dan cara binatang-binatang ini hidup dan bergerak. Kehidupan Kristus dan sedikit tentang ilmu alam pada waktu itu akan menarik perhatian mereka.

b Menulis/Melukis

Berilah peluang untuk berbuat sesuatu yang kreatif seperti melukis dan menulis cerita pendek. Kanak-kanak pada umur tujuh mungkin khuatir dan gelisah kerana mereka tidak sebaik yang lain. Berusaha jangan membanding-banding cerita mereka. Kalau anda memuji seorang anak, berusaha mencari kebaikan anak-anak lain dari sudut lain.

c Bermain

Kanak-kanak pada umur ini lebih bersiap untuk bermain permainan yang sistematik dan diatur dengan baik. Kanak-kanak lelaki yang berumur tujuh tahun mungkin cepat terlibat dalam pergaduhan dan akan mengasak. Guru boleh menolong mereka dan mengajar mereka tentang kesabaran dan kasih. Pada umur lapan tahun, kanak-kanak tidak suka kawan-kawan daripada seks yang berlawanan. Kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak akan duduk berdekatan dengan sesama kerana mereka tidak suka sesama.

d Perkembangan Rohani

Tuhan Yesus yang menjadi kawan yang terbaik dan terindah boleh diajari kepada kanak-kanak sekolah rendah ini. Kebenaran-kebenaran rohani harus diajari menurut tahap pemahamannya. Bagaimana firman Tuhan harus diterapkan dalam kehidupan sehari-harian mereka boleh diajari kepada mereka. Ibu bapa dan guru-guru harus menjadi teladan yang baik agar mereka dapat memahami ertinya hidup bagi Tuhan Yesus. Pada umur ini kanak-kanak boleh diajari untuk menerima Tuhan Yesus sebagai Juru Selamat mereka. Mereka perlu diyakini akan kasih Tuhan dan pengampunan Tuhan seandainya mereka berdosa walaupun setelah menerima Tuhan Yesus. Mereka perlu diyakini bahawa Tuhan Yesus akan mengampuni dosa mereka dan Tuhan mengasihi mereka (1 Yohanes 1:9).

8. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIKETAHUI OLEH KANAK-KANAK LAPAN-SEMBILAN TAHUN

Jadual Untuk Kanak-Kanak Lapan Hingga Sembilan Tahun

Umur 8-9 Tahun	Doktrin/Ajaran
Tentang Tuhan	• Tuhan mengasihi dia dan mengingini dia mengasihi-Nya dengan sepenuh hati. • Tuhan ingin menjadi sahabatnya setiap waktu dan dia boleh berdoa setiap hari kepada sahabatnya. • Tuhan hadir setiap hari untuk menolong dia di sekolah mahupun di rumah. • Tuhan mencipta alam dan kita diminta memeliharanya dengan baik. • Tuhan selalu menjawab doa namun dalam pelbagai cara. • Tuhan tinggal dalam dirinya dalam bentuk Roh Kudus. • Roh Kudus akan membimbing dia setiap hari dan dia boleh berdoa untuk kebijaksanaan. • Ajari mereka Sepuluh Hukum.
Tentang Tuhan Yesus	• Tuhan Yesus adalah Anak Allah yang kudus dan sempurna. Dia tidak pernah berbuat salah. • Dia mati di kayu salib untuk dosa kita. Dia satu-satu jalan ke Allah. • Dia memberi penyelamatan bagi yang mempercayai-Nya. • Tuhan Yesus mengampuni dosa kita. • Dia mengasihi kita walaupun kita ada kelemahan. • Tuhan Yesus ingin dia menjadi murid-Nya yang setia.
Tentang Alkitab	• Alkitab ialah firman Tuhan yang benar dan hidup. • Semua cerita ajaib dalamnya pernah terjadi. • Alkitab menceritakan tentang hati dan keinginan Tuhan untuk umat-Nya pada zaman dahulu dan sekarang. Alkitab mempunyai satu cerita penyelamatan yang besar • Kita membaca Alkitab setiap hari untuk mendapat bimbingan Tuhan dan untuk mendengar suara-Nya. • Alkitab itu kebenaran Tuhan yang perlu dituruti kerana kita mengasihi Tuhan.
Tentang Gereja	• Kita beribadat di rumah dan gereja. • Tuhan juga hadir di gereja. • Tuhan ingin kita belajar Alkitab daripada guru-guru di gereja selain daripada pembacaan peribadi di rumah. • Kita rindu bertemu dengan sahabat-sahabat di gereja. • Selalu menurut nasihat mereka dan menolong mereka.
Tentang Ibu Bapa dan Keluarga	• Selalu menolong adik-adik dan mendoakan mereka • Kita perlu mendengar kepada ibu bapa kita kerana Tuhan telah meletakkan mereka sebagai autoriti kita.

Jadual Untuk Kanak-Kanak Lapan Hingga Sembilan Tahun (*sambungan*)

Umur 8-9 Tahun	Doktrin/Ajaran
Jiran	• Menerima didikan dan disiplin daripada ibu bapa, kawan-kawan dan guru-guru. • Kita memerlukan kasih mereka, perhatian mereka, tolak ansur mereka. Tolonglah mereka kalau mereka memerlukan pertolongan. Kita perlu bersikap jujur dan timbang rasa terhadap orang lain. Doalah bagi mereka.
Tentang Iblis	• Selalu menentang rancangan Tuhan dan ingin membinasa manusia.

9. KANAK-KANAK YANG BERUMUR 11-12 TAHUN

Pada umur sebelas hingga ke dua belas, intelek mereka menjadi lebih abstrak dan dapat berfikir secara lebih kritis. Proses pembelajaran menjadi menyeronok dan mencabar kerana mereka memahami ilmu alam, sejarah, perbandingan, penyusunan, dan urutan peristiwa. Pada tahap perkembangan ini mereka lebih pantai membahas dengan lebih mendalam dalam proses pembelajaran. Pada umur ini, mereka mulai suka mendengar cerita-cerita pahlawan dan hobi mereka mulai lebih ketara. Minat dan identiti mereka akan perlahan-lahan muncul sehingga anak pada umur ini sungguh menarik. Bilik-bilik mereka mungkin akan ditampalkan dengan poster yang menggambarkan minat mereka seperti kereta, bolasepak atau hobi mereka.

Perkembangan Perasaan

Kanak-kanak pada umur sembilan hingga ke dua belas tidak suka dianggap kecil atau masih kanak-kanak. Mereka, khususnya lelaki, ingin dianggap sebagai orang yang berani. Jadi, mereka tidak suka menyanyi lagu yang terlalu menurut mereka “kekanak-kanakan.” Guru-guru boleh memilih lagu yang lebih sesuai dengan umur dan perkembangan mereka.

Guru-guru boleh menggunakan humor sewaktu bercakap-cakap dengan mereka. Mereka juga pandai berdebat dan agak ribut namun guru boleh mengajar mereka untuk mengawal emosi mereka. Guru-guru juga tidak boleh cepat tersinggung ataupun bersikap terlalu sensitif dengan perkataan-perkataan mereka yang berterus terang sahaja mungkin agak tajam juga. Walau bagaimanapun guru-guru boleh mengajar mereka untuk bersopan santun.

Perkembangan Sosial

Pada umur ini, mereka mulai memilih teman-teman yang sama jantina. Perubahan ini terjadi kerana minat dan hobi mereka mulai berbeza-beza dengan yang berlawanan jantina.

Kanak-kanak pada umur ini mampu melakukan pekerjaan berkelompok. Mereka boleh diajari mengambil peranan dalam memimpin dan mengetuai aktiviti tertentu. Mereka suka bertanding namun guru mesti peka dan menolong kanak-kanak yang kadangkala kecewa dalam pertandingan kalau gagal. Berkumpul dalam geng masing-masing mulai tampak dalam sifat mereka.

Mereka penuh dengan tenaga dan menikmati aktiviti seperti kunjungan sambil belajar atau permainan sambil belajar. Minat mereka terhadap hobi agak mendalam dan oleh kerana itu mereka suka berkongsi dengan kawan-kawan yang memiliki minat yang sama. Gurauan dan interaksi guru yang mesra memberi mereka lebih banyak minat untuk belajar.

Guru-guru boleh memikirkan topik yang sama untuk kumpulan mereka supaya mereka berasa lebih bersemangat lagi untuk datang ke kelas dan belajar dalam semangat geng. Perasaan diterima dan dihargai memberi mereka lebih banyak keyakinan. Guru boleh menekankan tentang kasih dan pengorbanan Allah yang tidak mempunyai batas dan syarat terhadap mereka.

Mereka boleh diajari untuk menghormati autoriti dan saling menghormati antara kawan-kawan mereka. Sikap yang mahu lebih berdikari daripada orang dewasa mewarni ciri umur ini. Peluang untuk mengutarakan perasaan mereka sungguh dihargai. Guru dan ibu bapa yang menglibatkan mereka dalam mengambil keputusan akan disukai. Ajarlah mereka bertanggungjawab atas segala keputusan yang dibuat oleh mereka, dan menerima padahnya. Ganjaran dan disiplin yang adil penting bagi anak pada umur ini. Namun, guru meyakinkan mereka akan Allah yang adil dan sungguh mengasihi kita, bersedia mengampuni dosa kita.

Harga diri ialah sesuatu yang mulai dipentingkan oleh anak-anak umur ini. Harga diri yang unggul datang daripada Tuhan Yesus boleh ditekankan. Harga diri yang tinggi kerana dicipta dalam gambar Allah, dan ditebus oleh darah Kristus sendiri boleh diajarkan kepada mereka. Penerimaan guru terhadap diri mereka segera diketahui mereka.

Perkembangan Rohani

Kanak-kanak ini penuh dengan tenaga dan semangat. Mereka bersiap bertumbuh lagi dalam Kristus Yesus kalau landasan sudah diletakkan sewaktu kecil kerana mereka mulai membezakan antara yang baik atau buruk. Ajaklah mereka untuk menyerahkan diri kepada Tuhan dan untuk melayani Tuhan dengan bersungguh-sungguh. Masa peralihan kepada remaja berada di ambang pertumbuhan mereka. Mereka mesti diajak untuk mengikuti persekutuan remaja selepas kelas enam. Guru mesti menolong mereka sehingga mereka boleh menyesuaikan diri untuk membuat satu transisi, kalau tidak, mereka akan mencari kumpulan kawan yang lain di luar gereja kerana waktu remaja rakan sebaya sungguh penting.

Kanak-kanak pada waktu ini penuh dengan pelbagai minat. Budak lelaki mulai suka dengan permainan bola sepak, menyukai sukan, habitat binatang, minat membaca buku-buku. Guru yang peka boleh menunjukkan minat terhadap minat mereka dan membincangkannya sewaktu mengajar. Guru boleh menceritakan pahlawan-pahlawan Alkitab, pengorbanan misionari-misionari dan mencabar mereka untuk hidup bagi Tuhan. Ini juga mengarahkan mereka untuk mencintai misi Tuhan yang luas terbentang di depan mereka kelak.

Persiapan Menghadapi Waktu Remaja

Waktu ini waktu terbaik untuk mempersiapkan mereka menghadapi segala perubahan yang akan dialami sewaktu remaja. Guru pada tahap ini boleh menekankan kepentingan mendengar kepada ibu bapa dan menghargai segala nasihat mereka. Keluarga adalah tempat mereka bertumbuh bersama dengan ahli-ahli anggota yang lain. Mereka harus bersikap taat kepada ibu bapa supaya mereka menjadi insan dan pemimpin yang baik.

Sikap Terhadap Gereja

Gereja ialah tempat mereka bersekutu dengan orang Kristian lain dan alangkah mustahaknya guru memastikan mereka mengikut persekutuan remaja. Dari gereja, mereka memperoleh hikmat dan belajar daripada pemimpin-pemimpin yang matang dan rohani. Datang ke gereja dengan sikap yang rela memberi dan melayani daripada hanya mahu ditolong atau memperoleh sesuatu mesti diajari kepada mereka.

Ruth Beechik mencadangkan perkara-perkara yang perlu diajari kepada kanak-kanak sekolah rendah untuk pertumbuhan rohani mereka:

1. Menerima dan mengakui Kristus Yesus sebagai Penyelamat dan Tuhan.
2. Kesedaran yang semakin bertumbuh tentang kasih orang Kristian dan tanggungjawab mereka dalam perhubungan mereka bersama dengan orang lain.
3. Terus membangun konsep-konsep dasar dan doktrin Kristian dalam diri mereka.
4. Mempelajari dasar-dasar yang cukup untuk iman peribadi dan kehidupan orang Kristian setiap hari dan pengajaran termasuk bidang berikut:
 - a. Doa harian
 - b. Bacaan Alkitab setiap hari
 - c. Persahabatan Kristian
 - d. Beribadat dalam kelompok
 - e. Tanggungjawab dalam melayani Tuhan
 - f. Pengetahuan dasar mengenai Tuhan, Yesus, Roh Kudus, ciptaan, malaikat, syurga, neraka, dosa, penyelamatan, sejarah Alkitab dan literturnya.⁷¹

Aktiviti Mana Yang Harus Dipilih Mereka

Ibu bapa harus menolong anak mereka membuat jadual. Jangan menggantikan persekutuan gereja dengan aktiviti sekolah. Sebaliknya, jangan tinggalkan aktiviti-aktiviti sekolah yang sihat. Jadual mesti diatur dengan baik dan menggalakkan mereka membuat keputusan memilih aktiviti-aktiviti yang berguna. Mereka perlu diajari jangan mengabaikan Tuhan kerana terlalu banyak aktiviti di luar. Ajari mereka membatasi aktiviti-aktiviti agar mereka boleh menghadiri sekolah minggu dan pengajian Alkitab.

Aktiviti-Aktiviti

Anak-anak pada umur ini suka mengambil peranan seperti memimpin lagu, menolong mengajar anak-anak yang lebih kecil, membuat projek dan kadangkala mengunjungi tempat lain untuk lawatan sambil

belajar. Lakonan dan kaedah main peran bolehlah lebih rumit sedikit kerana alam abstrak mereka mulai bermekar. Gereja kadangkala mempunyai klub atau persatuan yang berseragam bagi kanak-kanak pada umur ini. Pembentukan pasukan berseragam menarik perhatian mereka kerana ini memberi mereka keyakinan dimiliki oleh satu kumpulan.

Minda Mesti Dipengaruhi Untuk Tuhan

Pada umur sembilan hingga ke dua belas, guru boleh mengajar mereka mentaati ibu bapa mereka dan menjelaskan bagaimana Tuhan telah menetapkan ibu bapa untuk meletakkan batas-batas dalam kehidupan mereka demi kebaikan mereka. Pada umur ini, guru boleh mengajar mereka untuk menghormati autoriti yang ditetapkan oleh Tuhan dalam kehidupan mereka.

Guru dan ibu bapa harus mengambil kesempatan ini untuk menanam prinsip-prinsip dan amaran tentang pelbagai godaan sewaktu remaja seperti merokok, minuman keras, gangsterisme, perjudian, dan penagihan dadah kerana apabila mereka menginjak ke sekolah menengah, pengaruh teman-teman sebaya menjadi suatu kuasa tandingan dan kadangkala menjadi isu bagi mereka dan ibu bapa mereka.

Hobi dan Kesukaan Mereka

Hobi dan kesukaan seseorang mulai tampak jelas pada umur ini. Kalau mereka suka sukan, anda akan melihat gambar-gambar dan poster-poster bola atau pemain bola yang disukai oleh mereka. Alat-alat suka, motosikal kecil, kereta berlumba kecil, stem, diari, jurnal, ribbon, gambar-gambar yang menggambarkan citarasa mereka akan muncul dalam bilik mereka. Perhiasan mereka memberitahu kita mereka sedang mengambil identiti tertentu.

Pada umur ini mereka mempunyai minat yang semakin meningkat terhadap ilmu alam dan lebih memahami urutan sejarah. Guru-guru boleh mengambil peta, gambar-gambar kebudayaan zaman Alkitab dan membuat kelas mereka lebih menarik kepada kanak-kanak pada umur ini. Guru-guru boleh mengajar mereka tentang pemeliharaan alam seperti hutan, lautan, dan mengasihi alam semulajadi yang diberikan oleh Tuhan.

Pengajaran Alkitab Pada Umur Ini

Alkitab ialah firman Allah yang harus ditaati dan dijunjungi dalam kehidupan ini kerana firman Allah ini diilhamkan oleh Allah dan memberi rencana yang terindah untuk manusia. Alkitab dapat memberi mereka panduan untuk menjalani kehidupan yang benar dan berbahagia.

Selain itu, mereka perlu memahami ini sejarah perhubungan antara umat Tuhan dan Allah dalam panorama penyelamatan manusia. Alkitab tidak bercacat cela dan merupakan kebenaran Tuhan untuk semua manusia dan bangsa. Firman Tuhan perlu difahami dan diterapkan dalam kehidupan sehari-harian untuk mendatangkan berkat dan untuk menghadirkan Allah dalam setiap urusan perlu difahami anak-anak pada umur ini.

Sikap Terhadap Orang Lain

Waktu ini adalah waktu yang paling baik untuk menanam sikap seorang anak terhadap orang lain sebelum mereka menjelang remaja. Mereka boleh diajari untuk menghargai pemikiran dan pendapat orang lain serta bersikap bertimbang rasa terhadap orang lain dan tidak mementingkan keperluan diri sendiri.

Orang lain memerlukan pengertiannya khususnya ibu bapa mereka yang kadangkala mungkin lelah dan kesuntukan wang, maka mereka tidak dapat menunaikan segala permintaan mereka. Mereka pun boleh diajar untuk menolong ibu bapa dan mengampuni mereka kalau ada perselisihan faham. Sikap yang rela mendengar daripada memberi pendapat sendiri akan menolong mereka dalam persahabatan dengan orang lain.

Sikap yang jujur dan setia terhadap orang lain sungguh penting. Pada waktu ini, guru boleh menggunakan Tuhan Yesus sebagai idola yang mempunyai kesempurnaan sifat untuk diteladani. Ajaran-ajaran ini boleh diselipkan sewaktu guru mengajar dalam kelas atau pergi berkhemah dengan murid-muridnya. Guru boleh menanam sikap berbelas kasihan dengan membawa mereka ke tempat penginjan dan memberi mereka tanggungjawab yang tertentu seperti memberi makanan kepada anak-anak yang miskin.

Jadual Untuk Kanak-Kanak Sepuluh Hingga Dua Belas Tahun

Umur 10-12 Tahun	Doktrin/Ajaran
Tentang Tuhan	• Tuhan kita satu. Dia wujud dalam Tritunggal; Bapa, Anak dan Roh Kudus. • Tuhan kita suci, adil dan sempurna • Tuhan kita membenci dosa • Tuhan kita penuh dengan belas kasihan • Dia memelihara dan melindungi anak-anak-Nya • Tuhan Maha Kuasa dan tetap menguasai dunia • Tuhan ingin membimbing mereka dalam hidup mereka
Tentang Tuhan Yesus	• Kehidupan Tuhan Yesus boleh dijadikan corak hidup yang berteladan. • Tuhan telah menjelma menjadi manusia seperti yang dijanjikan para nabi, dan dilahirkan anak dara. • Tuhan Yesus telah menebus dosanya dan ingin dia menerima tebusannya. • Dia bangkit semula dan Dia akan kembali lagi.
Tentang Alkitab	• Alkitab tidak ada kesalahan dan diilham oleh Roh Kudus melalui penulis-penulis yang dibimbing oleh Roh Kudus. • Alkitab mempunyai jawapan dan bimbingan untuk kehidupan harian. • Alkitab menceritakan perhubungan umat Tuhan dengan Tuhan. • Alkitab adalah kebenaran firman Tuhan. • Alkitab boleh menolong kita menjalani kehidupan yang berkenan kepada Tuhan. • Kita harus mentaati firman Tuhan dan membacanya setiap hari. Ajari mereka Iman Rasuli.
Tentang Keluarga dan Ibu Bapa	• Ibu bapa adalah autoriti yang diletakkan Tuhan dan kepemimpinan mereka perlu dihormati. • Sebagai anggota keluarga, dia juga harus bekerjasama dengan Tuhan untuk menjadi berkat keluarganya. • Kasih dan tanggungjawab sebagai anggota keluarga sangat penting. • Mereka harus selalu berdoa untuk anggota keluarga mereka. • Mereka harus saling mengampuni.
Gereja	• Gereja ialah tempat untuk beribadat, mengaji firman Tuhan, berdoa, bersekutu antara umat Tuhan, belajar melayani bersama dengan anggota gereja yang lain dan belajar bersama dengan pemimpin-pemimpin, belajar memberi dan menjadi berkat kepada anggota-anggota gereja.
Orang Lain	• Orang lain memerlukan kasih, pertolongan, hormat, pengertiannya, saling mengampuni, saling menghormati
Masa Depan	• Tuhan mempunyai masa depan yang indah bagi umat-Nya, segala kejahatan akan ditamatkan, iblis akan dikalahkan, umat Tuhan akan bersama dengan Tuhan, yang tidak menerima Tuhan akan menderita kesengsaraan neraka.

BAB 18 : IDE-IDE KREATIF UNTUK SEKOLAH MINGGU

Mengajar memerlukan kreativiti agar perhatian kanak-kanak tidak melayang ke tempat lain atau menjadi bosan kerana mereka terlibat dengan aktif dalam proses pembelajaran. Frances E. Kendall berpendapat, *“Guru harus menggalakkan murid-muridnya untuk meneroka, untuk memulakan, untuk menyoal, untuk menimbang isu-isu yang sulit, dan menjadi murid-murid yang aktif dan bukan pasif.”*⁷²

Kreativiti tidak bererti guru tidak perlu membuat persiapan malah sebaliknya pengajaran yang kreatif memerlukan banyak persiapan tentang bagaimana melibatkan pelajar dengan bermakna. Pelajaran yang kreativiti tidak bererti permainan dan keseronokan yang bertali arus tanpa pengajaran serius. Pengajaran firman Allah mesti di rangkai dalam segala aktiviti atau permainan yang dikendalikan. Kreativiti boleh dilihat dalam perancangan acara istimewa, pujian, doa, proses pembelajaran dan sebagainya. Tema dan acara menarik dan bermakna dapat meningkatkan minat belajar pelajar. Tambahan pula, Tuhan telah menciptakan manusia kreatif!

Kelebihan Cara Pengajaran Yang Kreatif

Pengajaran kreatif mendatangkan nikmat dalam pelajaran dan menolong pelajar mengingat yang dipelajari lebih lama. Selain itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti membuat pembelajaran lebih bermakna dan melatih mereka berfikir dengan lebih mendalam. Anak-anak mengalami tahap pembelajaran yang tinggi kerana mereka dapat mengungkapkan perasaan serta minda mereka. Dengan kaedah kreatif, seorang guru dapat menjelaskan konsep Alkitab dengan lebih jelas dan nyata.

Mel Silberman yang arif dalam pembelajaran aktif merumuskan “Credo Pembelajaran Aktif” dalam pengajaran:

“Apa yang saya dengar, saya lupa.

Apa yang saya dengar dan lihat, saya ingat sedikit.

Apa yang saya dengar, lihat dan mengemukakan soalan ataupun membincangkannya, saya mula memahaminya.”⁷³

Untuk Kanak-Kanak

1. Kanak-kanak boleh terlibat dalam menyampaikan semula cerita firman Tuhan secara kreatif menurut gaya mereka. Guru-guru boleh menyediakan alat-alat atau gambar-gambar yang boleh diguna oleh kanak-kanak. Mereka boleh mengadakan lakonan peran atau melakonkan sesuatu secara singkat. Dalam proses ini murid-murid boleh terlibat dalam penulisan skripnya.
2. Bolehkah kanak-kanak terlibat dalam membuat satu laporan untuk “suratkhabar” atau bekerjasama untuk berpura-pura melaporkan sesuatu di televisyen. Mereka boleh memodenkan cerita Alkitab untuk laporan kini.
3. Biar mereka merancangkan satu drama kecil dengan menggunakan boneka atau puppet yang disediakan untuk mereka. Bagaimana kalau mereka membuat boneka kertas sendiri dan menyampaikan ceritanya? Kanak-kanak yang lebih dewasa boleh menolong mereka yang lebih kecil.
4. Tutupkan mata anda, bayangkan anda sedang berjalan di padang dan mendengar kicauan burung, lihat bebunga yang bergoyang-goyang dan rerumput hijau yang menyenangkan. Bagaimanakah perasaan anda? Guru-guru, boleh membaca Firman Tuhan Yesus tentang kekhuatiran lalu secara perlahan-lahan mengucapkan sesuatu untuk menolong anak-anak menerapkan firman Tuhan seperti jangan terlalu khuatir peperiksaan UPSR mereka.
5. Setiap kelompok boleh melukiskan satu babak cerita daripada satu kitab yang dikaji dalam kelas dalam kertas mahjong dan kemudian menampalnya dalam kelas. Seorang wakil menceritakan lukisan dan menjelaskannya.
6. Galakkan mereka menulis kad penghiburan kepada kawan-kawan, nenek, datuk, ibu bapa tentang Tuhan yang Maha Kasih, Maha Tahu, Maha Kuasa (salah satunya), pilih ayat Alkitab, merancang

sajak kecil dan hiaskan kad itu kemudian berikannya kepada orang lain.

7. Kumpulkan doa-doa kanak-kanak, buat satu buku sederhana yang boleh diberikan kepada kanak-kanak lain untuk dibaca.
8. Ajar anak-anak menginjili orang lain dengan menggunakan buku berwarna yang tidak ada perkataan. Warna kuning untuk melambangkan kemuliaan syurga, hitam untuk melambangkan dosa, putih untuk melambangkan kekudusan, merah untuk melambangkan darah Kristus dan hijau melambangkan kehidupan rohani yang semakin bertumbuh. Mereka boleh mencubanya atas kawan-kawan mereka yang bukan Kristian.

Acara Menarik

a Penciptaan

1. Kanak-kanak boleh diminta untuk membawa bunga, daun atau siput-siput yang berbeza ke kelas dan kemudian guru meletakkan ke dalam pasu atau baldi bulat. Pelajar diajak berdiri dalam lingkaran untuk menghayati keindahan Tuhan lalu berlutut menyembah Tuhan. Guru boleh memberi setiap anak secarik kertas yang mengandungi satu kalimat untuk memuji Tuhan Pencipta dan membuat proses penyembahan ini sungguh bermakna.
2. Bawakan sehelai kertas besar ke kelas, pelbagai pewarna, minta setiap anak menurunkan cap ibu jari. Guru menjelaskan bahawa setiap orang sungguh unik dan istimewa. Mereka boleh menuliskan satu kelebihan mereka dan bersyukur kepada Tuhan dan menulis satu ayat di tepi cap ibu jari mereka. Jelaskan beberapa aspek menarik dalam Mazmur 139.

b Sikap Waktu Beribadat

Topeng – Orang Farisi (memakai topeng) angkuh dan Pemugut Cukai (memakai topeng yang bermimik orang yang rendah hati) tampil di hadirat Tuhan. Kanak-kanak akan melakonkan gerak geri kedua-dua orang ini ketika datang ke hadirat Tuhan dan guru memanggil seorang anak yang lebih besar membaca Lukas 18:9-14. Guru mesti mengulas dan mengajar tentang perbezaan sikap yang angkuh dan orang yang rendah hati kepada Tuhan.

c **Mempercayai Tuhan**

Pilih empat pasangan sukarelawan untuk aktiviti ini. Letakkan empat baris benda-benda dan kemudian menutup mata satu orang dalam setiap pasangan dengan mengikat kain. Seorang daripada pasangan itu akan membimbing pasangannya untuk berjalan ke garis akhir namun orang yang dibimbing harus mendengar bimbingan pasangannya dan tidak boleh memijak benda-benda. Yang lain akan melihat aktiviti ini.

Setelah itu kemukakan pertanyaan:

1. Siapa yang paling mempercayai pasangannya?
2. Siapa yang paling berhati-hati mendengar segala bimbingan pasangannya?
3. Kemudian guru boleh berbincang tentang Kejadian 12:1-6. Tuhan menyuruh Abraham untuk meninggalkan negaranya ke tempat yang jauh. Tuhan menjadikan Abraham akan menjadi bapa satu negara yang hebat. Abraham mempercayai Tuhan dan menggembara di seluruh negara Kanaan. Isterinya semakin tua namun Abraham tetap mempercayai Tuhan dan akhirnya mereka mendapat seorang anak bernama Ishak.
4. Tanyakan anak-anak bagaimana mereka mempercayai Tuhan dalam kehidupan mereka.

d **Pujian**

1. Domba Sesat

Suasana pujian yang menarik dan bermakna sangat penting dalam Sekolah Minggu kerana ia menyiapkan kanak-kanak untuk pelajarannya. Pilih seorang anak sebagai Sang Gembala dan seorang anak lagi sebagai domba yang sesat. Sang Gembala ditugaskan untuk mencari domba dan matanya ditutup dengan saputangan. Kanak-kanak lain akan menyanyikan lagu sewaktu Sang Gembala mencari-cari. Kalau kanak-kanak menyanyikan lagu-lagu itu dengan lantang, ini bererti domba semakin dekat dengannya. Kalau domba semakin jauh, suara mereka semakin tidak lantang. Sewaktu Sang Gembala mendapat domba itu, semua anak sekolah minggu bertepukan tangan. Guru mengulas tentang cinta kasih Tuhan Yesus sebagai Sang Gembala.

2. Buah-Buahan

Pemimpin pujian menyediakan beberapa kad buah-buahan yang digunakan untuk memimpin anak-anak Sekolah Minggu untuk menyanyi. Kanak-kanak sekolah minggu dibahagikan kepada beberapa kelompok dan setiap kelompok diberikan nama satu buah: rambutan, durian, epal... Sewaktu pemimpin pujian menunjukkan epal, kelompok epal akan menyanyi kemudian dia akan menunjukkan buah-buahan lain. Kelompok menyanyi secara bergantian. Gerak geri ini boleh bergerak dari perlahan ke cepat atau rancak.

3. Kasih-Nya Seperti Sungai

Kanak-kanak menunjukkan gerak geri sungai yang mengalir. Apabila sungai itu mengalir dengan tenang, mereka menunjukkan sungai yang mengalir dengan tenang dan perlahan-lahan. Lalu, sungai mengalir dengan lebih deras, mereka akan menunjukkan dengan gerakan tangan. Mereka juga menunjukkan dengan tangan yang membual-bual. Bahagikan kanak-kanak menjadi tiga kelompok menggayakan tiga gerak geri yang berbeza sewaktu menyanyi lagu tentang kasih-Nya seperti sungai. Guru boleh menjelaskan bahawa air Tuhan mesti membual-bual dalam hidup kita.

4. Lagu – Tuhan Mengasihi Semua Anak

Lagu:

Yesus cinta segala bangsa, segala bangsa di dunia.

Putih, hitam, kuning, merah, semua Tuhan cinta

Yesus cinta segala bangsa di dunia

Sediakan gambar besar beberapa jenis bangsa di dunia yang terdiri daripada pelbagai warna. Beberapa anak dipilih untuk memegang gambar anak daripada pelbagai bangsa. Sewaktu anak-anak menyanyi, anak yang memegang bangsa-bangsa itu akan berdiri. Tunjukkan anak-anak pelbagai bangsa di dunia dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan mereka di power point. Perbezaan makanan mereka, tempat tinggal mereka dan sebagainya. Pendekatan ini juga mendedahkan anak-anak kepada bangsa dan suku lain.

Ayat Hafalan

Menolong kanak-kanak menghafal firman Tuhan tidak seharusnya membosankan kanak-kanak sebaliknya menyenangkan. Dengan menghafalkan ayat-ayat Alkitab, kanak-kanak dapat mengingatnya semula dan merasa dekat dengan firman Tuhan. Guru-guru yang memakai pelbagai kaedah yang kreatif untuk menolong kanak-kanak menikmati saat indah bersama dengan firman Tuhan bukan sesuatu yang memaksa dan menjemukan.

a Penutupan Perkataan

Tuliskan perkataan-perkataan ayat-ayat hafalan pada kadbod yang digunting dan dihiasi indah. Susunkan ayat ini dengan baik dan membacanya kepada kanak-kanak serta menjelaskan maksudnya menurut konteks pelajaran anda. Kanak-kanak membaca ayat ini dua kali, kemudian perkataan pertama akan ditutupkan. Kanak-kanak akan menghafal lagi kemudian perkataan kedua ditutupkan sehingga semua perkataan ditutupkan. Lalu mereka menghafal tanpa melihat ayat tersebut. Cikgu menjelaskan ayat itu.

b Lagu Singkat

Suruh kanak-kanak membuat satu lagu singkat dengan ayat itu dan mereka boleh memainkan muzik setelah menyanyinya. Kalau guru berbakat muzik, dia boleh menolong kanak-kanak mengubal lagu dan irama mereka daripada ayat hafalan itu.

c Persaingan Kelompok

Bentukkan beberapa kelompok kanak-kanak dan minta mereka menghafal ayat untuk persaingan. Kemudian mereka akan berlomba menyusun ayat hafalan; kelompok yang pertama memenangi pertandingan akan diberikan hadiah sederhana.

d Gerak Geri

Kanak-kanak dibahagikan kepada pasangan dan mereka akan berusaha mengingat ayat hafalan mereka melalui pelbagai gaya, melukiskan imej di samping setiap perkataan, gerak geri, lagu atau yang lain. Setelah itu mereka akan menunjukkan kepada anak-anak yang lain.

e Permainan

Kata-kata ayat hafalan dilekatkan di bawah kerusi atau meja yang berada dalam kelas. Kanak-kanak harus mencarinya lalu menyusunnya. Anda boleh mengatur sehingga mereka bersaing dalam kelompok.

f Buat beberapa telapak kaki besar

Setiap anak akan melompat ke atas telapak kaki yang mempunyai perkataan ayat hafalan itu dua atau tiga kali. Setelah itu mereka akan melompat sambil mengutarakan perkataan itu.

g Kad Bergambar

Tunjukkan kad bergambar dan satu kad dengan perkataan atau perkataannya. Kemudian tunjukkan gambar tanpa perkataan setelah mereka hafal.

h Jigsaw Puzzle

Jigsaw puzzle – suruh anak-anak menyambungkan ayat/perkataan yang digunting kepada beberapa kepingan.

i Menyusun Kad

Campur aduk semua kad sehingga murid-murid mesti menyusunnya.

j Giliran Menghafal

Menyanyi lagu sambil mengedar Alkitab daripada seorang anak kepada seorang anak yang lain. Apabila lagu itu dihentikan, anak itu mesti membuka ayat hafalannya dan membaca ayat itu. Selepas mainan itu, semua orang akan menghafalkan ayat itu.

k Giliran Berkelompok

Semua yang memakai merah sebutkan ayat hafalan, rambut pendek, memakai topi dan sebagainya.

l Boneka

Gunakan boneka, sewaktu anda menyebut ayat hafalan itu, boneka yang dipegang anak itu pun menyebutnya.

m Pelbagai Gaya Menghafal

Sebutkan ayat hafalan ini dengan suara yang sangat lantang dan kemudian membisik sahaja, sangat lambat lalu sangat cepat.

n Catatan Buku Kecil

Beri buku kecil untuk mencatat ayat hafalan.

o Ayat Hafalan

Sengaja beri satu ayat hafalan dengan satu atau dua perkataan yang salah. Suruh mereka membandingnya dalam Alkitab dan kemudian menghafal bersama.

Acara Penutup

1. Guru-guru sekolah minggu boleh mencari doa, sajak atau lagu yang bermakna untuk menolong kanak-kanak bermula ibadat dan menutupnya dengan penuh bermakna. Doa atau lagu sama ini boleh dijadikan sebagai tradisi awalan dan penutupan sekolah minggu. Namun, doa, sajak dan lagu ini harus mengundang kehadiran Tuhan dan penyembahan kepada Tuhan.
2. Guru-guru juga boleh memikirkan ikrar yang bermakna dan mendorong kanak-kanak untuk mengasihi dan melayani Tuhan.

Untuk Belia**a Latihan Berfikir dan Berinteraksi**

Kalau anda memberi ceramah atau mengundang orang lain untuk berceramah, jangan hanya membiarkan mereka mendengar sahaja. Latihkan belia untuk berfikir dan berinteraksi dengan yang dipelajari atau didengar oleh mereka.

Corakkan tugas bagi mereka. Sewaktu mereka mendengar ceramah, mereka memberi respon. Setelah ceramah, pada sesi lain, guru boleh berbincang dengan mereka.

- a. Kemukakan empat soalan dari ceramah yang anda dengar.
- b. Nyatakan dua hal yang kamu setuju dan kenapa?
- c. Beri komen atau bantahan terhadap sesuatu yang anda tidak setuju. Kenapa?
- d. Tuliskan hal-hal baru yang boleh anda sumbangkan.
- e. Berikan satu ide baru mengenai topik ini.

b Suratkhobar

Bawa suratkhobar, bacakannya dan berbincang bagaimana melihat dari sudut pandangan Alkitab, dan berdoa untuk orang yang disebutkan. Kaedah ini boleh digunakan untuk mereka yang lebih dewasa.

Contohnya:

Baca cuplikan dari suratkhobar dan nyatakan hukum manakah dalam Sepuluh Hukum yang dilanggarkan rakyat Malaysia:

- a. “Pelabur hanya boleh berputih mata kerana pengusaha pelaburan haram telah melarikan 28 juta wang pelanggan.” (Berita Harian, 13hb. Okt, 2009).
- b. “Hasil siasatan mendapati wanita itu mengaku melahirkan bayi perempuan tersebut pada Hari Khamis lalu. Bagaimanapun bayi itu mati setelah tidak diberi makan atau minum selepas dilahirkan.” (Utusan Melayu, 19hb. Okt 2009).

c Sumbangan Pendapat

Topi diedarkan untuk mendapat pendapat tentang bagaimana menerapkan Firman Tuhan. Pelajar boleh menulis sebanyak yang dapat mereka fikirkan dan guru-guru kemudian akan membacanya dalam kelas lalu berbincang.

d Penglibatan Dalam Pelajaran

Corakkan kad undangan untuk ke satu jamuan perkahwinan istimewa. Anak-anak harus menjawab adakah mereka akan datang ke jamuan atau tidak. Suruh sesetengah anak untuk menjawab “tidak” dengan alasan mereka sendiri. Setelah itu guru boleh mengumpulkan semua kad dan membaca alasan mereka yang tidak boleh datang.

Guru boleh mengajar daripada Matius 22:1-14. Jelaskan bahawa orang Yahudi memikirkan mereka adalah umat pilihan istimewa dan mereka tidak perlu menerima undangan mengikut Yesus (tidak menerima undangan untuk datang ke jamuan). Tuhan membuka kesempatan kepada semua orang untuk datang dan mempercayai-Nya. Dia menyuruh hamba-Nya ke jalan dan lorong-lorong untuk mengundang orang ramai ke jamuan itu.

e Pelajar-Pelajar Belajar Mengajar

Guru belia boleh mengambil kesempatan melatih guru-guru baru untuk generasi berikut dengan memberi pelajar-pelajar kesempatan mengajar rakan sebaya. Sesuatu subjek dapat dikuasai dengan baik kalau ia dapat diajarkan kepada orang lain. Guru boleh mengajar pelajar tersebut cara mencari bahan ataupun memberi nasihat bagaimana mencari sumbernya, kaedah pengajaran yang digunakannya. Pendekatan ini bukan hanya melatih guru-guru untuk generasi berikut tetapi memberi lebih banyak keyakinan kepada belia dan membentuk pemimpin yang arif mengajar. “Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak orang saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cekap mengajar orang lain” (2 Timotius 2:2).

f Perbandingan

- a. Minta pelajar-pelajar yang rela terlibat dalam lakonan peran untuk menunjukkan pelbagai sikap dan konflik dengan ibu bapa.
- b. Tunjukkan teknik asas lakonan peran kalau mereka tidak biasa menggunakannya.
- c. Dua pasangan yang akan melakon sebagai anak remaja dan ibu mereka.
- d. Wujudkan satu senario dan jelaskannya kepada kelas.
- e. Sepasang pelakon sukarelawan meninggalkan kelas sewaktu pasangan yang pertama melakonkan konflik antara ibu dan anak atas isu yang dikhususkan oleh guru.
- f. Pasangan kedua akan masuk setelah pasangan pertama melakon lakonan peran yang sama.
- g. Pada akhir sesi, kelas akan berbincang tentang lakonan tersebut. Mereka melihat apa yang menjadi punca konflik itu dan kemudian memberi nasihat serta berusaha melihatnya dari sudut firman Tuhan.

g Pendekatan Sidang Akhbar

- a. Beritahu penceramah tamu dan pelajar-pelajar anda bahawa sesi ini dijalankan seperti sidang akhbar. Berikan topik kepada penceramah tamu dan murid-murid agar mereka dapat menyiapkan diri dengan baik. Penceramah tamu perlu membentangkan beberapa kenyataan permulaan dan menjelaskannya kepada pelajar-pelajar. Kemudian, pelajar-pelajar akan mengajukan pertanyaan, dan penceramah akan menghuraikan topik itu.
- b. Sebelum penceramah tamu datang, bahagikan pelajar-pelajar anda kepada beberapa kelompok untuk membincang soalan-soalan yang akan dikemukakan. Mereka tidak boleh keluar daripada fokus topik itu dan terbatas kepada skop yang diberikan.
- c. Guru boleh membahagikan ceramah itu kepada beberapa pusingan. Pusingan pertama, kedua dan ketiga agar mereka boleh berehat sebentar. Setiap pusingan mungkin 15 minit.
- d. Setelah itu pelajar-pelajar akan menulis laporan mereka. Pendekatan ini memperbolehkan pelajar-pelajar untuk berfikir, berinteraksi dengan penceramah, mengemukakan apa yang dalam fikiran mereka.

h Penemu Bual

- a. Berikan pelajar-pelajar satu perenggan Alkitab yang ingin dibahaskan, contohnya, cara Deborah memimpin umat Israel pada waktu krisis.
- b. Bahagikan pelajar-pelajar anda menjadi dua kelompok. Satu kelompok akan menjadi penemu bual dan satu kelompok akan memberi jawapan.
- c. Berikan mereka waktu untuk berbincang tentang perenggan Alkitab yang anda berikan dan kemudian sesi itu akan dimulai.
- d. Minta pelajar-pelajar mengarang soalan yang lebih memerlukan pemikiran untuk menjawabnya.

- e. Sewaktu penemu bual dilakukan, mereka tidak boleh melihat Alkitab lagi kerana semua harus sudah disiapkan sebelum sesi ini bermula.
- f. Guru memberi ajaran dan nilai-nilai yang belum dilihat oleh pelajar-pelajar.

KESIMPULAN

Setiap pelajar kita ciptaan istimewa daripada Tuhan, mereka dikurniakan dengan pelbagai bakat dan kreativiti. Cara-cara yang paling berkesan sewaktu belajar ialah penggunaan kreativinya kerana aktiviti-aktiviti yang kreatif akan merangsang keinginan belajar yang lebih mendalam tanpa paksaan. Cara-cara yang kreatif menolong proses pembelajaran lebih menyeronok dan bermakna kerana pelajar-pelajar boleh menggunakan bakat dan kelebihan mereka untuk menyumbang kepada pembelajaran semua pelajar. Selain itu, mereka juga belajar mengawal situasi dan merasa bagai pemenang dalam proses pembelajaran.

BAB 19 : PEMBENTUKAN KEROHANIAN KANAK-KANAK

Bagaimanakah kita menjelaskan ertinya pembentukan kerohanian?

Menurut John M. Dettoni, *“Pembentukan ialah perkataan pertama dalam pembentukan kerohanian (Galatia 4:19). Perkataan akarnya “morphe” juga ditemukan dalam Rom 12:2, 2 Korintus 3:18. Ia mencadangkan agar manusia dalaman atau batin diubah secara radikal sehingga tidak sama lagi. Informasi tidak dapat mendatangkan perbezaan. Orang yang menerima maklumat ini harus dibentuk semula dan secara sistematik diubah oleh transformasi yang aktif daripada data untuk dirinya. Tuhan sedang membentuk kita semula iaitu intipati keberadaan kita sehingga kita ditransformasi kepada sesuatu yang agak berbeza. Ia bukan sekadar perubahan luar tetapi metamorfosis daripada satu bentuk kepada bentuk yang baru dan lebih baik. Kita diubah daripada yang lama kepada yang baru yang “dalam Kristus” dan disamakan dengan gambar-Nya.”*⁷⁴

Alister Mc. Grath berkata, *“Kerohanian ialah proses pembaharuan dan kelahiran semula melalui pekerjaan Roh Kudus yang menjadikan kita lebih seperti Kristus. Ia mengenai pertumbuhan rohani dan juga perkembangan setiap aspek kehidupan kita.”*⁷⁵

Selanjutnya, dia melihat kerohanian sebagai suatu usaha yang kreatif dan dinamik untuk menggabungkan iman dan hidup, yang diusahakan daripada kerinduan untuk menghidupkan iman Kristian dengan tulen, bertanggungjawab, berkesan dan sepenuhnya.

Kedua-dua penjelasan ini jelas mementingkan perubahan dalam manusia dalaman seseorang sehingga menyerupai gambar Tuhan. Pembentukan kerohanian tidak terjadi dalam vakum tetapi mesti dirangkaikan dalam corak kehidupan harian. Pembentukan rohani tidak terjadi tanpa melibatkan kenyataan hidup dalam suatu masyarakat dan kebudayaan. Jadi, pengajaran doktrin dan firman Allah tanpa

dikaitkan dengan selok belok kehidupan sehari-harian tetap menjadi maklumat kering.

Potensi Kerohanian Kanak-Kanak

Kanak-kanak berpotensi lebih tinggi untuk dipupuk kerohanian mereka kerana mereka terbuka kepada Tuhan dibandingkan dengan orang dewasa.

Catherine Storehouse memerhatikan *“Dengan mudah kanak-kanak menanggapi kenyataan yang luarbiasa dan tinggi dan lebih terbuka kepada Tuhan dibandingkan dengan banyak orang dewasa. Mereka telah dilahirkan dengan potensi untuk pengalaman rohani dan Tuhan yang merangsang potensi ini.”*⁷⁶

Kerohanian Yang Aktif Dalam Guru-Guru dan Ibu Bapa

Guru dan ibu bapa yang mengasihi Tuhan selalu berharap kehidupan rohani setiap anak bertambah lebih mendalam dan kerinduan mencari kebenaran sentiasa hangat, semakin intim, dan komitmen bertambah teguh. Memang tidak dapat dinafikan kanak-kanak yang bertumbuh sihat rohani acapkali juga sihat dalam aspek lain.

Hal terutama ialah kehidupan rohani ibu bapa mesti selalu mengalir dan dirasakan oleh anak-anak mereka. Tekanan masyarakat sekular, udara suasana yang kita hirup menyusahkan tugas ibu bapa. Namun, Francis Schaffer bertanya, *“Adakah anda akan duduk di kerusi materialistik (kebendaan), yang tidak percaya kepada campur tangan Tuhan, atau dalam kerusi yang tahu bahawa Tuhan berkarya dengan tidak terhenti-henti dalam dunia kita.”*⁷⁷ Kalau ibu bapa dan guru-guru duduk di kerusi kebendaan dan sama sekali tidak rohani, jangan harapkan anak-anak kita duduk di kerusi rohani.

Rasul Paulus berkerohanian luarbiasa berani mencabar pengikut-pengikutnya untuk mengikuti teladannya. *“Saudara-saudara, ikutlah teladanku dan perhatikanlah mereka, yang hidup sama seperti kami yang menjadi teladanmu”* (Filipi 3:17). Kalau ibu bapa tidak pernah berdoa, jarang membaca Firman-Nya, dan ibadat tidak pernah menyala dalam rumah, nescaya kerohanian anak mereka malap kecuali anugerah Tuhan yang bercampur tangan membentuknya.

Pengalaman dan kesempatan yang disediakan oleh orang dewasa untuk membentuk kerohanian seorang anak sangat mustahak.

Pertumbuhan rohani tidak terjadi dalam vakum tetapi dalam suasana dan perhubungan dengan orang dewasa. Kesempatan yang diwujudkan secara formal dan tidak formal akan menolong seorang anak membentuk kerohaniannya. Seorang anak kecil ataupun anak remaja dapat dengan segera menghirup kerohanian ibu bapanya mahupun anggota gereja mereka.

a Percaya

“Percayalah kepada TUHAN dengan segenap hatimu, dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri” (Amsal 3:5).

Kita mengajar kanak-kanak untuk percaya kepada Tuhan dengan segenap hati kerana kalau mereka tidak percaya kepada Tuhan tentu mereka akan mempercayai lain. Mereka akan mempercayai diri sendiri dan sumber ajaran yang lain. Guru-guru dan ibu bapa harus berusaha untuk menolong mereka percaya akan kewujudan Allah, sifat Allah, kebenaran Allah, kuasa Allah, kasih Allah, kasih setia Tuhan dan pertolongan Allah. Ibu bapa harus menolong mereka memahami Tuhan Yesus sebagai Penyelamat yang istimewa dan dijanjikan. Ajari kanak-kanak mempercayai belas kasihan, rahmat, pengampunan Tuhan, kuasa doa, penebusan dosa oleh Tuhan Yesus, kuasa Tuhan, dan rancangan Tuhan setiap masa dan jangan tangguhkan.

Cara orang dewasa memperlakukan seorang anak mempengaruhi pengalaman kerohaniannya. Kalau seorang anak mengalami pengalaman pahit nescaya dia sulit mempercayai manusia dan Tuhan kelak. Erik Erikson memerhatikan bahawa dalam diri anak terbentuklah sifat percaya atau tidak percaya. Sentuhan, kasih, tanggungjawab, perlindungan, senyuman dan kata-kata membangun daripada ibu bapa akan mengembangkan sikap yang percaya. Seorang anak lebih mudah memahami dan menanggapi maksud ‘percaya kepada Tuhan daripada sikap dan sifat kita bukan sekadar kata-kata sahaja.

Guru-guru sekolah minggu yang mesra, mengasihi, sabar dan melindungi memberi gambaran positif kepada anak. Sikap, pertuturan, dan kasih kita dengan secara automatis menyediakan suasana yang memampukan anak memahami dan percaya kepada Tuhan. Suara yang menenking, sikap yang suka pilih kasih, membezakan warna kulit, dan mementingkan kekayaan bapanya segera akan diresapi oleh seorang anak. Ajaran kita tentang kasih, keadilan, kasih setia tidak masuk akal seorang anak kalau sikap kita bertentangan dengan ajaran.

b Melihat Keindahan Allah

Guru-guru dan ibu bapa harus menolong seorang anak melihat keindahan, keperkasaan, kemuliaan dan kekudusan Allah. Pemazmur dalam Mazmur 145:4-12 berkata, “Angkatan demi angkatan akan memegahkan pekerjaan-pekerjaan-Mu dan akan memberitakan keperkasaan-Mu...Mereka akan mengumunkan kemuliaan kerajaan-Mu, dan akan membicarakan keperkasaan-Mu, untuk memberitahukan keperkasaan-Mu kepada anak-anak manusia dan kemuliaan semarak kerajaan-Mu.” Pembentukan rohani bukan hanya sekadar mengajar apa yang salah dan betul tetapi juga ajaran yang memampukan kanak-kanak menghayati sifat Allah yang Maha Kuasa, Maha Mulia, Maha Penyayang, dan yang layak dipuji dan disembah. Didiklah kanak-kanak untuk memahami bahawa Tuhan memberi kebahagiaan yang tertinggi dan yang memuaskan.

Pemazmur banyak menggunakan bahasa gambar sewaktu menjelaskan sifat Allah. Kasih-Nya begitu dalam seperti lautan, tinggi seperti langit atau Gunung Kinabalu, kekuatan-Nya bagai gunung batu, damai-Nya bagai sungai, Dia menjaga aku bagai seorang gembala. Gunakan gambar dan foto kreatif untuk menghayati keindahan Allah dan menjelaskan sifat Allah. Ajarlah anak bertenang di hadirat Tuhan dan memuji Tuhan berdasarkan apa yang dipelajarinya daripada konsep daripada gambar tersebut.

Ajarlah kanak-kanak keindahan dan kebahagiaan menghayati keindahan Allah dalam jiwa mereka.

Maurice Roberts menulis, *“Kenikmatan dan perasaan yang menyenangkan jiwa sangat penting dalam kehidupan seseorang yang percaya kerana ia akan meningkatkan kepuasan kita. Kita tidak ditetapkan untuk kehidupan yang gersang, kegembiraan rohani sangat penting. Orang Kristian yang tidak ada pengalaman yang hangat mulai terpedaya untuk memuaskan emosinya dengan hal-hal duniawi dan bukan daripada Roh Allah. Jiwa kita memang merindui pemuasan dari perkara luaran dan akan memeluk kegembiraan duniawi kalau tidak dipuaskan dengan hal-hal rohani... Seorang penganut berada dalam keadaan kebahayaan rohani kalau dia mengizinkan dirinya tanpa menikmati kasih Kristus dan penghiburan kehadiran-Nya selama suatu jangka waktu. Apabila Kristus tidak memenuhi hati kita dengan kepuasan-Nya, jiwa kita akan beredar dan secara sunyi-sunyi kita mencari kekasih-kekasih lain.”*⁷⁸

c Mencorak Menurut Kehidupan Kristus

Teladan hidup Tuhan Yesus harus menjadi corak yang dicontohi oleh anak-anak mahupun ibu bapa mereka. Mencorakkan kehidupan kita berdasarkan kehidupan Kristus harus dimulakan dengan melihat kehidupan-Nya dan hubungan-Nya dengan Allah Bapa. Ajarlah seorang anak untuk menghayati kehidupan Tuhan Kristus Yesus khususnya cara Dia berdoa, bagaimana Dia naik ke gunung untuk berdoa, puasa-Nya di padang belantara, bagaimana Tuhan Yesus membaca Firman-Nya, dan bagaimana Dia mengampuni orang lain. Ajarlah cara Yesus dalam Injil secara jelas dan ajar bagaimana menerapkan dalam kehidupan sehari-harian.

“Salah satu cara yang konkrit untuk mengikut Yesus melibatkan mencorakkan kehidupan kita menurut corak kehidupan-Nya. Pencorakan ini bererti kita berusaha melakukan apa yang dilakukan-Nya. Dengan lain perkataan, hidup yang penuh dengan doa, pelayanan yang sunyi, pembacaan firman Tuhan, meditasi, ibadat, berpuasa dan sebagainya. Sering, kita ingin mengikut tindakan awam-Nya yang hebat seperti cara Dia mengampuni musuh-musuh dari kayu salib namun kita belum mahu mengikut ibadat-Nya yang sunyi. Yesus melakukan tindakan yang hebat kerana Dia mendisiplin hidup-Nya dengan disiplin rohani.”⁷⁹

Pembentukan rohani seorang anak bermula dengan disiplin rohani dan ibadat dan bukan menyenaraikan satu senarai peraturan untuk diikuti sahaja. Kehidupan rohani dan firman Tuhan yang hidup haruslah menjadi benih yang kita ingin lihat bercambah, bertunas, bercabang dan berbuah dalam Kerajaan Allah.

d Mengenal Sifat Allah

Sifat-sifat Allah perlu diajari kepada kanak-kanak sejak mereka masih kecil lagi bukan dengan cara yang abstrak tetapi dengan cara yang berkaitan dengan kehidupan dalam situasi khusus. Anak-anak harus diajar mengucapkan syukur atas sifat-sifat Allah.

1. Maha Hadir

Kalau seorang guru menjelaskan bahawa Allah Maha Hadir tanpa menjelaskan cerita, mereka mungkin tidak memahaminya. Guru boleh menceritakan cerita Yunus yang berusaha melarikan diri dari hadirat

Allah. Allah hadir bersama dengan Daniel dan kawan-kawannya dalam gelanggang singa dan obor api. Allah Maha Hadir bererti kita selalu memuliakan Dia dalam tingkah laku dan pertuturan kita. Kita boleh berdoa dan bercakap dengan-Nya di mana saja kita berada; Yunus berdoa dalam perut ikan. “Berdoalah Yunus kepada TUHAN, Allahnya dari dalam perut ikan itu...” (Yunus 2:1). Sewaktu dalam perjalanan ke sekolah mereka boleh memuji Tuhan. Pokoknya, seorang anak harus tahu dia boleh merasa kehadiran Tuhan bila-bila dan mana sahaja, dan berdoa setiap waktu.

2. Maha Setia

Allah kita setia dan Dia melakukan seperti yang dijanjikan-Nya. Kehidupan Yusuf penuh dengan penderitaan namun Allah setia dan mempunyai rancangan yang indah bagi kehidupannya dan negaranya. Semua penganiayaan dan penderitaan yang dialaminya sedang menyiapkan perjalanan Yusuf ke Mesir untuk menyelamatkan negaranya dari kelaparan. Allah yang setia tidak pernah meninggalkan Yusuf bahkan dalam penjara.

Ajarlah anak untuk berdoa dan percaya kepada kesetiaan Allah walaupun mereka sakit, atau menghadapi masalah lain. Allah yang Maha Setia akan melindungi dan menghiburnya sewaktu dia sakit asma.

3. Maha Tahu

Tuhan yang Maha Tahu mengetahui segala masalah yang anak alami. Sewaktu anak takut, Dia tahu akan keadaannya dan seorang anak tidak bersendirian. Mengetahui bahawa Allah kita Maha Tahu juga bererti kita selalu menjunjung Allah dalam perbuatan kita (Mazmur 139). Sekalipun kita berada di permukaan bumi yang paling dalam pun Allah berada di sana.

Ceritakanlah kepada anak-anak dalam bentuk cerita. Contohnya, “Pak Ali mengajak anaknya untuk mencuri tembikai dari kebun jirannya pada waktu malam kerana tidak ada orang melihat. Semua orang sudah tidur bahkan mereka boleh berpesta tembikai di kebun jiran mereka. Anaknya menjawab, ‘Pak, bukankah Tuhan selalu lihat dan Dia tahu setiap perbuatan kita?’ Pak Ali terkejut kerana anaknya sungguh takut atau takwa kepada Allah dan menjunjung-Nya serta mengetahui bahawa Allah kita Maha Tahu.

4. Maha Kudus

Allah yang Maha Kudus ingin kita selalu bersikap kudus. Yesaya menyadari lidahnya tidak bersih dan bertaubat. Beritahu anak-anak bahawa orang yang sering memakai atau mendengar perkataan yang kotor seperti yang didengar daripada filem atau internet, tidak menyenangkan telinga Tuhan. Kalau kita mengikut kata-kata lucah dari filem atau internet, lama kelamaan ia menjadi sebahagian daripada gaya percakapan kita yang mengotori kita (Yesaya 6:3). Kita akan menjadi seperti sampah sarap kalau kita menelan sampah sarap.

5. Maha Kasih

Jelaskan kepada kanak-kanak bahawa kasih Allah begitu besar sehingga Dia rela meletakkan nyawa sebagai korban bagi umat manusia kerana dosa mereka. Mengenal Allah sebagai kasih juga bererti kita harus mengasihi orang lain kerana kita berbohong sahaja kalau kita mengatakan kita mengasihi Allah tetapi menumbuk teman kita (Yohanes 3:16). Satu hal yang mereka perlu tahu ialah Allah yang terlebih dahulu mengasihi kita.

Guru-guru boleh memberi gambar-gambar untuk menghayati keindahan Tuhan. Kasih-Nya luas seperti lautan, kasih-Nya segar seperti embun, kasih-Nya yakin dan pasti seperti mentari yang terbit setiap hari, kasih-Nya seharum bunga. Kanak-kanak boleh melukiskan imej dalam jurnal atau diari mereka dan mengarang sajak atau doa singkat tentang kasih Tuhan.

e Berikan Tafsiran Tepat

Cara orang dewasa memberi interpretasi hidup cepat ditanggapi oleh seseorang anak. Guru-guru yang mementingkan kecantikan, rupa, kepandaian dan segala yang dangkal, dengan segera akan memberi tafsiran yang salah kepada seorang anak. Segera mereka akan mempercayai bahawa yang penting ialah apa yang di luaran dan bukan hati yang berkenan kepada Tuhan. “Tetapi berfirmanlah TUHAN kepada Samuel: “Janganlah pandang parasnya atau perwatakan yang tinggi, sebab Aku telah menolaknya. Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi Tuhan melihat hati” (1 Samuel 16:7).

Tambahan lagi, apabila guru mengajar tentang Tuhan Yesus yang adil dan tidak memandang rupa, warna, dan kemampuan; ajarannya

akan kedengaran bertentangan kalau dalam kenyataan hidup, mereka bersikap berlainan dan suka memilih bulu. Semua orang tahu guru itu sungguh menyayangi anak itu kerana dia anak hakim mahkamah atau anak Datuk.

f Hati Yang Tidak Berbelah

Apabila kita berbincang tentang hati kita merujuk kepada emosi. Yeremia 17:9 menjelaskan hati kita licik daripada segalanya dan membatu. Ini disebabkan setelah kejatuhan Adam dan Hawa, dosa menyelinap ke dalam hati manusia. Dari hati tercetuslah segala keinginan dan hawa nafsu. Ajarlah anak kita untuk membulat hati bagi Tuhan (Mazmur 86:11). Mereka diajar menjaga agar hati mereka tidak berbelah bagi dan hanya merindu akan Tuhan. Ajar mereka bahawa idola pertama dalam hati mereka haruslah Tuhan Yesus, Allah Bapa dan Roh Kudus!

Beritahu seorang anak bahawa apabila Tuhan Yesus menjadi idola mereka, kesucian hati dijaga selalu. Tuhan Yesus menekankan tentang hati yang suci, “Berbahagialah orang yang suci hatinya, kerana mereka akan melihat Allah” (Matius 5:8).

Di bawah tersenarai sikap-sikap hati yang salih dan terserah kepada Tuhan berbanding dengan hati yang tidak sealiran dengan kekudusan Tuhan yang dirumuskan oleh Tedd & Margy Tripp.⁸⁰

Sikap-Sikap Yang Tidak Salih	Sikap-Sikap Yang Salih
• Keinginan untuk membalas dendam • Takut akan manusia • Keangkuhan • Kasih akan diri sendiri • Penjagaan diri • Ketakutan • Ketamakan • Kecemburuan • Kebencian • Kemarahan • Keinginan dipuji orang lain • Kegelisahan dan takut • Pemberontakan	• Memberi diri kepada Tuhan • Takut akan Tuhan • Kerendahan hati • Kasih akan orang lain • Rela meletakkan nyawa • Kasih yang sempurna • Kemurahan hati • Hati Terbuka • Kasih • Pengampunan • Keinginan untuk hidup berkenan kepada Tuhan • Damai dan kepuasan • Penyerahan

Sifat-Sifat Dalam Pembentukan Rohani

Guru-guru dan ibu bapa boleh meletakkan matlamat dan objektif yang ingin ditetapkan untuk memupuk sifat-sifat kerohanian dan nilai-nilai dalam kanak-kanak. Setelah merumuskan ini, mereka boleh mencari cerita-cerita Alkitab, cerita-cerita rohani, doa, sajak, lagu-lagu, dan perpatah untuk menolong mereka dalam pengajaran.

Contohnya, guru-guru dan ibu bapa boleh menetapkan sembilan sifat dan nilai yang ingin dibentuk dalam kanak-kanak.

① Kasih

Guru-guru dan ibu bapa yang ingin mengajar kanak-kanak mereka mengasihi Tuhan, diri sendiri, sesama dan juga musuh mesti menggambarkan sifat ini dalam pertuturan mereka mahupun perhubungan mereka dengan sesama (Matius 5: 38-48). Nilai kasih dalam Alkitab yang dinyatakan dalam Alkitab berbeza jauh sekali daripada nilai yang disebutkan oleh dunia. Kasih yang rela berkorban dan mengasihi mereka yang tidak layak dikasihi dipentingkan dalam Alkitab. Berikan contoh kasih yang rela mengorbankan diri daripada kehidupan Tuhan Yesus, dan cerita-cerita lain. Kasih Tuhan Yesus terhadap Zakues, pesakit kusta, orang buta, dan murid-murid-Nya yang penuh dengan kelemahan manusiawi.

② Belas Kasihan

Kita menunjukkan belas kasihan terhadap orang yang menderita, sakit, miskin, dan berdosa kerana kita sudah ditebus dan dimahkotai dengan belas kasihan oleh Tuhan. “Dia yang menebus hatimu dari lubang kubur, yang memahkotai engkau dengan kasih setia dan rahmat” (Mazmur 103:4). Ayat lain-lain dalam Alkitab: Matius 5:7; Matius 9:36; Matius 15:32-39; Matius 18:21-35. Belas kasihan Tuhan Yesus terhadap orang sakit, orang tersingkir masyarakat, anak kecil, pendosa boleh dijadikan contoh-contoh ajaran untuk menitikberatkan belas kasihan dalam kehidupan seorang anak.

③ Pengampunan

Anak-anak diajari untuk mengampuni orang yang melukai mereka dan meninggalkan keinginan untuk membalas dendam. “Tetapi kamu, kasihilah musuhmu dan berbuatlah baik kepada mereka dan pinjamkan dengan tidak mengharap balasan, maka upahmu akan besar dan

kamu akan menjadi anak-anak Allah Yang Maha Tinggi, sebab Dia baik terhadap orang-orang yang tidak berterima kasih dan terhadap orang-orang jahat” (Lukas 6:35). Ayat-ayat lain dalam Alkitab: Kolose 3:13; Lukas 23:34.

④ Kejujuran dan Ketulusan

Membentuk kanak-kanak yang tegas dan teguh dalam sifat mereka. “Dan jadilah dirimu sendiri suatu teladan dalam berbuat baik. Hendaklah engkau jujur dan bersungguh-sungguh dalam pengajaranmu, sihat dan tidak bercela dalam pemberitaanmu sehingga lawan menjadi malu, kerana tidak ada hal-hal buruk yang dapat mereka sebarkan tentang kita” (Titus 2:7-8). Berilah contoh yang jelas seperti tidak meniru dalam kelas, jangan mencuri, ketulusan dalam percakapan dan segala urusan sama ada dalam sekolah atau dalam keluarga.

⑤ Bertanggungjawab

Bertanggungjawab atas fikiran, keputusan, pertuturan, pergaulan mahupun tingkah laku mereka menjadi sebahagian daripada kehidupan Kristian. “Sebab tiap-tiap orang akan memikul tanggungannya sendiri” (Galatia 6:5). Guru-guru boleh menolong anak-anak melihat bahawa menunaikan segala tanggungjawab di rumah mahupun di sekolah juga akan memuliakan Tuhan.

⑥ Mengambil Inisiatif

Mengajar kanak-kanak mengambil inisiatif dalam pekerjaan mahupun perbuatan baik. Contohnya Nehemia yang mengambil inisiatif membangun tembok kota Yerusalem yang berada dalam keadaan binasa. Empat kawan yang membawa teman mereka yang sakit untuk disembuhkan oleh Kristus. Daud yang melawan Goliat. Hamba perempuan kecil yang menolong Namaan.

Model-Model Mengendalikan Pembentukan Rohani

① Model Saat Keteduhan dan Renungan

Kanak-kanak kini penuh dengan aktiviti yang membuat mereka terlalu aktif. Guru boleh mengadakan kelompok kecil di mana setiap anak mengadakan saat teduh dan merenungi firman Tuhan secara diam-diam lalu kemudian berkongsi yang diperoleh mereka daripada firman

Tuhan. Ini boleh dilakukan untuk kanak-kanak yang lebih besar. Untuk anak-anak kecil berilah mereka firman Tuhan yang singkat, beri mereka saat singkat untuk berdoa dengan menggunakan firman Tuhan lalu memberi mereka saat permainan yang penuh bertenaga.

Guru juga boleh memberi kanak-kanak renungan singkat daripada buku-buku renungan kanak-kanak lalu memberi mereka sejenak untuk merenunginya. Beritahu semua anak bahawa saat ini mesti sangat sunyi sehingga apabila pin jatuh, ia pun dapat didengar. Anak-anak sekolah minggu yang lebih besar seperti anak darjah enam juga boleh diajar membawa renungan firman untuk anak-anak sekolah minggu yang lain.

② Cerita

Guru-guru boleh menyuruh kanak-kanak yang lebih dewasa menulis cerita Alkitab dalam bentuk moden kemudian memikirkan penerapannya. Untuk kanak-kanak yang lebih kecil, guru-guru boleh menyampaikan cerita-cerita Alkitab dalam versi moden. Contoh versi Orang Samaria yang baik boleh diterapkan dalam kelas mereka. Ceritakan kisah seorang murid yang lemah dalam pelajaran dan semua kawannya tidak mahu menolong mahupun bersahabat intim dengannya namun seorang Samaria baik, datang menolongnya dalam pelajaran dan membelanja dia makan.

③ Model Pengajaran Dengan Cara Menilai

Contohnya guru menilai sikap pemugut cukai dan Farisi yang masuk ke Bait Allah untuk berdoa. Orang Farisi sama sekali tidak menyesali atas dosanya. Bandingkan cerita ini dengan sikap anak-anak yang datang ke hadirat Tuhan tetapi hati masih angkuh dan tidak mahu bertaubat.

④ Model Menyimpan Jurnal

Guru-guru boleh menggalakkan kanak-kanak menulis apa yang difikirkan oleh mereka tentang Tuhan, mengarang sajak untuk mencurahkan perasaan mereka, melukis pengalaman mereka bersama Tuhan, keluarga dan kawan-kawan. Mereka boleh menulis satu doa mengenai pengalaman mereka. Mereka boleh menulis dan melukis bagaimana mereka menggunakan Firman Tuhan dalam kehidupan sehari-harian mereka.

5 Model Aktiviti

Bawalah kanak-kanak ke rumah anak yatim untuk berkongsi berkat makan atau pakaian bersama mereka. Suruh mereka menyiapkan cerita yang boleh disampaikan kepada kanak-kanak lain. Minta mereka berdoa untuk kanak-kanak yang dikunjungi mereka. Bawa mereka ke misi di perkampungan orang asli dan belajar bergaul serta berkongsi berkat rohani dengan mereka. Suruh mereka berdoa dengan anak-anak di kampung. Atau bawa anak-anak orang asli ke bandar dan minta mereka melayani anak-anak lain dengan doa, atau menyampaikan cerita Alkitab. Dengan cara ini, setiap anak boleh belajar melayani sejak kecil.

6 Model Melalui Media

Guru-guru juga boleh mengajar anak-anak melalui lagu-lagu, filem atau kartun lalu merangkai makna kebenaran firman Tuhan. Mendengar lagu sambil berdoa dan memuji Tuhan dalam ketenangan serta mengarahkan perhatian mereka kepada saat ibadat. Lagu-lagu yang bermakna sungguh berkesan kerana seorang anak yang menyukai lagu itu akan menyanyinya berulang kali tanpa bosan. Dalam proses ini, pengajaran hal-hal rohani dan kebenaran firman Tuhan berakar dengan alamiah.

KESIMPULAN

Pembentukan rohani dalam kehidupan seorang anak sungguh penting sejak dia masih kecil kerana kalau aspek ini diabaikan, dia akan mencari pemuasan daripada sumber-sumber yang lain. Seorang anak tidak dapat menunggu kerana hari ini juga dia memerlukan bimbingan rohani dan seperti anak angsa, dia segera akan mengikut teladan dan kebudayaan tertentu. Seandainya, pembentukan rohani tidak terjadi, kekosongan ini akan diisi oleh pengaruh yang lain. Tanggungjawab ibu bapa dan guru-guru ialah membimbing setiap anak ke sungai hidup yang memberi makna dan nikmat hidup yang tertinggi sehingga mereka boleh berkata, “Engkau memberitahukan kepadaku jalan kehidupan; di hadapan-Mu ada sukacita berlimpah-limpah, di tangan kanan-Mu ada nikmat sentiasa” (Mazmur 16:11).”

BAB 20 : PEMBENTUKAN KEROHANIAN DALAM KELUARGA

Ibu bapa mesti mengambil tugas pembentukan rohani anak mereka dengan serius di keluarga. Tugas ibu bapa tidak setakat menjaga pendidikan mereka dan memastikan mereka lulus dengan baik tetapi tanggungjawab besar mereka ialah memastikan anak mereka dibentuk dengan baik sehingga mereka menjunjung Allah dalam kehidupan mereka dan melayani Allah dengan baik. “Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadat kepada TUHAN!” (Yosua 24:15).

Hal ini dapat dipelajari daripada kehidupan orang Israel; generasi berikut melupakan Allah Bapa dan melakukan yang jahat di mata Allah kalau mereka tidak diajari untuk menurut firman Tuhan dengan serius. Satu generasi menyembah Allah tidak bererti generasi berikutnya akan turut mengikut Allah kalau ibu bapa mereka tidak berkerjasama dengan Allah dalam membimbing anak-anak mereka. Sekalipun Allah melakukan mukjizat yang begitu ajaib kepada umat-Nya, mereka tetap melupakan kebaikan Tuhan.

“Setelah seluruh angkatan itu dikumpulkan kepada nenek moyangnya, bangkitlah sesudah mereka itu angkatan yang lain, yang tidak mengenal TUHAN ataupun perbuatan yang dilakukan-Nya bagi orang Israel. Lalu orang Israel melakukan apa yang jahat di mata TUHAN dan mereka beribadat kepada para Baal. Mereka meninggalkan TUHAN Allah nenek moyang mereka yang telah membawa mereka keluar dari tanah Mesir, lalu mengikut Allah lain, dari antara Allah bangsa-bangsa di sekeliling mereka dan sujud menyembah kepadanya sehingga mereka menyakiti hati TUHAN” (Hakim-Hakim 2:10-12).

Ibu Bapa Memainkan Peranan Utama

Pengajaran tidak hanya terjadi dalam kelas sahaja. Tedd dan Margy Tripp berpendapat bahawa, *“Kehidupan ialah kelas. Pengajaran dan pembelajaran berlangsung dua puluh empat jam sehari. Di sinilah terletak*

kebahayaannya. Tanpa pengajaran formatif (pembentukan), pembentukan sekular mengambil alih. Hati kita mudah tertakluk oleh falsafah yang cetek dan memperdayakan dalam kebudayaan yang tidak bertuhan (Kolose 2:8).”⁸¹

Pembentukan rohani seorang anak terjadi secara aktif dan dinamik sepanjang kehidupan dan tidak boleh dilalaikan sekedip mata.

Rumah kita bagai akuarium di mana anak-anak kita berenang dan hidup. Suasana rumah kita bagai air dalamnya. Jika airnya kotor dan tercemar, ikan-ikannya akan tercemar. Keluarga dan peranan ibu bapa dalam pembentukan rohani sungguh penting kerana mereka meluangkan begitu banyak waktu bersama dengan anak-anak mereka. Tujuan mengajar anak-anak di keluarga bukan sekadar anak-anak kita tidak akan menjadi samseng, penipu atau orang yang meringkuk di penjara kerana menyeludup dadah. Tujuan utama pendidikan Kristian dalam keluarga ialah membimbing anak-anak untuk mengasihi Allah dengan segenap minda, emosi dan jasmani mereka serta berakar umbi dalam Alkitab.

Matlamat ibu bapa haruslah lebih tinggi daripada menyediakan segala yang diperlukan:

- a. Anak-anak saya akan mendengar suara Tuhan dan boleh membezakannya daripada suara-suara sumbang yang lain.
- b. Anak-anak saya akan merindui kehadiran Tuhan sepanjang kehidupan mereka dan selalu menikmati kehadiran-Nya.
- c. Anak-anak saya akan membaca firman Tuhan dan mentaati suara-Nya.
- d. Anak-anak saya akan belajar hidup dalam kuasa Roh Kudus dan bukan kekuatan sendiri.
- e. Anak-anak saya akan menjunjung kehendak Allah lebih daripada keinginan sendiri, atau kehendak orang lain
- f. Anak-anak tahu melayani Allah dengan bakat dan kemampuan mereka, dan mengetahui misi yang disediakan Allah dalam hidup mereka.

Perintah Yang Mesti Tertulis Dalam Hati

Ibu bapa mesti memahami perintah utama yang mesti dituliskan dalam hati kanak-kanak terkandung dalam Ulangan 6:4-6, “Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN itu esa! Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu. Apa yang kuperintahkan kepadamu pada hari ini harus engkau perhatikan.” Mengasihi Tuhan dilihat sebagai sesuatu yang utuh dan menyeluruh dalam kehidupan. Kehidupan rohani tidak dipisahkan dan hanya terjadi sewaktu berada di gereja atau sekolah minggu. Kasih akan Tuhan itu harus terjadi dalam seluruh kehidupan manusia dan tidak terbatas pada kelas gereja.

Dari Satu Generasi Kepada Generasi Lain

Pembentukan rohani seorang anak harus melibatkan semua orang bukan hanya guru-guru sekolah minggu. Ibu bapa, ibu saudara, bapa saudara, datuk, nenek dan kawan-kawan rohani boleh terlibat dalam proses pembentukan kerohanian seorang anak namun mereka mesti memiliki kehidupan yang memancar kerohanian sejati. Dalam situasi yang tidak formal, seorang datuk boleh memberi pandangan dari sudut Alkitabiah sewaktu bersantapan. Ibu saudara yang membawa anak saudara berjalan-jalan boleh menabur benih-benih firman Allah dengan cerita dan menerapkan firman Tuhan pada waktu tepat. Bapa saudara boleh membeli buku-buku rohani bagi anak-anak saudara dan berdoa bersama mereka.

Kebenaran Rohani Dalam Kehidupan Harian

Kanak-kanak sangat peka dan dapat menghidu bau kerohanian ibu bapa mereka. Kalau ibu bapa tidak menetapkan ibadat dan penyembahan sebagai sebahagian yang penting; kanak-kanak segera tahu bahawa Allah memang tidak dianggap penting, Diri Allah dan karya-Nya tidak hidup dalam keluarganya dan hanya menjadi sebutan pada hari minggu di gereja. Mereka mungkin tidak dapat menyelami semangat Yosua 24:15 daripada ibu bapa mereka.

Sepuluh Hukum harus menjadi sebahagian daripada penerapan dalam keluarga dan kehidupan sehari-harian (Keluaran 20:-17). Pujian kepada Pencipta, pemeliharaan-Nya, sifat-Nya dan campurtangan-Nya dalam kehidupan keluarga hidup dan nyata. Pengajaran firman Tuhan

tidak hanya terjadi semasa kita ingin mendisiplin seorang anak. Ibu bapa berusaha meletakkan pandangan tentang Allah dan dunia, cara-cara-Nya, dan Alkitab sebagai sebahagian hidup.

Kebudayaan Di Rumah

Ibu bapa mesti menyedari bahawa mereka hidup dalam kebudayaan yang bertentangan dengan kebudayaan yang berkenan kepada Allah:

“Ketahuilah bahawa pada hari-hari terakhir akan datang masa yang sukar. Manusia akan mencintai diri sendiri dan menjadi hamba wang. Mereka akan membual dan menyombongkan diri, mereka akan menjadi pemfitnah, mereka akan memberontak terhadap orang tua dan tidak tahu berterima kasih, tidak memperdulikan agama, tidak tahu mengasihi, tidak mahu berdamai, suka menjelekkkan orang, tidak dapat mengekang diri, garang, tidak suka yang baik, suka mengkhianat, tidak berfikir panjang, berlagak tahu, lebih menuruti hawa nafsu daripada menurut Allah” (2 Timotius 3:1-4).

Ini lah kebudayaan hari ini dan kalau ibu bapa tidak pernah berfikir secara serius bagaimana mereka akan menetapkan kebudayaan dalam keluarga, anak-anak mereka hanya mempunyai satu kebudayaan untuk diikuti iaitu kebudayaan dunia ini. Renungan Alkitab yang aktif dan ibadat di mezbah harus hangat selalu.

Kebudayaan semasa kecil di rumah menjadi sesuatu yang tidak terluput dalam diri seorang anak. Rasul Paulus mengingat Timotius tentang kebudayaan ibadatnya di keluarganya dengan ibu dan neneknya. “Ingatlah juga bahawa dari kecil engkau sudah mengenal Kitab Suci yang dapat memberi hikmat kepadamu dan menuntun engkau kepada keselamatan oleh iman kepada Kristus Yesus” (2 Timotius 3:15). Jangan mempersalahkan anak-anak anda jika mereka mengikut apa sahaja di dunia ini kerana tidak ada pilihan kebudayaan yang penting. Adakah kerajaan Allah dijelmakan dalam keluarga anda? Pastikah anda ibadat keluarga sungguh hidup dan firman Tuhan sungguh jelas sehingga anak anda tidak akan membelok ke jalan lain? Sedihlah, kalau anak anda tidak tahu sama sekali maknanya hidup beribadat dalam keluarga.

Jika ibu bapa tidak ada obor mazbah dalam kehidupan mereka nescaya mustahillah mereka dapat menyalakan obor mazbah keluarga untuk anak-anak mereka.

Pembentukan Kerohanian Seorang Anak

Proses pembentukan kerohanian seorang anak dapat dilakukan secara alamiah atau melalui saat ibadah yang ditetapkan dalam keluarga. Dapatkah anak kita merasa bahwa ibadah bukan hanya sesuatu yang dipaksakan atau suatu kewajiban sahaja tetapi sesuatu yang kita cintai? Adakah anak kita tahu bahwa kita sungguh mencintai dan rindu akan hadirat Tuhan dan bukan orang Farisi?

Konsep-konsep permulaan yang dicetak dalam jiwa seorang anak daripada sikap ibu bapa sungguh penting.

- a. Perhubungan intim kita bersama dengan Tuhan.
- b. Kerinduan dan sukacita kita di hadirat Tuhan.
- c. Penghormatan dan kepentingan Firman Tuhan dalam kehidupan kita.
- d. Rasa syukur kita terhadap kebaikan dan pertolongan Tuhan dalam kehidupan kita.
- e. Kebaikan mereka terhadap ibu bapa dan orang-orang lain.

Pembentukan rohani boleh dilakukan sewaktu bermain dengan anak, makan bersama dengan anak, berjalan-jalan, memandu mereka ke sekolah dan sewaktu bersama anak di mana sahaja (Ulangan 6:7). Ketika keluarga sedang bersantai bersama, bercakap-cakap, biarlah percakapan direndam dengan kebenaran Tuhan. Biarlah suasana keluarga anda selalu diharumi kewangian firman Tuhan sehingga anak-anakmu boleh merasanya.

Tedd and Margy Tripp berkata:

*"Pengajaran formatif terjadi secara formal dan tidak formal jenis 'ketika kita duduk di rumah.' Kami berkumpul sebagai satu keluarga untuk beribadat. Semua anggota keluarga tahu bahawa itulah waktu untuk membaca firman Tuhan, berbincang tentang kebenaran, dan berdoa bersama-sama sebagai satu keluarga. Saya diberikan kegembiraan diasuh di keluarga di mana ibadah keluarga merupakan hal setiap hari. Saya tahu kami mungkin tidak pernah tidak ada ibadah tetapi ibadah menjadi sebahagian daripada keluarga kami sehingga saya tidak ingat satu hari yang dimulakan tanpa ibadah keluarga."*⁸¹

Menyampaikan cerita-cerita dari Alkitab boleh juga disampaikan kepada anak sebelum tidur. Cerita-cerita yang menarik dari Alkitab meninggalkan kesan yang mendalam. Ketika ibu bapa menutup hari dengan kanak-kanak, mereka boleh menolong anak mereka merenungi hari itu, bersyukur kepada Tuhan atas kebaikan dan pertolongan Tuhan pada hari itu serta memohon pengampunan daripada Tuhan.

Ibu bapa boleh menyediakan suasana rohani dengan memainkan lagu dan irama rohani. Perhiasan-perhiasan indah yang melambangkan maksud-maksud rohani juga boleh dihias di rumah untuk mengingatkan anak-anak tentang kehadiran Tuhan. “Dan haruslah engkau menuliskannya pada tiang pintu rumahmu dan pada pintu gerbangmu” (Ulangan 6:9). Sudut manakah dalam rumah yang boleh dikenalpasti sebagai tempat di mana kita bertemu dengan Tuhan Yesus? Bolehkah anda menghiasinya dengan hiasan yang menggambarkan tempat keluarga anda bertemu dengan yang Maha Kudus? Gambar tangan yang berdoa boleh mendatangkan ilham untuk menarik seorang anak untuk berdoa.

Anak-anak anda boleh juga mengenalpasti meja makan di mana ibu atau bapa membawa renungan firman Tuhan sehari-harian sebagai tempat ibadat keluarga. Mainkan lagu-lagu rohani untuk membawa suatu ketenangan dan suasana ibadat dapat dilakukan oleh ibu bapa sebelum merenungi firman Tuhan. Anak-anak yang lebih besar boleh juga membimbing dalam doa dan lagu.

Apakah Yang Perlu Diajar Kepada Anak-Anak?

1. Shema-“Kasihlah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” (Ulangan 6:5).
2. Mengapa kita membuat pilihan istimewa untuk menyembah dan melayani Tuhan Yesus? “Tetapi jika kamu anggap tidak baik untuk beribadat kepada TUHAN, pilihlah pada hari ini kepada siapa kamu akan beribadat: allah yang kepadanya nenek moyangmu beribadat di seberang sungai Efrat, atau allah orang Amori yang negerinya kamu diami ini. Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadat kepada TUHAN!” (Yosua 24:15) Pastikan anak-anak anda memahami kenapa keluarga anda memilih untuk menyembah Tuhan Yesus dan bukan allah yang lain.

3. Ibu bapa adalah autoriti yang ditetapkan oleh Tuhan untuk mendatangkan berkat dan bimbingan. Menghormati ibu bapa dipentingkan oleh Tuhan dan akan mendatangkan berkat. "Hormatilah ayahmu dan ibumu-ini adalah suatu perintah yang penting, seperti yang nyata dari janji ini"(Efesus 6:2). Ibu mengajar anak untuk menghormati bapa mereka dan sebaliknya, bapa mengajar seorang anak untuk selalu menghormati ibu mereka. Jangan mencaci pasangan anda di depan seorang anak kerana ini akan menggalakkan anak-anak untuk turut mencaci, dan akhirnya kehilangan perasaan hormat terhadap ibu bapanya.
4. Kemakmuran hidup tidak terdiri daripada kereta, I phone, komputer canggih, rumah yang besar melainkan firman Tuhan dan kerinduan untuk mengutamakan Kerajaan-Nya. "Tetapi kumpulkan bagimu harta di syurga; di syurga ngengat dan karat tidak merosakkannya dan pencuri tidak membongkar serta mencurinya. Kerana di mana hartamu berada, di situ juga hatimu berada" (Matius 6:20-21). Beritahu anak anda bahawa mereka tidak semestinya memiliki apa yang dimiliki oleh orang lain.
5. Selain daripada makanan jasmani, kita perlu bersantapan makanan rohani setiap hari. "Tetapi Yesus menjawab: 'Ada tertulis: Manusia hidup bukan dari roti sahaja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah'" (Matius 4:4). Selain daripada makanan berkhasiat setiap hari, ibu boleh mencari bahan-bahan bacaan untuk menolong seorang anak memakan makanan rohani sehingga mereka bertumbuh dalam kerohanian juga.
6. Kita membuat pilihan dan keputusan berdasarkan kehendak dan prinsip Alkitabiah. Kita tidak mengikut sesuatu pilihan semata-mata kerana semua orang memilihnya. Ibu bapa menjelaskan mengapa sesuatu keputusan diambil dan bagaimana ia mendatangkan kemuliaan kepada Tuhan.
7. Kita taat kepada segala perintah yang tertulis dalam firman Tuhan dan bertumbuh dalam gambar Kristus sehingga mereka tidak akan meninggalkan jalan-Nya. "Didiklah seorang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun dia tidak akan menyimpang dari jalan itu" (Amsal 22:6). Anak-anak juga diajari untuk mengingat perbuatan ajaib yang dilakukan oleh Tuhan pada masa yang lampau (Ulangan 6:10-25).

8. Roh Kudus selalu memenuhi mereka dan memberi mereka kuasa untuk menurut perintah Tuhan dalam kehidupan mereka. “Akan terjadi pada hari-hari terakhir-demikianlah Firman Allah bahawa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia; maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat, dan teruna-terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan, dan orang-orang yang tua akan mendapat mimpi” (Kisah Para Rasul 2: 17).
9. Setiap anak harus tahu bahawa dia adalah pendosa yang memerlukan penyelamatan dan penebusan daripada Tuhan Yesus (Roma 3:10-13).
10. Meyakinkan kanak-kanak bahawa Tuhan mengasihi mereka dan mengampuni mereka sewaktu mereka berdosa tetapi mereka mesti bertaubat.
11. Kepentingan berdoa setiap waktu dan juga mencari sukacita dalam kehadiran Tuhan. “Siapakah yang akan memperlihatkan yang baik kepada kita? Biarlah cahaya wajah-Mu menyinari kami, ya Tuhan! Engkau telah memberikan sukacita kepadaku, lebih banyak daripada mereka ketika mereka kelimpahan gandum dan anggur” (Mazmur 4:7-9).
12. Ibu bapa boleh menolong seorang anak menghayati sifat Allah seperti kekudusan-Nya, keadilan-Nya, kasih-Nya, belas kasihan-Nya, pengampunan-Nya, kesabaran-Nya seperti yang ditunjukkan dalam tindakan-Nya terhadap umat-Nya dalam Perjanjian Lama dan juga sifat Tuhan Yesus.

Contoh Membawa Keluarga Dalam Renungan

- a. Cerita pembukaan untuk menolong anak-anak dan anggota keluarga berfokus pada firman Allah yang akan disampaikan.
- b. Bimbing anak-anak anda kepada bahagian firman Allah yang akan disampaikan. Suruh salah seorang anak membacanya dengan lantang.
- c. Jelaskan firman Allah yang akan disampaikan lalu berbincang tentang bagaimana menerapkannya dalam kehidupan mereka.

Ibu Bapa Institusi Yang Terbaik

Takatenjen Ao berkata:

“Ibu bapa dipercayakan dengan tanggungjawab menjadi penganjur dan pelindung nilai-nilai. Nilai-nilai tidak hanya mengalir kepada anak-anak kita. Ia adalah sesuatu yang dipelajari mereka sewaktu mereka hidup. Tidak ada institusi yang lebih berkesan daripada keluarga dalam pembentukan nilai dalam anak-anak kita...Ibu bapa harus menyendeng telinga kepada suara-Nya dan menjadikan firman Tuhan sebagai pusat perhatian dalam keluarganya. Ketaatan Israel tidak berputik dari legalisme yang gersang atau hanya kewajiban dan tanggungjawab. Ia bermekar daripada perhubungan yang didasari pada kasih. Tahap cinta mereka untuk Allah haruslah menyeluruh. Mereka mengasihi Allah dengan segenap jiwa.”⁸²

Dorothy Law Nolte dengan tepat memperhatikan:

Jika seorang anak tinggal dalam cacian, dia akan belajar mencaci.

Jika seorang anak tinggal dalam permusuhan, dia akan belajar bergaduh.

Jika seorang anak tinggal dalam penghinaan, dia akan belajar menjadi malu.

Jika seorang anak tinggal dalam perasaan malu, dia akan belajar rasa bersalah.

Jika seorang anak tinggal dalam kesabaran, dia akan belajar menjadi sabar.

Jika seorang anak tinggal dalam keyakinan, dia akan belajar menjadi yakin.

Jika seorang anak tinggal dalam pujian, dia akan belajar menghargai.

Jika seorang anak tinggal dalam keadilan, dia akan belajar keadilan.

Jika seorang anak tinggal dalam jaminan, dia akan belajar mempunyai iman.

Jika seorang anak tinggal dalam penerimaan dan persahabatan, Dia akan mencari kasih di dunia.

KESIMPULAN

Dalam pembentukan kerohanian anak-anak kita, kalau mereka tinggal dalam kasih Tuhan dan penghayatan akan sifat-sifat-Nya, mereka akan belajar dan menyerupai Allah yang disembah dan diikuti oleh ibu bapanya. Titik permulaan pembentukan kerohanian mereka selalu bermula di rumah daripada apa yang diperhatikan daripada orang dewasa dan ibu bapa mereka. Timotius seorang penginjil muda dibentuk dalam kerohanian oleh keluarganya dan juga rasul Paulus. Rasul Paulus menekankan begitu pentingnya iman yang diperhatikan Timotius sejak dia masih kecil lagi. “Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, iaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu, Eunike dan yang aku yakin juga di dalam dirimu” (2 Timotius 1:5).

BAB 21 : MENGAJAR KANAK-KANAK BERIBADAT DAN BERDOA

Ibadat ialah panggilan tertinggi dalam persahabatan kita dengan Allah. Sekiranya aspek kehidupan rohani ini tidak dipupuk dengan serius dalam kehidupan orang dewasa mahupun kanak-kanak, kegersangan jiwa terjadi. Kalau orang dewasa tidak mempraktikkan ibadat bagi “berlian” yang paling berharga dan menempatkannya sebagai yang terpenting, kanak-kanak sekolah minggu pun tidak akan menghargainya.

Ibadat Dalam Sekolah Minggu

Pendidik Sekolah Minggu menggunakan pelbagai kaedah mengajar namun kalau ibadat dan doa diabaikan, pengajaran tidak dapat melekat dalam batin kanak-kanak yang kita ajari. Kemampuan seorang anak untuk berdoa harus dianggap sebagai asas dalam sekolah minggu. Kemampuan seorang anak untuk beribadat yang dipupuk sejak kecil akan menjadi sebahagian yang hidup dalam sepanjang kehidupan seorang anak dan tidak dapat diganggu gugat oleh apa pun dan sesiapa pun.

Kathleen Chapman mengibaratkannya sebagai pelekat ajaib. *“Mempraktikkan ibadat Alkitabiah sejati seperti yang dikehendaki Allah merupakan pelekat (super glue) yang ajaib. Dengan ringkas, ibadat Alkitabiah yang murni bersama dengan Allah akan menghasilkan gam atau pelekat yang begitu kuat sehingga tidak ada sesuatupun di dunia ini dapat membinasakannya daripada pemegangnya. Kalau kanak-kanak sedang beribadat kepada Allah seperti cara yang dikehendaki-Nya dan yang diajari Alkitab, dia tidak akan berpaling daripada-Nya.”*⁸³

Ibadat ialah respon manusia kepada kehebatan dan kebaikan Allah yang melibatkan persekutuan peribadi dengan Tuhan. Ibadat yang murni melibatkan segenap jiwa, minda dan hati kita. Untuk beribadat ialah hak istimewa manusia yang tertinggi. Raja atas segala raja dan Pencipta langit dan bumi mengingini persekutuan dan persahabatan daripada kita, ciptaan-Nya.

Ibadat Dalam Alkitab

Ibadat merupakan sebahagian penting dalam kehidupan umat Tuhan sepanjang sejarah mereka dengan-Nya. Ibadat peribadi, ibadat umum, ibadat formal dan tidak formal, jelas sangat penting dalam kehidupan umat Allah. Ini jelas tergambar dalam pelbagai cerita dalam Alkitab.

- Hamba Abraham yang sudah mendapat bimbingan daripada Tuhan, segera sujud menyembah Tuhan. “Lalu berlututlah orang itu dan sujud menyembah Tuhan, serta berkata: “Terpujilah TUHAN, Allah tuanku Abraham yang tidak menarik kembali kasih-Nya dan setia-Nya daripada tuanku itu; dan TUHAN telah menuntun aku di jalan ke rumah saudara-saudara tuanku ini? (Kejadian 24:26)
- Bangsa Israel menyembah Tuhan bersama-sama secara umum sebagai umat Allah. “Apabila Musa masuk ke dalam khemah itu, turunlah tiang awan dan berhenti di pintu khemah dan berbicaralah Tuhan dengan Musa di sana. Setelah seluruh bangsa itu melihat bahawa tiang awan itu berhenti di pintu khemah, maka mereka bangun dan sujud menyembah, masing-masing di pintu khemahnya” (Keluaran 33:9-10).
- Pujian menjadi sebahagian dalam doa, “Berbahagialah orang yang diam di rumah-Mu, yang terus menerus memuji-muji Engkau” (Mazmur 84:5).
- Dalam Perjanjian Baru, orang Kristian sering berkumpul untuk memecah-mecahkan roti. “Pada hari pertama dalam minggu itu, ketika kami berkumpul untuk memecah-mecahkan roti, Paulus berbicara dengan saudara-saudara di situ, kerana dia bermaksud untuk berangkat pada keesokan harinya. Pembicaraan itu berlansung sampai tengah malam” (Kisah Para Rasul 20:7).

- Ibadat itu sebahagian dalam kehidupan harian mereka. “Hendaklah perkataan Kristus diam dalam segala kekayaan di antara kamu, sehingga kamu dengan hikmat mengajar dan menegur seorang akan yang lain dan sambil menyanyikan mazmur, dan puji-pujian dan nyanyian rohani, kamu mengucap syukur kepada Allah di dalam hatimu” (Kolose 3:16).
- Ibadat itu jelas ciri kehidupan di syurga. “Dan setiap kali makhluk-makhluk itu mempersembahkan puji-pujian, dan hormat dan ucapan syukur kepada Dia, yang duduk di atas takhta itu dan yang hidup sampai selama-lamanya, maka tersungkurlah kedua puluh empat tua-tua itu di hadapan Dia yang duduk di atas takhta itu, dan mereka menyembah Dia yang hidup sampai selama-lamanya. Dan mereka melemparkan mahkotanya di hadapan takhta itu berkata:”Ya Tuhan dan Allah kami, Engkau layak menerima puji-pujian dan hormat dan kuasa; sebab Engkau telah menciptakan segala sesuatu; dan oleh kerana kehendak-Mu semuanya itu ada dan diciptakan” (Wahyu 4:9-11).
- Ibadat mendatangkan perubahan kepada sikap dan sifat orang Kristian, “Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan adalah Roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam Kemuliaan yang semakin besar” (2 Korinuts 3:18).
- Ibadat mendatangkan sukacita daripada Tuhan, “Terang sudah terbit bagi orang benar, dan sukacita bagi orang yang tulus hati” (Mazmur 97:11).
- Ibadat mendatangkan kekuatan kepada orang yang lelah dan tiada berdaya, “tetapi orang yang menanti-nantikan TUHAN mendapat kekuatan baru: mereka seumpama rajawali yang naik terbang dengan kekuatan sayapnya; mereka berlari dan tidak menjadi lesu, mereka berjalan dan tidak menjadi lelah” (Yesaya 40:31).

Rangka Ibadat

Bagaimanakah kita merancangkan satu rangka bagi saat ibadat? Beberapa pakar pendidikan merumuskan beberapa rangka yang dapat kita pertimbangkan dalam ibadat.

Ralph D. Heim

“Ibadat ialah satu aktiviti yang mencakupi enam komponen kalau sempurna: diri seseorang menjangkau Allah; Allah menjangkau kita; penghasilan satu persekutuan, renungan mengenai kebenaran Tuhan dan kekudusan; satu respon emosional, dan respon dalam kedamaian, tujuan dan tingkah laku.”⁸⁵

R. Harold Terry

“Pujian kepada Allah untuk kebaikan-Nya dan kasih-Nya; pengakuan dosa dan perasaan tidak layak dalam hadirat Tuhan; pengucapan syukur kepada Tuhan atas berkat pengampunan-Nya dan kehidupan baru; doa kepada Tuhan, doa bagi orang lain; mendedikasikan diri, komitmen peribadi, penyerahan diri yang seutuhnya kepada Allah.”⁸⁶

Lois Le Bar

“Untuk beribadat adalah hak istimewa yang diberikan kepada manusia, kerana dalam ibadat, semuanya Allah. Ia pemujaan yang rendah hati kepada Raja atas segala raja, Tuhan atas segala tuhan. Latihan kehidupan rohani semuanya tertumpu kepada ibadat-pembacaan firman Allah, doa, kasih, iman, penyerahan, dan ketaatan. Dalam sikap ibadat, kehidupan rohani mengawal minda dan jasmani, seperti yang dikehendaki oleh Tuhan.”⁸⁷

Lance Armstrong

“Banyak tradisi Kristian mempercayai elemen-elemen ibadat tidak boleh bersifat kelam kabut dan harus didasarkan pada satu rangka. Salah satu rangka dapat diperoleh daripada Yesaya 6:1-8...Dalam ayat 1, Yesaya melihat kemuliaan Allah-yang sedang duduk di takhta yang tinggi dan menjulang, dan ujung jubah-Nya memenuhi Bait Suci. Kemuliaan inilah yang menyebabkan Allah layak disembah. Dalam respon kepada kemuliaan Allah, Serafim yang bersayap sedang menyanyi pujian kepada Allah dan lagu pujian mereka tercatat pada ayat 3. Sewaktu melihat skenario ini, Yesaya dipenuhi dengan perasaan

kekurangan dirinya dibandingkan dengan kemuliaan Tuhan. Yesaya menyadari akan kekurangan dan keberdosaan dirinya. Jadi, dalam ayat 5, dia mengakui dosanya.

Dalam ayat 6-7, kita membaca bagaimana Serafim ini mengambil bara di mezbah dan menyentuh bibir Yesaya. Sewaktu melakukan demikian, Serafim ini mengatakan, “Lihat, ini telah menyentuh bibirmu, maka kesalahanmu telah dihapus dan dosamu diampuni.” Di sini Yesaya yang telah membuat pengakuannya telah disucikan dari dosanya. Dalam ayat 8, kita melihat panggilan Tuhan (proklamasi firman-Nya, dan respon Yesaya terhadap inisiatif Ilahi. “Siapakah yang akan Kuutus, dan siapakah yang mahu pergi untuk Aku?” Maka sahut Yesaya, “Ini aku, utuslah aku!”

Maka kita dapat melihat daripada perenggan Alkitab tentang elemen-elemen utama dalam ibadat ini: pujian, pengakuan, penyucian, proklamasi firman Tuhan dan respon daripada yang beribadat...”⁸⁸

Bilakah Ibadat Patut DiJalankan

Ibadat patut dijalankan pada waktu kanak-kanak masih segar dan jangan diadakan sewaktu mereka sungguh letih atau tidak boleh duduk diam. Ibadat boleh diadakan sebelum pengajaran firman Tuhan namun pendidik yang tertentu lebih menyukai ibadat dilakukan setelah ajaran firman Tuhan kerana mereka berpendapat ibadat menjadi lebih bermakna setelah pelajar mempelajari tentang firman Tuhan. Walau bagaimanapun guru mesti memastikan agar tema ibadat sama dengan firman Tuhan yang diajari pada hari itu.

Ibadat menurut kelompok umur lebih baik daripada ibadat umum yang bercampuran dengan pelbagai tingkat umur kerana daya kemampuan mereka untuk berfokus berbeza-beza. Kanak-kanak darjah tiga hingga empat tahun jauh berbeza pendekatan dan kemampuan berfokus daripada kanak-kanak darjah satu atau dua, dan sebagainya.

Ibadat untuk kanak-kanak yang berumur dua hingga tiga tahun lebih baik bersifat spontan atau bersifat singkat. Selain itu, pendekatan pengajaran sungguh berbeza, perkataan yang digunakan mesti bersifat mudah, konsepnya mudah, sentuhan, penglihatan, gerakan, nyanyian mudah lebih berkesan daripada percakapan.

Sewaktu pelajar meningkat darjah empat atau lima tahun, ibadat boleh melibatkan seluruh kelompok itu dan mengambil suatu bentuk. Ibadat pada tahap ini masih singkat dan tidak terlalu lama. Seorang

guru mesti bersikap peka kepada percakapan kanak-kanak yang dapat dijadikan bahan untuk menjelaskan kebenaran dan membawa mereka dalam ibadat.

Pelajar darjah 5 dan 6 sudah mampu menolong mengendalikan ibadat yang berbentuk formal. Mereka boleh mengambil bahagian membimbing kanak-kanak yang lebih kecil dalam puji-pujian dan doa kerana mereka semakin banyak perbendaharaan kata, semakin dapat menghayati keindahan Tuhan, semakin dapat menolong merancang waktu ibadat, suka mengambil bahagian dan lebih mampu beribadat untuk jangka waktu yang lebih panjang.

Bagaimana Mengendalikan Ibadat

1. Ibadat harus ditumpukan kepada satu tema sahaja dan semua aktiviti harus dipusatkan pada tema ini. Ceritanya, lagunya, doanya perlu berpusat pada tema yang anda rancangan untuk hari itu.
2. Ibadat anda harus kreatif dan tidak membosankan pelajar. Seorang guru harus selalu peka dengan perkembangan minat pelajar walaupun dia sudah merancang ibadatnya. Ibadat yang dirancang mesti peka terhadap makna ibadat peribadi untuk pelajarnya.
3. Walaupun ibadatnya harus mempunyai struktur yang tertentu namun anda boleh menyuntik sesuatu baru dalam ibadat. Anda boleh menggunakan gambar, lambang, boneka, power point dan bahan-bahan yang dapat menolong merangsang imaginasi mereka.
4. Ibadat yang baik mesti mendatangkan respon daripada mereka yang terlibat dalam ibadat. Guru boleh membimbing pelajarnya memberi respon kepada tema ibadat dalam pujian, pemujaan, doa, dan pengucapan syukur.

Struktur Yang Boleh Diterapkan

Guru boleh menyiapkan ibadat menurut struktur yang tertentu.

1. Persiapan – Hati kanak-kanak ditenangkan pada waktu teduh. Perhatian mereka diarahkan kepada Tuhan dengan satu tema. Mereka boleh berlutut, mata mereka tertutup dan lagu ibadat dimainkan untuk membawa mereka ke dalam suasana ibadat. Doa pujian dan pemujaan sesuai dengan tema ibadat itu harus diperhatikan. Guru boleh menggunakan satu visual untuk menarik pandangan dan perhatian pelajar untuk temanya. Visualnya boleh berbentuk satu lambang, satu gambar besar, kraftangan, satu objek sesuai dengan tema.
2. Isi Kandungan Ibadat – Guru boleh menggunakan pelbagai cara seperti Alkitab, sajak-sajak, menghayati keindahan alam, mukjizat yang dilakukan oleh Tuhan, gambar-gambar besar, lagu, renungan singkat, tarian dan lagu dalam ibadat. Kanak-kanak boleh digalakkan mengadakan meditasi singkat dan doa senyap khususnya kanak-kanak yang lebih dewasa.
3. Mengajak kanak-kanak memberi respon dalam bentuk doa, sajak, pemberian kepada Tuhan atau melafazkan satu ikrar komitmen.
4. Penutup – Guru memohon agar berkat Tuhan dicurahkan ke atas pelajarannya. Ini boleh dilakukan dalam bentuk lagu dan doa.
5. Ibadat pelajar boleh dipupuk melalui ibadat kebaktian umum di gereja. Iman dipupuk melalui perhubungan erat antara manusia (aspek Tuhan yang dekat). Iman mudah ditanggapi melalui keperihatian dan kasih sekelompok manusia, umat Tuhan, atau umat yang beriman. Hanya melalui ibadat, iman dapat disampaikan dengan berkesan. Ini sangat benar dalam ibadat kanak-kanak, namun berabad-abad kanak-kanak telah diabaikan daripada ibadat kebaktian umum-mereka dihantar ke sekolah minggu. Tentu sahaja, mereka menikmati persahabatan dengan guru-guru sekolah minggu tetapi mereka tidak diberikan kesempatan memupuk perhubungan dengan tubuh Kristus.

Gereja boleh mengadakan kebaktian bersama dengan kanak-kanak pada permulaan ibadat, menyanyi lagu-lagu kanak-kanak dan kadangkala mengadakan penyampaikan cerita yang singkat dan menarik. Adakala gereja mengadakan kebaktian bersama kanak-kanak dua kali dalam sebulan dan ada gereja pula mengadakan kebaktian singkat bersama dengan kanak-kanak sebelum mereka berpisah ke sekolah minggu. Kanak-kanak turut beribadat dengan lagu-lagu orang dewasa yang mudah difahami dan menyelami suasana kebaktian.

Sewaktu menyanyi dan memuji Tuhan bersama orang dewasa, pastor boleh mengumpulkan semua anak untuk didoakan dan diberkati sebelum mereka diutuskan ke sekolah minggu. Setiap anak boleh diberikan sekuntum bunga sebagai berkat atau tanda mengingat Pencipta.

Tempat Ibadat

a Perhiasan

Guru-guru mesti menyiapkan suasana yang boleh merangsang kanak-kanak untuk berdoa. Bilik ibadat itu mesti bersih dan dihiasi dengan gambar-gambar yang boleh menggalakkan kanak-kanak untuk beribadat dan berdoa. Bilik yang kotor dan berselerakan tidak dapat memberi suasana yang baik untuk menolong kanak-kanak menumpukan perhatian dalam ibadat. Sekalipun, perhiasannya tidak semestinya mahal, tetapi yang sederhana dan indah boleh digunakan untuk menolong kanak-kanak menyelami suasana ibadat.

b Keselesaan

Pastikan kanak-kanak duduk dengan selesa; biliknya tidak terlalu panas atau dingin. Keadaan panas menyebabkan kanak-kanak tidak dapat memusatkan perhatian sewaktu beribadat. Para pelajar boleh duduk di atas tikar dan tidak semestinya duduk di atas kerusi. Mereka boleh berlutut, mengangkat tangan kepada Tuhan, ataupun menari memuji Tuhan.

c Gerak Geri

Gunakan pelbagai gerak geri untuk menunjukkan ibadat seperti mengangkat tangan, menunduk kepala, ataupun berlutut. Gerak geri dalam lagu juga boleh digunakan untuk menolong kanak-kanak berdoa.

d Rakaman

Guru boleh memainkan rakaman bunyi air sedang mengalir dan membawanya ke kelas untuk kanak-kanak yang lebih besar. Pelajar-pelajar disuruh memenangkan diri dan guru memainkan bunyi air sedang mengalir. Sewaktu memainkan bunyi aliran air sedang mengalir, guru boleh membaca Alkitab daripada Yeremia 17:5-10.

“Diberkatilah orang yang mengandalkan TUHAN,
Yang menaruh harapannya pada TUHAN!
Dia akan seperti pohon yang ditanam di tepi air,
Yang menambatkan akar-akarnya ke tepi batang air,
Dan yang tidak mengalami panas terik,
Yang daunnya tetap hijau,
Yang tidak khuatir dalam tahun kering,
Dan yang tidak berhenti menghasilkan buah.”

Muzik Lembut Diiringi Kata-Kata:

Orang yang percaya kepada Tuhan bagai pohon yang mempunyai akar-akar yang ditanam di tepi air. Segala kesusahan tidak menghampakannya, daunnya tetap hijau dan dia tetap berbuah. Jelaskan kepada pelajar bahawa iman dan kepercayaan kepada Tuhan akan menolong mereka tidak bergoyah dan takut. Mereka boleh hidup dalam penuh keyakinan dalam Tuhan.

e Doa

Doa sungguh penting dalam kehidupan setiap insan bahkan doa boleh dianggapkan sebagai detik-detik hati kita bersama Tuhan. Doa mendatangkan perubahan yang terpenting iaitu diri kita sendiri. Mengajar seorang anak berdoa boleh menanam satu sikap yang selalu mempercayai Tuhan, melihat manusia dan peristiwa dari sudut pandangan Tuhan, berpengharapan kepada Tuhan dan berjalan dengan Tuhan. Tuhan Yesus dalam Matius 18:1-6 mengundang seorang anak untuk datang ke hadirat-Nya.

- a. Ajarlah seorang anak untuk berdoa. Seorang anak yang belajar berdoa mempelajari bahawa keintiman bersama Tuhan dapat dialami melalui doa. Dia belajar datang ke hadirat Tuhan dan mengalami kehadiran Tuhan dalam ibadat, doa dan pujian.

Selain itu, dia akan mengalami penyembuhan dan kekuatan yang akan dicurahkan oleh Tuhan dalam kehidupannya melalui doa.

- b. Kanak-kanak belajar bergantung kepada Tuhan untuk segala keperluan dalam kehidupan sehari-harian dan mengakui setiap berkat yang datang daripada Tuhan. Dengan demikian, mereka belajar menyerahkan kehidupannya kepada Tuhan. Pada zaman kebendaan ini, alang bahayanya kalau seorang anak tidak tahu bahawa Tuhanlah yang memberkati segala keperluannya. Segala yang diinginiya mudah sahaja diperoleh tanpa doa. Anak yang dikurniakan semua keinginannya tanpa perlu mendoakannya mungkin akan mengamuk kelak kalau dia meminta sesuatu dan tidak memperolehnya.

Bagaimana Mengajar Kanak-Kanak Berdoa

Pada umur 1 dan 2, kanak-kanak diajari berdoa serta bersyukur atas kasih Tuhan. Mereka boleh berdoa untuk ibu bapa, datuk nenek dan kakak mereka. Keperluan mereka untuk susu pun boleh didoakan.

Untuk umur 5 tahun dan ke atas, doanya boleh menjangkau lingkungan yang lebih luas seperti berdoa untuk kawan-kawan mereka, ibu bapa mereka dan berterima kasih kepada Tuhan untuk kebaikan-Nya. Berterima kasih untuk bunga, mentari, air dan awam-awam.

Apakah yang harus diajari dan bilakah kita harus mengajar anak-anak kita untuk berdoa?

- a. Bersyukur atas apa yang dilakukan oleh Tuhan dalam kehidupan mereka.
- b. Bersyukur kepada Tuhan atas apa yang dilakukan-Nya dalam ciptaan.
- c. Bersyukur kepada Tuhan atas apa yang dilakukan-Nya dalam kehidupan ibu bapa mereka.
- d. Bersyukur kepada Tuhan atas kesetiaan-Nya dan perlindungan-Nya.
- e. Berdoa untuk keamanan negara mereka dan juga jiran-jiran mereka.

Doa boleh melebarkan wawasan dan pandangan seorang anak terhadap masyarakatnya dan komitmen mereka terhadap orang lain. Beritahu mereka bahawa sewaktu mereka berdoa, sesuatu orang atau peristiwa tidak sama lagi kerana mereka beriman Tuhan akan menolong. Kalau mereka berdoa untuk ibu bapa mereka dan pekerjaan mereka, Tuhan akan menolong dan memberi kebijaksanaan untuk bekerja lebih baik. Kerana itu hendaklah kamu saling mengaku dosamu dan saling mendoakan, supaya kamu sembuh. Doa orang yang benar, bila dengan yakin didoakan sangat besar kuasanya” (Yakobus 5:16). Ceritakan Elia kepada anak-anak, mereka tentu akan merasa sangat teruja dengan doanya. “Elia adalah manusia biasa sama seperti kita, dan dia telah bersungguh-sungguh berdoa, supaya hujan pun tidak turun di bumi selama tiga tahun dan enam bulan. Lalu dia berdoa pula dan langit menurunkan hujan dan bumi pun mengeluarkan buahnya” (Yakobus 5:17).

Sewaktu anda mengajar seorang anak untuk berdoa, anda juga merangkaikan ajaran yang boleh membentuk pandangannya dan sikap. Contohnya sewaktu berdoa untuk mengucapkan syukur bagi makanan, ibu bapa atau guru boleh mengajar bahawa kita tidak mengomel kerana makanan kesukaan tidak ada di meja. Mereka diajak untuk menyedari kanak-kanak di negara tertentu tidak cukup makanan dan mereka sangat bersyukur dengan makanan seperti ini. “Janganlah hendaknya kamu khuatir tentang apa pun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur” (Filipi 4:6).

Hana dalam Perjanjian Lama menjadi teladan seorang ibu yang selalu setia berdoa dan sebelum Samuel dilahirkan, dia sudah selalu berdoa. Cara yang paling berkesan untuk mengajar seorang anak untuk berdoa ialah menjadi teladan doa bagi anak-anak kita (1 Samuel 12:33). Sebaliknya Eli gagal memberi pengaruh yang positif sehingga kedua-dua anaknya, Hophni dan Phinehas menjadi orang yang jahat. Dalam 1 Sam 2:29, Eli pun makan daging yang dicuri oleh anak-anaknya, bapanya yang merupakan imam pun sudah menjadi teladan yang begitu buruk. Pantaslah, bagaimana acuannya, begitulah kuihnya.

Kemampuan menumpu seorang anak kecil mungkin singkat, jadi kita tidak boleh menuntut agar seorang anak berdoa dengan panjang lebar. Guru dan ibu bapa boleh menyampaikan cerita mengenai doa yang dijawab dan menceritakannya kepadanya. Buku-buku doa boleh

menolong anak kita mengungkapkan perasaan kepada Tuhan jika anak-anak kita kesuntukan perkataan.

Beberapa Kaedah Untuk Mengajar Kanak-Kanak Berdoa

a Jurnal Untuk Mengarang Doa

Galakkan kanak-kanak menyimpan sebuah jurnal untuk menulis pokok-pokok doa dan jawapannya. Berilah kanak-kanak waktu untuk berkongsi tentang jawapan doa mereka dengan kanak-kanak lain.

b Gambar

Gambar manusia sedang menguruskan kehidupan sehari-harian boleh menjadi pokok-pokok doa. Tanyakan kanak-kanak apakah yang dilihat oleh mereka dalam gambar-gambar tersebut. Contohnya, kanak-kanak sedang melihat nelayan yang sedang menangkap ikan. Guru-guru boleh menarik perhatian kanak-kanak kepada Pencipta yang memberi kita sumber makanan lautan. Pengucapan syukur boleh dinaikkan kepada Tuhan dan para nelayan yang telah menangkap ikan untuk kita. Guru-guru boleh menanam kesedaran untuk menjaga kebersihan lautan dengan tidak mencemarinya. Guru-guru akan memakai visual yang sesuai dengan tema doa mereka.

Setelah itu guru-guru boleh menggalakkan kanak-kanak untuk mengucapkan syukur atas berkat alam yang diberikan oleh Tuhan kepada manusia. Mereka memikirkan satu berkat dan mengambil giliran untuk berterima kasih kepada Tuhan. Kanak-kanak mengucapkan syukur atas hutan-hutan yang diberikan oleh Tuhan dan diajar untuk selalu menjaga alam indah.

c Mendengar Lagu

Kanak-kanak disuruh mendengar satu lagu. Setelah itu seorang anak atau dua akan membimbing yang lain dalam doa. Dia membaca sebaris ayat dari lagu itu dan semua kanak-kanak yang dalam keadaan kepala tertunduk atau tangan terangkat mengucapkan kalimat itu dalam bentuk doa. Janganlah memilih lagu yang memiliki ayat-ayat yang panjang lebar.

d Gerak Geri

Ajarlah kanak-kanak berdoa dengan pelbagai gerak geri. Kadangkala mereka boleh berlutut, berlutut dengan kedua-dua tangan terangkat,

berdiri dengan kepala tertunduk, menengadahkan tangan terangkat, berduduk diam-diam sambil berbisik doa. Mereka boleh berlompat-lompat dan bersorak sorai dalam pujian kepada Tuhan tanpa merasa malu. Guru boleh mengajak mereka berdiri dalam lingkaran, memegang tangan, dan berdoa atas berkat Tuhan.

e Doa Kelompok

Kanak-kanak berdudukan dalam kelompok dan setiap anak diminta apakah bahan doa yang ingin didoakan. Setiap orang akan menerima satu pokok doa dan saling mendoakan yang lain. Berpasangan dalam doa dengan pokok doa yang tertulis untuk didoakan boleh menolong kanak-kanak berdoa.

f Keperluan Misionari

Isikan bakul dengan kad-kad yang ditulis dengan pelbagai doa daripada misionari di dunia. Guru boleh mencari pokok doa daripada majalah atau bulletin persekutuan misi. Jelaskan beberapa misionari yang melayani di negara lain, cabaran dan keperluan doanya. Suruh anak-anak tampil ke depan untuk mengambil kad itu dan kemudian membaca keperluan doa itu. Semua orang akan berdoa atau kanak-kanak yang mahu berdoa boleh melakukan demikian. Kalau kanak-kanak belum pandai berdoa, guru boleh berdoa dan kanak-kanak mengikutnya dalam doa.

g Suratkhobar

Guru-guru boleh menggantung gambar daripada suratkhobar tentang kanak-kanak atau orang dewasa atau negara-negara yang berada dalam keperluan. Mereka boleh mendengar ceritanya dan kemudian semua orang berdoa. Contohnya berdoa bagi mangsa-mangsa yang terperangkap dalam gempa bumi atau mangsa-mangsa terrorisme.

h Melengkapi Doa

Berikan beberapa kad yang tertulis satu kalimat doa. Pilih beberapa murid untuk membacanya dan murid-murid lain melengkapinya dengan doa. Contohnya:

Tuhan itu baik lalu seorang anak menyambung dengan berkata Tuhan kita baik kerana Dia memberi kami matahari. Anak yang lain berkata Tuhan kita kasih kerana dia memberi saya ibu yang rajin.

Seorang anak lagi membaca kalimat Tuhan kita setia... Engkau memberi kami matahari dan hujan setiap hari. Guru boleh membaca ayat Alkitab yang menceritakan contohnya kasih Tuhan.

Kaedah ini menggalakkan kanak-kanak yang sulit berdoa untuk belajar bagaimana berdoa.

i Buku-Buku Doa

Guru-guru boleh memberi kanak-kanak buku doa tetapi guru-guru mesti menekankan bahawa membaca bukan berdoa. Mereka mesti bersetuju dengan doa itu dalam hati dan tidak mengucapkan amin dengan ikhlas. Anak-anak yang kecil suka irama dalam doa dan dapat mengingatnya dengan mudah. Kanak-kanak boleh digalakkan menambahkan seperenggan lagi dalam buku doa itu. Mereka boleh diajak untuk bermeditasi atas doa dalam buku itu dan merenunginya dengan lebih mendalam lagi.

j Renungan dan Doa

Kadangkala seorang guru boleh membuat satu renungan singkat bersama seorang anak dan berdoa bersama-samanya. Guru-guru boleh memberi tugasan merenungi perenggan Alkitab tertentu dan mengarangkan doa. Tanggal, ayat Akitab, doa, pelajarannya dan penerapannya boleh ditulis.

k Sepucuk Surat

Tuliskan sepucuk surat kepada Tuhan dan mencurahkan doa mereka kepada Tuhan ataupun sepucuk surat atau kad penghargaan kepada Tuhan atas jawapan doa yang telah diterima oleh mereka.

l Bakul Muzikal

Sediakan satu bakul dan letakkan bahan-bahan doa yang dikategori dalam lima kategori:

- Kategori keperluan seharian
- Kategori manusia yang dikenali oleh mereka
- Kategori anggota keluarga mereka
- Kategori kegembiraan-waktu hari cuti, konsert sekolah, hari jadi
- Kategori karunia Roh Kudus dan buah-buah Roh Kudus. Guru-guru boleh menuliskan buah-buah Roh Kudus pada kadbod

yang diguntingkan menyerupai pelbagai jenis buah. Kanak-kanak boleh mengambil satu kepingan kadbod yang tertulis satu buah Roh Kudus dan berdoa agar satu buah dinyatakan dalam kehidupan mereka sepanjang minggu. Guru menceritakan maksud setiap buah dan memberi satu contoh bagaimana berdoa dan meminta buah Roh Kudus berbuah dalam kehidupan mereka. Guru boleh memberi satu cerita yang menggambarkan seorang anak yang berbuah Roh Kudus di tengah-tengah kesusahan.

m Ide Tambahan

Bakul diedarkan kepada pelajar yang duduk dalam bentuk lingkaran dan muzik dimainkan. Apabila muziknya berhenti, pelajar yang mendapat bakul itu mesti mengambil bahan doa itu. Kalau dia mengambil kategori keluarga, dia akan berdoa, contohnya untuk ibunya. Kalau kelompok anda masih tidak tahu berdoa dengan baik, anda boleh menulis separuh ayat dan mereka mengarang separuh ayat lagi dalam doa mereka.

n Cerita Kreatif

Seorang guru boleh menyampaikan satu cerita kreatif untuk menceritakan kebenaran rohani lalu meyakinkan anak tentang kepentingan mendoakan hal itu.

Harapan Untuk Seekor Katak

Freddie seekor katak rindu menjadi putera yang kacak, dan katak ini telah menggunakan pelbagai cara untuk menarik perhatian katak-katak di sekelilingnya. Tidak ada katak terlalu tertarik dengan keberadaannya, dia menjadi sangat sedih. Pada suatu hari, dia bertemu dengan seorang perempuan yang seperti dirinya juga. Mereka menjalin satu persahabatan yang akrab. Kasih dan perhatian mereka terhadap sesama mereka telah mentransformasi mereka berdua menjadi putera puteri.

Ceritakan kepada anak-anak bahawa kasih Tuhan dapat mengubah dan mentransformasi mereka daripada seorang yang berdosa menjadi anak yang hidup berkenan kepada-Nya. Ajaklah anak untuk selalu meminta kuasa Tuhan untuk mentransformasi dan mengubah diri mereka sehingga mereka dapat hidup berkenan kepada Tuhan dan manusia.

Contoh lain:

Samuel yang mempunyai sifat panas baran selalu meletup seperti gunung berapi. Kawan-kawannya semua takut kerana dia akan menumbuk meja ketika marah atau berteriak-teriak dengan begitu kuat. Namun, Samuel ingin diubah dan dia meminta pertolongan Tuhan Yesus. Setiap kali, dia berdoa dalam ketenangan, dia merasa Tuhan Yesus, berdiri dan menenangkan gelora dalam dirinya. Makin lama makin dia menjadi orang yang lebih tenang dan berlemah lembut. Guru boleh meyakinkan anak-anak yang mempunyai masalah sifat ini untuk berteduh, merenungi akan kasih Tuhan terhadap dirinya, dan berdoa untuk sifat sabar.

Saat Doa:

Guru: Tuhan, kami bersyukur sebab Engkau telah mengubah kami daripada orang lama kepada orang baru.

Kanak-Kanak: Tuhan, terima kasih, Engkau telah menanggalkan dosa kami.

Guru: Puji Tuhan melalui Tuhan Yesus segala dosa kita dihapuskan.

Kanak-Kanak: Puji Tuhan, atas pengampunan dan penerimaan Engkau.

Guru: Engkau sudah menjadi manusia baru dalam Kristus, putera-puteri yang berharga.

Untuk membimbing anak-anak sehingga pandai berdoa, mereka boleh melihat doa dalam kertas yang tersedia bagi mereka. Mereka akan berdoa dengan melihat tulisannya, lama-kelamaan, anak-anak akan pandai berdoa. Untuk anak-anak yang lebih besar, mereka boleh diajar memerhatikan buku doa seperti “Seruan Hati Kanak-Kanak” atau buku doa Anglikan “Common Prayer” yang boleh anda terjemahkan.

o Berdoa Untuk Kanak-Kanak Lain

Galakkan kanak-kanak untuk berdoa bagi kanak-kanak lain. Mereka boleh berkongsi doa dan ajak kanak-kanak menumpang tangan atas bahu mahupun kepala anak-anak lain dan berdoa bagi mereka. Sejak kecil, kanak-kanak boleh diajar saling melayani. Mereka belajar menerapkan “Kalau ada seorang di antara menderita, baiklah dia berdoa! Kalau ada seorang yang bergembira baiklah dia menyanyi!” (Yakobus 5:13)

p Berpasangan Dengan Orang Dewasa Dalam Doa

Ajak orang dewasa yang rohani untuk berpasangan dengan seorang anak sekolah minggu dalam doa. Mereka akan mengajak seorang anak untuk berdoa bila-bila masa sahaja. Kerohanian seorang dewasa yang matang dan mengasihi Allah dapat menjadi sumber ilham dan teladan bagi anak-anak.

Mengajar Anak-Anak Doa Sebagai Gaya Hidup

Guru-guru dan ibu bapa boleh menggalakkan seorang anak berdoa sepuluh minit setiap hari.

1. Naikkan doa singkat kepada Tuhan seperti "Tuhan Yesus, kasihanlah aku, aku hanya pendosa," "Datanglah Tuhan, jamah aku hari ini," "Sucikan hatiku agar ia menjadi seputih salju," "Tuhan, Engkau gunung batu aku," "O Tuhan, sungai air hidupku," "Aku melambai-lambai tangan dan bersorak atas kuasa-Mu," "Siapkan hatiku untuk memuliakan nama-Mu," "Hatiku, aku serahkan dengan sepenuhnya kepada Tuhan."
2. Tetapkan setengah jam untuk merenungi dan berdoa daripada firman Tuhan.
3. Simpan sebuah jurnal doa untuk mencatatkan doa. Guru-guru dan ibu bapa boleh membeli sebuah jurnal indah untuk mengilham anak-anak menuliskan doa mereka. Galakkan mereka untuk mencurahkan perasaan mereka kepada Tuhan.
4. Berjalan di taman bunga dan mengucapkan syukur kepada Tuhan atas bunga, rumput, bebunga, dan burung-burung yang berkicauan.
5. Ambil sepuluh minit untuk mengucapkan syukur untuk segala yang dilakukan oleh Tuhan. Ibu bapa boleh melakukannya setiap hari sebelum pergi ke sekolah atau sewaktu mahu tidur.
6. Membaca Alkitab, berdiam, dan melatih diri untuk mendengar daripada suara Tuhan lalu berdoa.
7. Berilah carik-carik kertas berwarna kepada anak-anak dan minta mereka berdoa setiap hari berdasarkan satu warna. Contohnya apabila mereka mengambil warna hijau, mereka akan bersyukur atas hutan, sayur-sayuran dan epal hijau.

Kalau pada hari itu, mereka menggunakan merah, mereka boleh bersyukur atas darah Kristus yang tercurah bagi menebus dosa mereka, rambutan yang sedap ataupun baju merah yang menjadi kesukaan mereka. Kalau warna hijau, mereka teringat kepada matahari yang diberikan oleh Tuhan.

Contoh Doa Untuk Peka Kepada Hadirat Tuhan

“Jika jiwa orang percaya dalam keadaan yang sihat, dia akan mengambil waktu untuk hampir ke hadirat Tuhan dengan tujuan bersekutu dengan-Nya.” (A.W.Pink) Seorang anak juga perlu belajar untuk datang ke hadirat Tuhan sejak kecil dan menikmati kehadiran-Nya.

Contoh 1 Permulaan

Guru: Inilah saat untuk berdiam diri di hadirat Tuhan. Kawan-kawan yang duduk di sebelahmu sedang berduduk diam dan menunggu Tuhan seperti kamu. Siaplah hatimu dan diamkan jiwamu dalam hadirat-Nya yang kudus.

Kanak-Kanak: Berkati kami O Tuhan
Berkati kami dengan kehadiran-Mu yang Kudus
Kami berdiam diri di depan-Mu
Berkati kami melalui Anak Engkau, Kristus Yesus. Amin.

Guru: Kami bermula ibadat kami dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus.
Bimbinglah doa kami pada saat ini.

Kanak-Kanak: Tuhan Maha Penyayang,
Kami telah berdosa dalam perkataan mahupun perbuatan kami. Sucikan hati kami.

Guru: Tuhan, apabila kami memikirkan dosa kami,
Kami merasa takut,
Tetapi apabila kami meminta akan pengampunan-Mu
Dan mengingat kematian-Mu di kayu salib demi dosa kami
Kami merasa kedamaian-Mu

Contoh 2

Tuhan, Kasihanilah Kami

Frasa Tuhan, kasihanilah kami, datang daripada seruan dua orang buta kepada Yesus ketika Dia menghampiri Yeriko (Matius 20:29-34). Dalam seruan ini, mereka berusaha menjangkau Yesus.

Beri setiap anak satu carik kertas yang tertulis satu sebabnya mereka perlu berseru, "Tuhan, kasihanilah kami."

Anak 1: Dalam damai, mari kami berdoa kepada Tuhan.

Semua (termasuk guru): Tuhan, kasihanilah kami.

Anak 2: Biarlah kasih-Mu memenuhi hati kami.

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Anak 3: Berilah iman saat ketakutan

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Anak 4: Berilah kekuatan saat keletihan

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Anak 5: Hurlurkan pertolongan-Mu dalam pelajaran kami

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Anak 6: Berilah kami ketaatan kepada Tuhan

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Anak 7: Biar damai-Mu memenuhi hati kami

Semua: Tuhan, kasihanilah kami

Contoh 3

Puji-Pujian

Kanak-Kanak: Kami memuji Engkau

Guru: Ya Tuhan yang bertakhta di tempat tinggi

Kanak-Kanak: Kami memberkati Engkau

Guru: Ya Tuhan yang bertakhta di tempat tinggi

Kanak-Kanak: Kami menyembah Engkau

Guru: Ya Tuhan yang bertakhta di tempat tinggi

Kanak-Kanak: Kami memuliakan Engkau

Guru: Ya Tuhan yang bertakhta di tempat tinggi

Kanak-Kanak: Kami bersyukur kepada Engkau

Contoh 4

Domba Allah (Yesaya 53:7; John 1:29)

Guru: O Kristus, domba Allah yang ambil dosa dunia,
kasihanilah kami
Kanak-Kanak: Tuhan, ampunilah dosa kami
Guru: O Kristus, domba Allah yang ambil dosa dunia,
kasihanilah kami
Kanak-Kanak: Tuhan, ampunilah perkataan kami yang tidak sopan
Guru: O Kristus, domba Allah yang ambil dosa dunia,
kasihanilah kami
Kanak-Kanak: Tuhan, ampunilah segala tingkah laku yang melukai
orang lain
Guru: O Kristus, ampunilah perkataan kami yang tidak sopan

Contoh 5

Ajari aku, O Tuhan dan Rajaku

Guru: Ajari aku, O Tuhan dan Rajaku
Kanak-kanak: Untuk selalu membaca firman-Mu
Guru: Ajari aku, O Tuhan dan Rajaku
Kanak-Kanak: Untuk selalu berdoa dengan iman
Guru: Ajari aku, O Tuhan dan Rajaku
Kanak-Kanak: Untuk selalu mengasihi orang lain

Berkerjasama Ibu Bapa

Ibu bapa boleh menolong setiap anak menetapkan satu tabiat berdoa setiap pagi dan malam. Ajak ibu bapa untuk menetapkan waktu doa bersama dengan anak mereka. Waktu renungan dan berdoa bersama dengan anak-anak mereka sangat berharga. Guru-guru boleh memberi tema doa pada minggu itu agar ibu bapa memberi sumbangan doa yang kaya kepada anak mereka.

Doa mendatangkan sukacita dalam jiwa anak-anak kita. Jadi kalau ibu bapa ingin mengasuh seorang anak yang tenang dan periang, ajarlah anak-anak mereka sering berdoa. “Janganlah hendak kamu khuatir tentang apapun juga, tetapi nyatakan dalam segala hal keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur. Damai sejahtera Allah yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus” (Filipi 4:6-7).

Keteguhan dalam batin anak-anak boleh dibangunkan dengan bersandar kepada Gunung Batu mereka dengan tanpa bergoyah. “Yang hati teguh kaujaga dengan damai sejahtera, sebab kepada Mulah dia percaya” (Yesaya 26:3). Anak yang tidak pernah berdoa mudah terombang ambing dan kurang keteguhan sewaktu diuji. Keteguhan dibangunkan dalam anak kita ketika mengalami pertolongan Tuhan. “

Di tengah-tengah zaman yang bergelora ini, anak kita perlu berani. “Pada hari aku berseru, Engkau pun menjawab aku, Engkau menambahkan kekuatan dalam jiwaku” (Mazmur 138:3). Anak kita belajar mengucapkan doa pada waktu mereka memerlukan Tuhan untuk meluputkan mereka dari mara bahaya, “Kepada-Mu nenek moyang kami percaya; mereka percaya, dan Engkau meluputkan mereka” (Mazmur 22:5).

Ibu bapa tidak akan bersama dengan anak mereka seluruh hidup atau membuat keputusan untuk mereka. Bimbingan daripada Tuhan sendirilah yang penting:

“Akuilah Dia dalam segala lakumu, maka Dia akan meluruskan jalanmu” (Amsal 3:6). Tentu juga kita merindui segala yang berkenan dan ingin kehendak Tuhan digenapi dalam kehidupan anak kita. Pada zaman yang serba ada, seorang anak mungkin sudah diberikan segala keperluan termasuk kemudahan telefon bimbit dan komputer. Mereka tidak perlu belajar meminta sesuatu yang diperlukan oleh mereka lagi. Ibu bapa harus menggalakkan seorang anak untuk mendoakan keperluan mereka dan menghargai Tuhan sebagai pemberi segala berkat (Rom 8:32).

KESIMPULAN

Ibadat dan doa sangat penting dalam kehidupan anak-anak Tuhan dan harus menjadi sebahagian yang penting dalam Pendidikan Kristian keluarga. Pelbagai kaedah pengajaran yang menarik tidak akan menjadi bermakna kalau seseorang anak tidak tahu beribadat ataupun berdoa kepada Tuhan. Pelekat ajaib ini mesti ada pada seorang anak sejak kecil agar dia tahu menjalin perhubungan intim dan berjalan akrab dengan Tuhan. Tuhanlah yang mendatangkan transformasi dalam kehidupan seseorang maka ajarlah pelajar menjalin hubungan bersama dengan Tuhan seharusnya menjadi langkah utama para guru dan ibu bapa.

BAB 22 : IRAMA DAN RENTAK BUAIAN

Anak remaja terdiri daripada aneka ragam keperibadian dan latar belakang. Sesetengah di kalangan mereka periang, yang lain pula terlalu menurut perasaan, ada pula sungguh berdikari, dan yang lain pula suka menyendiri. Waktu remaja memang waktu yang sulit bagi kebanyakan manusia. Seorang anak yang berumur 11-12 tahun masih boleh menurut perintah ibu bapa mereka. Anak ini berfikir segala sesuatu yang dikatakan ibu bapa mereka tepat dan pintar. Tiba-tiba menjelang remaja, anak ini begitu yakin bahawa mereka mengetahui segala sesuatu dan ibu bapa mereka tidak tahu apa-apa mengenai mereka mahupun kawan-kawannya.

Tiba-tiba ibu bapa seperti melihat kesalahan anak mereka dengan jelas dan sebaliknya, anak-anak mulai melihat kelemahan ibu bapanya. Acapkali ini menimbulkan konflik dalam keluarga antara anak-anak remaja dan ibu bapa mereka. Pakar kaunselor, Dr. James Dobson menggambarannya seperti seorang anak remaja yang mahu menerbangkan layang-layang sendiri namu ibu bapa mahu memegang talinya dan menariknya agar jangan terbang di luar kawalan.

Ahli Akrobat Buaian

Erikson memberi gambaran yang kreatif; dia menggambarkan waktu remaja sebagai ahli akrobat buaian yang membuai dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. *“Seperti seorang ahli akrobat buaian, seorang muda berada dalam gerakan pesat untuk melepaskan pegangan selamat zaman kanak-kanaknya, dan sedang menjangkau genggamannya kuat pada masa dewasa...”*⁸⁹

Frances Anderson berkata, *“Sewaktu orang muda mulai membuai ke kedewasaan, kayu buaian masih membuai ke masa kanak-kanaknya. Tetapi apabila kayu buaian itu digenggam, proses ini akan terus melanjut, dan gerakan akan membuai bolak balik. Satu saat, orang muda ini ingin keistimewaan dan keselamatan masa kanak-kanak. Kemudian, mereka ingin berdikari, tidak mahu diingat tentang masa lampainya. Gerakan ini tidak rata dan tidak terduga, tetapi sangat pasti.”*⁹⁰

Saat keremajaan diibaratkan sebagai saat membuai antara masa kecil dan masa dewasa yang menimbulkan pelbagai keadaan tidak stabil. Pembuaian ini memerlukan saat penyesuaian antara ibu bapa dan anak-anak remaja mereka. Ibu bapa sedang mempelajari bahawa anak-anak mereka bukan lagi anak-anak kecil dan mereka tidak akan menerima tunjuk ajar tanpa penjelasan. Tetapi secara senyap-senyap di lubuk hati, anak ini merasa bagus bahawa ibu bapa mengambil berat tentang mereka. Sewaktu seorang anak berada dalam sekolah rendah kelas empat, dia akan menerima nasihat tentang bagaimana berdandan dan memakai jenis pakaian yang dianggap sesuai. Jangan diharapkan anak remaja akan menuruti gaya pemakaian yang disukai ibu. Pasti, mereka merasa ibu sudah agak ketinggalan zaman.

Identiti Tersendiri

Waktu keremajaan ialah waktu mencipta identiti sendiri dan tidak hairanlah anak remaja mengalami metamorfosis seperti kepompong menjadi kupu-kupu indah. Guru boleh melihat bahawa para remaja berusaha mencipta identiti mereka melalui bahasa yang digunakan, baju yang dipakai mereka, muzik rancak yang disukai mereka, dan perhubungan atau persahabatan mereka. Kesukaan mereka ternyata berbeza dengan citarasa orang dewasa mahupun kanak-kanak; gaya rambut mereka, bahasa mereka dan gaya pakaian mereka sungguh unik. Seorang anak remaja ingin memastikan dirinya ada gaya.

Seorang guru remaja mesti mampu memahami kebudayaan anak-anak remaja dan bersikap terbuka kepada mereka. Kalau guru bersifat menghakimi dan kaku, anak-anak remaja tidak akan berminat terhadap pengajarannya. Dia mesti berusaha memahami maksud yang terselindung di sebalik perbualan mereka, gelak tawa mereka dan berusaha berkomunikasi melalui irama dan gaya percakapan mereka. Para remaja mesti mengetahui bahawa guru mereka menerima mereka,

dan tidak banyak mencaci. Gereja dan guru perlu menunjukkan bahawa mereka tetap diterima dan dikasihi sekalipun mereka banyak berubah.

Perkembangan Dalam Pemikiran

Menurut Piaget seorang remaja lebih mampu membentuk gagasan konsep sendiri dan mampu menilai fikiran sendiri. Fenomena ini sebenarnya melambangkan pertumbuhan minda namun seringkali hal ini tidak sering diambil berat oleh ibu bapa mahupun guru mereka. Perkembangan minda ini mungkin menyebabkan mereka lebih cepat berdebat sehingga kadangkala berperang mulut dengan orang lain. Hargailah perkembangan minda seorang remaja, dan mengambil cadangannya dalam pertimbangan.

Pertumbuhan Jasmani

Para remaja lelaki dan perempuan mengalami perkembangan jasmani yang kadangkala membuat mereka merasa aneh dan canggung. Perubahan jasmani terjadi seperti pinggul yang lebih dan bahu yang melebar, jerawat mulai bertumbuh pada muka anak remaja lelaki mahupun perempuan. Bagi lelaki, janggut dan misai mulai bertumbuh dan suara menjadi garau. Kalau mereka pandai menyanyi, tiba-tiba suara berubah. Pengeluaran air mani semasa tidur diakibatkan oleh mimpi yang mengghairahkan.

Anak remaja perempuan juga mengalami pertumbuhan jasmani. Pertumbuhan mereka yang pesat menyebabkan mereka kadangkala merasa canggung. Bulu mulai bertumbuh di beberapa bahagian tubuh mereka dan mereka didatangi haid. Tubuh menjadi lebih gempal dengan pertambahan pada pinggul dan paha. Perubahan ini membuat mereka menjadi lebih peka terhadap diri sendiri walaupun kawan-kawan mereka pun sedang bertumbuh. Emosi mereka kadangkala mudah tersinggung oleh kata-kata mengenai rupa mereka atau jerawat mereka.

Namun, pertumbuhan jasmani yang selanjutnya membawa kepuasan kepada belia lelaki kerana mereka boleh menguji kekuatan dan kemampuan mereka. Remaja yang lebih dewasa menyedari kemampuan mereka dalam sukan mencapai tahap peningkatan tinggi. Belia perempuan pula bermekar dalam kecantikan dan mulai menyedari akan kecantikan diri.

Keinginan Mengambil Keputusan Sendiri

Waktu keremajaan diwarnai oleh konflik antara mengambil keputusan sendiri dan menurut keputusan ibu bapa. Corak pemikiran mereka berbeza dengan ibu bapa mereka. Kadangkala ibu bapa salah faham bahawa anak remaja mereka suka berperang mulut dan suka memberontak. Ibu bapa mungkin berfikir anak mereka seperti semakin degil, suka memberontak, dan terikut-ikut kawan mereka. Tanggapan negatif ini seringkali membuat seorang anak remaja tidak gembira juga.

Anak remaja biasanya berfikir mereka lebih pandai daripada ibu bapa mereka. Ibu bapa mesti dinasihati untuk bersikap lebih terbuka. Kalau ibu bapa mereka tidak dapat bersetuju atau sependapat dengan anak remaja, mereka mungkin mencari orang lain untuk bersetuju dengan mereka. Mencari pola komunikasi yang lebih bertolak ansur sungguh penting pada waktu ini. Remaja dan ibu bapa mungkin ada konflik dalam pelbagai hal seperti pukul berapa harus pulang ke rumah, bolehkah lelaki memakai anting-anting, elokkah mereka bergaul dengan kawan-kawan tertentu, dan bil telefon yang melambung tinggi.

Guru-guru pula mesti mengajar mereka dengan menggunakan kaedah yang memberi mereka kesempatan untuk menyumbang pendapat atau mencurahkan perasaan mereka. Kalau mereka sudah mengikut sekolah minggu selama ini, mereka mengharapkan pendekatan yang baru daripada guru-gurunya. Guru-guru mesti memberanikan diri mencari kaedah-kaedah baru untuk memikat hati mereka.

Guru-guru yang baik akan menyiasat tentang tabiat baca mereka, buku-buku yang diminati mereka, filem yang dihebohkan mereka, atau lagu-lagu yang didengar mereka. Guru-guru yang terus menerus menyerang kebudayaan anak remaja nescaya menyebabkan mereka melangkah seribu dari kelas mereka. Guru-guru mesti memerhatikan lirik lagu yang disukai remaja agar mereka boleh menggunakannya sebagai jambatan dalam ajaran mereka. Kalau guru memberi sikap bahawa “Jijiknya lagu yang anda sukai itu” atau berkata “anehnya semua gaya rambut anak remaja” pasti akan menyebabkan anak remaja tidak lagi menginjak kaki ke kelas di gereja.

Pertuturan Mereka

Anak-anak remaja akan menyumbang pendapat tanpa banyak berfikir dan mencurahkan perasaan dengan jujur mengenai topik yang diberikan. Mereka memberi pendapat mereka dengan berterus terang. Kalau sesuatu pelajaran tidak menarik, mereka akan memberitahu dengan jujur bahawa sesi itu cukup membosankan. Perasaan tidak senang terhadap guru-guru juga diungkapkan dengan jujur. Guru yang bijaksana jangan berkecil hati atau bergaduh dengan mereka. Guru lebih baik mendengar kepada pendapat mereka dan berusaha memenangi mereka dengan perbincangan yang membangun.

Nilai-Nilai Iman dan Pegangan Hidup

Para anak remaja mula menyelidiki dan mengevaluasi iman kepercayaan dan pegangan hidup ibu bapa mereka. Perkembangan logik dan minda telah menyebabkan mereka membuat siasatan. Mereka lebih berusaha cuba memahami iman mereka daripada sekadar menurut sahaja. Anak remaja lebih suka kalau ibu boleh berbincang dengan mereka dan menghargai pandangan iman mereka. Waktu ini penting untuk mengukuhkan iman kepercayaan mereka dengan lebih rasional lagi.

Seorang anak kecil akan mengikut ibu bapa mereka ke gereja dengan taat tetapi seorang anak remaja ingin tahu penjelasan iman mereka. Kalau mereka merasa persekutuan remaja mereka tidak banyak memanfaatkan mereka, banyak alasan akan dikemukakan untuk tidak menghadirinya. Guru remaja mesti berusaha memikirkan pelbagai pendekatan yang menarik dan bererti bagi para remaja. Permainan yang merangkaikan kebenaran dapat menolong mereka untuk menjadi lebih berminat. Inilah waktu berusaha mencari bahan untuk meletakkan landasan yang lebih kukuh lagi khususnya makna lafazan iman kepercayaan mereka.

Kawan Yang 'Istimewa'

Pada waktu remaja, seseorang remaja mulai menyedari kehadiran kawan-kawan yang berlawanan jenis dan kemunculan daya tarik kepada mereka. Ibu bapa mulai khuatir kalau-kalau mereka salah langkah dan melakukan sesuatu yang akan disesali mereka. Waktu ini juga mereka mungkin dilandai oleh cinta monyet. Ibu bapa yang bersikap terbuka boleh menjadi kawan dan menasihati mereka dengan baik.

Kaum remaja sangat mementingkan kawan-kawan sebaya mereka dan akan mengikut keputusan kelompok kerana mereka takut ditolak dan dianggap berlainan. Bagaimana kalau guru memberi kelompok yang diajarinya dengan nama yang unik dan semua murid merasa bangga menjadi anggotanya. Sewaktu saya mengajar para remaja kelompok kami dikenali sebagai “Medium Rare” dan sekelompok lagi “Youth Ablaze.” Fikirkan pakaian mahupun topi yang sama untuk membuat mereka merasa mereka dimiliki oleh satu kumpulan yang istimewa.

Jangan Lupa Injil

Ingat, musim berubah namun setiap remaja mempunyai keperluan seperti anak-anak remaja zaman kita. Mereka tetap memerlukan Injil, keyakinan penyelamatan, kasih Tuhan dan kepuasan rohani walaupun mereka berlagak seakan-akan tidak memerlukan Tuhan. Pertanyaan yang sama seperti apakah yang akan terjadi kalau kita meninggal dunia, siapakah Tuhan dan sifat-sifat Tuhan tetap ingin diketahui oleh mereka walaupun mereka seakan-akan puas dengan segala peralatan moden.

Jangan takut menggunakan kaedah tradisional dari semasa ke semasa seperti berkhotbah dan penyampaian firman Tuhan. Pendapat bahawa anak remaja tidak suka khutbah tidaklah benar. Penggunaan kepelbagaian kaedah bererti gabungan antara kaedah yang lebih moden dan pragmatik dengan yang lama. Sekalipun belia dan remaja kelihatan serba canggih dan maju dalam kehidupan mereka, kebenaran firman Tuhan tetap diperlukan dalam kehidupan mereka. Vakum yang wujud dalam setiap manusia tetap wujud dalam diri mereka. “Engkau telah menciptakan kami bagi Diri-Mu dan jiwa kami tidak akan tenang tanpa Engkau.” (Augustine)

Jangan Lupa Memberi Airmata dan Belas Kasihan

Jangan lupa memberi airmata dan belas kasihan sewaktu remaja atau pemuda-pemudi anda gagal dalam kehidupan mereka. Tiada yang mengerikan hati seorang gadis remaja selain daripada penolakan dan cacian daripada semua anak remaja sewaktu dia hamil di luar pernikahan. Guru yang tidak berbelas kasihan akan menyebabkan anak remaja ini meninggalkan gereja sebab dia berfikir dia telah

melakukan dosa yang begitu besar sehingga segenap masyarakat termasuk guru-guru Kristian tidak dapat mengampuninya atau menerima lagi. Sikap yang mencaci tanpa memberi kesempatan yang kedua kepada seorang anak remaja akan menghancurkan hatinya dan menghancurkan keyakinannya terhadap orang Kristian. Berilah pelukan dan doa dia serta memulihkannya ke arah yang berkenan kepada Tuhan.

“Kasih ialah keperluan emosi yang paling asas. Sewaktu keperluan itu dipenuhi oleh orang lain kita dapat menyelami kehangatan emosional ini daripada orang itu. Suasana emosional perkahwinan mahupun kehidupan berkeluarga dapat diperkukuhkan ahli-ahli keluarga kalau mereka belajar bercakap kepada sesama dalam bahasa kasih yang dasar” (Gary Chapman). Bahasa cintalah yang dapat memenangi hati seorang anak remaja yang sedang mengalami gejolak jiwa.

Tanpa belas kasihan dan dukungan doa serta kasih pada saat ini menyebabkan seorang anak remaja berpaling ke dunia dan mengekalkan hidup yang berdosa. Jangan mencaci dan menjadi batu sandungan remaja yang memerlukan bantuan dan nasihat anda. Berusaha memulihkan langkah mereka dengan kasih Tuhan yang tanpa bersyarat. Apabila seorang remaja atau belia sudah mengundur diri dari gereja atas dosa tertentu, dia sulit kembali ke gereja. Seorang remaja atau belia dalam keadaan ini muncul sebagai pemenang dan menjadi orang yang lebih rohani lagi kalau dia menerima belas kasihan dan kaunseling yang wajar daripada guru dan ibu bapa.

Jangan Lupa Bertumbuh

Guru remaja dan belia biasanya sangat sibuk. Mereka menyiapkan permainan, menyiapkan makanan, membawa mereka mengunjungi, memikirkan aktiviti yang bererti dan program yang dapat memanfaatkan kumpulannya. Jangan lupa akan diri anda, keperluan rohani sendiri dan pertumbuhan sendiri. Anda perlu memberi waktu untuk diri sendiri, waktu bacaan peribadi, waktu doa serta persekutuan dengan rakan-rakan lain dalam gereja. Jika anda melayani terus tanpa memikirkan diri mungkin akan menjadi lesu dan suatu hari, anda akan kehilangan motivasi dan semangat dalam pelayanan ini.

BEBERAPA PENDEKATAN TOPIK YANG MENCABAR

1 Seks

Para remaja mendewasa dalam dunia yang mempunyai falsafah tentang seks yang bertentangan dengan firman Tuhan. Filem-filem, media dan muzik telah menyamakan seks dengan cinta dan seks sebagai sebahagian daripada perhubungan cinta. Seks orang Kristian adalah seks sesudah satu perjanjian perkahwinan sudah berlansung. Kumpul kebo sebelum perkahwinan dan perhubungan sejenis mewarni dunia yang belum mengenal Tuhan. Anak remaja semakin terdedah kepada sikap bahawa perhubungan seks hanya urusan peribadi dan orang lain tidak perlu sibuk mengawal pasangan yang jatuh cinta.

Anak remaja semakin ingin tahu tentang seks akan tetapi ibu bapa dan guru menganggapnya sebagai taboo dan tidak berani mengajar tentangnya. Justru pada saat ini mereka memerlukan bimbingan daripada guru kerana mereka menerima banyak ajaran lain daripada media dan kawan-kawan sebaya yang bersikap liberal. Jadi guru dipanggil Tuhan agar tidak malu mengajarnya. Jika tidak, guru-guru yang lain akan muncul untuk meyakinkan mereka.

Ibu bapa dan guru-guru lebih baik mengajar topik seks dan tidak menunggu sehingga mereka mulai berpasangan. Percakapan dan pelajaran topik seks perlu dipersiapkan jauh-jauh hari sebelum mereka berpasangan. Guru-guru boleh mencari sebuah buku yang baik untuk membimbing anak remaja atau belia. Jangan malu sewaktu mengajar mereka kerana bahasa tubuh guru boleh membuat mereka merasa tidak selesa. Jangan bermula ajaran anda dengan segala yang negatif seperti amaran tentang HIV, kehamilan, penyakit kelamin atau pembuangan bayi atas daun keladi. Bermula dengan yang positif tentang tujuan penciptaan seks oleh Tuhan dalam rangka perkahwinan sebelum anda melanjutkan subjek lain yang serius.

Guru-guru boleh membentangkan tiga pandangan tentang seks sebelum perkahwinan dan membahagikan pelajar-pelajar untuk berbincang lalu membentangnya dalam bentuk panel, laporan atau perbincangan. Guru akan membimbing mereka dan memberi mereka pandangan Alkitabiah.

a Pandangan Naluri Semulajadi

"Pendirian ini sangat liberal. Salah satu bentuk yang umum ialah "Moraliti Playboy." Pandangan ini mengatakan bahawa kondom tersedia di mana-

mana...seks seharusnya mendatangkan keseronokan pengalaman jasmani. Seperti makanan yang boleh dinikmati dalam pelbagai suasana, jadi seseorang boleh menikmati seks sambil lalu tanpa perasaan cinta atau kasih sayang yang dalam untuk seseorang. Kepuasan nafsu seks tidak terbatas kepada satu teman atau disertai dengan perasaan kasih.”⁹¹

Jacques Rousseau seorang falsafah Perancis mempercayai bahawa manusia dalam keadaan asalnya yang liar adalah baik dan gembira.

Perbincangan

- a. Manusia tidak diciptakan liar dan bebas dari hukum-hukum moral. Tuhan telah menciptakan hukum moral dalam hati mereka (Roma 2:14-16).
- b. Dalam ajaran ini, seks dijadikan barang untuk digunakan bagi memuaskan nafsu dan bukan hadiah yang tertinggi oleh Tuhan dalam rangka perkahwinan.
- c. Keseronokan sementara akan menghasilkan penderitaan seperti kehamilan dan kedatangan bayi. Di Malaysia, pembuangan bayi di longkang atau digantung pada pagar orang lain menjadi masalah besar. Rasa bersalah juga akan menghantui.
- d. Kenyataan kehadiran penyakit HIV dan penyakit kelamin yang mendatangkan kesengsaraan akan menggantikan keseronokan sementara.

b Pandangan Asal Cinta Bolehlah

Mereka yang memegang pandangan ini percaya satu pasangan yang saling mencintai boleh hidup bersama selagi masih ada cinta. Kalau mereka sudah kesuntukan cinta, mereka boleh berpisah, sebaliknya, kalau mereka masih terus cinta, mereka boleh berkahwin kalau mereka sudah mantap. Tidak ada etika mutlak untuk membimbing tingkah laku untuk jenis cinta ini. Pasangan dalam perhubungan jenis ini masih masing-masing berdikari dan keintiman mereka itu dianggap hal peribadi mereka. Bila cinta kesuntukan ini juga bererti segala sesuatu akan berakhir.

Perbincangan

- a. Keintiman yang sebenarnya memerlukan pengorbanan dan komitmen perjanjian perkahwinan dan bukan hanya cinta sementara.

- b. Emosi tidak boleh dijadikan ukuran untuk tinggal bersama kecuali kehendak Tuhan dan perjanjian yang diikat bersama. Emosi boleh berubah dan tidak dianggap cinta sejati.
- c. Pandangan Pemantangan Tuntas yang bererti mengelakkan perhubungan seks sama sekali sebelum berkahwin. C.S. Lewis berkata, “Perkahwinan dengan kesetiaan penuh kepada rakan anda atau pemantangan tuntas (tidak ada perhubungan seks).” Ini juga pandangan Alkitabiah; seks ialah pemberian Tuhan dalam rangka perkahwinan antara dua insan. Ayat-ayat Alkitab yang mendukung pandangan ini Kejadian 1:27, Kejadian 1:31, Kejadian 2:18-25; Matius 19:4-6, 1 Korintus 6:16-17. Ayat-ayat yang melarang seks di luar pernikahan ialah Efesus 5:3; 1 Tesalonika 4:3-8, Amsal 23:27, Ulangan 22:15.

Soalan-Soalan Perbincangan

1. Perjanjian yang kekal abadi dalam perkahwinan menjadi kehendak Tuhan dan tidak didasarkan pada emosi sementara.
2. Kalau semua orang mengikut rancangan dan corak Tuhan, tidak ada sesiapa akan menjadi mangsa korban cinta sementara.
3. Apakah yang akan terjadi kalau salah seorang pasangan berubah dan seorang lagi tetap mencintai dan ingin mengekalkan percintaan mereka? Teori asal cinta boleh tidak menjamin perhubungan kekal dengan perkahwinan yang setia.
4. Keluarga yang sejati dapat didirikan dan tujuan Tuhan dapat digenapi dalam kehidupan mereka dengan Perkahwinan Perjanjian.

2 Minuman Keras

Pendirian yang tidak teguh dan perkataan seperti “anda hanya boleh minum sewaktu berada di rumah ketika merayakan Gawai atau Tahun Baru Cina,” “segelas bolehlah, boleh minumlah asal awak tidak memandu,” “tunggu sehingga anda berumur 21 tahun” seakan-akan memberi lampu isyarat “ya” kepada anak-anak remaja dan belia untuk minum. Mahasiswa saya di salah satu universiti minum pertama kalinya untuk merayakan kejayaannya meraih Sarjananya, mati malam itu dalam kemalangan di Kelana Jaya.

Guru-guru dan ibu bapa harus menyedari bahawa anak-anak remaja mahupun belia belum mencapai kematangan untuk membatasi

diri dalam hal minuman keras. Kebudayaan Yam Seng dan perayaan suku-suku yang disertai dengan sesi memabukkan diri sudah tentu memudaratkan. Gary R. Collins seorang kaunselor terkenal berkata, *“Banyak Kristian akan berkata meminum alkohol dengan sederhana itu baik, tetapi adalah lebih baik kalau jangan menyentuhnya sama sekali, khususnya kalau kita mempertimbangkan kemudaratannya yang berkaitan dengan minuman keras.”*⁹² Galakkan anak-anak remaja untuk membuat pilihan yang terbaik untuk kesihatannya iaitu tidak memulakan tabiat minum alkohol.

Gary Collins seorang ahli psikologi berkata tiga faktor yang boleh mempengaruhi seseorang terhadap alcohol:

a Teladan Ibu Bapa

Bagaimana ibu bapa bertingkah laku akan mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Apabila ibu bapa meminum tanpa batas atau menyalahgunakan dadah, anak-anak kadangkala bersumpah akan menjauhinya. Namun, seringkali, mereka akan mengikut jejak ibu bapa. Hampir 40 hingga ke 60 peratus yang mempunyai ibu bapa yang ketagihan alkohol, akan menjadi penagih alkohol sendiri.

b Sikap Ibu Bapa

Sikap ibu bapa yang tidak melarang mereka boleh merangsang penggunaannya serta penyalahgunaan kimia ini. Kalau ibu bapa tidak memperdulikan sama ada anak-anak mereka minum atau tidak, bahaya menyalahgunaan akan terjadi...Sikap menganggap minum atau merokok hanya hal yang biasa sungguh membinasakan masa depan anak kita.

c Adat Kebudayaan

Kalau satu kebudayaan atau suku mempunyai bimbingan yang jelas tentang penggunaan alkohol mahupun dadah, penyalahgunaannya kemungkinan besar tidak akan terjadi.

Guru-guru boleh berbincang dengan anak-anak remaja ayat-ayat Alkitab tentang memabukkan diri Efesus 5:15-18; Amsal 20:1; Yesaya 5:11-12; 1 Korintus 6:12. Kalau kita kemabukan kita tidak dapat berfikir waras dan mungkin akan mencederakan orang atau bergaduh (Amsal 23:29-35). Pemabuk biasanya terhuyung-hayang dan sering peribut kerana mereka tidak dalam keadaan sedar (Amsal 20:1). Orang

yang minum siang malam tidak dapat bekerja dan amarah Tuhan tertuju kepada mereka (Yesaya 5:11-12).

3 Dadah

a Bincangkan Dipenuhi Roh Kudus

Bincang dengan anak-anak remaja dan belia tentang punca penyebab ketagihan dadah. Suatu keberadaan yang hampa dan kosong serta pengaruh-pengaruh teman sebaya telah menyebabkan anak-anak remaja terlibat dalam penagihan dadah. “Salah satu penyebab penyalahgunaan dadah ialah kewujudan suatu ruangan kerohanian, dan keberadaan yang kosong. Dinyatakan secara tepat, manusia memang mempunyai keperluan untuk memupuk perhubungan yang hidup dengan Tuhan. Apabila ini dinafikan, tidak diperhatikan, dan tidak dipenuhi, pasti terjadi kerinduan untuk memenuhi ruangan kosong ini. Hal ini dijelaskan dengan sangat jelas dalam Alkitab. Gary Collins berkata, “Dan janganlah kamu mabuk oleh anggur, kerana anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh.” Di sini satu ayat yang memberi amaran, memberi puncanya, dan juga satu jawapan untuk masalah penagihan bukan hanya untuk alkohol tetapi ketagihan jenis lain juga.”

b Bincangkan Kesan Dadah

Dadah menjejaskan kesihatan, membinasa tubuh dan kadangkala mengakibatkan kematian yang tidak sengaja. Penagih dadah kehilangan semangat hidup, cita-cita dan minat dalam pekerjaan mahupun pelajaran. Penggunaan jarum yang tercemar boleh mendatangkan penyakit HIV atau AIDS. Penggunaan dadah yang berlebihan akan mengakibatkan kulit yang kering, sakit tekak, sakit hati, kerosakan pankreas bahkan kematian. Penagihan dadah menyebabkan seseorang menjauhkan diri daripada ibu bapa dan masyarakat mereka.

c Bincangkan Cara Berkata “Tidak”

Ajarlah anak-anak remaja anda untuk berkata “tidak” dan beralih daripada kawan-kawan yang menghisap dadah. Dengan ringkas mereka berkata, “Maaf, dadah sungguh bahaya.” Jauhkan penghiburan yang melibatkan penghisapan dadah dan dengan tegas berkata, “Ibu bapa saya tidak mengizinkan.” Beritahu anak-anak remaja agar jangan

takut kehilangan kawan-kawan kalau dia menolak ajakan mereka. Kawan yang sejati tidak akan cepat merajuk kalau seseorang berkata “tidak” terhadap ajakan mereka dan mereka tidak akan mengetawakan kawan yang mempunyai pendirian sendiri. Mereka harus memikirkan jangka panjang dan masa depan sendiri lebih daripada penerimaan sementara oleh rakan-rakan yang mendatangkan bahaya. Beritahu seorang anak remaja untuk tidak menyalakan rokok yang pertama kerana permulaan ini merangsang mereka untuk melanjutkannya lagi dan tidak dapat menghentikannya.

4 Gengsterisme

Sebelum mengutarakan perkataan “jangan menyertai geng” guru-guru dan ibu bapa lebih baik memahami mengapa pemuda-pemudi atau remaja tertarik untuk menyertai dalam geng. Kadangkala pemuda pemudi menyertai geng untuk mendapat perlindungan daripada pembuli-pembuli di sekolah. Sebenarnya mereka boleh meminta pertolongan daripada pihak yang berkuasa dan bukan menyertai geng.

Anak remaja menyertai geng kerana keinginan mendapat identiti tertentu, keinginan diterima oleh satu kelompok, keinginan merasa kuasa dan dipandang bernilai oleh anggota yang lain. Kadangkala mereka menyertai geng untuk memberontak ataupun untuk mencari aktiviti yang teruja. Perasaan dimiliki kawan-kawan dan kesatuan yang dapat dirasakan oleh mereka kerana memakai baju sama, berbahasa sama, bertopi sama dan melakukan aktiviti bersama-sama.

Ibu bapa dan guru-guru boleh membicarakan tentang kecenderungan geng untuk menakutkan dan mencederakan orang lain. Geng sebenarnya tidak memberi perlindungan namun sebaliknya menyeret seseorang dalam aktiviti yang menakutkan. Mereka kadangkala memukul, memberi ancaman, mengejek bahkan menakutkan semua orang di sekeliling mereka. Seorang remaja yang tidak mempunyai pendirian, dan kelihatan lemah mungkin menjadi mangsa pembuli.

Seorang anak remaja yang menyertai geng boleh dilihat dari cara mereka berpakaian seperti memakai warna baju yang sama, simbol geng pada buku mahupun baju, tattoo geng, menyembunyikan banyak aktiviti daripada diketahui ibu bapa, mempunyai banyak wang, memiliki senjata dan tidak berminat terhadap pelajaran. Mereka mungkin pernah dibuli dan kini, mereka ingin menikmati apa ertinya diberi kuasa menjadi pembuli.

Ibu bapa dan guru boleh memberi jaminan kepada seorang anak remaja ataupun belia tentang identiti mereka yang berharga di mata Tuhan. Mereka tidak perlu menyertai geng untuk merasa istimewa, “Oleh kerana engkau berharga di mata-Ku dan mulia, dan Aku ini mengasihi engkau” (Yesaya 43:4a). Mereka boleh mengikut tubuh Kristus untuk menikmati aktiviti yang bernilai dan memuaskan serta yang mendatangkan berkat. Ikutlah satu kumpulan yang mendorong kita untuk saling berbuat baik seperti persatuan pemuda pemudi di gereja. “Dan marilah kita saling memperhatikan supaya kita saling mendorong dalam kasih dan dalam pekerjaan baik” (Ibrani 10:23). Gereja boleh mengadakan aktiviti untuk menolong para remaja dan belia supaya mereka merasa dimiliki oleh satu kumpulan dan melakukan aktiviti-aktiviti istimewa.

Nasihatilah seorang anak remaja agar tidak berjalan dalam lorong kefasikan. “Berbahagialah orang yang tidak berjalan menurut nasihat orang fasik, yang tidak berdiri di jalan orang berdosa, dan yang tidak duduk dalam kumpulan pencemooh” (Mazmur 1:1). Berilah mereka kaunseling yang serius kerana terselindung di bawah tindakan ini mungkin pelbagai punca yang mengakibatkan seorang remaja mengikut geng.

KESIMPULAN

Jangan kecewa kalau segala usaha yang anda ambil untuk mengajar dan menasihati mereka seperti menembusi awam gelap yang besar. Mark Twain pernah berkata, “Ketika anda berumur 18 tahun, ibu anda mungkin kedengaran seperti bodoh kepada anda tetapi apabila anda sudah mencecah dua puluhan, anda sudah memperoleh sedikit kebenaran daripada mereka; sewaktu anda berumur tiga puluhan anda begitu mengagumi bahawa anda mempelajari begitu banyak kebenaran daripadanya. Pada waktu anda berumur 40 tahun, anda akan memeluk segala ajaran dan nasihat ibu anda dengan penuh penghargaan.” Ibu-ibu dan guru-guru, segala ajaran dan nasihat anda yang sungguh-sungguh tidak akan dihembus oleh badai tetapi ia akan mengalir seperti air untuk mengairi akar pokok yang teguh.

BAB 23 : MENGAJAR ORANG DEWASA

Seni mengajar orang dewasa yang dikenali sebagai “andragogi” diperkenalkan oleh Kapp dan dimasyhurkan oleh Knowles kerana pengajaran dan pembelajaran mereka didasari dengan pendekatan berlainan. Andragogi mencadang bahawa mengajar orang dewasa mempunyai ciri-ciri khas yang berlainan, oleh kerana itu pendekatannya mesti bersesuaian dengan mental, emosi, psikologi dan pengalaman mereka. Apabila kita berfikir bahawa pengajaran orang dewasa hanya bererti mereka memerlukan buku-buku dan bahan-bahan yang lebih susah, maka kita tidak akan mengajar dengan berkesan.

Orang dewasa mempunyai tahap perkembangan dan perubahan yang berbeza dalam mental, emosi dan psikologi pada pelbagai tingkat umur. Pengenalan akan ciri-ciri khas ini akan menolong kita mengajar mereka dengan lebih baik. Selain itu, mereka mengalami pelbagai musim dan jambatan yang merupakan transisi dan penyesuaian terhadap perubahan diperlukan dalam diri mereka. Hanya dengan mengetahui keperluan dan perubahan setiap peringkat dalam kehidupan mereka, baru kita boleh mengajar untuk transformasi.

Teori Malcom Knowles

Malcom Knowles membuat andaian bahawa pelajar dewasa mempunyai ciri-ciri pembelajaran seperti berikut:-

Konsep Diri Pembelajar

Seorang dewasa sudah berubah daripada kebergantungan kepada orang lain dan hidup lebih berdikari. Mereka suka dilayani sebagai orang yang berupaya untuk mengarah pembelajaran sendiri dan bukan disuap sahaja. Pendekatan kita terhadap mereka tidak boleh hanya mengawal dan membimbing mereka. Kita mesti menentukan strategi pembelajaran yang menarik mereka untuk berfungsi dan terlibat

dalam pembelajaran dengan bermakna. Penglibatan dan penyumbangan yang berguna menjadi rahsia pembelajaran yang berjaya bagi mereka.

Peranan Pengalaman Pelajar Dewasa

Orang dewasa sudah mempunyai banyak pengalaman dan wawasan mereka boleh dijadikan sumber kaya bagi pembelajaran di kelas. Sebagai seorang guru, kita harus menghormati pengalaman dan pengetahuan mereka lalu berusaha menyulamnya sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Dengan menggunakan pengetahuan dan pengalaman mereka yang sedia ada, kita sedang menggalakkan mereka untuk belajar dengan lebih bersemangat. Penyumbangan mereka dalam proses pembelajaran juga men-datangkan pemuasan yang lebih tinggi dalam mereka. Perasaan puas diri akan dirasai kalau mereka merasa berguna dan dapat menolong rakan-rakan lain yang sama-sama dalam perjalanan rohani. Kekayaan mereka daripada sumber pembacaan mereka, dan pengalaman bekerja sungguh berharga.

Keperluan Mengetahui

Pelajar dewasa perlu mengetahui kenapa mereka perlu mempelajari sesuatu sebelum mereka mendaftar untuk kelas anda. Kerinduan orang dewasa untuk belajar berkaitan erat dengan tanggungjawab kerjaya, rumahtangga mahupun sosial mereka. Contohnya mereka berminat terhadap teknik mengasuh anak remaja mahupun anak kecil. Bagaimana menjaga ibu bapa dan mertua yang semakin tua selain daripada tanggungjawab mengasuh anak-anak juga penting.

Knowles percaya bahawa segala pengetahuan yang dipelajari oleh orang dewasa mesti dapat diterapkan dengan segera. Mereka ingin mengetahui bagaimana informasi ini dapat menolong mereka menyelesaikan masalah dan menangani pelbagai situasi hidup lalu menerapkan pelajaran mereka dengan segera.⁹³ Orang dewasa lebih bermotivasi belajar kalau mereka menganggap perkara tersebut akan menolong mereka menjalani tugas-tugas kehidupan mereka dengan lebih baik.

Kesimpulan Teori Knowles

Andaian-andaian Knowles bermakna pendekatan pembelajaran orang dewasa perlu mementingkan apa yang ingin dipelajari oleh mereka;

mereka belajar paling baik melalui pengalaman; mereka suka pembelajaran yang menggunakan pendekatan penyelesaian masalah kerana ini memampukan mereka melihat bagaimana menerangkan kebenaran secara praktis.

Pengajaran orang dewasa perlu memberi fokus lebih kepada prosesnya lebih daripada isi kandungannya. Pengajar berperanan sebagai fasilitator lebih daripada seorang guru yang memberitahu mereka segala sesuatu namun guru mesti tetap berpengetahuan dalam subjek ajarannya. Guru-guru boleh memberi buku atau bahan-bahan bacaan untuk dibaca terlebih dahulu kemudian berbincang dalam kelas. Setiap orang dewasa dihargai sebagai pelajar yang dapat menyumbang sesuatu yang berguna dalam kelas, dan peluang bercakap mesti ada bagi setiap pelajar.

Kepentingan Pembelajaran Interaksi

Menyumbang pendapat, berbincang dengan pelajar-pelajar lain, mengemukakan pertanyaan dalam kelas, kajian kes, evaluasi dan menganalisis masalah tertentu adalah beberapa pendekatan yang bagus. Mereka berminat mengetahui bagaimana firman Tuhan boleh diterapkan dalam pekerjaan mereka, kehidupan rumahtangga mereka, mengasuh anak-anak, peranan mereka dalam masyarakat. Di sini guru akan menyiapkan konteks bagi mereka mengkaji isu yang biasa dihadapi.

Cassavini berpendapat bahawa, *“Pembelajaran orang dewasa harus didasarkan pada prinsip bahawa setiap orang boleh menjadi pelajar atau guru bila-bila waktu. Guru tidak dilihat sebagai satu-satunya individu yang dibekali pengetahuan yang berguna. Guru ialah orang tengah antara maklumat dan individu-peranan guru ialah mengatur kesempatan agar orang boleh belajar dan guru merangsang mereka untuk mahu belajar.”*⁹⁴

Cara Orang Dewasa Belajar

Orang dewasa perlu dimotivasi untuk belajar kerana mereka menghadapi banyak cabaran dan mereka perlu mengetahui kehendak Tuhan dan kebenaran Tuhan yang berkaitannya. Orang dewasa mahu belajar memperbaiki jati diri mereka, keinginan mereka untuk mencari jawapan bagi semua yang dihadapi mereka dalam kehidupan, pekerjaan, perkahwinan, pengasuhan anak-anak mahupun tahap-tahap perubahan

dalam hidup. Doktrin yang diajari kepada mereka harus diterapkan dengan hal yang praktis dalam kehidupan mereka.

Guru harus menolong pelajar dewasa mencapai keseimbangan dalam pembelajaran mereka juga. Walaupun subjek seperti bagaimana mengasuh anak, bagaimana mengatasi konflik rumahtangga, bagaimana menguruskan kewangan dalam rumahtangga penting, doktrin harus diajar agar iman mereka terus didasari pada yang teguh, bukan perasaan sahaja.

Dr. Edwin Pugh berpendapat bahawa orang dewasa dimotivasi untuk belajar kerana pelbagai sebab:

- a. Untuk belajar dan mengembangkan pendapat yang baru.
- b. Untuk memperdalam sesuatu yang diminatinya.
- c. Untuk memuaskan perasaan ingin tahu.
- d. Untuk mendapat kelulusan yang tertentu.
- e. Untuk mendengar penyambung lidah yang luarbiasa.⁹⁵

Kaedah-Kaedah Pembelajaran

Sekalipun kaedah-kaedah pembelajaran baru boleh diajar kepada orang dewasa, guru harus berhati-hati kerana kadangkala orang dewasa keberatan mengikutnya. Sewaktu pelajar dewasa memberi jawapan mereka takut kalau jawapan mereka salah dan seseorang guru harus peka sewaktu memberi respon terhadap jawapan mereka. Jangan menjatuhkan air muka mereka. Pelajar harus merasa dia boleh menyumbang tanpa diketawakan oleh guru mahupun kelasnya. Elakkan pertandingan yang mencabar yang anda anjurkan dalam kelas remaja atau pemuda pemudi. Kejatuhan air muka mungkin bererti mereka tidak akan datang ke kelas lagi.

Bagi orang dewasa, guru boleh mengundang penceramah yang pakar dalam bidang tertentu untuk menolong mereka dalam keperluan yang tertentu. Guru boleh menyuruh pelajar-pelajarnya menyiapkan soalan-soalan yang boleh dikemukakan kepada penceramah. Setelah ceramah itu, kelas boleh mengadakan perbincangan pada hari yang lain.

Kadangkala guru boleh memberi sebuah buku yang bagus untuk dibaca dan kemudian berdiskusi bersama. Mereka boleh mengambil giliran untuk memimpin kelompok dalam bab-bab yang tertentu.

Pendekatan ini sesuai untuk orang dewasa yang ingin menyumbang pendapat mereka sambil belajar bersama-sama dalam kelompok. Tajuk-tajuk buku haruslah berguna dan sesuai dengan tahap pertumbuhan rohani kelompok anda.

Orang dewasa juga berminat belajar di tempat yang berbeza, contohnya, mengundang seorang penceramah untuk menyampaikan ceramah pada waktu makan tengah hari di restoran tertentu. Ceramah sehari di Hotel sambil menikmati persekutuan boleh memberi galakan untuk belajar. Carilah topik-topik yang diminati kelompok anda untuk memulakan mereka dalam perjalanan mempelajari firman Allah sebagai gaya kehidupan mereka. Pencetusan minat untuk mempelajari firman Allah tetap penting bagi orang dewasa dan guru-guru mesti arif mencari topik-topik menarik.

Teori Levinson

Levinson merumuskan skala perkembangan psikologi orang dewasa yang dapat memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran orang dewasa.

Umur	Perkembangan Psikologi	
17-40	Alam Dewasa Awal	
	17 hingga 22 22 hingga 28 28 hingga 33	Transisi ke alam dewasa awal Masuk ke alam dewasa Umur 33 terjadi satu transisi
40-60	Alam Separuh Baya	
	40 hingga 45 45 hingga 50 50 hingga 60	Transisi Hidup Pertengahan Masuk Alam Separuh Baya Puncak Separuh Baya
60-80	Dewasa Lanjut	
	60 hingga 65 65 hingga 80	Transisi Alam Dewasa Lanjut Alam Dewasa Lanjut

Musim-Musim Perubahan

Pada musim perubahan ini orang dewasa harus dibimbing untuk memperkukuhkan iman mereka di tengah-tengah krisis yang dihadapi oleh mereka. Apakah mereka boleh melihat dan menerapkan semua yang dipelajari oleh mereka dalam hidup mereka secara praktis?

Adakah mereka mengetahui rancangan Tuhan dan tujuan ilahi dalam kehidupan mereka? Adakah mereka semakin bertumbuh dalam rahmat Tuhan dan dapat menjadi teladan kepada yang lebih muda?

Adakah pendidikan Kristian dapat menolong pasangan yang menghadapi masalah dalam perkahwinan mereka? Adakah mereka pernah dididik tentang krisis perubahan setiap musim? Contohnya adakah guru siap menolong ibu bapa yang menghadapi kesepian setelah anak mereka sudah membesar dan berumahtangga? Adakah gereja mempunyai kursus yang istimewa untuk menolong ibu bapa mengasuh anak remaja? Adakah gereja mempunyai pendidikan untuk menolong pasangan yang sudah berkahwin tentang teknik berkomunikasi?

Guru mesti memerhatikan perubahan pada setiap musim agar keperluan pelajar-pelajar mereka yang paling dasar boleh terjangkau. Bagi orang dewasa yang senior mereka memerlukan keyakinan daripada kita bahawa pengalaman dan kemampuan mereka masih berguna untuk menolong generasi yang muda. Segala pelajaran dan pengalaman yang diperoleh oleh mereka dalam kehidupan mereka tidak boleh disia-siakan begitu sahaja.

Orang dewasa yang lebih senior boleh digalakkan untuk mencari kepuasan jiwa dalam firman Allah melalui renungan dan doa. Mereka boleh pergi ke retret bersama-sama dengan guru mereka dan mencari ketenangan melalui doa dan meditasi firman Allah. Guru menolong mereka berkumpul dan menikmati persekutuan dengan orang dewasa senior yang lain sambil mengaji firman Allah. Orang dewasa yang senior memerlukan penghiburan, persekutuan dan keyakinan daripada orang lain dan kawan-kawan mereka.

Pelbagai Peringkat Perkembangan

Memahami Pemuda-Pemudi

Pada tahun 1970-an Daniel J. Levinson berkata umur 18 hingga ke 22 dianggap sebagai transisi dan pada umur 22, seorang pemuda dikatakan menginjak ke alam orang dewasa. Perkembangan pada waktu ini memerlukan transisi untuk meninggalkan alam pra-dewasa dan mengukuhkan diri dari segi kewangan, kerjaya, dan psikologi. Tahap ini bermula dengan perpisahan tempat dengan keluarga untuk menuntut di kolej, memulakan pekerjaan baru, menyertai kursus atau menjalani latihan yang tertentu.

Pada tahap perkembangan dari usia 22 hingga ke 28, hidup mereka mulai diwarnai oleh pelbagai aspek dari aspek kerjaya, kekasih, politik, iman dan pembinaan rumah tangga baru. Fred Wilson berkata,

“Era ini memberi potensi kepuasan tinggi dalam hal keintiman, kehidupan berkeluarga, kemajuan kerjaya, kreativiti dan juga penggenapan matlamat hidup. Tetapi ia juga termasuk stres berat akibat permulaan peranan sebagai ibu bapa dan pada waktu yang sama memulakan satu kerjaya, menanggung tanggungjawab kewangan yang berat apalagi kalau gaji redah, membuat pilihan-pilihan berkaitan perkahwinan, keluarga, kerjaya, dan gaya hidup sebelum mempunyai banyak pengalaman hidup dan kedewasaan. Awal kedewasaan itu adalah era primer di mana kuasa-kuasa dari luar dan dalam bersaing dengan kuat.”⁹⁶

Penciptaan Identiti

Pada awal dua puluhan, orang dewasa sedang menciptakan identiti untuk kehidupan mereka. Mereka sedang membuat keputusan tentang perkahwinan, kerjaya, perumahan, melahirkan anak, mengasuh anak dan proses meneguhkan kerjaya mereka. Proses ini kadangkala penuh dengan cabaran dan proses pembelajaran melalui kegagalan dan pengalaman.

Pada umur ini proses mencari pasangan istimewa sangat penting. Bagi seorang wanita, pasangan istimewa ini mesti memberi cinta sejati, pembinaan rumahtangga dan jaminan hidup. Bagi lelaki, wanita impian harus mampu memberi bimbingan, mendorongnya dalam impian hidupnya dan memberi sokongan pembinaan kerjaya.

Program Pendidikan

Gereja boleh memberi keakraban dan persekutuan kepada pemuda pemudi ini melalui kelompok pengajian Alkitab, kelompok diskusi untuk berdiskusi topik Alkitab, seminar mengenai pekerjaan, rahsia berumahtangga, menjaga anak dan jangan mengabaikan doktrin. Mereka akan memberi respon yang baik seandainya program ini sesuai dengan keperluan mereka dan menolong mereka untuk menerapkannya dalam kehidupan dan pekerjaan mereka.

Berilah mereka pelayanan di gereja agar mereka dapat bertumbuh dalam pelayanan mereka dan merasa lebih dihargai dan diterima di gereja mereka. Anda boleh mengadakan program mentoring dengan

mengundang seorang dewasa yang lebih pengalaman hidup dan kerohanian untuk memberi sesi mentoring tentang kehidupan berumahtangga dan perkembangan kerjaya. Program pendidikan juga boleh dikendalikan melalui sel, seminar, jamuan dan ceramah di restoran. Sarapan pagi untuk bapa-bapa atau ibu-ibu pada hari Sabtu untuk berbincang tentang pendidikan kanak-kanak atau mengendalikan kewangan boleh menolong mereka yang kurang berpengalaman.

Robert J. Havighurst merumuskan perkembangan peranan orang dewasa muda sebagai:

- a. Menyelesaikan pendidikan atau melanjutkan pendidikan.
- b. Pemilihan pasangan.
- c. Belajar hidup dengan pasangan.
- d. Memulakan satu keluarga.
- e. Mengasuh anak-anak.
- f. Mengurus rumahtangga.
- g. Memajukan kerjaya.
- f. Mengambil tanggungjawab sivik.
- e. Mencari kumpulan sosial yang sehati dan sefaham.⁹⁷

Umur 28-33 tahun

Levinson menamakan umur antara 28-33 tahun sebagai “transisi tiga puluh.” Transisi ini berpunca daripada kesedaran bahawa waktu semakin suntuk dan keputusan serta pemilihan perlu diatur dan ditentukan. Mereka lebih berfokus untuk meningkatkan kestabilan kerjaya. Bagi wanita fokusnya membui antara prioriti menjaga keluarga dan membangun kerjaya. Mereka mula lebih memahami kekuatan dan kemampuan sendiri untuk kehidupan dan kerjaya yang selanjutnya.

Fred Wilson memberi pengamatan tentang beberapa pertanyaan yang diungkapkan oleh mereka menjelang akhir transisi ini:

- a. Apakah yang sudah aku lakukan dalam hidup ini?
- b. Apakah yang ingin aku dapat dan beri kepada isteri/suami, keluarga, teman-teman, masyarakat dan diri?
- c. Apakah yang saya ingini daripada diri saya dan orang lain?

- d. Apakah yang menjadi nilai-nilai inti saya dan bagaimanakah ia boleh digambarkan dalam kehidupan saya?
- e. Apakah yang sudah saya lakukan dengan impian hidup saya dan apakah yang aku lakukan untuknya sekarang?
- f. Adakah saya puas dengan struktur hidupku sekarang dan bagaimana saya dapat berubah untuk landasan hidup saya pada masa depan? ⁹⁸

Pertengahan Umur 40-45 tahun

Levinson dan rombongan pengkajinya melihat kehidupan kita sebagai satu perjalanan yang terdiri empat musim. Setiap musim mempunyai jangka waktu dua puluh tahun. Untuk separuh baya, Levinson membahagikannya kepada lima jambatan: transisi pertama (umur 38-40/45); separuh baya (umur 45-50); transisi kedua (umur 50-55); peringkat akhir alam separuh baya (umur 55-60); transisi ketiga (umur 60-65).

Apabila seseorang mencecah 40 tahun, gelombang musim ini terjadi dengan lebih serius. Sesetengah orang memberi istilah “krisis separuh baya” untuk menggambarkan semua pengalaman pada musim ini. Perasaan terkongkong timbul dalam diri seseorang sehingga dia ingin menukarkan pekerjaan, mencari pengalaman baru, pergi melancong, dan ada pula ingin kembali ke zaman awet muda. Segala impian yang tak tercapai seakan-akan tak akan tergapai lagi dan perasaan frustrasi ibarat terperangkap dalam terowong.

Levinson memberi observasi bahawa seseorang akan menimbang kejayaannya atau kekurangannya dalam pencapaian matlamat kehidupannya. Kejayaan diukur:

- a. Keberhasilan kerjayanya
- b. Kerjayanya sudah mencapai tingkat yang tertentu
- c. Seseorang mulai diiktiraf sebagai orang berpengaruh tertentu dalam kerjaya atau dunia sosialnya
- d. Seseorang yang sudah menerima senoriti dalam tanggungjawab dan anugerahnya ⁹⁹

Krisis pertengahan umur berpunca daripada perasaan bahawa mereka belum berjaya mencapai puncak kerjaya mereka dan belum mencapai impian mereka. Promosinya ke tangga kerjayanya telah dihalangi dan dia tidak ada pengharapan nyata untuk mendapat pengiktirafan tarafnya. Waktu ini seperti suatu waktu penilaian jujur tentang apa yang telah dicapai dalam kehidupan seseorang.

Sesetengah lelaki seakan-akan dilanda oleh gelombang yang lebih serius:

- a. Kerjaya yang seakan-akan tidak berkembang atau tertakung.
- b. Masalah dengan anak remaja.
- c. Perkahwinan bermasalah.
- d. Perasaan frustrasi/tidak puas dengan kehidupan.
- e. Tubuh yang lansing semakin membulat dan membuncit.

Wanita semakin menghadapi kenyataan bahawa kita tidak lagi semakin muda. Juga pada umur ini, orang dewasa menyedari sesetengah kawan mereka sudah meninggal dunia kerana serangan jantung, penyakit barah dan penyakit-penyakit yang lain. Pada waktu ini juga terjadi pertembungan antara ibu bapa dan anak-anak mereka kerana anak remaja juga sedang membentuk identiti. Kedua-duanya sedang bertanya-tanya, "Siapakah saya?"

Goldhaber berkata, *"Bagi lelaki biasanya aspek utama dalam transisi separuh baya ialah kerjaya, bagi wanita ia lebih terlibat dengan perhubungan yang intim dan keluarga. Penjelasan umum tentang waktu separuh baya ialah kekurangan tenaga jasmani dan kekurangan kemampuan tubuh untuk menghadapi tekanan dan pengurangan kemampuan untuk pekerjaan... setelah mengasuh anak-anak mereka, mereka kini menghadapi tanggungjawab mengasuh ibu bapa mereka. Mereka semakin sedar akan pengalaman-pengalaman peribadi..."*¹⁰⁰

Orang dewasa pada peringkat umur ini mungkin sedang mempertimbangkan warisan apakah yang ingin diturunkan oleh mereka kepada generasi berikut. Kesedaran mereka akan perubahan biologi juga membuat mereka berfikir bagaimana mereka akan menyesuaikan diri terhadap perubahan-perubahan ini. Tambahan

berat badan juga membuat mereka sadar kepentingan makanan yang seimbang dan keperluan untuk bersenam, dan membuat pemeriksaan kesihatan setiap tahun. Kekhuatiran kolestrol dan darah tinggi mungkin mendesak mereka untuk hidup lebih seimbang.

Umur 50-60

Pada umur ini kebanyakan orang dewasa merasa lebih ringan beban kerana anak mereka sudah membesar. Sesetengah orang dewasa dalam golongan ini mulai menikmati kegembiraan menimang cucu. Pada waktu yang sama juga, mereka mesti menjaga ibu bapa yang semakin tua, merancang untuk bersara dan soal kewangan menjadi satu isu. Cukup wang untuk bersarakah? EPF boleh bertahan berapa lama kalau bersara?

Dorothy Gish merumuskan sepuluh hukum untuk kita yang melayani orang dewasa yang semakin meningkat usia.

Anda harus:

1. Sering menghubungi mereka.
2. Melibatkan mereka dalam perayaan.
3. Selalu bersikap imaginatif sewaktu memberi mereka hadiah.
4. Mendengar dengan perhatian sewaktu mereka mengimbas masa lalu mereka.
5. Bergembira dengan mereka kalau mereka pernah mencapai sesuatu.
6. Ambil berat terhadap kekhuatiran atau keluhan hati mereka.
7. Tidak merasa malu atau tertekan oleh mereka.
8. Menghormati mereka dan meyakinkan mereka.
9. Selalu memihak mereka.
10. Bersimpati dengan mereka.
11. Jangan lupa ketawa bersama mereka.¹⁰²

Mereka akan merasa gembira kalau mereka diberikan peluang untuk melayani. Banyak cara boleh digunakan untuk melibatkan orang dewasa ini; minta mereka berdoa bagi anda dan memberitahu anda apa yang perlu didoakan bagi mereka. Beritahu mereka bahawa anda akan memberitahu mereka bagaimana Tuhan telah menjawab

doa mereka. Mereka yang lebih meningkat usia mempunyai lebih banyak waktu untuk berdoa dan menjadi pahlawan doa. Jadikan mereka pahlawan doa bagi gereja dan misi, Anda boleh menyuruh mereka untuk mendoakan misionari tertentu dan memberitahu mereka tentang perkembangan mereka.

Beri mereka satu topik untuk diajar kepada kelas khususnya berdasarkan pengalaman hidup mereka. Beritahu mereka bahawa mereka boleh mengajar banyak hal tentang kehidupan yang belum dipelajari oleh yang lebih muda. Contohnya cara mengurus rumah tangga atau memasak, pengalaman pekerjaan, pelayanan dan sebagainya. Mereka mungkin mempunyai kepakaran atau pengalaman yang tertentu yang boleh dibahagikan kepada generasi yang lebih muda.

Berikut adalah gambaran umum keperluan orang dewasa yang meningkat usia dan implikasinya untuk pendidikan Kristian oleh Allyn K. Sloat.¹⁰¹

Keperluan Golongan Lanjut Usia

Aspek	Perubahan	Keperluan	Implikasi Untuk Pendidikan Kristian
Jasmani	Kemerosotan kekuatan dan kesihatan.	Kesedaran kesihatan jasmani dan programnya, diet yang teratur. Penerimaan keterbatasan jasmani.	• Pendidikan sebelum lanjut usia tentang kepentingan bersenam selalu dan tabiat pemakanan yang sihat dan berkhasiat. • Pengajaran tentang proses penuatuaan yang lazim dan keterbatasannya sebagai sebahagian daripada kehidupan. • Penyediaan transportasi bagi mereka yang tidak dapat datang ke gereja dengan mudah. • Struktur gereja yang mesra bagi mereka.

Keperluan Golongan Lanjut Usia

Aspek	Perubahan	Keperluan	Implikasi Untuk Pendidikan Kristian
Mental	Kepintaran tetap sama, cuma respon mungkin lebih lambat sedikit. Kurang kepastian pada waktu kecemasan. Mungkin ingatan bertambah lemah. Kemungkinan penyakit nyanyuk.	Ransangan mental dan latihannya. Galakan untuk belajar. Lawatan oleh yang penting.	• Memberi peluang untuk melayani sebagai pemimpin. • Peluang untuk terlibat dalam pengajian Alkitab serius, menjadi pelajar aktif dalam penemuan kebenaran.
Psiko-sosial	Bersara, kekurangan kewangan. Kesepian dan perkabungan kerana kematian pasangan hidup dan kawan-kawan yang akrab. Perhubungan baru dengan anak-anak dan cucu-cucu. Pembinaan dan pengaturan kehidupan yang lebih memuaskan.	Kebergunaan mereka. Aktiviti dan ekonomi. Penghiburan, penerimaan kehilangan orang yang terdekat, penerimaan diri, tujuan yang diperbaharui, interaksi antara manusia, penyelesaian peranan, keperluan untuk dikasihi dan diterima secara sosial.	• Kesempatan pelayanan kepada orang lain keluarga, gereja, dan masyarakat. • Kaunseling kewangan, pelan bersara, kaunseling, dukungan, lawatan, nilai manusia sebagai ciptaan Tuhan, pengajaran tentang tujuan hidup sewaktu lanjut usia, persekutuan kelompok, pembelajaran dengan generasi lain, kaunseling keluarga, pengajaran tentang tanggungjawab keluarga.
Aspek Rohani	Semakin sedar akan pengakhiran kehidupan; persiapan untuk destini kekal. Rasa bersalah dan kesedaran akan kegagalan.	Perhubungan peribadi dengan Kristus. Pemuridan lanjut. Inventori hidup. Kesempatan melayani.	• Penyampaian Injil. • Program pemuridan. • Kaunseling pengimbasan, evaluasi, penerimaan pengampunan Tuhan, dan merancang untuk masa kini dan masa depan. Penyediaan kesempatan pelayanan.

KESIMPULAN

Orang dewasa yang meningkat dalam usia tidak boleh diabaikan dalam pendidikan Kristian. Justru mereka perlu diajari bahawa semakin usia meningkat, semakin mereka boleh berbuah untuk Kristus kerana mereka sudah mengalami banyak jambatan hidup bersama dengan Tuhan Yesus. “Orang benar akan bertunas seperti pohon kurma, akan tumbuh subur seperti pohon aras di Libanon; mereka yang ditanam di bait TUHAN akan bertunas di pelataran Allah kita. Pada masa tua pun mereka masih berbuah, menjadi gemuk dan segar, untuk memberitakan bahawa Tuhan itu benar, bahawa Dia gunung batuku dan tidak ada kecurangan pada-Nya.” Mereka boleh melayani bersama anda dan menggalakkan orang dewasa yang lebih muda melalui pengalaman mereka serta terus menyumbang bakat dan karunia kepada tubuh Kristus.

BAB 24 : ADAKAH SAYA BERPERANG DENGAN MATI-MATIAN?

Dr. Henrietta Mears, guru yang dikagumi oleh penginjil terkenal Billy Graham, sewaktu merumuskan objektif-objektif tentang pengajaran berkata dia akan meluangkan banyak waktu untuk perang ini. Pendidikan Kristian boleh diibaratkan sebagai suatu perang. Untuk berjaya, kita mesti mempunyai perancangan dan strategi yang mantap. Penilaian dan evaluasi menolong kita untuk menjamin kita memberi yang terbaik bagi Tuhan dan meningkat lagi dalam gaya dan pendekatan pengajaran kita. Penulis Amsal berkata, “Kerana hanya dengan perancangan engkau dapat berperang dan kemenangan tergantung pada penasihat yang banyak” (Amsal 24:6).

Seorang guru mesti menilai diri sendiri agar dia tahu kelemahan dan kekurangan gaya pengajaran sendiri. Jangan anggap tugas mengajar kita sudah selesai apabila kita mengajar dan menabur. Seorang guru harus selalu rindu membawa pengaruh yang lebih besar lagi melalui cara pengajaran yang berkesan. Kerendahan hati untuk mendengar nasihat dan cadangan daripada ketua anda akan menolong anda untuk maju selangkah lagi dalam pelayanan pengajaran anda. “Teguran orang yang bijak adalah seperti cincin emas dan hiasan kencana untuk telinga yang mendengar” (Amsal 25:12).

Sebagai seorang pengetua atau penyelia program pendidikan anda harus selalu mengevaluasi program pendidikan gereja anda dan menjamin semangat mengajar selalu dinyalakan, guru-guru digalakkan dan diperlengkapi, program pendidikan anda sedang mencapai matlamat dan objektif serta mendatangkan transformasi yang diharapkan.

Pengetua atau Pemimpin Pendidikan

Pengetua atau pemimpin pendidikan perlu mengambil pertimbangan hal-hal berikut:

- a. Mainkan peranan anda sebagai pemimpin dan penasihat dengan sabar dan bijaksana.
- b. Menetapkan matlamat, objektif-objektif mahupun falsafah pelayan pendidikan Kristian kumpulan anda: sekolah minggu, remaja ataupun orang dewasa. Adakah saya melibatkan para guru dalam proses penetapan falsafah, objektif dan matlamat pelayan pendidikan Kristian?
- c. Pastikan guru-guru memiliki kehidupan rohani yang bersemangat dan hangat.
- d. Keberkesanan kurikulum yang dipakai untuk mentransformasi hidup murid-muridnya. Adakah kurikulumnya memberi applikasi dan penerapan?
- e. Latihkan guru-guru dari semasa ke semasa agar semangat mengajar terus menyala.
- f. Keterlibatan guru-guru dengan murid-muridnya. Adakah guru-guru memberi dorongan kepada murid-murid untuk bertanggungjawab atas pertumbuhan rohani sendiri sewaktu tidak ada kelas?
- g. Kerjasama yang dipupuk di kalangan tenaga pengajar seperti saling mendorong dan berkongsi bahan-bahan ajaran.
- h. Alat peraga, kaedah dan gaya pengajaran yang digunakan dalam kelas mesti sesuai dengan tingkat dan umur pelajar-pelajar.
- i. Alat visual dan bahan-bahan yang diperlukan oleh guru-guru untuk mengajar.
- j. Bersekutu dalam doa dengan guru-guru dari semasa ke semasa.
- k. Jenis disiplin dan motivasi yang diberikan kepada pelajar-pelajar sesuai.
- l. Penginjilan yang dilaksanakan oleh guru-guru untuk menjangkau anak-anak, anak remaja mahupun warga mas yang belum mengenal Tuhan di kelas.
- m. Mencari dan melatih guru-guru baru untuk melanjutkan pelayan pendidikan Kristian dalam gereja.

- n. Rancangkan kalendar dan jadual anda dengan baik agar guru-guru dapat bekerjasama untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan yang ditetapkan.

Penilaian Kendiri

- a. Adakah kehidupan rohani sedang bertumbuh dan ibadat peribadi saya selalu hangat. Kalau kehidupan rohani guru tertakung dan gersang, nescaya dia tidak dapat memberi sesuatu yang tidak dimilikinya apalagi mutiara-mutiara rohani.
- b. Adakah saya selalu bersemangat untuk menolong murid-murid bertumbuh, mendewasa dalam Kristus dan mencapai transformasi ?
- c. Adakah saya memastikan pengajaran saya berkesan?
- d. Adakah saya menarik perhatian kanak-kanak dengan umpan yang bagus?
- e. Adakah saya menolong pelajar sehingga mereka tahu menerapkan firman Allah dan mengalami transformasi hidup?
- f. Adakah pengajaran saya berbentuk interaksi dan melibatkan pelajar-pelajar?
- g. Adakah saya mencabar pelajar-pelajar untuk mencapai yang terbaik untuk Tuhan?
- h. Adakah saya mengundang pelajar-pelajar saya untuk hidup baru?
- i. Adakah saya mengundang mereka yang belum percaya untuk mempercayai Tuhan Yesus?
- j. Adakah saya bekerjasama dengan guru-guru lain dan pemimpin pendidikan Kristian untuk mencapai matlamat dan objektif kami?
- k. Adakah saya berusaha menjalin persahabatan yang baik dengan pelajar-pelajar saya dan hidup saya menjadi ilham bagi mereka?
- l. Kalau saya mengajar dengan guru yang lain, adakah saya mewujudkan satu struktur dan jadual yang baik?
- m. Adakah segala program, permainan, aktiviti-aktiviti yang saya gunakan sesuai dengan tema dan objektif pelajaran?
- n. Adakah saya selalu membaca dan mencari bahan-bahan yang berguna untuk murid-murid saya?
- o. Adakah saya berdoa untuk murid-murid saya dan menelefon mereka sewaktu mereka tidak datang ke kelas?

- p. Adakah saya berusaha memberi visi kepada pelajar-pelajar saya dan menggalakkan mereka untuk melayani Tuhan?

Contoh Penilaian dan Evaluasi Guru

Evaluasi dan Penilaian Guru Remaja

Tuliskan Sangat Bagus, Bagus, Sederhana, Lemah

1. Saya memahami matlamat dan tujuan pelajaran-pelajaran yang saya ajarkan dengan mendalam. _____
2. Saya berusaha menyiapkan setiap pelajaran saya dengan mantap. _____
3. Saya mengajar pelajar-pelajar saya dengan bersungguh-sungguh dan menggunakan kepelbagaian gaya untuk menolong mereka memahaminya. _____
4. Saya menolong pelajar-pelajar saya mencapai impian Tuhan bagi dirinya. _____
5. Saya menolong pelajar-pelajar saya memperoleh visi untuk melayani Tuhan. _____
6. Saya menolong pelajar-pelajar memahami perubahan diri dan memberi kaunseling apabila mereka memerlukannya. _____
7. Saya menolong pelajar-pelajar saya mengenal pasti bakat mereka, karunia Roh Kudus dan menggunakannya demi kemuliaan Tuhan. _____
8. Saya menjalankan disiplin yang wajar dalam kelas. _____
9. Saya berusaha memotivasi pelajar-pelajar saya untuk beribadat peribadi dan membaca firman Tuhan dalam kehidupan sehari-harian. _____
10. Selain dari pengajaran dalam kelas, saya juga berusaha mengenal mereka pada waktu yang lain, di luar kelas. _____
11. Saya juga mengambil berat akan pengaruh luar yang diajari kepada anak-anak kita dan memberi penjelasan kepada mereka daripada Firman Tuhan. _____

Pemberian Surat Panggilan

Untuk menolong guru-guru anda jelas akan tugas pelayanan dan komitmen dalam pengajaran mereka, seorang pemimpin boleh mencorak sepucuk surat panggilan agar guru-guru tahu mengevaluasi dirinya sesuai dengan panggilan mereka. Selain itu, guru-guru juga tahu peranan dan tanggungjawab yang diharapkan daripada dirinya. Pemimpin pendidikan Kristian juga boleh memberi mereka borang pendidikan agar mereka boleh meningkatkan kemampuan diri dalam pengajaran dan menyedari akan komitmen mereka.

Contoh sepucuk surat panggilan untuk guru-guru sekolah minggu

Surat Panggilan

Tarikh:

Sekolah Minggu Gereja Gemas memberi _____ satu panggilan untuk melayani Tuhan Yesus sebagai guru sekolah minggu mulai _____. Kami percaya anda berkelayakan secara rohani dan pengetahuan untuk mengajar dan membimbing anak-anak kecil mengenal dan bertumbuh dalam iman mereka.

Dengan pertolongan daripada Allah Bapa dan Roh Kudus serta komitmen anda, anda akan menunaikan hal-hal berikut:

Tanggungjawab saya kepada Allah:

- Saya akan memupuk perhubungan yang intim bersama dengan Tuhan Yesus dan beribadat dalam doa, pengajian Alkitab serta berusaha menerapkan firman-Nya dalam kehidupan saya setiap hari.
- Saya akan memelihara kehidupan kudus, mempertahankan gaya kehidupan yang berdisiplin dan datang ke hadirat-Nya untuk pengakuan dosa.

Tanggungjawab saya kepada pelajar:

- Saya akan berusaha untuk menolong pelajar-pelajar mengenal Tuhan Yesus sebagai Juruselamat mereka.
- Saya akan berusaha untuk menolong mereka bertumbuh dan mendewasa dalam Tuhan Yesus.
- Saya akan menyiapkan pelajaran saya dengan baik dan memahami objektif-objektif setiap pelajaran dengan baik.
- Saya akan bersahabat dengan murid-murid saya dan mengambil berat akan penerapan kerohanian mereka dalam kehidupan mereka.
- Saya akan berdoa untuk diri saya dan murid-murid saya.
- Saya akan menolong murid-murid saya melayani Tuhan dan menggalakkan mereka untuk menggunakan bakat mereka demi Tuhan.
- Saya akan menghadiri mesyuarat guru-guru sekolah minggu dan mengambil latihan guru yang disediakan oleh gereja.
- Saya akan menghubungi murid-murid yang tidak hadir dalam kelas.

Tanggungjawab kepada gereja:

- Saya akan mengikut peraturan dan ibadat gereja sebagai teladan untuk murid-murid saya.
- Saya akan bekerjasama dengan guru-guru lain dan juga pemimpin pendidikan,
- Saya akan datang tepat pada waktunya untuk menunaikan tanggungjawab saya.

Yang Mewakili Lembaga Pendidikan

(Mary Nina)

Yang Dipanggil

(Vicky Logan)

Evaluasi Program Pendidikan Baru

Setiap program yang akan diperkenalkan dalam pelayanan pendidikan dalam pelayanan remaja, belia, ataupun orang dewasa mesti sesuai dengan visi, objektif dan matlamat pendidikan Kristian anda. Anda perlu mengevaluasinya dan memastikan kesesuaian untuk kelompok anda. Contohnya visi pelayanan pendidikan Kristian pemuda-pemudi anda mungkin mencakup empat komponen yang penting: Pengajian Alkitab, Persekutuan, Pemuridan, Penginjilan.

Pertanyaan-pertanyaan untuk evaluasi:

1. Apakah program ini akan menolong kita mencapai matlamat dan objektif program ini?
2. Adakah program ini memenuhi objektif pendidikan Kristian kita?
3. Adakah program ini memenuhi keperluan pelajar-pelajar kita?
4. Adakah program ini menggalakkan pertumbuhan murid kita?
5. Adakah program ini dipusatkan pada firman Tuhan dan meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar terhadap firman Tuhan?
6. Berapa lamakah yang diperlukan untuk menjalankan program ini?
7. Apakah respon para guru terhadap program yang akan diperkenalkan dalam pendidikan Kristian kita?
8. Apakah guru-guru perlu dilatih agar mereka dapat mengajar dengan berkesan?

KESIMPULAN

Murid-murid Tuhan Yesus dikatakan berkumpul dengan-Nya dan memberitahu-Nya segala yang terjadi dalam pelayanan mereka. Saya percaya sesi ini juga merupakan sesi mengevaluasi dan memberi bimbingan kepada para guru-Nya. "Kemudian rasul-rasul itu kembali berkumpul dengan Yesus dan memberitahukan kepada-Nya semua yang dikerjakan mereka dan diajarkan" (Markus 6:30). Guru-guru akan maju dengan lebih ketara jika mereka membuat evaluasi secara sendiri dan juga dalam kelompok bersama dengan rakan pengajar ataupun pemimpin mereka. Sesi evaluasi merupakan waktu untuk bukan sahaja sesi memperbaiki kelemahan tetapi juga untuk saling memotivasi dan menggalakkan sesama untuk mencapai matlamat dan objektif yang sudah ditentukan oleh mereka.

BAB 25 : CANANGKAN TRANSFORMASI ALKITABIAH!

Canangkan transformasi yang dijanakan oleh Tuhan Yesus dan firman-Nya kepada umat-Nya di setiap pelusuk Malaysia. Guru-guru Kristian dan ibu bapa harus menyedari transformasi keajaiban ini perlu bermula sejak anak-anak kita masih kecil dan memastikan firman Allah daripada Alkitab menjadi nyata dalam kehidupan anak-anak kita. Jangan biar air dari sungai Nil yang meluap-luap menelan anak-anak kita. Bab akhir ini berusaha merumuskan permata-permata daripada firman Allah dalam Alkitab bagi pegangan guru-guru dan ibu bapa. Hanya firman Allah yang hidup dapat menjanakan transformasi yang hidup dalam pendidikan Kristian kita.

Allah Hidup – Asas Pendidikan Kristian

Pendidikan Kristian tidak didasarkan pada etika, falsafah mahupun dogma yang tidak hidup tetapi Allah yang hidup. Dia selalu bercampur tangan dalam kehidupan manusia. Yang paling unik dan ajaib dalam pendidikan Kristian ialah titik tolak kita ialah perhubungan Allah dengan umat-Nya. Allah kita mempunyai sejarah yang panjang bersama dengan umat-Nya dan tidak pernah berkarya dalam vakum sahaja.

Allah yang kita berkumandang dalam pendidikan Kristian ialah:

- a. Allah Pencipta manusia dan segala isi yang berada dalam dunia ini. Dialah permulaan segala cerita ciptaan dan yang menjadi yang utama dalam pendidikan Kristian. “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi” (Kejadian 1:1). Sebagai Tuhan, Dia mempunyai jawapan dan rancangan yang terindah yang harus dipeluk oleh umat manusia dengan sepenuhnya.
- b. Dialah Allah yang bercampur tangan dalam sejarah umat-Nya dan mengikat Perjanjian dengan umat-Nya dengan jelas. “Kamu sendiri telah melihat apa yang Kulakukan kepada orang

Mesir, dan bagaimana Aku telah mendukung kamu di atas sayap rajawali dan membawa kamu kepada-Ku. Jadi sekarang jika kamu sungguh-sungguh mendengarkan firman-Ku dan berpegang pada perjanjian-Ku, maka kamu akan menjadi harta kesayangan-Ku sendiri daripada antara segala bangsa, sebab Akulah yang empunya seluruh bumi” (Keluaran 19:4-5).

- c. Allah yang selalu melakukan mukjizat dalam kehidupan umat-Nya dengan aktif dan tangan-Nya tidak pernah pendek. “Di hadapan nenek moyang mereka dilakukan-Nya keajaiban-keajaiban, di tanah Mesir, di padang Zoan; dibelah-Nya laut, diseberangkan-Nya mereka; didirikan-Nya air sebagai bendungan” (Mazmur 78:12-13).
- d. Allah yang merupakan permulaan segala sesuatu dan juga yang akhir. “Berbahagialah orang yang menurut segala perintah Alkitab dan menjunjung segala yang diajari dalam-Nya. “Sesungguhnya Aku datang segera. Berbahagialah orang yang menurut perkataan-perkataan nubuat kitab ini!” (Wahyu 22:7).

Allah Yang Mementingkan Perubahan Hati

Sejak zaman para nabi, Allah sudah melihat bahawa jawapan dalam pendidikan Kristian tidak ada jalan lain kecuali suatu perubahan hati manusia. Guru-guru pendidikan Kristian harus mementingkan perubahan hati sebagai permulaan semua penerimaan pendidikan Kristian secara berkesan. Kecanggihan tanpa campurtangan Allah dalam perubahan hati hanya sia-sia belaka.

Walaupun kemuliaan Allah sudah meninggalkan bait Allah bahkan telah menghilang setelah menghinggap di gerbangnya, Allah tetap melihat suatu pemulihan sempurna melalui perubahan hati umat-Nya. “Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat” (Yehezkiel 36:26). Allah memberitahu Yeremia satu-satu jawapan untuk umat Tuhan yang tegar hati ialah perubahan hati! “Aku akan memberi mereka suatu hati untuk mengenal Aku, iaitu bahawa Akulah TUHAN. Mereka akan menjadi umat-Ku dan Aku ini akan menjadi Allah mereka, sebab mereka akan bertaubat dengan segenap hatinya” (Yeremia 24:7).

Rasul Paulus mementingkan satu perubahan dan transformasi tuntas. “Kerana kamu telah mendengar tentang Dia dan menerima

pengajaran di dalam Dia menurut kebenarannya yang nyata dalam Yesus, iaitu bahawa kamu, berhubung dengan kehidupan kamu yang dahulu, harus meninggalkan manusia lama, yang menemui kebinasaan oleh nafsunya yang menyesatkan” (Efesus 4:21-22). Nada perubahan juga dipentingkan dalam kitab Roma oleh Rasul Paulus: “Kerana itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus, dan yang berkenan kepada Allah; itulah ibadatmu yang sejati. Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah dan yang sempurna” (Roma 12:1-2).

Jadi Serupa Dengan Allah

Matlamat tertinggi transformasi dalam pendidikan Kristian ialah pencapaian impian agar pelajar-pelajar akan menjadi serupa dengan Allah. “Sebab semua orang yang dipilih-Nya dari semula, mereka juga ditentukan-Nya dari semula untuk menjadi serupa dengan gambaran Anak-Nya, supaya Dia, Anak-Nya itu, menjadi yang sulung di antara banyak saudara” (Roma 8:29).

Transformasi dan pencapaian matlamat ini dialami dalam satu proses, semakin seseorang berjalan dan belajar daripada Allah, semakin dia menjadi serupa-Nya. “Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan yang adalah Roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar” (2 Korintus 3:18).

Pendidikan Kristian bertujuan menolong manusia kembali kepada Allah dan menyerahkan hati mereka. “Tetapi apabila hati seorang berbalik kepada Tuhan, maka selubung itu diambil daripadanya” (2 Korintus 3:16). Guru-guru harus mengundang pelajar-pelajarnya untuk kembali kepada Allah kerana hanya Dia dapat membuka selubung yang menutup mata mereka daripada kemuliaan Tuhan.

Apabila selubung kita disingkap, kita dapat melihat kemuliaan Tuhan dan mencerminkan kemuliaan-Nya. Fikiran yang tumpul yang menyelubungi jiwa kita akan dicerahkan apabila kita menatap kemuliaan Tuhan seperti cermin dan menyinari kemuliaan-Nya (2 Korintus 3:13-18).

Pendidikan Kristian Mendatangkan Hidup

Pendidikan Kristian bukanlah proses memamah makanan rohani atau menelannya bulat-bulat secara paksaan. Perubahan dinamik mendatangkan kebahagiaan dan makna bagi pelajar-pelajarnya. Transformasi yang bahagia ini mendatangkan hidup bagi mereka yang setia kepada perintah-Nya. “Kerana siapa mendapatkan aku, men-dapatkan hidup, dan TUHAN berkenan akan dia” (Amsal 8:35).

Pelajar-pelajar yang ditanamkan firman Allah selalu hidup segar dalam batin mereka dan berbuah bagi Tuhan. “Dia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, yang tidak layu daunnya; apa saja yang diperbuatnya berhasil” (Mazmur 1:3).

Tuhan Yesus berkata wanita Samaria, “Jikalau engkau tahu tentang karunia Allah dan siapakah Dia yang berkata kepadamu: Berilah Aku minum! Nescaya engkau telah meminta kepada-Nya dan Dia telah memberikan kepadamu air hidup” (Yohanes 4:10). Dalam kitab Wahyu, Anak Domba Allah menuntun orang yang percaya kepada air mata. “Sebab Anak Domba yang di tengah-tengah takhta itu, akan mengembalikan mereka dan akan menuntun mereka ke mata air kehidupan. Dan Allah akan menghapus segala air mata dari mata mereka” (Wahyu 7:17).

Pendidikan Kristian Mempunyai Kuasa Luarbiasa

Kuasa Roh Kudus mendatangkan hidup dan membimbing pelajar sehingga mereka mencapai kesempurnaan dalam Kristus. Itulah yang membuat pendidikan Kristian luarbiasa bukan hanya ajaran Moral yang tiada bernyawa. Guru-guru Kristian tidak mengajar sendiri kerana kehadiran Roh Kudus akan mengajar pelajar-pelajar mereka setiap saat. “Tetapi apabila Dia datang, iaitu Roh Kebenaran, sebab Dia tidak berkata-kata daripada diri-Nya sendiri, tetapi segala sesuatu yang didengar-Nya itulah yang akan dikatakan-Nya dan Dia akan memberitakan kepadamu hal-hal yang akan datang” (Yohanes 16:13).

Roh Kudus memerdekakan pelajar kita daripada kebelengguan dosa dan kuasa gelap. “Sebab Tuhan adalah Roh; dan di mana ada Roh Allah, di situ ada kemerdekaan” (2 Korintus 3:17). Rasul Paulus menjelaskan kuasa Roh yang berkarya dengan begitu hebat dalam diri mereka, kuasa yang membangkitkan Yesus sehingga Dia duduk di sebelah kanan Allah

Bapa. Itulah kuasa yang mendatangkan keberkesanan dalam pengajaran kita. “dan betapa hebat kuasa-Nya bagi kita yang percaya, sesuai dengan kekuatan kuasa-Nya, yang dikerjakan-Nya di dalam Kristus dengan membangkitkan Dia daripada antara orang mati dan mendudukkan Dia di sebelah kanan-Nya di syurga” (Efesus 1:19-20).

Guru-guru yang dipenuhi oleh Roh Kudus memperoleh pertolongan bimbingan Tuhan bagi diri sendiri dan juga murid-muridnya. Mereka tidak akan mengajar seperti orang buta yang menuntun orang buta. Tuhan Yesus bersabda bahawa pengajaran orang Farisi tidak berkuasa. “Biarlah mereka itu. Mereka orang buta yang menuntun orang buta. Jika orang buta menuntun orang buta, pasti keduanya jatuh ke dalam lubang” (Matius 15:14).

Kasih Tuhan tidak dapat dicurahkan dalam hati hanya melalui pengajaran tanpa pertolongan Roh Kudus. “Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang dikaruniakan kepada kita” (Rom 5:5). “Dialah juga yang telah menyatakan kepada kami kasihmu dalam Roh” (Kolose 1:8).

Guru-guru hanya perlu setia dalam pengajaran dan berdoa untuk pelajar-pelajarnya kerana Roh Kudus memberi buah-buah yang diidamkan dalam pelajar-pelajar kita. Kuasa yang luar biasa ini yang tinggal dalam pelajar-pelajar untuk menyempurnakan ajaran kita. “Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal itu” (Gal 5:22). Buah-buah yang hasil daripada kehidupan dalam Roh Kudus sejati mengalir selalu dibandingkan dengan ketaatan kaku kepada ajaran Moral seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli Taurat.

Panaroma Penyelamatan Yang Besar

Seorang guru Kristian harus mengajar dengan panaroma penyelamatan yang besar, iaitu cerita besar dalam Alkitab agar keistimewaan ajaran-Nya dapat diselaminya. Ketika anak-anak sudah menjelang umur 8-12 tahun, seorang guru berusaha menolong mereka melihat Panroma Penyelamatan Besar yang istimewa agar iman mereka boleh difahami dengan mantap. Kebenaran bahawa Tuhan Yesus telah mengenapi segala yang dijanjikan nubuat para nabi tentang Mesias, Penyelamat yang akan datang.

Pada mula-mulanya Allah Bapa, Anak dan Roh Kudus mencipta segala di dunia ini dan manusia dicipta istimewa menurut gambar-Nya. Allah menjalin perhubungan indah bersama Adam dan Hawa, serta memberi mereka taman indah, Taman Eden, untuk menikmati hidup. Mereka hanya perlu mematuhi satu hukum: “Lalu TUHAN Allah memberi perintah ini kepada manusia: “Semua pohon dalam taman ini boleh kaumakan buahnya dengan bebas, tetapi pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat itu, janganlah kaumakan buahnya, sebab pada hari engkau memakannya, pastilah engkau mati” (Kejadian 2:17).

Iblis menggoda dan berdusta kepada Hwa dan Adam sehingga mereka tidak mentaati perintah Allah dan makan buah daripada pohon larangan itu. Sejak itu manusia telah dipisahkan daripada Allah yang Maha Kudus namun Allah memberi rancangan penebusan-Nya sejak awal lagi. “Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya” (Kejadian 3:5).

Dosa telah masuk ke dunia ini melalui satu orang sehingga semua orang mewarisinya. “Dosa masuk ke daam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya, maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa” (Roma 5:12). Ini dipanggil dosa asal dalam iman Kristian. Dunia semakin berdosa sehingga Allah menyesal mencipta manusia, dan terpaksa menghapuskan dunia ini dengan air bah; hanya satu manusia dan keluarganya diselamatkan. Nuh yang hidup kudus dan keluarganya terselamat kerana mereka menurut perintah Tuhan untuk membina bahtera sebelum air bah besar melandai seluruh dunia.

Setelah itu, Allah memilih Abram dan memberinya perjanjian bahawa dia akan menjadi Bapa sebuah negara. Tuhan berfirman kepada Abram, “Aku akan membuat engkau menjadi bangsa yang besar, dan memberkati engkau serta membuat namamu masyhur; dan engkau akan menjadi berkat” (Kejadian 12:2). Sekalipun Abram sudah lanjut usia, Tuhan tetap memberi dia dan isterinya zuriat. Tuhan berfirman, “Cuba lihat ke langit, hitunglah bintang-bintang, jika engkau dapat menghitungnya.” Maka firman-Nya kepadanya: “Demikianlah banyaknya nanti keturunanmu” (Kejadian 15:5). Allah berjanji salah satu daripada keturunan Ishak akan menjadi Mesias, Penyelamat dunia.

Firman Tuhan digenapi dengan kelahiran Ishak sekalipun Abraham dan Sarah sudah lanjut usia. “Sebab apakah dikatakan Kitab Suci? “Lalu percayalah Abraham kepada Tuhan, dan Tuhan memperhitungkan hal itu kepadanya sebagai kebenaran” (Roma 4:3). Abraham dibenarkan kerana dia percaya kepada-Nya, dan kita menjadi anak-anak Abraham kerana kita percaya kepada Tuhan Yesus yang bangkit. “tetapi ditulis juga untuk kita; sebab kepada kita pun Allah memperhitungkannya kerana kita percaya kepada Dia, yang telah membangkitkan Yesus, Tuhan kita, daripada antara orang mati” (Roma 4:24).

Allah secara khusus berjanji melalui keturunan Yakub akan datanglah Mesias kita. Anak Ishak, Yakub kemudian melahirkan 12 anak lelaki dan seorang anak perempuan. Yakub memberi jubah indah dan berwarna-warni kepada anak kesayangannya, Yusuf. Abang-abangnya cemburu akan Yusuf dan menjualnya sebagai hamba ke Mesir tetapi rancangan Tuhan yang indah telah menyelamatkan umat-Nya dari kemarau dengan mengutus Yusuf pergi ke sana bagi mempersiapkan bekalan. Dia menjadi mangkubumi Mesir, Yusuf dan keluarganya tinggal di Mesir dan bercucu cicit di sana. “Kemudian bangkitlah seorang raja baru memerintah tanah Mesir, yang tidak mengenal Yusuf. Berkatalah raja itu kepada rakyatnya: “Bangsa Israel itu sangat banyak dan lebih besar jumlahnya daripada kita...sebab itu pengawas-pengawas ditempatkan untuk menindas mereka dengan kerja paksa: mereka hanya mendirikan bagi Firaun kota-kota perbekalan, iaitu Pitom dan Raamses” (Keluaran 1:11).

Umat Tuhan bekerja keras dan amat menderita di bawah raja baru; mereka selalu mengeluh dan mengerang. “Allah mendengar mereka mengerang, lalu Dia mengingat perjanjian-Nya dengan Abram, Ishak dan Yakub” (Keluaran 2:24). Allah mengutus Musa untuk melepaskan umat-Nya dari Mesir dan untuk membimbing mereka ke tanah perjanjian. Firaun degil dan tidak mahu melepaskan umat Tuhan lalu Allah mengirim sepuluh tulah. Dalam tulah terakhir semua anak sulung meninggal dunia termasuk anak sulung Firaun. Umat Tuhan menyembelih domba dan menyapu darah domba agar terlepas dari musibah ini. Umat Tuhan merayakan Paskah untuk menandakan malam pelepasan mereka. Tuhan membimbing mereka ke padang belantara dan memberi Sepuluh Hukum kepada umat Tuhan melalui Musa. Allah membimbing mereka ke tanah perjanjian yang dijanjikan kepada Abram sejak zaman dahulu.

Sepuluh Hukum ialah petunjuk untuk membimbing umat Allah untuk hidup menurut perintah Allah. Namun seringkali umat Tuhan tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Allah dan melalui Taurat Musa, korban yang tidak bercacat cela telah ditetapkan untuk menebus dosa mereka. Korban domba untuk dosa tidak hanya dilakukan sekali tetapi berulang kali. Hanya satu korban sempurna daripada Domba Allah yang dinanti-nantikan umat Tuhan iaitu Tuhan Yesus. "...sebab hal itu telah dilakukan-Nya satu kali untuk selama-lamanya, ketika Dia mempersembahkan diri-Nya sendiri sebagai korban" (Ibrani 7:27).

Umat Tuhan kemudian meminta seorang raja daripada Allah, dan Dia memberi Raja Saulus. Kemudian Raja Daud memerintah sebagai raja yang berkenan kepada Tuhan, dan selepas itu raja-raja yang lain. Umat Tuhan dan raja-rajanya sering berdosa dan tidak setia kepada perintah dan perjanjian Allah. Allah menghukum mereka sehingga mereka sering jatuh ke dalam tangan musuh. Tuhan menjanjikan pemulihan dan juga Mesias yang akan datang. Nabi Yesaya menjanjikan seorang Putera Damai yang akan dilahirkan untuk umat manusia. "Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang perkasa, Bapa yang kekal, Raja Damai" (Yesaya 9:5).

Allah kemudian memberi Anak-Nya, Tuhan Yesus kepada umat manusia melalui keturunan Raja Daud, Maria tepat waktu-Nya. Dia dilahirkan tanpa dosa; Dia domba Allah yang menebus dosa manusia sekali untuk selama-lamanya. Apabila Tuhan Yesus berumur pada umur tiga puluh, Dia mulai melayani dan membaptis orang. Tuhan Yesus mengajar tentang kerajaan Allah, menyembuh yang sakit, menebus dosa dan mengenapi yang diajarkan dalam Perjanjian Lama. Pemimpin-pemimpin agama menggunakan Yudas, murid-Nya untuk mengkhianati-Nya. Dia diadili kerana mengakui Diri-Nya sebagai Anak Tuhan dan dijatuhkan hukuman mati di kayu salib. Kematian-Nya ialah penebusan bagi dosa manusia, "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).

Dia bangkit daripada maut. "Kristus mati kerana dosa kita...Dia dikebumikan...Dia dibangkitkan pada hari ketiga menurut Alkitab. Dia

memperlihatkan diri-Nya kepada Petrus, dan kemudiannya kepada dua belas orang rasul-Nya. Setelah itu, Dia memperlihatkan Diri-Nya pada kepada lebih daripada lima ratus orang” (1 Korintus 15:3-4). Tuhan Yesus kembali ke syurga dan Dia berjanji akan kembali lagi bersama dengan kita di syurga dan bumi yang baru.

Tuhan Yesus yang dibangkitkan dan dinaikkan diberi tempat kuasa di sebelah kanan Allah, “Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan Dia dan mengaruniakan kepada-Nya nama di atas segala nama, supaya alam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi, dan segala lidah mengaku: “Yesus Kristus adalah Tuhan, bagi kemuliaan Allah Bapa!” (Filipi 2:9-11).

Sebagaimana Imam Besar dahulu harus melalui tirai khemah agar sampai kepada tempat maha kudus, begitu juga Tuhan Yesus telah menembusi langit sampai ke hadirat Allah, duduk di kanan Allah Bapa, menjadi Iman Besar dan Raja yang hidup selama-lamanya, dan akan datang sebagai Hakim (Mazmur 110:1-2; Ibrani 4:14, 7:26).

Tuhan Yesus juga pernah mencerita tentang kenaikan-Nya kepada para murid-Nya. Dia berjanji mengutus Ruh Kudus bukan nabi atau pesuruh lain setelah Dia naik ke syurga. “Jikalau Penghibur yang akan Kuutus daripada Bapa datang, iaitu Roh Kebenaran yang keluar daripada Bapa, Dia akan bersaksi tentang Aku” (Yohanes 15:26). Pada hari Pentakosta, Roh Kudus datang kepada umat Tuhan dan tinggal hingga kini di hati mereka yang percaya kepada Tuhan Yesus (Kisah Para Rasul 2:1-3; Yoel 2:28-32).

KESIMPULAN

Hanya pendidikan Kristian boleh memberi transformasi dan masa depan yang baru bagi generasi baru kita. Guru-guru dan ibu bapa mesti menjanakan transformasi dalam kehidupan anak-anak mahupun orang dewasa dengan firman Allah yang hidup dan dinamik. Pendidikan Kristian adalah satu-satunya pendidikan yang boleh mencanangkan bahawa pendidikan yang mengasaskan perhubungan intim dan hidup bersama dengan Allah yang memperhatikan manusia sejak mula-mulanya dapat membawa transformasi. Pendidikan Kristian mengkumandang Allah yang mengawali sejarah manusia sehingga akhirnya; ciri istimewa ini tidak wujud dalam pendidikan yang lain. Canangkan transformasi melalui Tuhan Yesus, Juruselamat yang hidup! Inilah inti pati pendidikan Kristian yang tiada tolak banding dan tidak boleh diabaikan oleh gereja Malaysia.

BIBLIOGRAFI

1. Crump Miller, Randolph. Education for Christian Living. (Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall, 1953), 53-54.
2. M. Detton, John. What is Spiritual Formation? Dalam Christian Educator's Handbook on Spiritual Formation, eds. James C. Wilhoit and Kenneth O. Gangel, (Grand Rapids: Baker House, 1997), 15.
3. Lewis, C.S. The Abolition of Man. (New York: Macmillian, 1947), bab satu.
4. B. Edge, Findley. Teaching for Results. (New York: Broadman & Holman Publishers, 1995), 10.
5. Wilhoit, Jim. Christian Education and the Search for Meaning. (Grand Rapids: Baker House, 1968), 59-60.
6. R. Estep, James J. Anthony, and R. Allison, Gregg. A Theology for Christian Education, (UK: B & H Publishing, 2008), 59-60.
7. O. Gangel, Kenneth. Membina Pemimpin Pendidikan Kristen. (Malang: Gandum Mas, 2001), hal.46.
8. C. Wilhoit, James. Developing a Philosophy in Christian Education, eds. Robert E. Clark, Lin Johnson, Allyn K. Sloat. (Chicago: Moody Press, 1984), 63.
9. James, 63
10. Le Bar; Lois E. Education That is Christian, eds. James E. Plueddemann. (Wheaton, Ill. Victor, 1989), 50.
11. James, 65
12. O. Gangel, Kenneth. Building Leaders for Christian Education. (Chicago: Moody Bible Institute, 1981).
13. L. Hayes, Edward. Establishing Biblical Foundation in Christian Education. (Chicago: Moody Press, 1991), 35.
14. Drazin, Nathan. History of Jewish Education from 515 B.C.E. to 220 C.E. (Baltimore: John Hopkins Press, 1940).
15. Edward, 35.
16. C.B. Eavey. History of Christian Education. (Chicago: Moody Press, 1964), 49.

17. Drazin, Nathan. *History of Jewish Education* (Chicago, Moody Press, 1964), 49.
18. Flavius, Josephus, *Complete Works*, translated from original Greek by William Whiston, Philadelphia: David McKay).
19. E. Lawson, Kevin. *Historical Foundations of Christian Education in Introducing Christian Education*, ed. Michael J. Anthony. (Grand Rapids: Baker Academic, 2001), 17.
20. Eavey, 20.
21. Fletcher H. Swift. *Education in Ancient Israel from Earliest Times to 70 A.D.* (Chicago: The Open Court Publishing Comp: 1919).
22. James, Anthony, and Gregg, 19.
23. Cushman, H.E.A.S. *Beginner's History of Philosophy*. (Boston: Houghton Mifflin Com. 1918).
24. Lebar, 136.
25. Milton Gregory, John. *The Seven Laws of Teaching*. (Michigan: Baker Books, 1995), 26.
26. John, 26.
27. James, Anthony and Gregg, 302.
28. Harrell Horne, Herman. *Jesus the Master Teacher*. (New York: Association Press, 1920), 206.
29. Eavey, 78
30. H. Stein, Robert. *The Method and Message of Jesus*. (Philadelphia: Westminster:1978), 1.
31. O. Gangel, Kenneth. *Biblical Foundation for Adult Education in Christian Educator's Handbook on Adults Education*, Eds. James C. Wilhoit, Kenneth O. Gangel (Grand Rapids: Baker Books, 1993).
32. Bloom, Benjamin. *The Master Teacher in Phi Delta Kappan* 63 (June 1982): 664-68, 715.
33. Alley, Steve. *Growing a Healthy Children's Ministry*. (Cincinnati: Standard Publishing, 2002), 23.
34. Milton, 31.
35. Richards Larry and Johnson, Lin. *Christian Education*. (Chicago: Moody Press), 174.
36. D.V. Hurst. *And He Gave Teachers*. (Springfield: Gospel Publishing House).
37. Findley, 5.
38. Harris, Maria. *Teaching and Religious Imaginations: An Essay in the Theology of Teaching*. (San Francisco: Harper, 1987), 26.
39. Harris, 25
40. Milton, 47
41. Edge, 37

42. Judson, Gillian. Teaching 360 degree: Effective Teaching through the Imagination. (Sense Publisher: 2008), 3.
43. Kraus, Carol F. Keeping in Touch, Christian Formation and Teaching. (Nashville, Tennessee: Discipleship Resources), 58.
44. Kraus, 60-61.
45. J. Bennett, William. The Book of Virtues for Young People. (New Jersey: Silver Burdett Press, 1996). 132
46. Foster, Richard K and Brynn Smith. Devotional Classics. (San Francisco, 1993).
47. Theresa Avila, Interior Castle.
48. Luther, Martin. The Sermon on the Mount, vol. 21 of Luther (Concordia, 1956), 197-198.
49. O. Richards, Lawrence. The Theology of Children's Ministry. (Grand Rapids: Ministry Resource Library), 418-419.
50. O. Richards, 420.
51. Milton, 103.
52. Havighurst, R. Human Development. (New York: David Mc. Kay Co. 1953), 2.
53. D. Stephens, Larry. Your Child's Faith. (Grand Rapids: Zondervan, 1996), 107.
54. Milton, 31
55. LeFever, Marlene. Understanding Learning Style in Christian Education Foundations for the Future. Eds. Robert E. Clark, Lin Johnson, Allyn K. Sloat. (Chicago: Moody Press, 1991), 334.
56. Edna, Dean Baker. Kindergarten Method in the Church School. (Cincinnati Abington, 1925), 161.
57. Maguire, Jack. Creative Storytelling. (Toronto: McGraw Hill Book Company, 1985), 77.
58. Wyndam, Lee. Writing for Children and Teenagers. (Cincinnati: Writer's Digest Books, 1989), 49-50.
59. Allstrom, Elizabeth. You Can Teach Creatively. (Nashville: Abingdon, 1970), 77.
60. Elisabeth McDaniel in Story playing with Children in Childhood Education in the Church. (Chicago: Moody Press, 1973)
61. S. Lawson, Managing the Classroom Experience in Christian Education, eds. Robert Clark, Lin Johnson, Allyn K. Sloat. (Chicago: Moody Press, 1991), 184.
62. Murray, Andrew. How to Bring Your Children to Christ. (Pittsburg: Whitaker House, 1984), 48-49.
63. Baskar Jeyaraj, Jesudason. Biblical Perspectives on Children and their Protection in Children at Risk, eds. Jesudason Jeyaraj. Christ Gnanakan, Thomas Swaroop, Prasad Phillips. (Bangalore: ISPL, 2009), 8-9.

64. Haajer, Jennifer. *Evangelizing Children*. (Langenbruck:Child Evangelism Fellowship, 1987),38.
65. Williamson, C.J. *The Westminster Shorter Catechism*. (New Jersey: P & R Publishing, 2003), 1.
66. Haajer, 104.
67. O. Richards, Lawrence, *Creative Bible Teaching*. (Chicago: Moody Press, 1970), 150.
68. Clark, Robert. *The Learner: Children in Introduction to Biblical Christian Education*, eds. Werner C. Graendorf. (Chicago: Moody Press, 1981), 140.
69. M. Self, Margaret. *Understanding Fours and Fives in Childhood Education in the Church*, eds. Roy B. Chuck and Robert Clark. (Chicago: Moody Press, 1975), 93.
70. Bokton, Barbara, Smith, Charles and Haystead, Wesley. *Everything You Want to Know about Teaching Your Children*, grade 1-6. (Ventura California Regal, 1987), 39.
71. Beechick, Ruth. *Teaching Juniors*. (Denver: Accent, 1981),24.
72. E. Kendall, Frances. *Diversity in the Classroom*.(New York: Teachers College Press, 1996),4.
73. Silberman, Mel. *Active Learning: 101 Strategies to Teach Any Subject*. (USA:Pearson Education, 1996), 1.
74. M.Detton, John. *What is Spiritual Formation in Christian Educator's Handbook on Spiritual Formation*, eds. James C. Wilhoit, Kenneth O. Gangel. (Grand Rapids: Baker House).
75. Mc. Grath, Alister. *Beyond the Quiet Time in Authentic Spirituality Moving Beyond Religion*, ed. Barry Caller. (Grand Rapids: Baker House, 2001), 218.
76. Storehouse, Catherine. *Joining Children on Spiritual Journey, Nurturing a Life of Faith*. (Grand Rapids: Baker House, 1998), 18.
77. A. Schaffer, Francis. *True Spirituality*. (Illinois: Tyndale House Publisher, 1971), 25.
78. Roberts, Maurice. *The Thought of God*. (Edinburg, Scotland: Banner of Truth Publications, 1936), 56.
79. Tripp, Margy & Tedd. *Instructing a Child's Heart*. (Wapwollowpen, Pennsylvania: Shepherd Press, 1978), 79.
80. Tedd & Margy , 18.
81. Teddy & Margy, 37.
82. Ao, Takatenjen. *Raising Children's God 'Way in Children's at Risk*, eds. Jesudason, Jeyaraj, Chris Gnanakan, Thomas Swaroop, Prased Phillips. (Bangalore: ISPCK, 2009), 536.
83. Chapmen, Kathleen. *Teaching Kids Authentic Worship*. (Grand Rapids: Baker Books, 2003), 14.

84. D. Helm, Ralph. *Leading a Church School*. (Philadelphia: Fortress, 1968), 187.
85. R. Harold, Terry. *A New Look at Worship*, *Church School Worker* 13 (June 1963), 11.
86. Le Bar, 295.
87. Amstrong, Lance. *Children in Worship*. (Melbourne: JBCE 1988), 7.
88. Amstrong, 15.
89. E. Erikson. *Identity: Youth and Crisis*. (New Crisis. (New York: Norton), 9.
90. Anderson, Frances. *Adolescent Development in Nature that is Christian*, eds. James C. Wilhoit, John M. Dettoni, (Grand Rapids: Baker Books, 2002), 160.
91. S. Feinberg, John & D. Feinberg Paul. *Ethics for a Brave New World*. (Wheaton: Good News Publisher), 153.
92. R. Collins, Gary. *Christian Counseling Comprehensive Guide*. (Waco, Tex: Word, 1980), 380.
93. Knowles, Malcolm. *The Modern Practice of Education*. (Chicago: Follet, 1980), 44-45.
94. Cassivi, Dennis. *The Education of Adults: Maintaining a Legacy in Lifelong Learning* AO 5, 1995:8.
95. Pugh, Edwin. *Jesus the Master Teacher*. (Indiana USA: Author House, 2005), 6.
96. Wilson, Fred. *Adult Development in Nurture that is Christian*, eds. C. Wilhoit, J.M. Dettoni. (Grand Rapids: Baker House, 1995).
97. Robert J. Havighurst, 2.
98. Fred Wilson, 178.
99. D. Levinson. *A Theory of Life Structure: Development in Adulthood in Higher Stages of Human Development: Perspectives on Adult Development*, eds. C. Alexander & E. Langer. (New York: Oxford Press, 1991), 35-53.
100. Goldhaber, Dale. *Lifespan Human Development*. (New York: Harcourt Brace Jovanovich, 1986), 478.
101. K. Sloat, Ally. *Ministering to Senior Adults in Christian Educations Foundations for the Future*, eds. Robert E. Clark, Lin Johnson, and Ally K. Sloat. (Chicago: Moody Press), 297.
102. Gish, Dorothy. *The Aging Myths Needs Ministry*. (The Asbury Seminarian: 39:4, 1984), 30-39.